



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**SUMBANGAN LEPASAN SULTAN IDRIS TRAINING COLLEGE
(SITC) DALAM MEMBANGKITKAN SEMANGAT
NASIONALISME 1922-1957**

RAJA AHMAD SHALABY BIN RAJA HASSAN



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**TESIS DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH
IJAZAH DOKTOR FALSAFAH (SEJARAH)**

**FAKULTI SAINS KEMANUSIAAN
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2018



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk menilai sumbangan yang diberikan oleh guru dan lepasan *Sultan Idris Training College* (SITC) dalam membangkitkan semangat nasionalisme dari tahun 1922 hingga 1957. Lepasannya SITC memainkan peranan penting dalam membangkitkan semangat nasionalisme masyarakat Melayu sehingga negara mencapai kemerdekaan. Kaedah penyelidikan kajian ini adalah berbentuk kualitatif yang menggunakan rujukan daripada dokumen primer seperti laporan rasmi, surat-surat persendirian, memorandum dan rekod-rekod tinggalan kolonial yang diperolehi dari *The National Archives London*, Arkib Negara Malaysia dan Koleksi Arkib Perpustakaan Tuanku Bainun, Universiti Pendidikan Sultan Idris. Dapatan kajian ini membuktikan sistem pembelajaran, latihan di luar bilik darjah dan mata pelajaran yang diperkenalkan di SITC terutamanya Bahasa Melayu dan Tawarikh membantu pertumbuhan kesedaran nasionalisme Melayu. Di samping itu, institusi yang membantu pengajaran dan pembelajaran seperti Pejabat Karang Mengarang dan Khutub Khanah SITC memberi nilai tambah dalam proses melahirkan nasionalis Melayu. Penglibatan beberapa tokoh guru terawal dianggap sebagai penyemai benih nasionalisme kepada orang Melayu, manakala lepasannya SITC memainkan peranan penting dalam membangkitkan nasionalisme hasil daripada dedikasi mereka yang melahirkan ahli politik dan intelektual yang memfokuskan kegiatan dalam kerangka gerakan pada masa itu. Kesimpulannya, kekuatan yang ada pada SITC ini dapat membangkitkan semangat nasionalisme berbanding institusi lain. Implikasi kajian ini membolehkan pembaca mendapat gambaran sebenar tentang kebangkitan nasionalisme Melayu yang digerakkan oleh golongan pendidik dan menolong melahirkan generasi yang mempunyai semangat patriotisme yang tinggi untuk kemajuan negara.





THE CONTRIBUTIONS OF SULTAN IDRIS TRAINING COLLEGE (SITC) ALUMNI IN EROCATING THE SPIRIT OF NATIONALISM IN 1922-1957

ABSTRACT

This study examines the contributions of teachers and alumni of the Sultan Idris Training College (SITC) in erocating the spirit of nationalism from the year 1922 to 1957. SITC alumni contributed substantially and played major roles in erocating the spirit of nationalism until the state achieved independence. The study implementation qualitative research method which included official reports, personal letters, memorandums, and records from the colonial period obtained from The National Archives London, The National Archives Malaysia and the Tuanku Bainun Library Archive Collection, Universiti Pendidikan Sultan Idris. The results of the study showed that the system of learning, training outside the classrooms, and the subjects introduced in SITC especially *Bahasa Melayu* and History helped in increasing awareness of Malay nationalism. Furthermore, institutions that helped in teaching and learning such as *Pejabat Karang Mengarang* and *Khutub Khanah*, SITC provided an added value to the process of producing Malay nationalists. The involvement of several earlier prominent teacher figures were assumed to have instill the spirit of nationalism amongst the Malays whereas SITC alumni played an important role in evoking nationalism as a result of their dedication to producing politicians and intellectuals who were focused on activities within the framework of the movement at that time. In conclusion, SITC has successfully erocating the spirit of nationalism that where irreplaceable by any other. The implication of this study allows readers to get a true picture of the rise of Malay nationalism driven by educators and help produce generations with high patriotism for national progress.





KANDUNGAN

Muka Surat

PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
KANDUNGAN	vi
SENARAI JADUAL	xi
SENARAI SINGKATAN	xii
SENARAI LAMPIRAN	xiv



BAB 1 PENGENALAN

1.1	Pendahuluan	1
1.2	Pernyataan Masalah	4
1.3	Objektif Kajian	6
1.4	Kajian Lepas	7
1.5	Skop Kajian	19
1.6	Kaedah Kajian	20
1.7	Kepentingan Kajian	22
1.8	Istilah Nasionalisme dan Gerakan Nasionalisme Kiri	24



**BAB 2 PERKEMBANGAN PERGURUAN MELAYU**

2.1	Pendahuluan	33
2.2	Pendidikan Vernakular Melayu Sebelum 1922	35
2.3	Penubuhan Pusat Latihan Perguruan Melayu	
2.3.1	Maktab Perguruan Melayu Singapura	48
2.3.2	Sekolah Perguruan Melayu Taiping	50
2.3.3	Maktab Latihan Melaka	50
2.3.4	Maktab Perguruan Melayu Matang	54
2.3.5	Sekolah Perguruan Kota Bharu	56
2.3.6	Maktab Latihan Perempuan Melayu Melaka	57
2.4	Percambahan Nasionalisme Dalam Perguruan	59
2.5	Kesimpulan	62

BAB 3 SITC DAN NASIONALISME

3.1	Pendahuluan	65
3.2	Penubuhan SITC	
3.2.1	Organisasi	67
3.2.2	Pengambilan Penuntut	69
3.2.3	Pendudukan Jepun dan Zaman Darurat	71
3.2.4	F.M.S. Volunteer Force dan S.I. Company	81
3.3	Nasionalisme Melayu	84
3.4	Faktor-Faktor Kemunculan Nasionalisme	
3.4.1	Perkembangan Sistem Pendidikan	87



3.4.2	Kesedaran Orang Melayu	90
3.4.3	Dasar Penjajahan Barat	92
3.4.4	Kemunculan Golongan Intelektual	96
3.4.5	Kebangkitan Golongan Agama	99
3.4.6	Kegiatan Bahasa dan Kesusasteraan	101
3.4.7	Perkembangan Media Massa dan Bahan Cetak	109
3.4.8	Pengaruh Dari Indonesia	112
3.5	Kaum Tua dan Kaum Muda	115
3.6	Kesimpulan	121

BAB 4 PENTADBIR DAN PENDIDIK

4.1	Pendahuluan	123
4.2	Kekuatan SITC	
4.2.1	Kurikulum dan Kokurikulum	125
4.2.2	Pejabat Karang Mengarang	129
4.2.3	Khutub Khanah	133
4.2.4	Majalah Guru dan Chendera Mata	138
4.2.5	Kegiatan Luar Bilik Darjah	144
4.3	Tokoh Pentadbir	
4.3.1	Mohd Hashim Haji Talib	166
4.3.2	O.T. Dussek	169
4.3.3	Ahmad Murad Nasaruddin	186

4.4	Tokoh Pendidik	
4.4.1	Ahmad Bakhtiar	189
4.4.2	Abdul Hadi Haji Hassan	191
4.4.3	Buyong Adil	198
4.4.4	Muhamed Nor Ahmad	201
4.4.5	Hamzah Tajuddin	204
4.4.6	Harun Aminurrashid	210
4.4.7	Muhammad Yassin Maamor	215
4.4.8	Masuri Salikun	218
4.5	Kesimpulan	224

BAB 5 AHLI POLITIK DAN PEMIKIR

5.1	Pendahuluan	226
5.2	Ahli Politik	
5.2.1	Ibrahim Haji Yaacob	227
5.2.2	Mohd Diah Haji Abdul Rahman	236
5.2.3	Abdul Rahman Talib	239
5.2.4	Senu Abdul Rahman	244
5.2.5	Syed Nasir Ismail	250
5.2.6	Abdul Ghafar Baba	255
5.3	Tokoh Pemikir	
5.3.1	Zainal Abidin Ahmad (Za'ba)	261
5.3.2	Muhammad Yusof Ahmad	263

5.3.3	Zainal Abidin Mohd Ali	267
5.3.4	Aminuddin Baki	285
5.4	Kesimpulan	288
BAB 6	RUMUSAN	291
	RUJUKAN	303
	LAMPIRAN	318

SENARAI JADUAL

No. Jadual		Muka Surat
2.1	Jumlah Pengambilan Penuntut di Maktab Latihan Melaka Mengikut Tahun Sejak Ditubuhkan.	51
3.1	Jumlah Penuntut SITC Pada Tahun 1947 Mengikut Negeri.	72
4.1	Topik Perbahasan di SITC Pada Tahun 1946.	152
4.2	Topik Perbahasan di SITC Pada Tahun 1947.	152

**SENARAI SINGKATAN**

A.N.M.	Arkib Negara Malaysia
A.P.I.	Angkatan Pemuda Insaf
A.S.E.A.N.	<i>Association of Southeast Asian Nations</i>
A.W.A.S.	Angkatan Wanita Sedar
C.O.	<i>Colonial Office</i>
F.M.S.	<i>Federated Malay States</i>
F.M.S.V.F.	<i>Federated Malay States Volunteer Force</i>
I.N.C.	<i>India National Congress</i>
I.P.S.I.	Institut Perguruan Sultan Idris
K.L.M.	Kumpulan Latihan Maktab
K.M.M.	Kesatuan Melayu Muda
K.R.I.S.	Kesatuan Rakyat Indonesia Semenanjung
M.A.T.A.	Majlis Agama Tertinggi Se-Malaya
M.C.K.K.	<i>Malay College Kuala Kangsar</i>
M.L.M.M.	Maktab Latihan Melayu Melaka
M.P.M.M.	Maktab Perguruan Melayu Matang
M.P.N.	Muzium Pendidikan Nasional
M.P.S.I.	Maktab Perguruan Sultan Idris
M.T.C.	<i>Malacca Training College</i>
M.V.I.	<i>Malayan Volunteer Infantry</i>
M.W.T.C.	<i>Malay Womens Training College</i>





N.N.M.B. Negeri-Negeri Melayu Bersekutu

O.B.E. *Order of British Empire*

P.K.M. Pejabat Karang Mengarang

P.K.M.M. Parti Kebangsaan Melayu Malaya

P.N.I. Partai Nasional Indonesia

R.W.K. *Royal West Kent*

S.C. *Special Constable*

S.I. Coy *Sultan Idris Company*

S.I.T.C. *Sultan Idris Training College*

S.P.K.B. Sekolah Perguruan Kota Bharu



U.K.M. Universiti Kebangsaan Malaysia

U.M.N.O. *United Malays National Organisation*

U.N.E.S.C.O. *United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization*

U.P.M. Universiti Putra Malaysia

U.P.S.I. Universiti Pendidikan Sultan Idris



SENARAI LAMPIRAN

- A Guru-guru SITC Yang Pertama.
- B Penuntut Pertama SITC Yang Berkhatam Pada 31 Mac 1924.
- C Jumlah Penuntut SITC Yang Berkhatam Dari Tahun 1922 Hingga 1957.
- D Publications of the Malay Translation Bureau.
- E Gambar-gambar:
 - 1 Bangunan utama SITC dibina pada tahun 1919, dirasmikan pada 29.11.1922.
 - 2 Pemandangan dari atas, bangunan utama SITC pada tahun 1920-an.
 - 3 Kumpulan penuntut pertama SITC bersama guru terawal pada 1924.
 - 4 Guru-guru SITC sebelum pertukaran Che' Jaafar ke Kuala Lumpur pada 1.11.1924.
 - 5 Kakitangan SITC di hadapan pintu masuk Dewan Besar pada 1926.
 - 6 Guru-guru SITC pada Mac 1926.
 - 7 Anggota SITC-FMSVF pada tahun 1920-an.
 - 8 Pelajar SITC dari Singapura pada 1929.
 - 9 Translation Bureau, Sultan Idris Training College (SITC) pada 10.8.1929.
 - 10 Di kebun teh SITC, Tanjong Malim pada 28.10.1930.
 - 11 Kakitangan SITC pada tahun 1939.
 - 12 Abdul Ghafar Baba berdiri no. 3 dari kiri, selaku Bendahari Persatuan Sahabat Pena (PASPAM) SITC, 31.12.1948.



BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan



Latihan perguruan di Tanah Melayu dimulai dengan pengajaran pendidikan agama Islam yang telah berkembang di Asia Tenggara sejak abad ke-13 lagi. Pengajarannya tertumpu kepada kelas fardu ain dan fardu kifayah yang bergantung kepada kepakaran mualim atau tok-tok guru untuk mengajar hal-hal yang berkaitan dengan pelbagai ilmu dalam agama Islam. Setelah British menjajah Tanah Melayu pada abad ke-19, sistem pelajaran sekular diperkenalkan dengan tujuan untuk mengajar pula hal-hal kemahiran bagi tujuan sosial dan ekonomi, atau ilmu keduniaan seperti yang berkembang di Eropah pada zaman pertengahan. Pada permulaan pengenalan ilmu pengetahuan Barat di Tanah Melayu ini, tumpuan hanya kepada pengajaran dengan menggunakan bahasa Melayu dan bahasa Inggeris sahaja. Selepas itu, latihan perguruan menjadi lebih kompleks apabila sistem sekolah vernakular berkembang di Negeri-Negeri Selat dan Negeri-Negeri Melayu Bersekutu serta Negeri-Negeri





Melayu Tidak Bersekutu. Penjajah British akhirnya terpaksa mengakui bahawa latihan perguruan adalah penting untuk memastikan bahawa pelajaran Inggeris dan sekolah vernakular dapat berkembang. Pelajaran menjadi alat yang penting bagi penduduk Tanah Melayu untuk menerima dasar-dasar penjajah British yang berhasrat untuk menjadi pelindung kepada Negeri-Negeri Melayu.

Di Negeri-Negeri Melayu, pada permulaan pengenalan pelajaran Barat, tidak timbul masalah guru di sekolah-sekolah Inggeris, Cina dan Tamil kerana sekolah-sekolah ini mendapat khidmat guru daripada negara asal masing-masing. Bagi sekolah Inggeris, kemajuannya ternyata disebabkan guru-guru yang diambil dari Eropah mempunyai kelayakan untuk mengajar di Tanah Melayu. Namun kekurangan guru dirasakan apabila sekolah-sekolah itu terus berkembang. Jawatankuasa Woolley



1870¹ memperakukan bahawa sistem "guru pelatih" perlu diwujudkan sebagai satu cara untuk mengatasi masalah berkenaan. Umumnya pada waktu itu, sekolah-sekolah vernakular di Tanah Melayu amat memerlukan guru-guru terlatih. Namun disebabkan sikap penjajah British yang berhasrat untuk melambat-lambatkan kemajuan penduduk Tanah Melayu, maka pelbagai kelemahan telah berlaku dalam penyediaan latihan perguruan bagi sekolah-sekolah tersebut. Penjajah British percaya bahawa kemajuan pelajaran yang diperoleh oleh orang Melayu akan mempercepatkan kesedaran mereka untuk menuntut hak-hak mereka di tanah air mereka sendiri. Oleh yang demikian, tidak hairanlah pada abad ke-20, latihan perguruan hanya tertumpu kepada usaha untuk mengajar anak-anak Melayu menguasai kemahiran asas sahaja, iaitu membaca, menulis dan mengira.

¹ Jawatankuasa Wooley 1870, ditubuhkan untuk mengkaji kedudukan pelajaran di Negeri-Negeri Selat. Hasil kajian jawatankuasa ini menyedarkan Kerajaan British tentang keperluan latihan profesional kepada guru-guru untuk meningkatkan kemahiran. Antara lain jawatankuasa ini juga mencadangkan agar alternatif lain diambil untuk meningkatkan pendidikan seperti sistem "bekerja sambil belajar".





Sekolah vernakular Melayu terus berhadapan dengan masalah, khususnya tenaga guru sehinggalah Persekutuan Tanah Melayu mencapai kemerdekaan. Sistem pendidikan sesebuah negara biasanya mengalami perubahan sesuai dengan keperluan atau kehendak rakyat negara itu, begitu juga dengan latihan bagi guru-guru untuk keperluan sekolah. Oleh itu, maka tertubuhlah maktab-maktab perguruan di Tanah Melayu untuk melatih bakal-bakal guru.

Penubuhan Sultan Idris Training College for Malay Teachers (SITC) pada 29 November 1922 merupakan pahatan sejarah yang amat penting di Tanah Melayu. Masyarakat umum melihat tanggungjawab guru lepasan SITC adalah untuk mendidik anak bangsanya agar celik huruf dan dapat memohon pekerjaan. Namun tidak ramai yang tahu bahawa perjuangan mereka pada waktu itu khususnya pada zaman penjajahan adalah lebih daripada itu. Mereka sanggup menjalankan tugas sehingga di luar batas kerjaya perguruan, seperti berdamping dengan masyarakat yang sekali gus menjadi suara memajukan bangsanya walaupun menghadapi pelbagai kesukaran di bawah penjajahan British.

Kewujudan SITC amat penting tidak semata-mata dilihat dari segi memberi peluang kepada orang Melayu mendapatkan pendidikan yang lebih baik, tetapi yang lebih utama ialah penubuhannya menjadi asas kepada gerakan nasionalisme dan perjuangan orang Melayu. Penubuhan SITC melangkaui fungsi asalnya sebagai sebuah maktab untuk melatih bakal-bakal guru sekolah Melayu yang diharapkan dapat mengatasi masalah kekurangan guru terlatih di sekolah-sekolah Melayu. Ia juga dianggap sebagai suatu cetusan era yang menyemarakkan alam pemikiran dan pendidikan bangsa Melayu, kemudiannya memainkan peranan mengekalkan status



quo orang Melayu sebagai bangsa yang dominan di Tanah Melayu sehingga negara mencapai kemerdekaan.

Tokoh-tokoh guru dari SITC seperti Cikgu Mohd Hashim Haji Talib, Abdul Hadi Haji Hassan, Ahmad Abdullah (Ahmad Bakhtiar), Harun Mohd Amin (Harun Aminurrashid), Zainal Abidin Ahmad (Za'ba), Buyong Adil, Zainal Abidin Mohd Ali, Muhammad Yusof Ahmad, Mohd Nor Ahmad, Ibrahim Haji Yaacob, Abdullah Sidek, Muhammad Yasin Maamor, Ahmad Murad Nasaruddin, Abdul Rahman Talib, Senu Abdul Rahman, Syed Nasir Ismail, Abdul Ghafar Baba dan Aminuddin Baki adalah di antara guru atau 'Anak Kandung SITC',² yang dikatakan nasionalis Melayu, telah mewarnai dunia politik Tanah Melayu. Sejak itu, SITC terus unggul berbakti kepada bangsa dan negara. Ia disifatkan 'universiti' yang terkenal bagi melatih guru-guru Melayu. Pada tahun 1959, bagi memenuhi tuntutan Laporan Razak, SITC ditukarkan namanya kepada Maktab Perguruan Sultan Idris (MPSI).

1.2 Pernyataan Masalah

Kebanyakan penulisan yang dihasilkan mengenai SITC lebih menjerus kepada penulisan ringkas mengenai sejarah penubuhannya sahaja, manakala tentang jasa-jasa dan sumbangan guru mahupun lulusan maktab tersebut jarang diketengahkan. Malah

² Perkataan 'Anak Kandung' sudah sinonim dengan SITC dan digunakan secara meluas. Orang yang mula-mula memperkenalkan perkataan ini ialah O.T. Dussek, pengetua pertama SITC (1922-1936). Beliau menyebutnya pada tahun 1919, SITC sebagai "sebuah universiti anak negeri dalam kandungan". Daripada kata-kata itu, maka lahirlah perkataan "Ibu Kandung" yang merujuk kepada Sultan Idris Training College. Apabila ada "Ibu Kandung", maka lahirlah "Anak Kandung" yang merujuk kepada guru-guru dan pelajar-pelajar SITC.



penulisan yang mengandungi fakta yang sama dan cerita yang serupa berulang kali dipetik dan disebut secara umum sahaja tanpa dibuktikan dengan sumber yang sahih dan tepat. Ini juga menimbulkan tanda tanya dari mana pula fakta itu diperolehi. Di samping itu terdapat juga ramai penulis ataupun pembaca yang keliru di antara guru SITC dengan lepasan SITC kerana kekurangan sumber-sumber yang menjelaskan perkara tersebut secara kemas dan terperinci.

Persoalan utama yang ingin dijawab dalam kajian ini ialah untuk menilai sejauh mana sumbangan lepasan SITC dalam membangkitkan semangat nasionalisme dan perjuangan orang Melayu menuntut kemerdekaan pada tahun 1957. SITC melahirkan ramai tokoh nasionalis Melayu sama ada terdiri daripada guru-guru awal SITC yang dibawa masuk dari Maktab Latihan Melaka (Malacca Training College – MTC) dan Maktab Perguruan Melayu Matang (MPMM) ataupun dalam kalangan anak-anak murid lepasan SITC di Tanjong Malim yang kemudiannya menjadi guru dan berkecimpung dalam bidang politik. Kesedaran politik dalam kalangan lepasan SITC begitu memuncak. Ini ditambah lagi dengan kehadiran beberapa orang tokoh dari Indonesia, yang kemudian mempengaruhi corak perjuangan orang Melayu di kota-kota dan juga desa.

Sejak ditubuhkan pada tahun 1922 hasil cadangan R.O. Winstedt, SITC telah melalui dua zaman iaitu zaman kolonial selama 35 tahun (1922-1957) dan pasca merdeka selama 60 tahun (1957-2017). Pada zaman kolonial selama 35 tahun itulah lahirnya ramai tokoh-tokoh besar anak kandung berjiwa nasionalis yang bergiat dalam pelbagai bidang seperti perguruan, pentadbiran, bahasa dan sastera, dan ramai yang





berkecimpung dalam bidang politik. Sumbangan dan jasa besar mereka ini akan didedahkan dan diperincikan dalam kajian ini.

1.3 Objektif Kajian

Penyelidik berusaha mencapai objektif iaitu untuk membincangkan tujuan asal penubuhan SITC di Tanjong Malim, Perak dan siapa orang-orang yang bertanggungjawab dan memainkan peranan penting dalam penubuhan serta menaikkan nama SITC menjadi institusi pendidikan yang ternama. Mengapa pekan Tanjong Malim dipilih sebagai tapak untuk membina institusi ini, walaupun terdapat nama tempat lain yang disebut oleh R.O. Winstedt pada peringkat awalnya.



Paling penting penyelidik akan menilai sistem pengajaran dan pembelajaran, serta kurikulum dan kokurikulum yang diajar di SITC pada waktu itu yang dikatakan dapat melahirkan ramai tokoh nasionalis yang berwibawa dan berpengaruh. Tokoh-tokoh ini kemudiannya berkhidmat dalam pelbagai bidang yang diceburi di serata pelusuk negara, tetapi pada masa yang sama berjuang untuk menyelamatkan rakyat marhean daripada belenggu penjajahan dengan berusaha memperoleh pemerintahan sendiri.

Pembaca akan dapat menilai sama ada tokoh-tokoh ini menunjukkan kesungguhan menanamkan semangat nasionalisme dan membantu kebangkitan golongan nasionalis, atau hanya sekadar mengajar sebagai satu kerjaya yang dipertanggungjawabkan setelah tamat pengajian dan menerima gaji bulanan. Melalui





kajian ini akan dapat dikenal pasti siapa guru dan lepasan SITC dan apakah peranan mereka semasa menjadi penuntut ataupun semasa mereka masih berkhidmat dalam negara. Seterusnya penyelidik menilai kejayaan guru dan lepasan SITC dalam perjuangan menuntut kemerdekaan dan didokumenkan untuk kajian pada masa akan datang.

1.4 Kajian Lepas

Penulisan yang menyentuh tentang sumbangan guru dan lepasan SITC atau disebut ‘Anak Kandung Suluh Budiman’ merupakan suatu kajian yang jarang diketengahkan oleh penyelidik. Justeru itu, tidak terdapat kajian lampau yang menyentuh secara khusus dan mendalam tentang perkara ini, apatah lagi tentang lepasan SITC serta guru-guru yang sebenarnya berpolitik dan berjuang menanam semangat kebangsaan bertujuan membebaskan negara daripada penjajahan British. Kebanyakan penulisan tentang SITC ditulis oleh Anak Kandung SITC sendiri yang termuat dalam dalam majalah *Chendera Mata*,³ iaitu majalah rasmi SITC yang diterbitkan seawal tahun 1923 dalam tulisan jawi. Penerbitan majalah ini terhenti pada tahun 1942 hingga 1946 akibat Perang Dunia Kedua, kemudian disambung semula penerbitannya pada tahun 1947 sehingga 1996 apabila Institut Perguruan Sultan Idris (IPSI) dinaik taraf kepada Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) pada tahun 1997. Dalam tahun 1957 hingga 1986, walaupun nama SITC ditukar kepada Maktab Perguruan Sultan Idris (MPSI), namun penerbitan majalah ini tetap diteruskan dalam bentuk tulisan rumi. Begitu juga

³ Majalah ini mengandungi segala aktiviti dan hal ehwal mengenai SITC serta rencana-rencana yang ditulis oleh penuntutnya seperti puisi, nasihat dan panduan pembelajaran.





di antara tahun 1987 hingga 1996 apabila MPSI dinaik taraf kepada IPSI, pengeluaran majalah disambung kembali tetapi ejaannya ditukar menjadi “*Cenderamata*”.

Penulisan tentang hal ehwal negara dan SITC yang ditulis oleh Anak Kandung juga banyak terdapat dalam buku cenderamata keluaran khas sempena sambutan ulang tahun seperti *Cendera Mata Merdeka*,⁴ *Cenderamata Keluaran Jubilee Emas*,⁵ *Cenderamata Merayakan 40 Tahun MPSI*,⁶ *Cenderamata Jubli Emas SITC/MPSI*,⁷ *Cenderamata Kenangan: Perayaan Jubli Intan SITC/MPSI 1922-1982*,⁸ dan *Cenderamata Perayaan 70 Tahun SITC/MPSI/IPSI 1922-1992*.⁹

Kebanyakan kajian tentang SITC yang ditemui lebih cenderung memperkatakan tentang sejarah *alma mater* berkenaan, iaitu SITC-UPSI secara umum seperti mana yang terkandung dalam buku berjudul *SITC-UPSI Pelopor Pendidikan Bangsa*.¹⁰ Buku tulisan Sidang Pengarang yang terdiri daripada pensyarah-pensyarah UPSI ini memperlihatkan hampir keseluruhan kandungannya membicarakan sejarah perkembangan SITC sehingga dinaik taraf menjadi UPSI. Topik utama yang diketengahkan ialah pemerihalan UPSI sebagai kesinambungan daripada perjuangan pendidikan bangsa Melayu semasa era SITC. Di samping itu, ia turut memuatkan

⁴ Keluaran Ogos 1957 sempena menyambut kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu. Sidang Pengarang ialah Aminuddin Baki, Abdul Razak Abdul Hamid dan Othman Omar. Diterbitkan oleh Persatuan Bahasa Melayu, MPSI.

⁵ Diterbitkan sempena Perayaan Jubli Emas (35 tahun) SITC/MPSI, Bil. 50, Dis. 1958.

⁶ Diterbitkan sempena Perayaan 40 Tahun MPSI yang disambut pada 4-6 Ogos 1962 di Tanjung Malim, Perak. Perayaan ini dirasmikan oleh Menteri Pelajaran Encik Abdul Rahman Talib.

⁷ Diterbitkan sempena Perayaan Jubli Emas SITC/MPSI (50 tahun) yang dirasmikan oleh Perdana Menteri Malaysia, Tun Haji Abdul Razak bin Hussein pada 20 Julai 1973 di Tanjung Malim, Perak.

⁸ Diterbitkan sempena sambutan Perayaan Jubli Intan SITC/MPSI 1922-1982 (60 tahun), diadakan pada 31 Julai hingga 2 Ogos 1983. Perayaan ini dirasmikan oleh Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad pada 1 Ogos 1983 serentak dengan perasmian Konvensyen Pendidikan VIII yang diadakan di Tanjung Malim, Perak.

⁹ Diterbitkan sempena sambutan Perayaan 70 Tahun SITC/MPSI/IPSI 1922-1992, Bil. 80, 1993.

¹⁰ Buku ini tulisan Sidang Pengarang UPSI yang diketuai oleh Abu Bakar Nordin [et al.], *SITC-UPSI Pelopor Pendidikan Bangsa*, Selangor: Addison Wesley Longman Malaysia, 2000. Merupakan buku *coffee table* UPSI yang pertama setelah universiti ini ditubuhkan pada 1997.





sejarah penubuhan SITC dengan pemilihan Tanjong Malim sebagai tapak pembinaan institusi pendidikan ini. Turut dimuatkan dalam buku ini ialah falsafah, visi dan misi UPSI serta gambar-gambar lama SITC.

Kecenderungan memperkatakan tentang sejarah SITC turut termuat dalam buku yang berjudul *Meniti Zaman: SITC-MPSI-IPSI-UPSI*,¹¹ hasil tulisan Abu Bakar Nordin, Mohd Nazari Abdul Hamid dan Radzuan Abdul Kadir. Namun, pendedahan dalam buku ini secara umum sahaja tanpa analisis yang mendalam atau terperinci. Buku ini banyak menonjolkan UPSI sebagai institusi gah kerana mewarisi sejarah kegemilangan SITC. Pada pandangan penyelidik, buku bergambar ini tidak lebih daripada buku yang mempamerkan gambar-gambar sejarah SITC sehingga menjadi UPSI, dan ia tidak lengkap dan tidak bercorak kajian akademik. Buku ini ialah buku



mewah atau buku 'coffee table' yang dihiasi dengan gambar-gambar beserta penerangan ringkas sahaja.

Dalam buku *Aspirasi Kebitaraan: Ibu Kandung Suluh Budiman*,¹² juga buku berbentuk 'coffee table' yang diterbitkan sempena 80 tahun penubuhan SITC, ditulis oleh Sidang Pengarang yang terdiri daripada kakitangan UPSI. Buku mewah ini menyentuh secara umum tentang peristiwa-peristiwa penting sepanjang 80 tahun SITC ditubuhkan. Bab dalam buku ini dibahagikan mengikut era SITC hingga ke era UPSI dan memuatkan gambar-gambar penuntut dan bangunan-bangunan sejarah yang menjadi kebanggaan UPSI, di samping tokoh-tokoh pentadbir utama SITC. Tajuk-

¹¹ Merupakan buku *coffee table* UPSI kedua tulisan Abu Bakar Nordin, Mohd Nazari Abdul Hamid dan Radzuan Abdul Kadir, *Meniti Zaman SITC-MPSI-IPSI-UPSI*, Kuala Lumpur: Pustaka Antara Books Sdn. Bhd., 2001.

¹² Mohd. Zuber Zain [et al.], *Aspirasi Kebitaraan Ibu Kandung Suluh Budiman*, Tanjong Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris, 2003.





tajuk kecilnya pula menyatakan secara umum tentang peristiwa yang berlaku sepanjang penubuhan UPSI untuk menunjukkan bahawa UPSI sebenarnya mewarisi kegemilangan SITC, Maktab Perguruan Sultan Idris (MPSI) dan Institut Perguruan Sultan Idris (IPSI). Buku ini sesuai dijadikan hadiah kepada agensi-agensi kerajaan atau wakil-wakil mereka yang datang melawat UPSI kemudiannya.

Secara umumnya, buku-buku yang dijumpai setakat ini banyak membicarakan tentang sejarah SITC sebagai institusi pendidikan terkenal dalam negara suatu ketika dahulu. Tema sebegini juga banyak disentuh oleh penulis-penulis atau pengkaji-pengkaji yang membuat penyelidikan berkenaan dengan perkembangan sistem pendidikan di negara kita seperti Awang Had Salleh dalam bukunya berjudul *Pelajaran dan Perguruan Melayu di Malaya Zaman British*.¹³ Buku terbitan Dewan



Bahasa dan Pustaka yang dicetak kali pertama pada tahun 1974 ini banyak mendedahkan sejarah perkembangan pelajaran Melayu di SITC yang menjadi pelopor kepada perkembangan pendidikan vernakular Melayu. Pengarang juga telah memaparkan sedikit sebanyak tentang sejarah penubuhan SITC, kurikulum SITC, Pejabat Karang Mengarang dan aktiviti-aktiviti pelajar semasa menuntut di SITC. Ia secara tidak langsung membicarakan peranan yang dimainkan oleh guru-gurunya yang merupakan kumpulan berpendidikan terawal yang berusaha menyemai bibit-bibit nasionalisme kepada penuntutnya.

Terdapat satu disertasi di peringkat sarjana muda di Jabatan Sejarah, FSKK, UKM yang ditulis oleh Saiful Maslul bin Zainal Abidin berjudul 'Maktab Perguruan

¹³ Awang Had Salleh, *Pelajaran dan Perguruan Melayu di Malaya Zaman British*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1974.





Sultan Idris 1922-1987'.¹⁴ Disertasi ini membincangkan perkembangan pendidikan di Tanah Melayu sebelum penubuhan MPSI, seterusnya berkenaan kurikulum, Pejabat Karang Mengarang dan kemudahan yang terdapat di MPSI. Walaupun Saiful Maslul turut menyentuh semangat nasionalisme yang terdapat di MPSI, tetapi disertasi ini tidak begitu komprehensif dan kekurangan sumber rujukan primer kerana banyak menggunakan sumber buku sebagai rujukan. Sementara itu bahan arkib utama iaitu buku catatan dan rekod-rekod di zaman SITC yang masih tersimpan di Arkib Negara Malaysia dan Arkib Universiti, Perpustakaan Tuanku Bainun UPSI yang mewarisi peninggalan dari zaman SITC lagi tidak dirujuk. Disertasi ini tidak membincangkan faktor-faktor yang menyebabkan semangat nasionalisme itu muncul dan sumbangan lepasan SITC secara lebih detail dalam membangkitkan semangat nasionalisme dalam kalangan orang Melayu pada waktu itu. Perbincangan disertasi ini lebih memberi tumpuan kepada institusi pendidikan itu sendiri iaitu MPSI.



Kajian oleh Zali Abu Bakar dari Fakultas Sastera, Universitas Indonesia 1992 yang menulis tesis peringkat Sarjana Sastera berjudul 'SITC Antara Pendidikan dan Semangat Nasionalisme Melayu 1922-1945'.¹⁵ Penulisnya ada membincangkan mengenai perkembangan SITC dan semangat nasionalisme dalam bab empat tesis tersebut. Kajian Zali mengenai SITC terhad dalam skop masa di antara 1922 hingga 1945 sahaja sedangkan semangat nasionalisme berkembang pesat pada tahun 1940-an sehinggalah Tanah Melayu merdeka pada 1957. Dalam masa 10 tahun terakhir sebelum merdeka itulah yang banyak mempengaruhi suasana politik menyebabkan berlaku ketegangan di antara aktor-aktor politik di Malaya ketika itu. Kajian Zali juga

¹⁴ Saiful Maslul bin Zainal Abidin, "Maktab Perguruan Sultan Idris 1922-1987", latihan ilmiah Jabatan Sejarah, Fakulti Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 1997.

¹⁵ Zali bin Abu Bakar, "Sultan Idris Training College: Antara Pendidikan dan Semangat Nasionalisme Melayu (1922-1945)", tesis Sarjana Sastera, Universiti Indonesia, Jakarta, 1992.



tidak menjelaskan faktor-faktor munculnya semangat nasionalisme di SITC, manakala tokoh-tokoh yang memperjuangkan nasionalisme tidak diberi penekanan tentang kegiatan dan sumbangan mereka.

Zali juga cuba mengaitkan gerakan kebangsaan pelajar SITC dengan tokoh-tokoh kiri Indonesia yang melarikan diri ke Tanah Melayu dan Singapura selepas Pemberontakan Silukang 1926 seperti Djameluddin Tamin, Tan Malaka, Alimin, Nata Zainuddin, Sultan Djanain, Haji Burhan Djamil dan Muchtar Lutfi.¹⁶ Menurutnya, beberapa pemimpin itu sering datang ke SITC Tanjong Malim terutamanya Djameluddin Tamin dan Sultan Djanain yang akhirnya menetap di Tanah Melayu tetapi tiada rujukan atau bukti dikemukakan. Penuntut-penuntut SITC juga tidak terpengaruh dengan ‘gerakan kiri’ yang cuba disebarkan oleh mereka.

Dalam satu kajian lain oleh William R. Roff, bukunya *The Origins of Malay Nationalism*,¹⁷ ada membincangkan tentang perkembangan orang Melayu dan hubungannya dengan British pada pertengahan abad ke-19, reaksi Kaum Muda dan Kaum Tua serta Angkatan Intelek Bumiputera. Kajiannya juga turut memuatkan kemajuan pelajaran anak negeri dan Maktab Latihan Sultan Idris iaitu SITC, di samping menyentuh tentang peranan surat-surat khabar tempatan. Turut dimuatkan ialah tentang persatuan sukarela yang ditubuhkan serta kemajuan politik Melayu. Namun kajian ini tidak menyentuh secara langsung tentang peranan yang dimainkan oleh lepasan SITC dan guru-gurunya dalam politik Tanah Melayu. Hanya sedikit sahaja daripada bab lima yang membincangkan tentang perkembangan Angkatan

¹⁶ *Ibid*, h. 155-156.

¹⁷ William R. Roff, *The Origins of Malay Nationalism*, 2nd ed., Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 1980, h. 141-185.

Intelek Bumiputera dan peranan kaum guru dalam mendidik anak bangsa. Ia lebih tertumpu kepada perbincangan bagaimana nasionalisme Melayu muncul dan hubungannya dengan pihak British. Buku ini diulang cetak pada 1994 tanpa sebarang pindaan. Di seberang laut memang buku ini antara yang paling terkenal, manakala para sarjana Asia sendiri berasa yakin terhadap tulisan orang Barat.

Kajian ilmiah berjudul *Persatuan Suluh Budiman: Kesenambungan Perjuangan Alumni SITC*¹⁸ oleh Junaidah binti Abdul Rashid, membincangkan secara langsung tentang SITC, tetapi fokusnya lebih kepada persatuan bekas-bekas pelajar zaman SITC/MPSI yang dikenali sebagai Persatuan Suluh Budiman. Tujuan penubuhan dan peranan persatuan ini banyak memberi faedah kepada bekas-bekas pelajar tersebut yang saban tahun menganjurkan Kongres Pendidikan Kebangsaan atau KONPEN. Kajian berbentuk ilmiah ini tidak menyentuh tentang objektif yang ingin dicapai oleh penulis tetapi memberi banyak maklumat tentang persatuan-persatuan dan kokurikulum di SITC.

Satu lagi kajian akademik oleh Ishak bin Saat terbitan Universiti Sains Malaysia, berjudul *Radikalisme Melayu Perak 1945-1970*,¹⁹ mendedahkan sumbangan dan perjuangan tokoh-tokoh dari Perak seperti Ustaz Abu Bakar Al-Baqir, Dr. Burhanuddin Al-Helmy, Ahmad Boestamam, Abdul Majid Salleh, Rashid Maidin, Abdullah C.D., Musa Ahmad, Ibrahim Singgeh dan Mohd Yusof Ayob yang mempelopori perjuangan menentang penjajah British. Pengkaji ini ada menyentuh tentang pusat gerakan nasionalisme ketika itu yang bertempat di SITC Tanjung Malim

¹⁸ Junaidah Abdul Rashid, "Persatuan Suluh Budiman: Kesenambungan Perjuangan Alumni SITC". Tesis sarjana Jabatan Sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2004.

¹⁹ Ishak Saat, *Radikalisme Melayu Perak 1945-1970*, Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia, 2011.



dan Maahad II Ihya As-Sharif yang amat penting kerana melahirkan tokoh-tokoh radikal Melayu. Namun kajian ini tidak memfokus kepada SITC, hanya diceritakan sepintas lalu dalam bab ke-2, Latar Belakang Kebangkitan Rakyat dan bab ke-5, Strategi dan Pendekatan Golongan Radikal.

Dalam buku *Memoir Shaharom Husain: Selingkar Kenangan Abadi*,²⁰ oleh Shaharom Husain diterbitkan oleh Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, tahun 1996 banyak mendedahkan tentang pengalaman penulis semasa menuntut di SITC pada tahun 1938 hingga 1940, dan mengajar di SITC pada tahun 1946 hingga 1951. Buku ini mengetengahkan perkara-perkara yang meninggalkan nostalgia seperti persahabatannya dengan pemerintah Jepun, minatnya terhadap sejarah dan mengarang buku sejarah, kegiatan bidang-bidang kebudayaan, bahasa dan sastera serta tugasnya sebagai guru. Umumnya, buku ini banyak memberi faedah untuk kita mengetahui suasana dan peristiwa-peristiwa penting yang berlaku di SITC dalam era 1930-an, 1940-an dan 1950-an. Ini kerana penulisnya seorang guru yang berpengalaman dan lama mengenali dan sangat menyintai SITC.

Perjuangan Orang Melayu Menentang Penjajahan Abad 15-19,²¹ oleh Buyong Adil, sedikit sebanyak mendedahkan tentang perjuangan orang Melayu melawan penjajah. Buku sejarah ini tidak memfokuskan kepada SITC ataupun gurugurunya, tetapi lebih kepada penentangan awal orang Melayu terhadap Portugis, Belanda dan British. Namun dalam bab 'Gerakan Kebangsaan Melayu Menentang Penjajahan British' banyak membantu dalam memberi pemahaman tentang gerakan

²⁰ Shaharom Husain, *Memoir Shaharom Husain: Selingkar Kenangan Abadi*, Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 1996.

²¹ Buyong Adil, *Perjuangan Orang Melayu Menentang Penjajahan Abad 15-19*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1985.



nasionalisme Melayu, terutamanya yang dipelopori oleh Ibrahim Haji Yaacob, seorang bekas penuntut SITC pada tahun 1928 hingga 1931.

Kajian oleh Byungkuk Soh berjudul *Ideals Without Heat: Indonesia Raya and Struggle for Independence in Malaya, 1920-1948*,²² ada menyentuh sedikit tentang sumbangan tokoh SITC dalam perjuangan kebangsaan Melayu Raya atau Indonesia Raya. Kajian yang dimuatkan di dalam jurnal ini lebih menumpukan kepada sumbangan oleh Anak Kandung SITC, Ibrahim Haji Yaacob dan rakan-rakan yang seangkatan dengannya seperti Hassan Manan, Mohd Isa Mahmud, Abdul Karim Rashid, Ahmad Boestamam dan Harun Aminurrashid. Kajian ini juga menyentuh tentang penubuhan Kesatuan Melayu Muda (KMM) yang menjadi wadah perjuangan golongan muda Melayu menentang penjajahan British dan berbaik-baik dengan pihak

Dalam buku *The Seeds of Separatism: Educational Policy in Malaya 1874-1940*,²³ Philip Loh Fook Seng mengaitkan dasar perlindungan politik melalui pendidikan memberi kesan buruk kepada pembangunan masyarakat Melayu. Dengan memastikan semua anak Melayu mendapat pendidikan vernakular Melayu, British menghadkan peningkatan orang Melayu dalam pendidikan Inggeris, iaitu sistem pendidikan yang bercorak sekular. Buku kajian mengenai sejarah pendidikan ini banyak menyentuh tentang empat sistem pendidikan di Malaya meliputi pendidikan Melayu, Inggeris, Cina dan India dari tahun 1874 hingga 1920 pada bahagian pertama. Pada bahagian kedua pula pengarang mengulas mengenai politik dan dasar

²² Byungkuk Soh, "Ideals Without Heat: Indonesia Raya and the Struggle for Independence in Malaya, 1920-1948" dalam *Wacana*, No. 7, Vol. 1, April 2005 (1-28).

²³ Philip Loh Fook Seng, *Seeds of Separatism: Educational Policy in Malaya, 1874-1940*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1975.



pendidikan dari tahun 1920 hingga 1940. Mengikut pengarangnya, dasar-dasar pendidikan British di Tanah Melayu yang banyak memberi kelebihan kepada pentadbiran British itu sendiri dengan mendirikan sekolah-sekolah vernakular Melayu. Penubuhan MCKK dan SITC yang menjadi institusi pendidikan penting dalam pentadbiran British kepada anak-anak Melayu di bandar dan luar bandar.

Khasnor Johan yang merupakan seorang pengkaji bidang pendidikan di zaman British telah menulis dua buah buku yang dianggap penting iaitu *The Emergence of the Modern Malay Administrative Elite*²⁴ dan *Educating The Malay Elite: The Malay College Kuala Kangsar, 1905-1941*²⁵ Kedua-dua buku ini menyentuh berkenaan bidang pendidikan di Tanah Melayu dan tokoh pendidikan Melayu khususnya di zaman British, tetapi tidak ada perbincangan langsung mengenai SITC mahupun



Dalam buku *A History of Malaysia*²⁶ oleh Barbara Watson Andaya dan Leonard Y. Andaya ada menyentuh mengenai pendidikan di Malaya di bawah kerajaan kolonial British. Penulis buku tersebut memberi huraian mengenai lepasan SITC yang akan disalurkan ke sekolah-sekolah Melayu di kampung-kampung setelah tamat pengajian dan untuk berkhidmat dengan kerajaan British di Tanah Melayu.

Andaya juga menimbulkan pihak British sangat terkesan dengan perubahan sikap masyarakat Melayu. Selepas pendudukan Jepun orang Melayu telah sedar

²⁴ Khasnor Johan, *The Emergence of the Modern Malay Administrative Elite*, Singapore: Oxford University Press, 1984.

²⁵ Khasnor Johan, *Educating the Malay Elite: The Malay College Kuala Kangsar, 1905-1941*, Kuala Lumpur: Pustaka Antara Sdn. Bhd., 1996.

²⁶ Barbara Watson Andaya and Leonard Y. Andaya, *A History of Malaysia*, London: Macmillan, 1982.





bahawa pihak British tidaklah sekuat yang disangka, ditambah pula oleh semangat untuk merdeka yang bertiup kencang dari Indonesia. Di atas kesedaran inilah, orang Melayu telah bangun bersama-sama untuk menentang cadangan pihak British. Tindakan yang teratur telah dilancarkan melalui pertubuhan termasuk kesatuan guru dan parti-parti politik Melayu. Sehingga tahun 1919, Semenanjung Tanah Melayu telah melihat perubahan-perubahan yang begitu pesat dalam bidang pendidikan dan sosio ekonominya. Istilah 'British Malaya' mula digunakan, sebab sesungguhnya Malaya telah menjadi 'British' dalam erti kata matlamat sosial dan ekonominya.

Sejarah Malaysia yang ditulis Andaya adalah secara menyeluruh, termasuklah tentang perkembangan pendidikan, sosio ekonomi dan politik di Tanah Melayu tetapi yang menyentuh berkenaan dengan institusi pendidikan SITC sangat sedikit kerana bukan menjadi tumpuan kajiannya. Buku ini amat penting untuk memahami latar belakang dan sejarah Malaysia sebelum mencapai kemerdekaan.

Dalam kajian Soda Naoki yang berjudul "The Malay World in Textbooks: The Transmission of Colonial Knowledge in British Malaya" dalam *Journal of Southeast Asian Studies*,²⁷ mendedahkan peranan yang dimainkan oleh guru-guru yang menghasilkan buku-buku bahasa dan sejarah seperti Abdul Hadi Haji Hassan, Zainal Abidin Ahmad (Za'ba), R.J. Wilkinson dan R.O. Winstedt yang banyak menyumbang kepada kemajuan bangsa Melayu sehingga lahir cendekiawan-cendekiawan Melayu yang menyumbang kepada penentangan terhadap kolonial British. Tokoh-tokoh ini sebenarnya mempunyai kaitan dengan SITC, sama ada sebagai pembuat dasar, sebagai guru ataupun sebagai guru pelatih.

²⁷ Soda Naoki, "The Malay World in Textbooks: The Transmission of Colonial Knowledge in British Malaya" dalam *Journal of Southeast Asian Studies*, Vol. 39, No. 2, Sept. 2001.





Satu lagi kajian Soda Naoki berjudul “Indigenizing Colonial Knowledge: The Formation of Malay Identity in British Malaya”, iaitu tesis PhD beliau di Graduate School of Asian and African Area Studies, Kyoto University, 2008. Soda Naoki fokuskan kajiannya tentang pembentukan identiti Melayu ke dalam minda penuntut-penuntut SITC seperti Ibrahim Haji Yaacob dan rakan-rakannya sehingga melahirkan gagasan ‘Melayu Raya’. Soda berpendapat bahawa Ibrahim menggunakan pengaruh luar dan mengeksploitasi sejarah bangsa Melayu yang terjajah untuk mempengaruhi rakyat. Ibrahim juga mengelaskan sejarah bangsa Melayu kepada empat peringkat iaitu ‘Primitive’, ‘Hindu-Buddhist’, ‘Islamic’ dan ‘Colonial’. Di zaman ‘Colonial’ inilah orang Melayu mesti bangkit menamatkan penjajahan British.

Tumpuan perbincangan Soda terhadap peranan yang dimainkan oleh Ibrahim Haji Yaacob memang menarik perhatian para pengkaji lain kerana beliau adalah sarjana luar yang membicarakan sejarah dan identiti Melayu. Namun, perkara yang sama telahpun disentuh oleh William R. Roff dalam buku *The Origins of Malay Nationalism*.

Secara umumnya, kesemua kajian dan buku-buku yang berkaitan dengan SITC ialah menyentuh tentang institusi SITC dan jabatan yang terkandung di dalamnya seperti Pejabat Karang Mengarang, serta sumbangan tokoh-tokoh terkenalnya seperti Abdul Hadi Haji Hassan, Ibrahim Haji Yaacob dan Za’ba, namun tokoh-tokoh lain kurang mendapat perhatian daripada pengkaji. Ramai pengkaji atau penulis yang menulis tentang SITC ini sebagai pusat yang melahirkan pejuang nasionalisme Melayu tetapi pembuktiannya masih samar dan tidak begitu mendalam. Kebanyakan pengkaji memetik kata-kata atau pendapat daripada penulis lain yang sudah diterima





umum tetapi tidak menampilkan bukti yang kukuh dan menyakinkan. Oleh itu, satu kajian tentang penglibatan lulusan SITC yang kebanyakannya menjadi guru pada peringkat awalnya sebelum berkecimpung dalam bidang-bidang lain dalam membangkitkan semangat nasionalisme sebelum merdeka sangat relevan untuk diketengahkan.

1.5 Skop Kajian

Penyelidik akan menjalankan kajian berdasarkan skop tajuk sumbangan lepasan SITC dari tahun 1922 hingga 1957. Sumbangan bermaksud peranan dan jasa-jasa yang telah mereka lakukan semasa hayat. Tempoh kajian ialah selama 35 tahun. Peranan SITC itu sendiri dan lepasannya yang dianggap sebagai ‘nasionalis Melayu’ dalam perjuangan mereka menuntut kemerdekaan timbul sejak dari tahun 1930-an lagi. Seperti yang disebutkan sebelum ini, SITC ditubuhkan pada 29 November 1922, bertujuan untuk melatih guru-guru Melayu untuk ditempatkan di sekolah-sekolah Melayu. Oleh itu, tahun 1922 menandakan detik bersejarah bagi orang Melayu kerana merupakan titik tolak dalam perkembangan perguruan dan pendidikan vernakular Melayu serta melahirkan pejuang-pejuang nasionalis Melayu tulen sehinggalah negara mencapai kemerdekaan pada 31 Ogos 1957.

Dalam konteks skop kajian ini, lepasan SITC yang dimaksudkan ialah mereka yang terdiri daripada tokoh-tokoh yang belajar atau berkhidmat di SITC, ataupun yang mempunyai kaitan dengan SITC, sama ada sebagai pentadbir dan pendidik





ataupun sebagai ahli politik dan pemikir, yang merupakan ‘Anak Kandung Suluh Budiman’ di SITC.

1.6 Kaedah Kajian

Kajian ini merupakan kajian sejarah, tekstual dan turut memuatkan aspek penganalisaan kerana pendekatan utamanya ialah sejarah. Empat kaedah asas kajian kualitatif digunakan iaitu secara pemerhatian, penyelidikan, perbandingan dan penilaian dalam menganalisa dokumen dan fakta-fakta yang dijumpai. Penyelidik akan membuktikan fakta-fakta yang diperoleh sama ada melalui sumber-sumber perpustakaan, kajian luar, temu bual atau wawancara, penyelidikan, analisis dan penafsiran adalah tepat serta diyakini kesahihannya. Pendekatan kronologikal akan digunakan untuk memberi pemahaman tentang urutan sesuatu peristiwa sejarah.

Oleh kerana tajuk kajian ini mewakili zaman kolonial British, penyelidik menggunakan sumber primer sebagai rujukan yang menunjangi penulisan kajian ini. Sumber-sumber arkib seperti fail-fail, dokumen-dokumen, rekod-rekod dan surat-surat perjanjian atau persendirian dari Pejabat Tanah Jajahan (Colonial Office),²⁸ Straits Settlements (S.S.)²⁹ dan Federated Malay States (F.M.S.)³⁰ digunakan supaya lebih absah dan menepati kehendak tajuk kajian ini. Di samping itu, terdapat juga

²⁸ Dokumen Colonial Office (CO) adalah dokumen pentadbiran Pejabat Tanah dan Jajahan British di Malaya pada zaman kolonial yang boleh didapati di Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur.

²⁹ Dokumen pentadbiran British di Negeri-Negeri Selat dan masih banyak tersimpan di Arkib Negara Malaysia. Negeri-Negeri Selat diwujudkan pada 1826 yang terdiri daripada negeri-negeri Pulau Pinang, Melaka, Singapura dan Dinding.

³⁰ Dokumen yang berkaitan dengan pemerintahan British sejak tahun 1896 di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu yang terdiri daripada negeri-negeri Perak, Selangor, Negeri Sembilan dan Pahang masih tersimpan di Arkib Negara Malaysia. Kuala Lumpur telah dipilih sebagai pusat pentadbiran Negeri-Negeri Melayu Bersekutu memandangkan lokasinya yang terletak di tengah-tengah.





bahan arkib yang sangat penting di Arkib Perpustakaan Tuanku Bainun UPSI seperti *Chendera Mata Sultan Idris Training College* (dari tahun 1923 hingga 1958), *Buku Daftar Penuntut Maktab Melaka 1901-1910*, *Buku Daftar Penuntut Maktab Melaka 1916-1921*, *Diary College Malacca 1900-1922*, *Principal's Diary 1922-1950*, *Principal's Diary 1951-1977*, *Record of Service and Leave Sultan Idris Training College*, Vol. I hingga III dan *Record of Final Examinations and Prizes 1910-1935 Sultan Idris Training College*, turut diteliti satu persatu. Kebanyakan rekod arkib ini masih belum digunakan oleh mana-mana pengkaji kerana ia tersimpan dalam bilik khas bahan nadir di Perpustakaan Tuanku Bainun UPSI yang jarang diketahui umum.

Bahan-bahan perpustakaan yang menjadi sumber rujukan tambahan pula meliputi buku-buku tentang sejarah tanah air, artikel-artikel dalam jurnal-jurnal sejarah atau majalah seperti *Malaysia in History*, *Journal of Malaysian Studies* dan *Journal of Southeast Asian History* yang boleh didapati sama ada dari perpustakaan atau secara *online* dalam pangkalan data atas talian seperti *SAGE Journals Online* dan *Journal of Southeast Asian Studies*. Dalam hal ini juga, buku *Indeks Artikel Berkaitan Sejarah Malaysia Dalam Jurnal Terpilih Tempatan dan Luar Negeri*, (2006) susunan Sivachandralingam Sundara Raja dan Noraini Mohamed Hassan, terbitan Universiti Malaya, sangat berfaedah kepada pengkaji untuk mencari bahan-bahan yang relevan dengan tajuk kajian. Bahan-bahan penting lain yang dirujuk ialah *Annual Departmental Report F.M.S.*, *Annual Report on Education F.M.S.*, *Annual Report S.S.*, *Panduan Rekod-Rekod Kerajaan Persekutuan* (1986), terbitan Arkib Negara Malaysia dan *Panduan Sumber-Sumber Bahan Mengenai Pendidikan*, disusun oleh Wan Zainon Wan Awang, terbitan Arkib Negara Malaysia (2004).





Sumber yang digunakan dalam kajian ini didapati terutamanya di Arkib Negara Malaysia, Arkib Negara Singapura, Perpustakaan Negara Malaysia, Perpustakaan Tuanku Bainun UPSI, Perpustakaan Utama Universiti Malaya, Perpustakaan Sultan Abdul Samad UPM, Perpustakaan Tun Seri Lanang UKM dan Perpustakaan Hamzah Sendut USM, di samping agensi-agensi kerajaan dan swasta dan orang perseorangan.

1.7 Kepentingan Kajian

Kajian sebegini amat penting untuk memperkayakan khazanah sejarah negara agar maklumat yang tepat dapat diketahui oleh generasi akan datang. Penglibatan guru-guru dan juga lepasan SITC dapat dijadikan panduan dan diteladani oleh rakyat Malaysia agar sentiasa menghargai perjuangan yang dicetuskan oleh generasi terdahulu. Mereka banyak berkorban dan ikhlas dalam perjuangan demi untuk rakyat bawahan yang hidup susah dan miskin. Status sebagai ‘guru’ amat disegani dan dihormati oleh rakyat negara ini pada masa dahulu kerana kerja mulia yang disumbangkan untuk mendidik anak bangsa. Di kampung-kampung, seorang guru amat berpengaruh dan dianggap pemimpin kepada masyarakat yang rata-ratanya kurang mengambil berat dalam hal pelajaran, sedangkan guru ialah seorang yang berilmu dan boleh memberi tunjuk ajar kepada anak-anak mereka.

Kepentingan kajian ini juga boleh dilihat dari segi faedahnya kepada institusi pendidikan yang kini dikenali sebagai Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI). UPSI harus berbangga kerana mempunyai infrastruktur yang diwarisi sejak zaman





SITC lagi dan kini hampir kesemua bangunan-bangunan penting dipulihara dan dikekalkan identitinya. Malah bangunan utamanya kini dijadikan sebagai Muzium Pendidikan Nasional (MPN) yang banyak menyimpan artifak dan khazanah yang berkaitan dengan pendidikan. Hasil daripada kajian ini boleh dijadikan panduan dan alat untuk mengesan lebih banyak lagi informasi pendidikan di seluruh negara untuk ditempatkan di muzium. Manuskrip dan gambar-gambar lama di zaman SITC boleh dipamerkan untuk tatapan generasi akan datang. Penyelidik turut memuatkan 12 keping gambar lama yang amat bersejarah dan menyentuh tentang perkara-perkara yang dibincangkan dalam kajian ini yang diletakkan di bahagian lampiran.

Kepentingan kajian kepada negara dapat dilihat dalam jangka panjang hasil daripada *edu-tourism* yang diperkenalkan di MPN. Para penyelidik akan dapat membuat perbandingan sistem pendidikan pada zaman British dengan zaman sekarang, seterusnya dapat merangka satu sistem yang lebih baik dan komprehensif untuk manfaat rakyat. Rakyat juga dapat mengetahui biodata dan sumbangan tokoh-tokoh penting dalam negara kita yang berjuang untuk kemerdekaan negara. Seterusnya kajian ini kelak boleh dibukukan untuk dijadikan bahan bacaan generasi akan datang sebagai khazanah ilmu. Kajian lanjut oleh para sarjana sejarah yang menyentuh tentang SITC, termasuk guru serta murid-muridnya diharap dapat mendedahkan lebih banyak fakta sejarah yang ditemui. Ini boleh membantu kerajaan dalam mendidik masyarakat yang 'celik sejarah' serta menanam perasaan cintakan negara dan mempunyai semangat nasionalisme yang tinggi.





1.8 Istilah Nasionalisme dan Gerakan Nasionalisme Kiri

Perkataan nasionalisme berasal daripada gabungan dua perkataan bahasa Inggeris, iaitu *nation* yang membawa maksud bangsa dan *ism* yang membawa maksud fahaman. Oleh itu, nasionalisme boleh ditakrifkan sebagai fahaman yang menjunjung tinggi rasa kebangsaan yang meletakkan negara dan bangsa pada tempat yang tinggi. Nasionalisme membolehkan rakyat mencipta dan mempertahankan kedaulatan sesebuah negara (*nation*) dengan mewujudkan satu konsep identiti bersama untuk sekumpulan manusia. Menurut Walter Theimer,³¹ nasionalisme bermaksud satu sentimen kepuakan yang didasarkan atas ciri-ciri bangsa, terutamanya bahasa dan kebudayaan dengan kecenderungan menekankan perbezaan antara satu bangsa dengan satu bangsa yang lain.



Dalam usaha untuk mengemukakan takrif nasionalisme yang lebih lengkap ini, Hans Kohn mentakrifkan nasionalisme sebagai “satu keadaan fikiran, yang menyerap masuk ke dalam jiwa sebahagian besar rakyat dan didakwa menyerap masuk ke kalangan semua anggotanya; dia mengiktiraf negara bangsa sebagai bentuk organisasi politik yang unggul, dan bangsa sebagai punca bagi segala kehidupan budaya yang membina dan punca kesejahteraan ekonomi. Oleh itu, kesetiaan ulung manusia adalah tertumpu kepada bangsanya, kerana kehidupannya sendiri adalah dipercayai berdasarkan kepada kebajikan bangsanya”.³² Menurut Hans Kohn lagi, nasionalisme secara fundamental timbul dari adanya *national consciousness*.³³ Dengan perkataan lain nasionalisme adalah formalisasi (bentuk) dan rasionalisasi dari kesedaran

³¹ Walter Theimer, *An Encyclopedia of World Politics*, London: Faber and Faber Limited, 2005, h. 301.

³² R. Suntharalingam, “Konsep Nasionalisme: Ke Arah Satu Takrif”, dlm. R. Suntharalingam [et al.], *Nasionalisme Satu Tinjauan Sejarah*, Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti, 1985, h. 1-2.

³³ Hans Kohn, *Nationalism: Its Meaning and History*, Princeton: D. Van Nostrand, 1955, h. 7.





nasional berbangsa dan bernegara sendiri, dan kesedaran nasional inilah yang membentuk *nation* dalam erti politik, iaitu negara bangsa. Supaya lebih jelas, perlu diperhatikan lagi beberapa definisi nasionalisme berikut ini. Menurut Frederick Hertz,³⁴ beliau mengemukakan empat unsur nasionalisme, iaitu:

1. Hasrat untuk mencapai kesatuan.
2. Hasrat untuk mencapai kemerdekaan.
3. Hasrat untuk mencapai keaslian.
4. Hasrat untuk mencapai kehormatan bangsa.

Kesemua hasrat ini perlu ada dalam kalangan rakyat untuk mencapai matlamat menjadi sebuah negara yang bebas dan berdaulat.

Benedict Anderson pula mendefinisikan nasionalisme sebagai suatu komuniti politik yang dibayangkan dan diimajinasikan sebagai sesuatu yang inheren yang terbatas dan berdaulat. Menurut Anderson istilah dibayangkan ini digunakan kerana anggota dari *nation* atau bangsa itu sendiri belum pernah bertemu di antara satu sama lain. Namun di sisi lain memiliki rasa yang sama di dalam benak mereka bahawa mereka berada pada suatu kelompok tertentu. Oleh kerana nasionalisme hidup di dalam benak manusia yang dinamis, maka pengertian nasionalisme juga mengalami pasang surut sesuai dengan situasi dan kondisi yang ada mengikuti perkembangan zaman.³⁵

Manakala menurut Ibrahim Saad, beliau mentakrifkan nasionalisme sebagai “kesedaran individu atau kumpulan akan keahliannya dalam sesebuah negara, serta

³⁴ Frederick Hertz, *Nationality in History and Politics: A Study of Psychology of National Sentiment and Character*, New York: Oxford University Press, 1944, h. 279.

³⁵ Benedict Anderson, *Imagined Communities: Reflections on the Origin and Spread of Nationalism*. New York: Verso, 2006, h. 5-7.



keinginan untuk memperkukuhkan negaranya, mempertahankan kebebasan dan mempertingkat kemakmuran. Individu atau kumpulan ini mempunyai taat setia yang tidak berbelah bahagi terhadap negara tersebut.³⁶ Bagi negara-negara membangun atau Dunia Ketiga, nasionalisme timbul oleh kerana menentang kuasa luar, iaitu kuasa penjajah yang menakluki negara tersebut. Gerakan nasionalisme digembeling tanpa mengambil perkiraan kelainan yang sedia ada seperti bahasa, agama dan budaya". Nasionalisme mengikut *Kamus Dewan* pula ialah perasaan cintakan bangsa dan negara sendiri yang mendalam dan pergerakan untuk mencapai kebebasan daripada kuasa asing.³⁷

Semangat nasionalisme dikatakan bangkit di kebanyakan negara Asia Tenggara (seperti Indonesia, Malaysia dan Brunei) pada tahun 1940-an dan 1950-an kerana setiap rakyat ingin membebaskan negara mereka daripada belenggu penjajahan. Semenjak awal kurun ke-19, hinggalah tercetusnya Perang Dunia Kedua, pentadbiran British di Tanah Melayu membentuk empat sistem pentadbiran sekolah iaitu Sekolah Vernakular Melayu, Cina, Tamil dan Inggeris. Sistem persekolahan ini bolehlah dianggap mempunyai asas yang kukuh. Sistem inilah yang mengasingkan berbagai-bagai kaum ke dalam jenis-jenis sekolah yang berlainan yang akhirnya memupuk sikap perkauman yang menebal. Sebelum mencapai kemerdekaan, Tanah Melayu mewarisi sistem pendidikan daripada pentadbiran British yang menyemai benih-benih perpecahan di antara kaum. Benih perpecahan ini lama kelamaan pasti akan berkembang dengan subur dan akan menyebabkan timbulnya semangat memperjuangkan agenda bangsa sendiri yang dikenali sebagai nasionalisme.

³⁶ *Dewan Masyarakat*, Oktober 1983, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 4.

³⁷ Sidang Pengarang, *Kamus Dewan* (edisi ketiga), Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2002.



Para nasionalis menganggap negara adalah berdasarkan beberapa "keabsahan politik" (political legitimacy) dan ketenteraan yang berlandaskan nasionalisme secara etnik serta keagamaan. Para saintis politik seperti Victor Marie Hugo³⁸ dan Karl Wilhelm Friedrich³⁹ menumpukan keabsahan politik berpunca daripada teori romantisme iaitu "identiti budaya", hujah liberalisme yang menganggap kesahihan politik adalah berpunca dari kehendak rakyat, atau gabungan kedua-dua teori. Dalam zaman moden ini, nasionalisme merujuk kepada amalan politik penyelidikan mereka kepada nasionalisme yang ekstrim seperti nasionalisme-sosialisme dan nasionalisme-pengasingan.

Nasionalisme orang Melayu telah memperlihatkan jurang perbezaan pendapat yang luas dan kesamaran yang rumit. Hal ini berlaku kerana tiadanya panduan dan



penakrifan yang cukup jelas tentang nasionalisme Melayu. Kesannya, terdapat bupsi

sesetengah pengkaji yang terlalu banyak bergantung kepada pendapat-pendapat dan tafsiran awal yang bertentangan dengan takrif umum nasionalisme. Dalam hubungan ini, Robert I. Rotberg⁴⁰ menyatakan bahawa istilah nasionalisme adalah "satu kancah penyalahgunaan" dan telah digunakan untuk "menggambarkan beraneka jenis keadaan, kedudukan manusia dan corak fikiran". Khoo Kay Kim⁴¹ pula menyatakan

³⁸ Victor Marie Hugo (1802-1885) adalah salah seorang penulis aliran romantisme pada abad ke-19. Beliau juga merupakan penyair Romantisme yang sangat terkenal di Perancis. Banyak karya puisi yang dihasilkan oleh beliau. Antara karya puisinya yang dianggap sangat menonjol di Perancis ialah "Les Contemplations" dan "La Legende Dessiecles". Kesemua hasil karya beliau menggambarkan mengenai isu politik dan sosial, serta kecenderungan terhadap bidang kesenian pada zamannya. Beliau menduduki tempat terhormat dalam bidang sastera Perancis. Hal ini disebabkan, karya-karya yang dihasilkan oleh beliau mendominasi hampir sepanjang abad ke-19.

³⁹ Federich Von Schlegel (1772-1829) atau nama sebenarnya Karl Wilhelm Federich, merupakan seorang pengkritik, ahli falsafah serta penulis sajak German yang sangat terkenal. Beliau juga merupakan seorang ilmiawan terkemuka di German pada ketika itu. Beliau sangat aktif dalam menjalankan gerakan Romantisisme di German.

⁴⁰ Robert I. Rotberg, *Rise of Nationalism in Central Africa: The Making of Malawi and Zambia, 1873-1964*, Cambridge: Harvard University Press, 1965.

⁴¹ Khoo Kay Kim, "Nasionalisme Melayu C. 1919-1941: Suatu Tatapan Semula" dalam *Jebat*, vol. 28, 2001, h. 43-62.





nasionalisme merupakan satu istilah yang walaupun telah banyak diberikan takrif, namun masih tetap kabur.

Dalam konteks Melayu sebelum merdeka, nasionalisme biasanya digunakan untuk merujuk kepada perjuangan orang Melayu bagi mendapatkan kembali kedudukan unggul dalam negara sendiri. Menurut Raden Soenarno, perkembangan nasionalisme Melayu boleh dibahagikan kepada tiga tahap: (1) agama 1906-1925; (2) sosio-ekonomi 1926-1936 dan (3) politik 1937-1941. Beliau menggunakan *Al-Imam*, Kesatuan Melayu Singapura (1926) dan Kesatuan Melayu Muda (1937) sebagai garis pemisah bagi setiap tahap.⁴²

Tidak semua bentuk nasionalisme dapat diterima oleh Islam dan tidak semua



05-4506832 corak nasionalisme ditolak oleh Islam. Nasionalisme itu diterima atau ditolak bupsi

bergantung kepada erti dan isi nasionalisme yang wujud pada ruang dan waktu yang tertentu. Kedudukan nasionalisme menjadi demikian kerana ketidakmampuan takrifnya dan ketidaksamaan arah tujuannya dari semasa ke semasa dan dari setempat ke setempat. Punca dan tempat kewujudan nasionalisme juga berasaskan pelbagai faktor. Catatan sejarah menyebutkan bahawa gerakan ini dipelopori oleh tokoh-tokoh pejuang kebangsaan dan kemerdekaan yang menuntut pemerintahan sendiri secara total daripada pihak penjajah. Malah sejak Tanah Melayu mulai dijajah oleh Portugis dan Belanda lagi sudah rancak teretus gerakan anti penjajahan. Tokoh-tokoh pejuang ini membawa fahaman-fahaman seperti Islam, nasionalisme, sosialisme dan

⁴² Radin Soenarno, Malay Nationalism 1900-1945 dalam *Journal of South-East Asian History*, 1 March 1960.





komunisme, serta memilih jalan untuk tidak bekerjasama dengan pemerintah British.⁴³

Bilakah sebenarnya nasionalisme Melayu itu mulai muncul? Menurut Abdul Rahman Haji Ismail, perbezaan pendapat mengenai perkara ini nyata berpunca daripada perbezaan anggapan pengkaji itu sendiri memberi takrif nasionalisme. Sekiranya penentangan terhadap kuasa penjajah dianggap sebagai ciri utama dan penentu bagi nasionalisme, maka nasionalisme Melayu itu wujud sejak dari Kesultanan Melaka lagi. Sekiranya nasionalisme itu ditakrifkan seperti yang Truong Buu Lam⁴⁴ takrifkan untuk nasionalisme Vietnam, maka nasionalisme Melayu sudahpun wujud sebelum penaklukan Melaka oleh Portugis. Sekiranya nasionalisme Melayu itu mahu ditakrif mengikut asal pengertian nasionalisme yang unggul, yang



meliputi semua ciri-ciri nasionalisme yang sebenarnya, masih boleh dipersoalkan pendapat yang mengatakan bahawa nasionalisme Melayu itu sudah wujud sebelum tahun 1930-an lagi.⁴⁵ Bagi penyelidik, nasionalisme Melayu itu muncul di SITC Tanjong Malim yang diperjuangkan oleh para guru dan disemarakkan pula oleh anak muridnya sekitar tahun 1930-an.

Dalam perjuangan untuk mencapai kemerdekaan, gerakan nasionalisme Melayu terbahagi kepada gerakan aliran kiri dan aliran kanan. Gerakan aliran kiri dipelopori oleh Kesatuan Melayu Muda (KMM), diteruskan oleh Parti Kebangsaan

⁴³ Ishak Saat, *Radikalisme Melayu Perak 1945-1970*, Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia, 2011, h. 11.

⁴⁴ Truong Buu Lam, berasal dari Vietnam, ialah professor sejarah dari University of Hawai'i, menulis buku sejarah yang komprehensif berjudul *Experienced Vietnamese Writings on Colonialism, 1900-1931*.

⁴⁵ Abdul Rahman Haji Ismail, "Takkan Melayu Hilang di Dunia: Suatu Sorotan Tentang Nasionalisme Melayu" dalam R. Suntharalingam [et al.], *Nasionalisme Satu Tinjauan Sejarah*, Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti, 1985, h. 37.



Melayu Muda (PKMM) dan badan gabungannya seperti Angkatan Pemuda Insaf (API), Angkatan Wanita Sedar (AWAS) dan Barisan Tani Se-Tanah Air (BATAS). Mengikuti Rustam Sani, gerakan aliran kiri ini lebih merupakan organisasi ‘nasionalis’ dengan ciri-ciri yang dikenali seperti berikut; pertama, para pemimpin kumpulan ini tidak direkrut daripada golongan aristokrat tradisional; kedua, komitmen kuat untuk nasionalisme jenis pan-Indonesia, atau kemudiannya selepas kemerdekaan idea keadilan sosial merentasi kaum.⁴⁶ Dengan menggunakan kriteria di atas sebagai ciri utamanya, gerakan kiri ini berkait rapat dengan perubahan sosial masyarakat Melayu, di mana kuasa dan peranan politik yang dimonopoli oleh strata aristokrat (pemerintah) daripada struktur sosial tradisional kian terhakis. Pada tahun 1930-an, sebagai kesan daripada penambahan peluang dan juga kemudahan pelajaran kepada masyarakat Melayu, satu kumpulan terpelajar yang terdiri daripada lepasan SITC muncul dari strata bawahan ini.

Dalam pensejarahan nasionalisme Melayu konsep kiri khasnya untuk lewat 1940-an dan 1950-an merujuk kepada kelompok yang bertentangan dengan parti utama Melayu iaitu UMNO. Pada 1940-an kelompok utama yang bertentangan serta bersaing sengit dengan UMNO ialah PKMM. PKMM ketika itu tidak bersifat dogmatik sementara bentuk nasionalismenya tidak terbatas setakat ideologi yang sempit sehingga dalam parti Melayu ini terdapat nasionalis, sosialis, komunis, Islam, PanIslam, demokrat, konformis, non-konformis dan sebagainya: yang penting mereka semua mempunyai "jiwa merdeka".

⁴⁶ Rustam A. Sani, *Asal Usul Sosial Golongan Kiri Melayu: Satu Analisis Berkenaan Kesatuan Melayu Muda*, Petalig Jaya: Strategic Information and Research Development Centre, 2011, h. 70.



Kumpulan kiri boleh dipecah kepada beberapa kategori seperti "extreme left" seperti anggota PKM, kiri yang komited seperti Ahmad Boestamam dan Ishak Haji Muhammad yang juga pernah menerajui Parti Rakyat Malaya, kiri Islam seperti yang dipelopori oleh Burhanuddin AI-Helmy yang pernah memimpin PKMM dan kemudiannya PAS dan guru agama tersohor dari Gunung Semanggol, Ustaz Abu Bakar AI-Bakir yang mengetuai kumpulan Hizbul Muslimin. Satu lagi kumpulan disebut kiri fana (transient left) yang merujuk kepada anggota PKMM, API dan AWAS yang telah memasuki UMNO selepas 1948 apabila parti radikal Melayu ini ditekan British.⁴⁷

Gerakan nasionalisme aliran kanan pula dipelopori oleh persatuan Melayu negeri-negeri dan diteruskan oleh United Malays National Organisation (UMNO) serta berjaya mencapai kemerdekaan. Perjuangan gerakan nasionalisme aliran kiri memang tidak berjaya mencapai matlamatnya, malah terkeluar daripada gerakan arus perdana kerana tekanan penjajah dan hanya mendapat sokongan daripada golongan minoriti Melayu. Namun, satu kelompok kecil dari kalangan pemimpin gerakan nasionalisme kiri Melayu ini telah memilih jalan kekerasan untuk meneruskan perjuangan mereka.

Gerakan nasionalisme kiri di Tanah Melayu boleh dianggap sebagai suatu gelombang politik dalam masyarakat Melayu yang selama ini terkenal dengan sikap konservatif dan sentiasa menurut perintah golongan atasan dan raja. Sifat ini sememangnya telah wujud dalam diri masyarakat tradisional sebelum berlakunya pembentukan sebuah negara baru yang berteraskan fahaman demokrasi dan

⁴⁷ Abu Talib Ahmad, "Aliran Kiri Dalam Nasionalisme Melayu, 1945-57: Satu Pemerhatian" dalam *Malaysia Dari Segi Sejarah (Malaysia in History)*, Vol. 36, 2008, h. 24-51.





kemerdekaan politik daripada penjajah luar. Gerakan nasionalisme kiri boleh juga diklasifikasikan sebagai suatu gerakan politik yang tidak mendukung sepenuhnya sistem politik tradisional yang berteraskan istana dan kekuasaan mutlak raja-raja Melayu.⁴⁸ Gerakan seperti ini menolak pemerintahan lama yang dipegang oleh raja-raja dan pembesar yang membentuk kelas pemerintahan masyarakat Melayu tradisional.

Tanah Melayu telah mengalami perkembangan politik yang penting pada abad ke-20. Pada era ini, kebangkitan kesedaran kebangsaan dalam kalangan orang Melayu muncul dengan lebih teratur melalui aktiviti gerakan dan organisasi yang lebih terpinpin. Usaha tersebut timbul kerana masyarakat Melayu ingin melahirkan rasa tidak puas hati terhadap pentadbiran kerajaan British yang telah sekian lama mengongkong penduduk Tanah Melayu dengan pelbagai agenda ekonomi, politik dan sosialnya. Golongan ini telah berjaya membangkitkan semangat nasionalisme dalam kalangan orang Melayu bagi menghadapi tuntutan bukan Melayu dan penguasaan British dalam sistem politik di Tanah Melayu. Nasionalisme Melayu dan gerakan nasionalisme kiri saling berkaitan di antara satu sama lain dalam perbincangan mengenai SITC dalam zaman kolonial.

⁴⁸ Ramlah Adam, *Gerakan Radikalisme di Malaysia 1938-1965*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2004, h. xiii.





BAB 2

PERKEMBANGAN PERGURUAN MELAYU

2.1 Pendahuluan



Menurut *Kamus Dewan* 1970, ‘guru’ bererti pendidik, pengajar dan pengasuh. Perguruan merupakan suatu bidang yang berkaitan dengan guru yang mengajar atau melaksanakan pengajaran di sekolah atau institusi-institusi pendidikan lain untuk menyampaikan ilmu kepada anak murid atau masyarakat. Dalam masyarakat Melayu, guru dianggap sebagai golongan menengah yang paling dihormati dan disanjung oleh masyarakat. Dalam buku *Sejarah Melayu*,¹ ada dinyatakan kisah Raja-Raja Melayu seperti Sultan Muhammad Shah dan Sultan Mansor Shah, pernah mengundang alim ulama ke istana untuk berguru mengenai pelajaran dan hukum hakam agama Islam. Setelah sultan atau pembesar negeri memeluk Islam, maka sekalian rakyat meniru dan mematuhi sahaja tindakan sultan dan pembesar mereka. Maka tersebarlah ajaran

¹ Sultan Muhammad Syah berguru mengenai agama Islam dengan Maulana Abdul Aziz yang datang ke Melaka dari Judah. Manakala Sultan Mansor Syah pula berguru dengan Maulana Abu Bakar melalui kitab *Darul-mazlum*. Lihat *Sejarah Melayu*, diusahakan oleh W.G. Shellabear, Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti, 1975, h. 56 dan 115.





Islam sebagai satu pegangan yang dianuti oleh masyarakat Melayu yang banyak mempengaruhi sistem pendidikan awal di Tanah Melayu selepas itu.

Sekolah-sekolah pondok kebanyakannya ditubuhkan oleh para ulama Islam yang terkenal pada zaman tersebut. Sekolah-sekolah jenis ini masih boleh dilihat sekarang di negeri-negeri seperti Kelantan, Terengganu, Perak dan Kedah. Pendidikan tradisi ini mempunyai kurikulum yang terlalu sempit kerana pelajaran adalah terhadap kepada teks al-Quran seperti membaca al-Quran dan Tajwid, Tafsir al-Quran, Hadis, Fiqah dan Tauhid serta tertumpu kepada fardu ain dan fardu kifayah sahaja. Sistem pengajian pondok ini bergantung kepada kepandaian dan ilmu yang diajar oleh mualim atau tok-tok guru. Namun, kelebihan yang diperoleh daripada aspek pengajaran sebegini ialah ia berjaya mewujudkan ramai tokoh ulama yang bukan sahaja terkenal dalam hal-hal yang berkaitan dengan agama Islam, tetapi juga mempunyai keperibadian yang amat tinggi dan dianggap mempunyai keramat.

Kemunculan tokoh-tokoh agama Islam atau tok-tok guru yang terkenal terutamanya dari negeri Kelantan, Terengganu dan Kedah seperti Tok Pulau Manis, Sheikh Daud Al-Fatani, Tok Pulai Condong, Tok Konok, Tuan Tabal, Tok Kenali, Tuan Husain Kedah, Sheikh Abdul Kadir, Tok Guru Haji Omar Besut, Haji Mat Shafie Losong, Haji Muhammad Salleh Penaga, Haji Muhamad Tamiri, Tok Kecil, Tok Kemuning, Tok Bacok, Tuan Guru Haji Sulong Patani, Sheikh Abdullah Fahim, Syekh Tahir Jalaluddin Al-Falaki dan Tok Guru Haji Wan Adam telah merencanakan lagi perkembangan institusi pondok dalam sistem pendidikan dan perguruan





masyarakat Melayu.² Secara umumnya, sebelum abad ke-20, wujud kesedaran dalam kalangan masyarakat Melayu tentang kepentingan perguruan walaupun penekanan diberikan kepada guru-guru agama Islam sahaja melalui pengajaran di pondok-pondok dan madrasah. Selain daripada itu tiada sistem dan organisasi perguruan Melayu yang berbentuk formal dan sistematik. Untuk melihat perkembangan perguruan Melayu di negara kita, tidak dapat lari daripada melihat sistem pendidikan yang telah diwarisi sejak belum merdeka lagi.

2.2 Pendidikan Vernakular Melayu Sebelum 1922

Sistem pendidikan masyarakat Melayu tradisional banyak dipengaruhi oleh kedatangan agama Islam dan penyebaran agama tersebut setelah Raja-Raja Melayu memeluk Islam. Kedatangan penjajah (bermula daripada Portugis, Belanda dan kemudiannya British) tidak menghapuskan sama sekali sistem pendidikan tradisional berteraskan Islam yang telah mempengaruhi kehidupan masyarakat Melayu ketika itu. Pihak British, yang merupakan kuasa penjajah dominan dan paling lama sejak 1824 hingga 1957, iaitu selama 133 tahun dan sebelumnya menguasai Pulau Pinang pada tahun 1786, Singapura (1819) dan Melaka (1824) menerapkan sistem pendidikan sekular dalam masa pemerintahannya. Namun, dalam sistem pendidikan masyarakat Melayu di peringkat awalnya amat mementingkan penguasaan bahasa ibunda (bahasa Melayu) sebelum mempelajari bidang-bidang lain seperti yang dikatakan oleh

² Ismail Che Daud (penyelenggara) telah menyenaraikan riwayat hidup 40 orang tokoh ulama yang berpengaruh sejak tahun 1650 hingga 1923 dalam buku *Tokoh-tokoh Ulama' Semenanjung (1)*, (1988) dan 30 orang dalam *Tokoh-tokoh Ulama' Semenanjung (2)*, (1996). Buku ini diterbitkan oleh Majlis Ugama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan.



Stamford Raffles, “*If I live, I shall have a school set a going for teaching Malay. I am most anxious about this as it is a beautiful language, further, it is of great utility*”.³

Sejarah penubuhan sekolah sekular Melayu bermula pada tahun 1821 di Gelugor, Pulau Pinang tetapi sekolah tersebut kurang mendapat sambutan dan menghadapi masalah kekurangan guru. Selepas itu, A.M. Skinner⁴ (seorang Timbalan Majistret di Province Wellesley) membuka semula sekolah-sekolah Melayu di Province Wellesley (Seberang Prai) sebagai satu percubaan dalam tahun 1871, tetapi dia terpaksa meneruskan tradisi pembelajaran yang sedia ada, iaitu meneruskan pengajian al-Quran di kampung-kampung dan diajar oleh seorang haji atau khatib di masjid-masjid ataupun di kawasan lain yang akan dijadikan bilik darjah.⁵ Lama kelamaan kelas pengajian al-Quran yang ada itu telah bertukar menjadi sekolah

Peranan golongan haji atau khatib dianggap penting bukan sahaja untuk mengembangkan ilmu agama Islam, tetapi juga akan menjadi pemimpin dalam masyarakat Melayu itu sendiri. Bagi orang Melayu, golongan ini merupakan ulama yang mempunyai ilmu yang tinggi dan boleh melahirkan idea-idea yang wajar diikuti. Penghormatan yang begitu tinggi terhadap golongan ini menjadikan golongan ulama sebagai penasihat sosial, agama dan pentadbiran kampung atau negeri. Malah, golongan ulama inilah merupakan perintis kepada kegiatan nasionalisme Melayu sebelum munculnya golongan yang berpendidikan Melayu dan Inggeris yang dikenali

³ D.D. Chelliah, *A Short History of the Educational Policy of the Straits Settlements with Recommendation for a New System Based on Vernaculars*, Singapore: Government Press, 1960, h. 13.

⁴ A.M. Skinner kemudiannya dilantik sebagai Nazir Sekolah-Sekolah atau disebut *Inspector of School*, S.S. pada tahun 1872.

⁵ D.D. Chelliah, *op cit.*, h. 62.

sebagai Kaum Muda⁶ yang dikatakan menjadi pencetus kemunculan semangat nasionalisme Melayu.

Dalam masa pemerintahan British, pendidikan sekular Melayu diperkenalkan kepada orang Melayu amat berbeza dengan sistem pendidikan agama Islam. Pendidikan sekular Melayu diperkenalkan dengan tujuan untuk mengajar hal-hal kemahiran bagi tujuan ekonomi dan sosial, atau ilmu-ilmu keduniaan seperti yang berkembang pada zaman Renaissance di Eropah. Pendidikan sekular Melayu dibahagikan kepada tiga kelompok utama dalam pentadbiran British iaitu Pendidikan vernakular Melayu di Negeri-Negeri Selat, Pendidikan vernakular Melayu di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu dan Pendidikan vernakular Melayu di Negeri-Negeri Melayu Tidak Bersekutu. *Vernakular* bermaksud ‘bahasa pengantar ialah bahasa

Negeri-Negeri Selat mempunyai nazir sekolah-sekolah yang pertama untuk menyatukan pentadbiran sekolah-sekolah Melayu di Pulau Pinang, Singapura dan Melaka dalam tahun 1872.⁷ Manakala Negeri-Negeri Melayu Bersekutu pula mempunyai nazir sekolah-sekolah pada tahun 1897 bagi menyatukan pentadbiran sekolah-sekolah di negeri-negeri anggotanya iaitu Perak, Selangor, Negeri Sembilan dan Pahang.⁸

⁶ Kaum Muda terdiri daripada ulama yang mendapat pendidikan Timur Tengah. Mereka terdedah dengan kegiatan Reformasi dan Pan-Islamisme yang dipelopori oleh Syeikh Muhammad Abduh. Di Tanah Melayu gerakan ini dipelopori oleh Sheikh Al-Hadi, Sheikh Muhammad Tahir Jalaluddin dan Haji Abbas Muhammad Taha. Gerakan Kaum Muda disebarkan melalui akhbar dan majalah terbitan mereka seperti *Saudara*, *Al-Imam*, *Neracha* dan *Idaran Zaman*.

⁷ *Annual Report, Johore, 1914*, h. 4.

⁸ *Ibid*, h. 5.

Bagi Negeri-Negeri Melayu Tidak Bersekutu, Johor mempunyai nazir Melayu sendiri pada tahun 1914.⁹ Kedah mempunyai nazir pendidikan tempatan yang tetap untuk kali pertama ialah dalam tahun 1915.¹⁰ Perlis dalam tahun yang sama mempunyai seorang guru pelawat yang bertugas menyatukan pentadbiran. Manakala negeri Kelantan mempunyai seorang guru pelawat yang menjadi Pemangku Majistret Mahkamah Kecil, di samping tugas-tugas hakikinya.¹¹ Bagi negeri Terengganu pula, seorang nazir dilantik untuk memantau sekolah-sekolah pada tahun 1920.¹²

Perkembangan pendidikan vernakular Melayu di Negeri-Negeri Selat mengalami perubahan setelah penubuhan *Penang Free School* pada tahun 1816.¹³ Sekolah ini menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar tetapi bahasa Melayu turut diajar kepada murid-murid menandakan bermulanya pendidikan secara sistematik di Tanah Melayu. Setelah itu, barulah ada usaha mubaligh secara berasingan memberikan pelajaran kepada anak-anak Melayu di Singapura dan Melaka. Pada waktu ini, kerajaan British mula mengambil perhatian terhadap pendidikan di Negeri-Negeri Selat dengan tertubuhnya sebuah sekolah vernakular

⁹ *Ibid*, h. 26.

¹⁰ *Annual Report, Kedah, 1333 H*, h. 5.

¹¹ *Annual Report, Kelantan, 1916*, h. 7. Laporan itu menambah lagi kenyataan dengan: 'Di Ulu Kelantan, ada tiga buah sekolah di bawah penyeliaan Pegawai Daerah, Kuala Krai, Kampung Pek dan Kamunting'.

¹² *Annual Report, Terengganu 1920*, h. 8.

¹³ Sekolah ini ditubuhkan oleh Rev. R.S. Hutchings pada 21 Oktober 1816, di Pulau Pinang. Guru Besar yang pertama ialah Mr. James Cox yang memegang jawatan itu dari tahun 1816-1821, dengan tapak asalnya di Jalan Farquhar. Pada tahun 1928, sekolah ini berpindah ke lokasi kini di Jalan Masjid Negeri (lebih dikenali sebagai Greenlane). Petikan daripada piagam asal: 'Bahawa tujuan pertama institusi ialah untuk memberikan pendidikan kepada kanak-kanak yang kalau tidak, akan dibesarkan secara duduk-duduk sahaja dan mengakibatkan tabiat buruk tanpa cara mendapatkan sebarang ajaran, baik dalam pembelajaran berguna mahupun sebarang kerja kasar, dan untuk menanam tabiat-tabiat awal terhadap kerajinan, disiplin, dan kelakuan baik'. Guru-guru yang mengajar di sekolah Inggeris ini terdiri daripada paderi yang mendapat pendidikan di Eropah. Rujuk D.D. Chelliah, *op cit.*, h. 36-38.



Melayu di Kampung Gelam, Singapura oleh mubaligh B.P. Keasberry¹⁴ pada tahun 1839, tetapi sekolah ini terpaksa ditutup kerana kurang sambutan.

Pada tahun 1854, Gabenor Jeneral di India mengarahkan E.A. Blundell¹⁵ (Gabenor Negeri-Negeri Selat) menyediakan laporan mengenai sistem pendidikan di Tanah Melayu. Blundell kemudian mencadangkan supaya ditubuhkan sekolah-sekolah vernakular Melayu di Negeri-Negeri Selat dengan bantuan kerajaan British. Melalui bantuan kewangan daripada Temenggung Johor, beliau menubuhkan dua buah sekolah Melayu di Singapura iaitu di Telok Belanga dan di Kampung Gelam pada tahun 1856. Usaha seterusnya diikuti dengan penubuhan beberapa buah sekolah lagi di Pulau Pinang dan Melaka, apabila terdapat sembilan buah sekolah Melayu yang dibuka di antara tahun 1858 hingga 1863.¹⁶



Sekolah di Telok Belanga kemudiannya ditukar menjadi Sekolah Tinggi Inggeris dan seterusnya menjadi sebuah maktab bertujuan melatih guru-guru sekolah Melayu. Ini merupakan peringkat pertama perkembangan pendidikan vernakular Melayu di Negeri-Negeri Selat hasil daripada usaha mubaligh-mubaligh. Dua buah sekolah yang didirikan di Singapura mendapat bantuan daripada kerajaan British di Singapura, terutamanya Sekolah Melayu di Telok Belanga.

¹⁴ Benjamin Peach Keasberry (1811-1875). Anak bongsu Kolonel Keasberry yang dilantik Residen di Jawa waktu pendudukan British di sana. Pernah menjadi saudagar di Singapura dan kemudian di Batavia. Waktu di Batavia, beliau berkenalan dengan Dr. Medhurst dari *London Missionary Society* dan seterusnya menjadi mubaligh persatuan ini. Sewaktu di Jawa itu juga, beliau belajar percetakan, menjilid buku dan lithographi. Pada tahun 1834, beliau pergi ke Amerika Syarikat dan apabila datang ke Singapura bertugas sebagai mubaligh di bawah *American Board of Commissioners for Foreign Missions*. Pada tahun 1939, apabila lembaga itu berpindah ke negara China, Keasberry memasuki *London Missionary Society* dan membuka sebuah sekolah vernakular di Singapura, dan apabila persatuan itu juga berpindah ke China pada tahun 1947, Keasberry terus menetap di Singapura dan menumpukan perhatiannya kepada sekolah itu. Lihat Chelliah, D.D., *op. cit.*, h. 93-94.

¹⁵ Chelliah, D.D., *op. cit.*, h. 23.

¹⁶ *Report of a Committee Appointed to Enquire into the System of Vernacular Education in the Colony*, No. 4, Straits Settlements, Thursday. 22 February, 1894, h. C28.



Peringkat kedua perkembangan pendidikan vernakular Melayu berlaku setelah pentadbiran British di Negeri-Negeri Selat bertukar kepada pentadbiran Pejabat Tanah Jajahan dalam tahun 1867. Usaha-usaha dilakukan oleh pentadbiran British di Negeri-Negeri Selat bagi menyelesaikan masalah pendidikan Melayu dengan cara membina sekolah-sekolah bahasa tempatan dan melatih guru-guru, supaya murid-murid lelaki Melayu dapat diajar membaca bahasa mereka dalam kedua-dua tulisan Arab dan Roman. Sebuah sekolah Melayu telah didirikan di Bayan Lepas, Pulau Pinang sekitar tahun 1875 dan sebuah sekolah Melayu juga dibina di Klang akibat campur tangan British di negeri-negeri Melayu. Pada tahun 1877, sekolah Melayu dibuka di Sayong, Perak. Setelah itu perkembangan sekolah-sekolah Melayu di Negeri-Negeri Selat sangat ketara, iaitu daripada 77 buah pada tahun 1891 meningkat kepada 149 buah pada tahun 1898.¹⁷

Mata pelajaran yang biasa diajar di sekolah-sekolah vernakular Melayu ialah Bacaan, Ejaan, Menulis, Mengarang, Ilmu Hisab, Latihan Jasmani dan Ilmu Alam. Maklumat berbentuk bimbingan dan kerjaya juga mula berkembang di Tanah Melayu ketika itu. Pejabat Pelajaran Negeri-Negeri Selat dan Negeri-Negeri Melayu Bersekutu mengeluarkan '*A Guide to Careers in Malaya for Parents, Teachers and Pupils*'. Buku tersebut mengandungi senarai kerja-kerja yang terdapat di dalam perkhidmatan kerajaan. Pada awal kurun ke-20, mata pelajaran Perkebunan dan Anyaman ditambah ke dalam kurikulum sekolah. Murid-murid akan memasuki darjah I hingga darjah IV. Selepas itu, hanya sebilangan kecil pelajar sahaja yang berpeluang melanjutkan pelajaran ke *Special Malay Class*, di mana mereka akan dapat meneruskan persekolahan di sekolah-sekolah Inggeris kemudiannya.

¹⁷ *Annual Departmental Report, Straits Settlements, for the Year 1930*, h. 7.

Oleh kerana kejayaan sekolah-sekolah percubaan di Penaga, Telok Air Tawar, Kampung Gelam dan Kampung Tok Jaya di Province Wellesly, maka Kerajaan Negeri-Negeri Selat bersetuju untuk menubuhkan Jabatan Pelajaran dalam tahun 1872. Jabatan ini diketuai oleh A.M. Skinner yang bertindak sebagai Nazir Sekolah-Sekolah. Ia diwujudkan selaras dengan cadangan yang diusulkan oleh Jawatankuasa Khas (Select Committee) daripada Majlis Undangan yang dibentuk dalam tahun 1870 bertujuan mengkaji pelajaran tempatan dan melantik seorang nazir atau pengarah sekolah-sekolah. Usul ini dibuat oleh jawatankuasa tadi kerana didapati terlalu banyak sekolah dalam jajahan itu masing-masing dengan sistemnya sendiri.¹⁸

Dalam pada itu, jawatan nazir sekolah-sekolah yang diadakan pada tahun 1872 itu diubah dalam tahun 1901 menjadi Pengarah Pengajaran Umum Bagi Negeri-Negeri Selat.¹⁹ Dalam tahun 1872, terdapat 16 buah sekolah Melayu dengan pendaftaran seramai 596 orang dan kehadiran hitung panjang seramai 427 orang.²⁰ Kemajuan sekolah-sekolah Melayu sejak itu amatlah memberangsangkan dengan peningkatan bilangan sekolah pada tahun 1872 (16 buah, pendaftaran 596 orang), 1882 (85 buah, pendaftaran 2,230 orang) dan 1892 (189 buah, pendaftaran 7,218 orang).²¹

Pada peringkat awalnya, hanya murid-murid lelaki mengikuti sekolah vernakular Melayu dengan kejayaan rancangan Skinner yang menyaksikan pengenalan sistem pelajaran yang menekankan kemahiran asas membaca, menulis dan

¹⁸ R.O. Winstedt, *Education in Malaya*, Singapore: Fraser and Neave Ltd. Printers, 1923, h. 3.

¹⁹ *Ibid.*

²⁰ *Report of Committee Appointed to Enquire into the Systems of Vernacular Education in the Colony*, No. 4, Straits Settlements, Thursday, 22 February, 1894, h. C28.

²¹ *Ibid.*

mengira serta menumpukan kepada penggunaan bahasa Melayu untuk menyebarkan dasar-dasar penjajah British di Tanah Melayu. British kemudian menubuhkan pula sekolah vernakular Melayu untuk murid-murid perempuan sejak tahun 1885, setelah sekolah vernakular Melayu perempuan ditubuhkan di Telok Belanga, Singapura. Dalam tahun 1886 terdapat tujuh buah sekolah dengan pendaftaran penuntut seramai 382 orang, dan dalam tahun 1892, terdapat 16 buah sekolah dengan pendaftaran penuntut seramai 795 orang.²² Pada masa itu, bilangan murid lelaki yang mendaftar melebihi 80% berbanding dengan murid perempuan.

Dalam pada itu perkembangan pendidikan vernakular Melayu di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu juga mengalami perubahan. Pada tahun 1897, Negeri-Negeri Melayu Bersekutu memperoleh Nazir sekolah-sekolah persekutuannya yang pertama apabila seorang pegawai dilantik ke jawatan tersebut oleh Setiausaha Negara Bagi Tanah-Tanah Jajahan. Beliau dibantu oleh seorang Nazir Negeri, dua orang Penolong Nazir berbangsa Eropah dan lima orang Guru Pelawat Bumiputera di Perak; seorang Nazir Negeri dan dua orang Guru Pelawat Bumiputera di Selangor; dan seorang Nazir Negeri dan seorang Guru Pelawat Bumiputera di Negeri Sembilan.²³ Bagaimanapun, negeri Perak telah sedia mempunyai seorang guru sekolah sebagai Nazir Sekolah-Sekolah sejak tahun 1890 lagi.²⁴ Satu daripada tugas utama Nazir ialah menyusun sebuah Kanun Pelajaran (Education Code) bagi semua negeri yang sebelum itu mempunyai kanun sendiri bagi sekolah-sekolah Inggeris dan Melayu.²⁵

²² *Ibid.*

²³ *The System of Education in the Federated Malay States, Special Reports on Education Subjects, 1905*, h. 6.

²⁴ *Annual Departmental Report, F.M.S., 1955*, Jil. H, h. 2.

²⁵ *The System of Education in the Federated Malay States, Special Reports on Education Subjects, 1905*, h. 6.



Dalam penyata tahunan bagi tahun 1880 oleh Hugh Low, Perak mempunyai peruntukan untuk pendidikan sebanyak \$280.00 dan hanya \$135.98 daripadanya yang dibelanjakan, kerana sekolah-sekolah di negeri itu telah pun diberikan keperluan.²⁶ Dalam tahun 1884, ada sebuah sekolah di bawah jagaan seorang guru Melayu di Kuala Kangsar dan seorang lagi di Batu Gajah.²⁷ Negeri Selangor mempunyai enam buah sekolah Melayu dalam tahun 1886²⁸ dan dalam tahun 1889, Selangor mempunyai 10 buah sekolah.²⁹ Perkembangan sekolah-sekolah vernakular Melayu di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu sangat ketara, iaitu daripada 77 buah pada tahun 1891, meningkat kepada 149 buah pada tahun 1898.³⁰ Bila jawatan Nazir Sekolah-Sekolah Persekutuan ditubuhkan pada tahun 1898, bilangan sekolah-sekolah Melayu di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu berjumlah 168 buah iaitu di Perak (103 buah), Selangor (34 buah), Negeri Sembilan (25 buah) dan Pahang (6 buah).³¹ Dalam tahun 1907, terdapat 232 buah sekolah Melayu untuk murid lelaki dan 34 buah sekolah untuk murid perempuan.³²

Sekolah vernakular Melayu ini menyediakan pendidikan asas selama empat tahun dan mendapat bantuan penuh daripada kerajaan. Walau bagaimanapun, bantuan ini tidak diperuntukkan kepada kelas-kelas agama Islam pada waktu petang. Oleh itu, yuran dikenakan ke atas murid-murid bagi membayar gaji guru-guru agama. Pendidikan untuk anak-anak Melayu di sekolah Melayu terhenti setakat darjah IV sahaja kerana tiada sekolah menengah Melayu pada masa itu.

²⁶ *Annual Report, Perak, 1880*, h. 4.

²⁷ *Annual Report, Perak, 1884*.

²⁸ *Annual Departmental Report, Selangor, 1886*, h. 221.

²⁹ *Annual Departmental Report, Selangor, 1889*.

³⁰ *Ibid.*

³¹ *The System of Education in the Federated Malay States, Special Reports on Education Subjects, 1905*, h. 20.

³² *Annual Departmental Report, F.M.S., 1907*, h. 28.





Perkembangan sekolah-sekolah Melayu di Negeri-Negeri Melayu Tidak Bersekutu pula agak perlahan berbanding dengan negeri-negeri lain. Di Kedah, sekolah Melayu pertama ditubuhkan pada tahun 1897 atas inisiatif Menteri Besar pada waktu itu dipegang oleh Tuan Haji Abdullah. Beliau mengarahkan Perbendaharaan Negeri supaya menjaga sekolah yang mempunyai seorang guru yang bernama Encik Ahmad bin Kerani Maidin. Sekolah itu pada mulanya dikhaskan untuk anak-anak lelaki orang kenamaan sahaja. Dalam tahun 1910, terdapat 20 buah sekolah Melayu dalam negeri itu, dan dalam tahun 1911 bilangannya menjadi 29 buah.³³ Dalam tahun yang sama, jawatan Nazir Sekolah diwujudkan yang dibantu oleh seorang Guru Pelawat di Selatan Kedah.³⁴

Negeri Kelantan mempunyai sekolah Melayu yang pertama hanya pada tahun 1903 iaitu di Padang Garong, Kota Bharu apabila sejumlah wang disediakan untuk membinanya dengan mendapat perkenan Sultan untuk menjadikannya sebagai tempat memberikan pelajaran yang terbaik kepada rakyat jelata.³⁵ Negeri Perlis mempunyai lima buah sekolah Melayu pada tahun 1913.³⁶

Perkembangan pendidikan vernakular di negeri Johor pula agak pesat kerana negeri tersebut mempunyai hubungan yang rapat dengan Singapura. Semasa Sir Stamford Raffles meletakkan batu asas *Singapore Institution* pada 5 Jun 1823, Sultan dan Temenggong merupakan tetamu dalam upacara tersebut. Sekolah-sekolah di Telok Belanga yang dibuka dalam tahun 1856 masih lagi dibuka dan beroperasi dengan baik berbanding dengan sekolah yang sama dibuka di Kampung Gelam kerana

³³ *Annual Report, Kedah, 1382 H* (1910 M).

³⁴ *Annual Report, Kedah, 1329 H* (2 February 1910-21 December 1911).

³⁵ *Annual Report, Kelantan, August 1903-August 1904*, h. 31.

³⁶ *Annual Report, Perlis, 1331 H.*, h. 45.



Sultan Johor mengambil perhatian yang serius mengenainya.³⁷ Pada tahun 1913, Kedah mempunyai 34 buah sekolah Melayu, Perlis 5 buah, Kelantan 8 buah dan Terengganu tiada, negeri Johor mempunyai 56 buah sekolah Melayu,³⁸ setahun kemudian meningkat kepada 68 buah di bawah penyeliaan seorang Nazir berbangsa Melayu.³⁹ Terengganu hanya mempunyai sekolah Melayu yang pertama pada tahun 1915⁴⁰ setelah Sekolah Melayu Kampung Keling ditubuhkan.

Pada peringkat awal, pendidikan sekolah vernakular Melayu diadakan di peringkat rendah sahaja, tidak ada sekolah menengah, maktab atau universiti seperti sekolah Inggeris.⁴¹ Ini bermakna British hanya ingin memberi pendidikan asas sahaja kepada orang Melayu. Dari segi kurikulumnya, sekolah vernakular Melayu menekankan pelajaran bacaan, mengarang, ejaan, menulis, ilmu hisab, ilmu alam dan latihan jasmani. Di samping itu terdapat kemahiran dalam perkebunan, pertukangan, sirat menyirat dan ternakan.

Pentadbiran British tidak bertujuan menjadikan sistem vernakular Melayu sebagai sistem pendidikan yang lengkap dan boleh memberi pendidikan dan pengetahuan tinggi kepada masyarakat Melayu. British menganggap pelajaran vernakular Melayu sekadar bertujuan membolehkan masyarakat Melayu luar bandar

³⁷ *Report of a Committee Appointed to Enquire into the Systems of Vernacular Education in the Colony*, No. 4, Straits Settlements, Thursday, 22 February, 1894, h. C28.

³⁸ *Annual Reports of the Unfederated Malay States for the Year 1913*.

³⁹ *Annual Report, Johore, 1914*, h. 26.

⁴⁰ *Annual Report, Terengganu, 1915*, h. 11.

⁴¹ Bagi sekolah Inggeris, ia ditubuhkan untuk peringkat rendah, menengah dan kolej/universiti. Contohnya Anglo Chinese School mempunyai sekolah rendah dan menengah. Di peringkat kolej/universiti terdapat Raffles College di Singapura, bagi aliran sastera, dan King Edward Medical College VII bagi bidang perubatan. Kedua-duanya kemudian menjadi Universiti Malaya pada tahun 1949.



mencari pekerjaan yang rendah seperti buruh kasar untuk pembangunan ekonomi dan melicinkan pentadbiran mereka di Tanah Melayu.

R.J. Wilkinson, Pengarah Pelajaran Negeri-Negeri Selat ketika itu telah memperkenalkan tulisan dan ejaan Rumi pada tahun 1903 untuk sekolah-sekolah vernakular Melayu. Tujuannya ialah untuk membakukan ejaan dan sebutan bahasa Melayu bagi memudahkan penerbitan surat-surat rasmi kerajaan dan juga bahan-bahan penulisan dan sastera. Pada tahun 1916, R.O. Winstedt yang menjadi Timbalan Pengarah Pendidikan ketika itu telah berusaha memperbaiki kurikulum sekolah-sekolah Melayu dengan menjadikan kurikulum lebih relevan dengan cara hidup masyarakat setempat. Beliau telah memperkenalkan kurikulum vokasional seperti pertanian, membuat bakul, membuat tikar, menyirat jaring dan ilmu masakan.



Secara ringkasnya, pengenalan sekolah-sekolah vernakular Melayu telah memberi peluang kepada masyarakat Melayu menuntut ilmu walaupun institusi pondok dan madrasah lebih awal beroperasi. Namun begitu, pendidikan yang cuba diperkenalkan tidak begitu mendapat sambutan daripada orang Melayu kerana mereka berpandangan bahawa sekolah vernakular sebagai alat penyebaran agama Kristian. Pandangan mereka yang negatif ini telah berubah sedikit demi sedikit termasuk memberi pendidikan kepada anak-anak perempuan Melayu. Mereka mula menghantar anak-anak ke sekolah apabila kesedaran menimba ilmu mula timbul dan pencarian ilmu dunia dan akhirat sememangnya dituntut dalam agama Islam. Pendidikan pula telah memberi impak yang mendalam kepada masyarakat Melayu kerana telah mengubah taraf sosio-ekonomi dan kesedaran politik masyarakat kepada yang lebih baik berbanding sebelumnya.





Dalam pada itu, matlamat awal kerajaan kolonial British memberi pendidikan kepada masyarakat Melayu ialah untuk mengeluarkan tenaga kerja yang lebih pandai dan penting kepada British untuk melicinkan pentadbiran mereka di Tanah Melayu. Kekurangan guru untuk mengajar di sekolah-sekolah Melayu telah mendorong pihak kerajaan menubuhkan pusat-pusat latihan untuk guru-guru Melayu sebagai persediaan untuk mengajar pula kepada anak-anak Melayu di sekolah-sekolah yang sedia ada mahupun sekolah-sekolah baharu yang akan ditubuhkan.

2.3 Penubuhan Pusat Latihan Perguruan Melayu

Menjelang akhir abad ke-19, pegawai-pegawai British mula memikirkan cara untuk melatih guru-guru mengajar di sekolah-sekolah vernakular Melayu. Latihan perguruan di Tanah Melayu bermula pada tahun 1872 apabila A.M. Skinner menggunakan guru-guru agama sebagai guru di sekolah vernakular. Para mubaligh Islam dan mualim menerusi pengajian al-Quran dan kitab di rumah, surau, masjid, institusi pondok, madrasah dan maahad (sekolah) telah menjadi guru pelatih setelah agama Islam tersebar di Nusantara. Kemudian beberapa pusat latihan guru atau maktab mula dibina untuk melatih bakal-bakal guru.

Perkembangan perguruan Melayu melalui maktab perguruan telah melahirkan guru-guru yang akhirnya menjadi pemangkin dan penggerak kepaduan kemajuan bangsa. Kehadiran mereka dalam menyelesaikan permasalahan orang Melayu pada waktu itu menjadikan mereka golongan yang bertanggungjawab untuk memajukan bangsanya.





2.3.1 Maktab Perguruan Melayu Singapura (1878)

Maktab Perguruan Melayu Singapura ditubuhkan dalam tahun 1878 di sebuah rumah kepunyaan Sultan Johor di Istana Lama, Teluk Belanga, Singapura dan telah melatih seramai 10 orang penuntut iaitu kumpulan pertama untuk mengajar di sekolah Melayu Negeri-Negeri Selat.⁴² Maktab ini kemudian dipindahkan ke Reaburn pada tahun 1884, dan kemudian dipindahkan lagi ke sebuah rumah di Bukit Gemmill menghadap ke laut Teluk Ayer pada tahun 1888 kerana wabak beri-beri merebak ke maktab ini beberapa kali. Tujuan ditubuhkan maktab ini ialah untuk melatih guru-guru dari segi persiapan dan penyediaan di sekolah-sekolah vernakular Melayu dengan menggunakan bahasa Inggeris dan bahasa Melayu sebagai *lingua franca*.



terutamanya dari Singapura, Pulau Pinang dan Melaka. Pemilihan penuntut ke maktab ini bergantung kepada kerajaan negeri masing-masing. Contohnya di Pulau Pinang, pemilihan penuntut berdasarkan kepada kebolehan calon mempraktikkan kebolehan mengajar dengan baik dalam masa setahun, dan apabila dilihat layak, mereka akan menduduki satu peperiksaan khas. Apabila lulus peperiksaan tersebut, barulah calon diterima masuk ke maktab ini. Di Melaka pula, calon yang dipilih dalam kalangan mereka yang tamat darjah empat serta dikehendaki lulus peperiksaan khas yang ditetapkan. Had umur calon yang ditetapkan untuk memasukinya ialah 18 tahun dan dikehendaki menandatangani perjanjian untuk berkhidmat sebagai guru di sekolah-

⁴² Mansur Sanusi, *Sejarah Perkembangan Pelajaran Melayu*, Jabatan Persuratan, Persatuan Guru-Guru Melayu Semenanjung, Pulau Pinang: Sinaran Brothers, 1955, h. 57.





sekolah kerajaan selama lima tahun. Penuntut maktab ini akan diberi elaun sebanyak \$5.00 sebulan.⁴³

Pengetua maktab ini ialah Encik Muhammad bin Mahbub, yang menjadi setiausaha kepada Sultan Johor pada masa itu, serta menjadi guru pelawat sekolah-sekolah Melayu. Kemudiannya pada tahun 1881, seorang guru bangsa Eropah bernama R.C. Jacobson diambil untuk mengajar sebelum ditukarkan ke Pulau Pinang pada tahun 1884. Antara matapelajaran yang diajar di maktab ini ialah ilmu kira-kira, ilmu alam, tulisan rumi, karangan dan peraturan-peraturan sekolah. Gaji guru-guru yang sangat rendah ketika itu menyebabkan ramai guru-guru yang mengajar di maktab ini terpaksa berhenti kerja dan mencari kerja di tempat lain. Pada ketika itu di Singapura, dikatakan tidak ada seorang guru pun yang bekerja lebih daripada lima



tahun.⁴⁴
Dalam tahun 1888, Singapura membuat satu peraturan di mana seorang penuntut Melayu yang berjaya di sekolah dapat masuk percuma ke dalam sekolah Inggeris kerajaan. Peraturan ini kemudiannya diikuti pula oleh sekolah Melayu yang lain di Semenanjung. Maktab Melayu di Teluk Belanga berjaya melatih seramai 150 orang guru sebelum ditutup pada tahun 1895 setelah beroperasi selama 17 tahun.

⁴³ *Ibid.*

⁴⁴ *Ibid.*, h. 58-59.





2.3.2 Sekolah Perguruan Melayu Taiping (1898)

Memandangkan permintaan untuk mengeluarkan guru-guru yang lebih baik untuk mengajar di sekolah-sekolah lelaki kerajaan di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu, sebuah sekolah normal atau maktab latihan dibuka di Taiping dalam bulan Jun 1898. Pada tahun tersebut, seorang nazir untuk sekolah-sekolah persekutuan di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu telah dilantik. Dalam surat kepada Residen Jeneral bertarikh 14 Jun 1898, nazir tersebut menamakan sekolah itu sebagai 'Sekolah Persediaan Perguruan Untuk Guru-Guru Lelaki Melayu'.⁴⁵ Sekolah ini melatih sepuluh orang guru, iaitu lima orang dari Perak dan lima orang lagi dari Selangor, dan pengetuanya ialah Syeikh Nasir yang merupakan guru pelawat sekolah dalam wilayah Taiping dan Matang, Perak. Kursus yang diajar berkaitan dengan mata pelajaran yang diajar di sekolah Melayu dan kaedah-kaedah pengajaran selama dua tahun.⁴⁶

Perbelanjaan sekolah ini ditanggung oleh kerajaan negeri Perak dan Selangor yang dianggarkan sebanyak \$3,000.00 setahun. Namun sekolah ini ditutup setelah dua tahun melatih bakal-bakal guru dan terdapat rancangan yang lebih tersusun untuk membina sebuah maktab latihan di negeri Melaka pada tahun 1900.

2.3.3 Maktab Latihan Melaka (1900)

Maktab Latihan Melaka (Malacca Training College - MTC) dibuka dengan rasminya pada 1 Mac 1900 oleh Richard James Wilkinson yang merupakan seorang 'Acting

⁴⁵ *High Commissioner's Office File, 1896-1907, No. 767/99.*

⁴⁶ *Annual Report on Perak for 1898.*



Inspector of School, Straits Settlements.⁴⁷ Pada mulanya seramai 24 orang penuntut telah mendaftar dan belajar di maktab ini, kemudian meningkat kepada 34 orang pada bulan Jun, dan di akhir tahun 1900 berjumlah 37 orang. Namun penuntut yang berjaya menamatkan pengajian selepas itu cuma 21 orang kerana ramai yang meninggalkan pengajian mereka. Jumlah pengambilan penuntut yang mengikuti pengajian di MTC ialah seperti dalam jadual 2.1.

Jadual 2.1

*Jumlah Pengambilan Penuntut di Maktab Latihan Melaka Mengikut Tahun Sejak Ditubuhkan.*⁴⁸

Tahun	Jumlah penuntut
1900	21
1901	25
1902	32
1903	27
1904	28
1905	26
1906	25
1907	24
1908	28
1909	26
1910	24
1911	30
1912	26
1913	25
1914	28
1915	41
1916	31
1917	41
1918	31
1919	40
1920	40
1921	39
1922	35

⁴⁷ *Diary College Malacca 1900-1922 (1st March 1900).*

⁴⁸ *Diary College Malacca 1900-1922. Lihat juga Record of Final Examinations and Prizes 1910-1935.*



Penuntut akan datang mendaftarkan diri dari semasa ke semasa kerana ia terbuka kepada murid-murid yang telah lulus di darjah pelajaran yang paling tinggi di sekolah Melayu dan pembelajaran mereka di maktab ini ditanggung sepenuhnya oleh kerajaan. Maktab ini dijadikan pusat untuk melatih bakal-bakal guru agar benar-benar terlatih dan cekap, dan juga sebagai pusat kajian, pemuliharaan serta menjaga keunggulan kesusasteraan Melayu.⁴⁹

Mr. S.E. Codrington menjadi pengetua pertama dan Cikgu Abdul Jalil bin Abdullah menjadi guru besar pertama.⁵⁰ Maktab ini diusahakan penubuhannya oleh Wilkinson yang tidak berpuas hati dengan keadaan pendidikan orang Melayu serta sistem latihan perguruan sekolah-sekolah Melayu pada waktu itu seperti yang dilaporkan dalam *Education Code* yang disediakan oleh James Driver, Penyelia Sekolah-Sekolah di Negeri-Negeri Selat.⁵¹ Wilkinson kemudian mencadangkan supaya kursus latihan perguruan ini dijalankan selama tiga tahun dan peperiksaan akhir mestilah diperketatkan lagi. Tetapi kursus ini dipendekkan kepada dua tahun memandangkan keperluan kepada guru-guru yang semakin meluas akibat daripada perkembangan sekolah-sekolah Melayu semakin pesat. Sebuah “Normal School” dibuka di maktab ini dan pengambilan penuntut selepas itu ditapis melalui peperiksaan khas. Terdapat lima subjek asas yang mula-mula sekali diajar di maktab ini mengikut jumlah markah seperti berikut; *Dictation* (100 markah), *Essay* (100

⁴⁹ Memorandum R.J. Wilkinson kepada Residen Jeneral yang mencadangkan penubuhan Sekolah Latihan. Lihat *High Commissioner's Office*, File No. 758/1898.

⁵⁰ *Diary College Malacca 1900-1922* (13 August 1900).

⁵¹ Shahaarom Husain, *Sejarah Ringkas Pembinaan dan Perkembangan Maktab-Maktab Perguruan Melayu*, (t.t.). Tidak diterbitkan. No. rujukan: 2005/0008730.





markah), *Arithmetic* (120 markah), *Geography* (100 markah) dan *Grammar* (50 markah).⁵²

Peringkat awal pembukaan maktab ini terdapat sedikit masalah dari segi pengambilan pelajar kerana tidak dapat menarik ramai bakal guru dari negeri Melayu yang jauh dari Melaka, kecuali dari negeri yang berdekatan iaitu Negeri Sembilan, penuntut dari negeri negeri lain sangat sukar untuk meninggalkan kampung halaman mereka setelah menuntut di sini. Mereka lebih suka tinggal di kampung halaman dan menjalani kehidupan sebagai orang kampung dengan bekerja sendiri. Sekolah bagi mereka tidaklah begitu begitu popular menyebabkan ramai penuntut yang meninggalkan persekolahan mereka untuk menoreh getah.⁵³



di Tanjong Malim, Perak. Semua pelajarinya juga berpindah ke sana, manakala guru pula ada yang berpindah ke Tanjong Malim dan ada yang berhenti. Guru yang berpindah termasuklah O.T. Dussek yang menjadi Pengetua pertama SITC; M.R. Holgate menjadi Penolong Pengetua; Mohd Hashim bin Haji Talib menjadi Guru Besar; Ibrahim bin Datuk Muda Linggi, mengajar Tawarikh dan Karang Mengarang; Abdul Rahman bin Haji Muhyiddin, mengajar Ilmu Alam dan Ilmu Bumi; Md. Hanafiah bin Haji Md. Saman mengajar Ilmu Hisab dan Senaman; Abdul Hadi bin Haji Hasan, mengajar Tawarikh, Hikayat dan Bahasa Melayu dan Ahmad bin Abdullah, mengajar Senaman, Tulisan dan Lukisan.⁵⁴ Manakala Haji Mohd Shah bin Yusof, mengajar Bahasa Melayu, Lukisan dan Latihan Guru; berserta Haji Abdul Jalil

⁵² *Diary College Malacca 1900-1922* (December 1900).

⁵³ Surat daripada O.T. Dussek kepada Dr. William R. Roff, 17 March 1960. (No. rujukan: 2007/0034460).

⁵⁴ *Record of Services and Leave*, Volume I & II.



bin Abdullah yang mengajar Ilmu Hisab dan Ilmu Alam, yang juga merupakan Guru Besar di MTC telah berhenti pada 1 Oktober 1922.⁵⁵

2.3.4 Maktab Perguruan Melayu Matang (1913)

Maktab Perguruan Melayu Matang (MPMM) dibuka pada 11 Oktober 1913.⁵⁶

Pembukaan maktab ini telah diikuti dengan Laporan Pesuruhjaya Tinggi yang mahu gaji guru dinaikkan bagi menarik minat orang ramai supaya berkhidmat sebagai guru.

Mereka yang diambil untuk berlatih di maktab tersebut hanya dari negeri Perak sahaja. Maktab tersebut ditempatkan di Istana Long Jaafar, Matang, iaitu di istana peninggalan Orang Besar Negeri Perak. Kedudukan maktab tersebut dengan bandar

Taiping lebih kurang enam batu. Pengetua pertama maktab ini ialah A. Keir⁵⁷ yang

kemudiannya menjadi Pegawai Pelajaran Negeri Perak, dan kemudian menjadi

Pemangku Pengarah Pelajaran. Apabila beliau bercuti panjang pada tahun 1919

hingga 1920, pentadbiran maktab tersebut diambil alih oleh Haji Abdul Majid bin

Zainuddin yang menjadi Penolong Pegawai Pelajaran Negeri Perak. Ada yang

mengatakan beliau adalah seorang pengintip bagi pihak British. Sebelum bersara pada

1938, beliau mengeluarkan *Annual Reports on Education in the Straits Settlements*

⁵⁵ Shahaarom Husain, *Sejarah Ringkas Pembinaan dan Perkembangan Maktab-Maktab Perguruan Melayu*, (t.t.). Tidak diterbitkan.

⁵⁶ Awang Had Salleh, *Malay Secular Education and Teacher Training in British Malaya*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1979, h. 41.

⁵⁷ Alexander Keir (1884-?), dilahirkan di Scotland, berkelulusan dari Aberdeen University pada tahun 1905. Beliau menyertai *Department of Education*, S.S. dan F.M.S. pada tahun 1906. Beliau dilantik sebagai pengetua di MLMM apabila dibuka pada 1913 dan dilantik *Inspector of School*, Perak pada 1920 selepas pulang bercuti panjang di England. Sejak Mac 1919, Haji Abdul Majid bin Zainuddin mengambil alih jawatan pengetua MPMM sehingga tahun 1920. A. Keir bersara sebagai *Acting Chief Inspector of English Schools*, S.S. dan F.M.S. pada tahun 1938. Lihat Haji Abdul Majid Zainuddin, *The Wandering Thoughts of a Dying Man: The Life and Times of Haji Abdul Majid bin Zainuddin*. Edited with an introduction and notes by William R. Roff, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1978, h. 67 & 129.



and the Federated Malay States for the year 1937 yang diterbitkan di Singapore oleh Government Printing Press.

Purata pelatih yang mengikuti latihan di maktab itu pada setiap tahun adalah sebanyak 25 orang. Maktab tersebut ditutup pada 26 Oktober 1922 dan semua pelatihnya dipindahkan ke SITC, Tanjong Malim, Perak. Pengambilan pelatih hanya dari negeri Perak disebabkan penubuhan maktab itu adalah atas kehendak Sultan Perak, Sultan Idris Murshidul Azam Shah (Marhum Rahmatullah) yang mahukan sebuah maktab yang setaraf dengan Maktab Latihan Melayu Melaka untuk anak-anak negeri Perak sahaja. Selain A. Keir yang menjadi ketua pentadbir maktab tersebut, guru yang terkenal dan pernah bertugas di maktab itu ialah Abdul Majid bin Haji Zainuddin⁵⁸ yang memegang jawatan sebagai pengetua sebanyak dua kali. Guru-guru yang lain termasuklah Muhamad bin Datuk Muda Linggi, guru bahasa Melayu;

Nordin bin Haji Harun, guru Perkebunan; Haji Muhammad Ali, guru al-Quran; Mohd Said bin Haji Hussain, guru Lukisan dan Tulisan; dan Kunda Singh, guru Kawad.⁵⁹ Boleh dikatakan bahawa semua guru yang mengajar di maktab itu dipindahkan ke SITC apabila maktab tersebut ditutup pada tahun 1922. Penutupan itu adalah atas cadangan R.O. Winstedt kepada kerajaan pada tahun 1917, supaya kerajaan menubuhkan hanya sebuah maktab perguruan bagi Tanah Melayu.

⁵⁸ Haji Abdul Majid bin Zainuddin dilahirkan pada Mac 1887 dan meninggal pada Mac 1943 di Pudu, Kuala Lumpur. Ayahnya berasal dari Bonjol, Minangkabau. Beliau mendapat pendidikan di Victoria Institution, Kuala Lumpur pada 1895 dan menjadi pelajar Melayu terbaik di sekolah tersebut. Pada 1902 beliau lulus dengan cemerlang *Cambridge Junior School Certificate*, dan seterusnya memasuki MCKK pada tahun 1905 dan lulus. Selepas itu beliau mengajar di situ selama 11 tahun sehingga 1918 apabila dipilih oleh R.O. Winstedt sebagai orang pertama memegang jawatan sebagai Malay Assistant Inspector of Schools. Pada Mac 1919, beliau dilantik sebagai pemangku pengetua di Maktab Melayu Matang. Buku autobiografi beliau ditulis pada September 1941 berjudul *The Wandering Thoughts of a Dying Man: The Life and Times of Haji Abdul Majid bin Zainuddin*, diterbitkan pada tahun 1978 oleh pengkaji sejarah, William R. Roff.

⁵⁹ *Ibid.*





Di samping menghadapi peperiksaan, guru-guru pelatih juga menjalani latihan mengajar dalam peperiksaan akhir yang dijalankan oleh Nazir Sekolah-sekolah Negeri Perak. Sama seperti maktab-maktab lain yang pernah wujud di Tanah Melayu, guru pelatihnya menerima elaun bulanan sebanyak \$1.50 dan jumlah ini dinaikkan hingga \$3.00. Jumlah perbelanjaan maktab ini bagi tahun 1922 ialah sebanyak \$15,887.⁶⁰ Pengetua maktab, A. Keir menulis sebuah buku *Ilmu Perkebunan* yang dijadikan buku teks yang penting di maktab ini. Maktab ini juga berjaya mengajar kepada murid-murid penanaman lebih daripada 30 jenis sayur-sayuran.⁶¹ MPMM ditutup pada 26 Oktober 1922 untuk disatukan dengan SITC di Tanjong Malim. Sejak pembukaannya maktab ini telah berjaya melatih kira-kira 200 orang guru.⁶² Fungsi maktab ini kemudiannya diambil alih oleh SITC di Tanjong Malim, Perak.



2.3.5 Sekolah Perguruan Kota Bharu (1929)

SPKB dibuka pada 1 April 1929 dengan daya usaha dua orang guru yang dipinjam daripada NNMB untuk mengajar di SPKB bertujuan mengatasi masalah kekurangan guru-guru pelatih. Mereka ialah Arshad bin Talib⁶³ dari Melaka, lepasan MLMM dan Ujang bin Ma'aya⁶⁴ dari Negeri Sembilan, lepasan SITC. Sekolah ini menggunakan bangunan yang dahulunya merupakan rumah sakit. Sekolah yang berdinginkan

⁶⁰ *Annual Report on Education, F.M.S., 1922.*

⁶¹ *Annual Report on Education, F.M.S., 1920*, h. 5.

⁶² *Annual Report, S.S., 1936.*

⁶³ Arshad bin Talib (MTC 1916-1918), beliau mendapat tempat ke-12 dalam peperiksaan akhir tahun dan lulus dengan gred II pada tahun 1918. Lihat *Record of Final Examinations and Prizes 1910-1935*, (1/1918).

⁶⁴ Ujang bin Ma'aya (SITC 1924-1926), berasal dari Negeri Sembilan. Beliau pernah memenangi Hadiah Kepandaian Mengajar dalam peperiksaan akhir tahun dan mendapat *distinction* dalam *General Science* serta lulus dengan mendapat Pangkat II pada tahun 1926. Lihat *Record of Final Examinations and Prizes 1910-1935*, (2/1926) dan *Buku Markah Mengajar 1924-1928, Jilid II.*





papan dan berlantaikan simen ini terletak di kawasan seluas kira-kira 0.3 hektar. Sebuah daripada 2 bilik bangunan ini digunakan oleh sekolah sedangkan yang sebuah lagi digunakan sebagai pejabat nazir sekolah negeri Kelantan. Berbentuk sekolah latihan permulaan dan bertujuan untuk persediaan calon-calon guru yang bakal memasuki SITC di Tanjong Malim. Kursus yang disediakan adalah selama setahun. Pada tahun 1929, terdapat sebanyak 25 orang pelatih di SPKB. Pada tahun 1930, sebanyak 25 orang pelatih diterima masuk ke sekolah itu. Mereka yang lulus dalam peperiksaan akhir berjaya diterima masuk ke SITC manakala yang gagal melanjutkan pelajaran ke SITC diberi jawatan sebagai Guru Gred II dengan gaji permulaan sebanyak \$20.00 sebulan. Mereka yang gagal dalam peperiksaan diberi jawatan sebagai Guru Pelatih dengan gaji sebanyak \$12.00 sebulan dengan tempoh percubaan selama enam bulan. SPKB menyediakan subjek Bahasa Melayu, Ilmu Alam, Sejarah, Kesihatan, Ilmu Kira-Kira, Anyaman, Pertukangan dan Perkebunan. Bagi mata pelajaran perkebunan, tanah diperuntukkan di kawasan seluas 0.6 hektar yang terletak kira-kira 2.4 km dari sekolah tersebut. Sekolah ini tidak menyediakan subjek Kaedah Mengajar seperti maktab-maktab lain di Tanah Melayu dan hanya dapat bertahan hanya beberapa tahun sahaja. Guru pelatih sekolah ini yang tidak berjaya ke SITC telah diarahkan untuk menghadiri kelas hujung minggu selama setahun sebelum ditugaskan untuk mengajar di sekolah-sekolah Melayu yang lain.

2.3.6 Maktab Latihan Perempuan Melayu Melaka (1935)

Maktab ini dibuka secara rasmi pada 31 Januari 1935 dengan nama *The Malay Womens Training College (MWTC)*. Maktab ini terletak di kawasan kampus seluas 17



hektar di Jalan Tun Fatimah, Durian Daun, Melaka. Kerajaan Negeri Selat memilih Melaka untuk mendirikan maktab ini kerana kedudukannya yang strategik dan belum ada maktab perguruan perempuan di Tanah Melayu, sedangkan untuk lelaki sudah didirikan SITC di Tanjong Malim. MWTC dianggap unik, dalam erti kata institut ini satu-satunya institut latihan perguruan di dunia yang melatih bakal guru-guru perempuan, berbangsa Melayu dan beragama Islam. Sejarah institut ini bermula pada 1934 apabila Kerajaan Negeri Selat mencetuskan idea penubuhan MWTC. MWTC direncanakan bagi melahirkan guru-guru wanita Melayu untuk mengajar di sekolah-sekolah rendah di seluruh negara. Pada mulanya maktab ini hanyalah terdiri daripada bangunan rumah sakit yang telah dikosongkan, tetapi telah diubah suai untuk kegunaan sebagai sebuah maktab.

Pada akhir tahun 1939, sebuah sekolah perempuan di Ujong Pasir diambil alih oleh maktab dan dijadikan sebagai Sekolah Latihan. Pada peringkat awalnya, seramai 24 orang penuntut dipilih masuk tiap-tiap tahun untuk mengikuti kursus perguruan selama dua tahun. Tiap-tiap seorang penuntut maktab itu pula akan diberi wang sebanyak \$3.00 sebulan. Pengetua MWTC yang pertama ialah Puan N. Purdom yang memegang jawatan itu dari tahun 1935 hingga 1938, kemudiannya digantikan dengan Puan M. Lomas dengan dibantu oleh seorang Penolong Pengetua Melayu bernama Cik Fatimah binti Musa.⁶⁵

Maktab ini menyediakan sukatan pelajaran yang memperlihatkan kecenderungan ke arah pelajaran urusan rumah tangga dan penghidupan di rumah. Para pelatih diajar ilmu pengetahuan mengayam dengan daun mengkuang, bertenun,

⁶⁵ *Annual Report of Education 1938*, h. 19.



mengait dan mengelim. Di akhir penggal. Para pelatih diajar cara mendidik bayi dengan melakukan latihan amali di klinik yang berdekatan dengan maktab. Para pelatih ini diberi latihan yang bersesuaian dengan dasar untuk mengekalkan dan menyesuaikan anak-anak Melayu di kampung dengan alam sekitar kekampungannya. Justeru, para guru pula diberi latihan untuk mengajar anak-anak perempuan supaya mereka menjadi:

“... bakal isteri dan pasangan yang berpelajaran. Dengan adanya matapelajaran memasak, membuat model dari tanah liat, membuat bunga kertas, menjahit dan menyulam serta pelajaran kesihatan, perkara-perkara yang diajar adalah lebih romantik daripada apa yang dipelajari oleh kanak-kanak beberapa tahun terdahulu daripada mereka”.⁶⁶

Tempoh masa bagi kursus para pelatih dari tahun ialah selama 3 tahun. Setelah beberapa tahun kemudian, sukatan pelajarannya diperluaskan serta dipertingkatkan lagi dalam semua aspek termasuk menambahkan kurikulum Bahasa Inggeris dan Agama Islam. Dengan pembukaan MWTC ini merupakan peristiwa yang bersejarah bagi bangsa Melayu, kerana ia dianggap sebagai tarikh penting dalam perkembangan pelajaran Melayu sebelum dan selepas perang dunia kedua.

2.4 Percambahan Nasionalisme Dalam Perguruan

Bermulanya campur tangan British di Tanah Melayu sejak 1874, memberikan pelbagai perubahan dalam sistem pendidikan serta perguruan. Hasil daripada perubahan taraf pendidikan menyebabkan percambahan nasionalisme dalam kalangan rakyat yang disampaikan melalui guru-guru. Pihak pentadbiran pelajaran British

⁶⁶ *Ibid*, h. 20.





Malaya mengubah sistem pelajaran yang sedia ada, termasuklah kandungan pelajaran yang akan diajar di sekolah-sekolah. Sebagai contoh dibentuk Jawatankuasa Pusat Penasihat Pelajaran (Central Advisory Committee on Education) pada tahun 1949 untuk menasihati kerajaan tentang dasar dan prinsip-prinsip umum yang diikuti dalam pendidikan.⁶⁷ Jawatankuasa ini mengusulkan dalam laporan pertamanya supaya matlamat akhir hendaklah membentuk bahasa Inggeris sebagai bahasa penghantar di sekolah-sekolah di Malaya.⁶⁸ Usul ini mendapat tentangan hebat dalam Majlis Perundangan Persekutuan (Federal Legislative Council) yang terdiri kebanyakannya daripada pemimpin-pemimpin Melayu. Kesannya, maka perkara utama yang mendapat perhatian pemimpin-pemimpin Melayu ialah betapa mustahaknya meningkatkan pendidikan Melayu yang diabaikan oleh pihak pentadbiran British sebelum ini.



Perkembangan pendidikan dalam dan luar negeri melahirkan golongan intelektual yang berperanan penting dalam membangkitkan gerakan nasionalisme. Dalam kalangan orang Melayu, muncul tiga golongan pemimpin yang mahu membawa perubahan kepada masyarakat Melayu ke arah yang lebih baik.

Pertama ialah golongan yang berpelajaran Arab yang ingin memperjuangkan Islam sebagai satu cara penyelesaian kepada kemunduran orang-orang Melayu.

Kedua ialah golongan berpendidikan Melayu yang menebal dengan semangat kemelayuannya dan menentang regim yang ada.

Ketiga ialah golongan aristokrat yang mendapat pendidikan Inggeris yang juga berjuang untuk melindungi dan memelihara hak-hak orang Melayu.

⁶⁷ *Report of the Central Advisory Committee on Education, Federation of Malaya, 1950*, h. 1.

⁶⁸ Frederic Mason, *The School of Malay*, Singapore: Malaya Publishing House, 1957, h. 29.



Perkembangan sistem pendidikan Inggeris juga melahirkan golongan intelektual yang memperjuangkan hak-hak dan keistimewaan orang Melayu. Mereka menuntut keistimewaan yang diberikan kepada orang British perlu juga diberikan kepada orang Melayu. Percambahan nasionalisme dalam pendidikan orang Melayu menyebabkan berlakunya fenomena seperti kelahiran golongan intelektual Melayu, peningkatan aktiviti kesusasteraan dan persuratan Melayu dan seterusnya mencetuskan kesedaran politik. Dalam keadaan orang Melayu dihimpit dan dicengkam oleh penjajahan, guru-guru Melayu merasa sedih kerana ada pihak-pihak yang bertanggungjawab masih berdiam diri dan tidak mengendahkan nasib orang Melayu di kampung-kampung. Keadaan ini digambarkan dalam puisi yang terkandung dalam *Majalah Guru* seperti berikut:

Bagaimanakah agaknya raja kita?
Bersemayam di istana duduk berdukcita
Jalan kemajuan baginda bercinta
Melepaskan kita daripada derita

Di manakah agaknya wakil Melayu?
Lagikah hidup atau dah layu
Jangan tunduk membuat layu
Takutkan menjadi ikan puyu

Di manakah agaknya persekutuan agama?
Semangat Kristian hendak menjelma
Inilah rencana panjang dan lebar
Membangkitkan hati sekejap-kejap berdebar

Di manakah agaknya yang berbahasa Inggeris?
Bahasa Melayu kurang laris
Memegang pistol pengganti keris
Boleh ditembak tak boleh hiris⁶⁹

Penyair guru ini melahirkan rasa sedihnya melihat apa yang terjadi terhadap bangsanya di zaman penjajahan. Dia mempersoalkan tentang kedudukan raja-raja

⁶⁹ *Majalah Guru*, Julai 1939, h. 228-229.



Melayu yang tidak dapat membuat apa-apa untuk membela rakyat yang masih menderita. Manakalah wakil Melayu (pembesar) pula bagaikan tidak mempedulikan nasib rakyat bawahan. Persatuan agama yang ditubuhkan juga tidak berusaha untuk mengekang penyebaran agama Kristian hingga menimbulkan keresahan dalam kalangan rakyat yang majoritinya beragama Islam.

Golongan terpelajar yang mendapat pendidikan Inggeris sudah lupa bahasa ibundanya tidak lagi gemar bertutur dalam bahasa Melayu. Puisi ini menggambarkan tekanan dan keresahan yang dihadapi oleh orang Melayu pada ketika itu. Guru-guru Melayu menyedari kemunduran dan kelemahan mereka dalam pelbagai bidang akan dapat diatasi sekiranya ada permuafakatan dan kerjasama dalam kalangan mereka. Justeru itu, disarankan agar ditubuhkan satu pertubuhan atau persatuan yang bertindak menjaga kepentingan mereka secara keseluruhannya. Selepas itu maka lahir persatuan-persatuan seperti Persatuan Melayu Perak, Persatuan Melayu Pahang, Persatuan Melayu Selangor, Persatuan Melayu Negeri Sembilan dan Persatuan Melayu Muda.

2.5 Kesimpulan

Pada masa perkembangan sekolah vernakular Melayu di Negeri-negeri Selat sekitar tahun 1870-an, guru-guru yang mengajar di sekolah itu terdiri daripada guru-guru al-Quran. Mereka diberi peluang mengajar oleh pihak kerajaan kerana pada masa itu amat sukar untuk mencari guru yang berkebolehan. Apabila British campur tangan di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu, mata pelajaran al-Quran masih lagi diajar di





sekolah-sekolah vernakular Melayu bagi menarik minat ibu bapa untuk menghantar anak mereka ke sekolah.

Dengan pembukaan Maktab Perguruan Melayu Singapura (1878), bilangan guru Melayu yang mengajar Bahasa Melayu dan Ilmu Kira-Kira bertambah ramai dan boleh diagihkan ke Negeri-Negeri Selat. Selepas itu dibuka pula Maktab Perguruan Taiping (1898), Maktab Latihan Melaka (1900), Maktab Perguruan Melayu Matang (1913) sebelum kedua-dua maktab ini ditutup dan dibuka pula Sultan Idris Training College (1922) yang terkenal itu dengan tujuan untuk menambah bilangan guru.

Perkembangan perguruan di Malaya sebelum merdeka tidak ada persamaan dan keseragaman di antara sistem persekolahan yang sebelumnya. Boleh dikatakan semua sistem yang ada menghadapi berbagai-bagai masalah kerana dasar pecah dan perintah yang diamalkan oleh pentadbir British. Masalah-masalah yang timbul seperti kekurangan bahan pengajaran dan pembelajaran, kekurangan tenaga pengajar, tempat latihan, penyelarasan sukatan pelajaran dan juga kedudukan guru-guru Melayu yang lebih rendah berbanding orang Eropah menimbulkan perasaan curiga terhadap pegawai-pegawai berbangsa Inggeris. Lama kelamaan akan timbul perasaan benci terhadap bangsa asing yang memerintah dan menjadi “Tuan” di negeri-negeri Melayu. Penubuhan pusat-pusat latihan perguruan Melayu di negara ini banyak melahirkan cerdik pandai yang sedar akan kekurangan bangsa sendiri di tanah watannya. Mereka akan berusaha sedaya upaya untuk mengubah taraf hidup dalam sosio politik yang masih mundur. Kesedaran guru Melayu akan nasib buruk yang menimpa bangsanya, baik dari segi ekonomi, politik dan sosial menggalakkan perkembangan faham kebangsaan Melayu yang berunsurkan tuntutan untuk memperbaiki kedudukan





mereka melalui pembaharuan pendidikan. Isu-isu yang dibawa oleh guru-guru Melayu ini tidak terpadam sebaik sahaja tamat perang dunia kedua, malah isu tersebut terutamanya bahasa, pendidikan dan hak politik orang Melayu telah menjadi isu politik dalam usaha mencapai kemerdekaan.





BAB 3

SITC DAN NASIONALISME

3.1 Pedahuluan



Pada akhir abad ke-19, pegawai-pegawai British mula memikirkan cara-cara untuk melatih guru-guru sekolah Melayu untuk memenuhi permintaan kekurangan guru-guru terlatih. Sama seperti keadaan dengan sekolah-sekolah Melayu, penubuhan pusat-pusat latihan perguruan sebelum ini sangat mengecewakan. Ia dibuat dengan cara yang tidak teratur serta tidak bersungguh-sungguh. Kerajaan British yang berpusat di Singapura tidak melihat ia sebagai tanggungjawab kerajaan British. Peruntukan kewangan langsung tidak diberikan. Tanggungjawab itu terserah kepada kebijaksanaan residen atau pegawai-pegawai tadbir British di Negeri-Negeri Melayu. Atas kesedaran dan kecaknaan pegawai-pegawai Inggeris seperti R.J. Wilkinson dan R.O. Winstedt, maka pusat latihan perguruan seperti Malacca Training College (MTC) dan Sultan Idris Training College (SITC) dapat ditubuhkan. Walaupun pusat latihan perguruan pada peringkat awal penuh dengan keadaan yang tidak menentu,





namun jelas bahawa keperluan pelajaran semakin penting kerana tidak ada alat lain bagi membolehkan penduduk Tanah Melayu menguasai pelbagai bidang ilmu, kecuali dengan belajar di sekolah.

3.2 Penubuhan SITC

SITC telah dibuka dengan rasminya pada tahun 1922 di Tanjong Malim, sebuah pekan kecil di utara sempadan Perak dengan Selangor. Pembinaannya mengambil masa selama kira-kira tiga tahun, tetapi hasilnya sangat membanggakan kerana julung-julung kali sekelompok bangunan tempat belajar dan asrama boleh memuatkan kira-kira 200 orang penuntut dan guru-guru mereka di suatu kawasan seluas 80 ekar.

Beberapa tahun kemudian, bangunan tambahan telah dibuat sehingga maktab itu boleh menampung kira-kira 400 orang penuntut. Guru pertama terdiri daripada empat orang Eropah (seorang pengetua, dua orang guru umum dan seorang guru tanam-tanaman), tujuh orang guru Melayu dan seorang Filipina yang diambil berkhidmat sejak tahun 1917 lagi untuk mengajar ilmu mengayam bakul di MTC dan Maktab Perguruan Melayu Matang (MPMM) yang kemudiannya ditutup (lihat Lampiran A untuk biodata ringkas guru-guru SITC yang pertama dan terawal).

Sehingga pertengahan tahun 1920-an, SITC menerima kira-kira 120 penuntut baru setahun dari segenap pelosok Semenanjung, yang dipilih melalui peperiksaan dalam kalangan pelajar yang dicalonkan oleh negeri masing-masing. Pihak guru besar dan para guru lainnya bersusah payah mengelakkan pergumpulan atau pengenalan para penuntut mengikut negeri asal mereka. Penuntut juga diingatkan bahawa mereka




itu orang Melayu semuanya, yang sama-sama bertanggungjawab meninggikan taraf pelajaran anak-anak negeri Melayu khususnya dan kebudayaan Melayu amnya. Semangat kenegerian dalam kalangan penuntut sangat menebal memandangkan mereka dikelaskan mengikut negeri asal masing-masing.¹


3.2.1 Organisasi

Sejak ditubuhkan, struktur organisasi SITC mengambil kira peranan yang dimainkan oleh guru-guru untuk berkhidmat kepada murid-murid yang diketuai oleh seorang Pengetua. Pengetua merupakan jawatan yang terpenting dan tertinggi sekali dalam hirarki kolej yang dibantu oleh seorang penolong pengetua. Pengetua SITC biasanya akan memegang jawatan sebagai Penolong Pengarah Pelajaran (Melayu) di Tanah Melayu atau *Assistant Director Education (Malay)*. Sebelum merdeka, jawatan Pengetua dan Penolong Pengetua disandang oleh pegawai berbangsa Inggeris. Di bawah Penolong Pengetua terdapat seorang Guru Besar yang dilantik dalam kalangan guru-guru Melayu. Guru-guru Melayu yang mengajar mata pelajaran tertentu berada di bawah kelolaan Guru Besar yang biasanya dibantu oleh seorang Penolong Guru Besar. Secara ringkasnya, struktur organisasi SITC ialah seperti yang ditunjukkan di muka surat sebelah:

¹ Temu bual dengan Cikgu Haji Ami bin Raif dan isterinya Aminah binti Awang, di Blk 45 Sims Drive, #02-178, Singapore 380045, pada 15 Jun 2010. Beliau merupakan lepasan SITC tahun 1952-1955.



Struktur Organisasi SITC di bawah Pengetua pada tahun 1924



Struktur Organisasi SITC di bawah Guru Besar pada tahun 1924



Guru-guru Melayu akan memegang jawatan-jawatan tertentu untuk menasihati pelajar seperti Pengawas Semua Hal, Pengawas Kebun dan Dapur, Pengawas Permainan Majlis, Pengawas Bilik Senaman, Pengawas khutub Khanah, Pengawas Permainan Dalam, Pengawas Permainan Luar dan Penyunting Majalah. Jawatan-jawatan ini bertukar mengikut kesesuaian dan minat guru tersebut, dan mengikut peredaran zaman. Contohnya, Pengawas Kebun dan Dapur sudah tidak relevan lagi dan ditukar kepada Guru Pengawas Asrama.

Dari segi struktur jabatan pula, SITC pada peringkat awanya hanya mempunyai satu unit jabatan iaitu Pejabat Karang Mengarang yang diketuai oleh Za'ba sehingga 1939 apabila Pejabat Karang mengarang itu ditutup. Secara umumnya, struktur organisasi SITC adalah sama seperti pentadbiran di sekolah-sekolah kerajaan pada masa sekarang.



3.2.2 Pengambilan Penuntut

Pengambilan penuntut ke maktab ini dilakukan dengan berhati-hati sekali dengan syarat-syarat yang agak ketat. Ini bagi menjamin mutu pembelajaran dan juga menapis penuntut agar mereka yang benar-benar minat sahaja dapat memasukinya. Mereka ditapis dengan mengenakan syarat-syarat tertentu. Setiap calon yang memasuki maktab ini mestilah berumur tidak kurang daripada 16 tahun dan tidak lebih daripada 18 tahun. Di samping itu mereka mestilah lulus peperiksaan khas yang



diadakan dua kali setahun.² Mereka yang memasuki peperiksaan ini kebanyakannya ialah guru-guru pelatih dan kadang kala murid-murid yang bersekolah di sekolah-sekolah Melayu yang terdiri daripada anak-anak petani dan nelayan. Mereka yang telah bersekolah mestilah lulus Darjah IV di mana-mana sekolah Melayu.³

Pengambilan penuntut di SITC ini berbeza dengan satu-satunya institusi pengajian yang ada di negeri Perak ketika itu, iaitu Malay College Kuala Kangsar (MCKK), yang rata-rata penuntutnya datang dari golongan aristokrat. MCKK tempat mendidik anak kelas pemerintah yang tradisional dan orang atasan bagi membolehkan mereka mengikuti kuliah dalam bahasa Inggeris, kemudian menempatkan mereka di jabatan-jabatan kerajaan. SITC pula mendidik anak-anak petani dan nelayan yang miskin bagi membolehkan mereka mengikuti kuliah dalam bahasa Melayu untuk ditempatkan di sekolah-sekolah Melayu di serata pelusuk negara.

Namun terdapat juga persamaan yang jelas di antara kedua-duanya dalam sifatnya sebagai institusi khas yang melahirkan orang atasan sebagai sekolah berasrama yang secara kasarnya secorak dengan sekolah-sekolah umum Inggeris, kedua-duanya mempunyai bentuk organisasi dan semangat persaudaraan yang sama. Kedua-duanya memberikan pelajaran peringkat menengah dan mengambil penuntut dari segenap pelusuk negara dan meletakkan mereka di bawah pengajian yang sama taraf untuk membentuk perpaduan.

² *Regulations for Malay Vernacular Education in the Straits Settlements and Federated Malay States* 1936, h. 31.

³ Temu bual dengan Haji Daud bin Ismail pada 17 Mei 2013 di rumah beliau S-115, Kampung Pauh Lima, 16090 Kota Bharu, Kelantan. Beliau merupakan penuntut SITC tahun 1950-1953.



Pada hari penuntut-penuntut tiba di maktab itu, mereka disuruh berbaris mengikut besar dan tinggi mereka. Kemudian mereka dibahagi-bahagikan oleh guru besarnya ke dalam 'rumah-rumah' dengan cara berjalan di hadapan barisan mereka itu dan menamakan 'rumah' tiap-tiap seorang yang dilaluinya bergilir-gilir. Cara ini bertujuan untuk mendapatkan pembahagian adil pemain-pemain bola dan hoki ataupun perlawanan olahraga yang menjadi aktiviti riadah yang sangat popular pada waktu itu. Namun di sebalik cara ini, penuntut-penuntut sebenarnya telah dipecah-pecahkan daripada kumpulan negeri masing-masing supaya mereka bersatu padu dalam satu pasukan serta memberikan taat setia kepada negara. Walaupun begitu, lepasan pelajar dari maktab ini biasanya akan pulang ke daerah asal mereka atau negeri masing-masing untuk mengajar dengan membawa kesedaran baru tentang pemuafakatan yang lebih luas dalam dunia Melayu, dan semangat yang berkobar-kobar untuk berkhidmat kepada anak bangsa sendiri.⁴ Pada Mac 1924, SITC berjaya mengeluarkan guru terlatih yang pertama, iaitu seramai 58 orang (lihat senarai nama di Lampiran B). Jumlah guru terlatih yang dikeluarkan terus meningkat dari setahun ke setahun mengikut keperluan dan dasar pelajaran yang ditetapkan oleh kerajaan.

3.2.3 Pendudukan Jepun dan Zaman Darurat

Pada masa Perang Dunia Kedua sejak 1939 meletus, SITC dipimpin oleh R.P.S. Walker sebagai pengetua kolej. Beliau membuat peraturan serta memberi penerangan dari semasa ke semasa berkenaan dengan perang. Pada tiap-tiap pukul 10.00 pagi hari Jumaat, kira-kira suku jam lamanya, beliau berucap di Dewan Besar SITC kepada

⁴ Temu bual dengan Haji Mohd Amin Raif (SITC 1952-1955) pada 15 Jun 2010.



guru-guru dan penuntut menerangkan hal ehwal dan keadaan yang berlaku di medan pertempuran. Kalau ada perkhabaran penting, beliau akan tampil di papan kenyataan, di bilik-bilik guru dan juga asrama penuntut kolej untuk dihebahkan. Derma juga dikutip setiap bulan lebih kurang \$70.00 pada Jun 1940, dan adakalanya mencecah \$270.00 yang dikumpulkan sebagai derma perang. Akibat perang menyebabkan pelajar-pelajar terpaksa berjimat cermat dalam semua hal perbelanjaan.

Selepas Jepun menyerah kalah dan berakhirnya pendudukan Jepun di Tanah Melayu, operasi persekolahan telah dibaik pulih. Penuntut-penuntut telah kembali ke Tanjong Malim dan menyambung kembali pengajian mereka. Jumlah penuntut yang meneruskan pengajian mereka mengikut negeri ialah seperti jadual di bawah:

Jadual 3.1

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi

*Jumlah Penuntut SITC Pada Tahun 1947 Mengikut Negeri.*⁵

Negeri	Jumlah murid			
	Tahun I	Tahun II	Tahun III	Jumlah
Singapura	8	9	15	32
Johor	8	10	15	33
Melaka	13	14	15	42
N. Sembilan	6	9	14	29
Selangor	11	12	15	38
Perak	28	26	38	92
P. Pinang	14	14	18	46

(bersambung)

⁵ Chendera Mata Sultan Idris Training College, Bil. 38, Okt. 1947, h. 24.

Jadual 3.1 (sambungan)

Negeri	Jumlah murid			
	Tahun I	Tahun II	Tahun III	Jumlah
Kedah	-	-	6	6
Perlis	2	2	3	7
Kelantan	3	6	8	17
Terengganu	-	2	7	9
Pahang	13	14	18	45
Brunei	4	4	4	12
Jumlah	110	122	176	408

Kesan daripada peperangan menyebabkan jumlah penuntut SITC semakin berkurangan. Pada akhir penggal I, tahun 1947, 11 orang daripada penuntut telah berhenti daripada meneruskan pengajian. Seorang diberhentikan, tiga orang dihantar balik ke kampung masing-masing kerana masalah kesihatan. Ini menjadikan jumlah penuntut yang tinggal pada tahun tersebut berjumlah 397 orang. Semasa darurat tahun 1948, Tanjong Malim dan kawasan sekitarnya seperti Lembah Bernam, Hulu Selangor dan Slim River menjadi sarang pengganas komunis yang aktif. Boleh dikatakan setiap hari akan berlaku kejahatan komunis di kawasan tersebut. Misalnya, berlaku ugutan terhadap penduduk-penduduk kampung, membakar bas kepunyaan syarikat pengangkutan Mogah di situ, tembak menembak di antara pasukan keselamatan dengan pengganas komunis, letupan bom di depoh minyak kepunyaan syarikat bas Mogah, serangan ke atas pasukan polis Tanjong Malim, pemusnahan paip air kepada penduduk, pembunuhan ke atas pengawal kampung, serangan bom mortar di kawasan SITC.



Tidak berapa jauh dari pekan Tanjong Malim, arah ke utara jalan lama, terdapat satu selekoh yang terletaknya Kampung Simpang Empat. Di kiri kanan jalan ke kampung itu terdapat bukit dan di kaki bukit tersebut terdapat banyak denai yang menjadi laluan pengganas komunis. Banyak laporan daripada pihak polis Tanjong Malim yang mengatakan orang ramai terserempak dengan pengganas komunis yang berpakaian seragam dan bersenjata menyeberang di situ. Mereka bergerak dalam kumpulan tiga hingga 10 orang. Bagi menjaga keselamatan pelajar-pelajar Sultan Idris Training College (SITC) yang terletak di seberang jalan kampung tersebut, Polis Khas yang dikenali sebagai Special Constable (S.C.) ditempatkan di situ. Polis Khas yang bertugas di situ hanya beberapa orang. Mereka dibantu oleh pasukan Home Guard yang terdiri daripada penuntut atau kakitangan SITC dan orang kampung. Mereka semua dibekalkan dengan senjata api dan diberi latihan kawad dan menembak. Salah sebuah daripada setor kepunyaan SITC dijadikan tempat menyimpan senjata dan sebuah pondok pengawal didirikan berdekatan dengan setor tersebut.

Pada tanggal 3 Mac 1950, jam 8.30 pagi, sehelai bendera komunis ditemui oleh pelajar-pelajar SITC yang dikibarkan pada sebatang tiang di padang maktab, kira-kira 15 ela dari pintu hadapan jalan besar. Ia dipercayai telah dipasang oleh pihak komunis atau penyokong mereka pada sebelah malamnya.⁶ Beberapa keping risalah komunis juga ditemui ditampal di beberapa batang tiang yang terdapat di sepanjang jalan besar. Pihak polis menurunkan bendera serta memusnahkan risalah-risalah tersebut untuk mengelakkan penduduk terpengaruh dengan propaganda komunis.

⁶ Temu bual dengan Haji Mohammad bin Said (SITC 1944-1947) pada 28.4.2009 di rumah beliau No. 23, Jalan Tingkat Siakap 11, Seberang Jaya, 13700 Prai, Pulau Pinang.





Dalam pada itu, arah ke dalam sedikit dari pondok pengawal SITC, terdapat penempatan orang-orang Melayu. Di situ telah berlaku satu pembunuhan oleh pihak pengganas. Sekumpulan pengganas komunis seramai 20 orang telah menyerang dan membunuh dua orang daripada pengawal maktab. Kejadian ini berlaku pada 24 September 1951 pada jam 3.15 pagi. Pengganas komunis tersebut memaksa pengawal yang berkenaan supaya menyerahkan senjata mereka, tetapi mereka enggan lalu mereka ditembak mati. Senjata dan jam tangan mereka dirampas oleh pengganas termasuk sebutuk cincin emas. Mereka yang terkorban ialah SC27169 Idris bin Mohd Darus dan SC9680 Khalid bin Shamsuddin.⁷ Tragedi itu memaksa pihak berkuasa menempatkan satu platoon Royal West Kent (RWK) di dalam kawasan SITC pada 25 September 1951. Malangnya, dalam serangan hendap yang dilakukan oleh pihak pengganas komunis pada 23 Oktober 1951, iaitu hampir genap sebulan platoon RWK berada di SITC, seramai 10 orang anggota platoon RWK pula terkorban dan 10 orang lagi mengalami kecederaan akibat serangan hendap pengganas komunis.⁸

Sebagai langkah keselamatan, memandangkan kegiatan pengganas komunis kian meningkat, pagar kawat berduri dipasang di sekeliling kawasan SITC. Namun, pada satu ketika lain pula, pada waktu malam, ketika penuntut-penuntut SITC sedang menonton wayang gambar di bilik senaman (kini Galeri Seni UPSI), pengganas komunis menembak tempat Polis Khas berkawal, tetapi tembakan tersebut terkena bilik projektor. Apabila mendengar bunyi tembakan itu, penuntut-penuntut yang sedang asyik menonton tayangan gambar Inggeris lari bertempir menyelamatkan diri masing-masing dan ada yang meniarap ke lantai. Tayangan pada malam itu telah dibatalkan dan penuntut-penuntut kemudiannya dinasihatkan pulang ke asrama masing-

⁷ *Principal's Diary 1951-1977, Sultan Idris Training College* (24 Sep. 1951).

⁸ *Ibid* (23 Okt. 1951).





masing. Serangan pada malam itu tidak mengakibatkan sebarang kemalangan jiwa, cuma satu kerosakan kecil berlaku pada dinding bilik senaman tersebut.

Kedudukan SITC sebenarnya tidak berapa jauh dari Balai Polis Tanjong Malim. Oleh kerana hendak mengelak daripada diketahui oleh pihak polis, penganas-penganas komunis tersebut selalunya bertindak pantas dan terus melarikan diri. Pada hari peristiwa ini berlaku, paip air yang membekalkan air kepada penduduk-penduduk sekitar Tanjong Malim sekali lagi telah dirosakkan oleh sekumpulan penganas yang jumlahnya di antara 20 hingga 30 orang.⁹ Paip air yang dirosakkan itu terletak dalam sebuah kebun getah di belakang SITC. Penuntut-penuntut terpaksa mandi dan membersihkan diri di Sungai Bernam sebelum bekalan air dapat dipulihkan. Ketika perjalanan ke tempat mandi, terdengar bunyi tembakan



beberapa kali datang dari arah kebun getah tersebut. Tuan Haji Zainal Abidin bin Mohd Ali yang menjadi Penolong Pengetua Melayu SITC pada masa itu segera datang dan memerintahkan penuntut-penuntut yang kebingungan kerana tidak mengetahui puncanya supaya segera beredar dari situ.¹⁰

Diceritakan oleh Dato' Haji Salleh bin Mohd Akib, lebih kurang jam 11.00 pagi, barulah diketahui bahawa sejumlah 12 orang terkorban dan lapan tercedera ditembak penganas komunis. Salah seorang yang terselamat berjaya melarikan diri ke Balai Polis Tanjong Malim untuk meminta bantuan. Mayat-mayat yang terdiri daripada anggota polis dan orang awam yang terkorban itu dikumpulkan di hadapan Pejabat Daerah sebelum dihantar ke rumah sakit Tanjong Malim. Di antara yang turut

⁹ Temu bual dengan Dato' Haji Salleh bin Mohd Akib (SITC 1950-1953) pada 26.6.2012 di pejabat beliau Perbadanan Muzium Negeri Kelantan, Jalan Hospital, 15000 Kota Bharu, Kelantan.

¹⁰ *Ibid.*





terkorban termasuk dua orang pegawai berbangsa Inggeris. Mereka ialah Penolong Pegawai Daerah Tanjong Malim bernama R.C.M. Codner dan seorang Jurutera Eksekutif bernama W.H. Fourniss. Peristiwa berdarah ini berlaku pada 25 Mac 1952.¹¹

Peristiwa yang memeranjatkan ini menyebabkan Sir Gerald Templer yang pada ketika itu menjadi Pesuruhjaya Tinggi British di Tanah Melayu bertindak pantas. Templer mula-mula datang ke Malaysia pada 9 Februari 1952 merupakan seorang pegawai tinggi tentera British. Beliau pernah bertugas dalam pasukan British menentang Jerman dalam tahun 1938 semasa negara Jerman diperintah oleh Hitler. Pengalaman yang diperolehnya dalam bidang ketenteraan digunakan untuk bertugas di Malaya ketika itu. Belum pun sampai 48 jam setelah peristiwa itu berlaku, beliau sampai ke Tanjong Malim iaitu pada 27 Mac 1952 dengan menaiki sebuah kereta perisai dari Kuala Kubu. Bertolak dari Kuala Lumpur, beliau datang dengan helikopter dan mendarat di kem tentera di Kuala Kubu.

Pada sebelah pagi, biasanya penuntut SITC bersiap-siap hendak ke kelas. Biasanya sebelum masuk ke kelas, mereka beratur terlebih dahulu dalam Dewan Besar (kini Muzium Pendidikan Nasional), tetapi pada pagi itu, penuntut-penuntut tidak beratur dan tidak pula mereka ketahui apakah yang berlaku sebenarnya. Ini menyebabkan masing-masing bertanya-tanya sesama sendiri. Beberapa minit kemudian kelihatan beberapa orang anggota polis dari Balai Polis Tanjong Malim datang. Ada yang masuk ke dalam Dewan Besar SITC dan menutup pintu-pintu dewan tersebut. Kemudian diikuti oleh sepasukan askar, datang dan masuk ke dalam dewan. Ada di antara mereka yang terus ke tengah padang maktab yang luas itu.

¹¹ *Principal's Diary 1951-1977, Sultan Idris Training College (25 Mac 1952).*





Mereka berlutut di sekeliling kawasan padang dengan menghalu muncung senapang ke arah sekitar, seolah-olah bersiap sedia menghadapi pertempuran.¹²

Tidak lama kemudian, orang ramai datang dan mereka semuanya disuruh masuk ke dalam Dewan Besar SITC. Sesiapa yang membawa senjata seperti pistol, keris, parang dan golok disuruh tinggalkan di muka pintu masuk Dewan Besar SITC. Jumlahnya lebih kurang 300 orang yang terdiri daripada ketua kaum Melayu, Cina dan India dan orang kampung di sekitar Tanjong Malim. Selepas itu, datang sebuah trak tentera, di atas trak itu terbentang sehelai kain merah sebagai tanda ada sesuatu kecemasan. Trak itu berhenti di hadapan Dewan Besar SITC, lalu keluar seorang pegawai tentera berpakaian seragam lengkap dengan sepucuk pistol di pinggangnya, beliau ialah General Sir Gerald Templer. Beliau masuk ke dalam dewan tempat orang



ramai sedang menunggu lalu memberi ucapan dan memberitahu tentang tujuan kedatangannya. Templer bercakap dengan nada marah, mengingatkan mereka bahawa dalam masa tiga bulan, pengganas komunis melakukan banyak kekacauan dan pembunuhan di Tanjong Malim.¹³

Bertempat di Dewan Besar SITC, Templer berucap kepada lebih 350 orang hadirin yang terdiri daripada penghulu, pemimpin masyarakat, penduduk kampung dan ketua kampung di Tanjong Malim.¹⁴ Turut hadir dalam perhimpunan tersebut ialah Menteri Besar Selangor, Raja Uda, Timbalan Menteri Besar Perak, Dato' Onn Laksamana Ghazali, Penasihat British Perak, I.W. Blesloch, Ketua Pegawai Polis

¹² Temu bual dengan Dato' Haji Salleh bin Mohd Akib.

¹³ Semasa perhimpunan yang diadakan di Dewan Besar SITC, terdapat lebih ramai orang Melayu yang hadir berbanding Orang Cina dan Tamil. Lihat dlm. Leslie Hoffman, "Sir Gerald Tampler Punishes Town of 20,000 Cowards", *The New Straits Times*, 28 March 1952. Lihat juga tentang darurat di Tanjong Malim dalam buku *Aspirasi Kebitaraan, op cit.*, h. 122.

¹⁴ *Federal Government Press Statement*, 27 March 1952.



Selangor dan Perak serta beberapa lagi pegawai kerajaan. Dalam perhimpunan tersebut, Templer telah ditemani oleh pemimpin Trade Union yang juga turut memberikan ucapan.¹⁵ Dalam ucapan selama 50 minit,¹⁶ Templer telah mengingatkan kepada semua yang hadir tentang tanggungjawab mereka kepada kerajaan dan pada masa yang sama mengutuk sikap penduduk yang tidak mempunyai keberanian dan gagal membantu pihak berkuasa menghapuskan keganasan dalam kalangan mereka sendiri. Beliau mengecam tindakan penduduk Tanjong Malim yang dianggap 'pengecut' dan tidak memberikan kerjasama yang sepenuhnya dalam membentaras komunis. Perkara-perkara seperti berikut telah ditegaskan oleh Templer dalam perhimpunan di Dewan Besar SITC dengan berkata:

"I have therefore come personally to tell you what I am going to do about it. This is going to stop. It does not amuse me to punish innocent people. But many of you are not innocent. You have information which you are too cowardly to give. I am responsible for the restoration of law and order in this country. The reason I want law and order is so that I can get on with many things. The thing I want to get on with are good for the people of this country. Why should it be impossible to do these good things because people like you are cowards. It is because of these sympathizers with communism. Communism is the most evil thing in the world. Do you think that under a communist regime you will be able to live a happy family life? Don't you realize that your children will be set to spy upon you?"¹⁷

Beliau kemudiannya menambah:

"None of this would have happened if the inhabitants in this part of the country had had courage. You want everything done for you, but you are not prepared to assume the responsibilities of citizenship. I want law and order, so that I can get on with many things which are good for this country. Why should it be impossible to do these good things? Because people like you are

¹⁵ "Templer Punishes Tanjong Malim: 22 Hour Curfew", *The Straits Echo and Times of Malaya*, 28 March 1952.

¹⁶ Dalam perhimpunan di Dewan Besar SITC, Jeneral Templer telah berucap kepada semua hadirin dan ucapannya telah diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu, Cina dan Tamil oleh seorang penterjemah. Lihat "Templer Punishes Town of Tanjong Malim for Cowardliness", *The Malay Mail*, 28 March 1952.

¹⁷ "Templer Punishes Tanjong Malim: 22 Hour Curfew", *The Straits Echo and Times of Malaya*, 28 March 1952.



cowards. Do you think that under a Communist regime you will be able to live a happy family life?"¹⁸

Dengan nada yang keras, Templer memberi amaran dengan berkata:

"Are any of you Communists in this room? Put your hands up. {pause} All Right. I shall have to take extremely unpleasant steps."¹⁹

Beliau kemudian mengisytiharkan:

"This, is going to stop. It does not amuse me to punish innocent people, but many of you are not innocent. You have information that you are too cowardly to give."²⁰

Bagi memburu penganas yang bertanggungjawab melakukan pembunuhan tersebut, penuntut SITC yang menganggotai Home Guard turut terlibat membantu tentera British membuat pemeriksaan dari rumah ke rumah. Pengenalan diri penduduk telah diperiksa satu persatu. Pegawai Daerah yang baru, D.C.L. Wilson dilantik dan beliau dibantu oleh pasukan polis dan tentera tambahan. Pekan Tanjong Malim juga dikenakan perintah berkurung selama 20 jam. Cuma empat jam sahaja mereka dibenarkan keluar iaitu dari jam 10.00 hingga 2.00 petang untuk mendapatkan barang keperluan. Hukuman kolektif itu merangkumi setiap penduduk, lelaki, perempuan dan juga kanak-kanak di Tanjong Malim, di estet dan kampung yang menganjur dari Tanjong Malim hingga ke Trolak, kira-kira 18 batu ke arah utara. Sesiapa yang engkar dan melanggar perintah berkurung ini akan ditembak oleh askar-askar yang ditugaskan untuk menjaga kawasan tersebut.

¹⁸ "Ambush at Tanjong Malim Part 2 - General Templer Punishes the Townspeople", Arkib Negara Malaysia.

¹⁹ "Templer Punishes Tanjong Malim: 22 Hour Curfew", *The Straits Echo and Times of Malaya*, 28 March 1952.

²⁰ "Ambush at Tanjong Malim Part 2 - General Templer Punishes the Townspeople", Arkib Negara Malaysia.





Kira-kira 3,500 penduduk Tanjong Malim dan penuntut SITC menyertai Home Guard untuk menjaga keamanan kawasan sekitar. Sejak itu, keadaan di Tanjong Malim semakin aman dan kegiatan jahat pengganas komunis telah mulai reda. Untuk lapan tahun seterusnya dalam tempoh darurat, SITC dan sekitar Tanjong Malim mempunyai rekod keselamatan yang memuaskan.

3.2.4 F.M.S. Volunteer Force dan S.I. Company

Sebuah platun pasukan sukarela yang dikenali sebagai Malayan Volunteer Infantry (MVI) ditubuhkan di SITC dalam tahun 1924, diketuai oleh L.R. Wheeler, seorang guru di SITC serta pemimpin pengakap. Pada tahun 1925, ahlinya seramai 70 orang, kemudian meningkat kepada 150 orang pada tahun 1927.²¹ Platun MVI SITC ini kemudian menjadi platun yang ketujuh di negeri Perak. Beberapa tahun kemudian, MVI SITC dijadikan pasukan sukarela yang tersendiri, dinamakan Sultan Idris Company atau S.I. Company dan ditadbir oleh Ibu Pejabat Pasukan Sukarela Persekutuan di Kuala Lumpur. Tiap-tiap tahun pasukan S.I. Company ini berkhemah di Port Dickson dengan pasukan sukarela negeri-negeri lain. Perkhemahan MVI SITC yang pertama diadakan pada 19.9.1925 di Port Dickson, Negeri Sembilan.²² Dalam majalah *Chendera Mata SITC* tahun 1931, jawatan dalam S.I. Company-F.M.S.V.F. dicatat seperti berikut:-

²¹ Abu Bakar Nordin (et al.), *Meniti Zaman: SITC-MPSI-IPSI-UPSI*, Kuala Lumpur: Pustaka Antara, 2000, h. 44.

²² *Principal's Diary 1922-1950, Sultan Idris Training College, Tanjong Malim* (19.9.1925).





<i>Officer Commanding</i>	:	<i>Captain J. Pearce</i>
<i>2nd in Command</i>	:	<i>Captain Yazid b. Ahmad</i>
<i>Officers</i>	:	<i>Lieut. Abd. Jalal b. Taha</i>
	:	<i>Lieut. Md. Rais b. Hasan</i>
	:	<i>Lieut. Buyong b. Adil</i>
	:	<i>2nd Lieut. Zainuddin b. Abu</i>
	:	<i>2nd Lieut. Abd. Rahman b. Yusof</i>
<i>Company Sergeant Major</i>	:	<i>Sgt. Major Abd Aziz b. Din</i>
<i>Company Q.M.S.</i>	:	<i>Q.M.S. Hashim b. Tajuddin</i>
<i>Sergeants</i>	:	<i>Sgt. Abd. Karim b. Md. Sharif</i>
	:	<i>Sgt. Hasan b. Md. Arif</i>
	:	<i>Sgt. Jamaluddin b. Din</i>
	:	<i>Sgt. Sulaiman b. Hamzah</i>
	:	<i>Sg. Abd. Rahman b. Hj. Talib</i>
	:	<i>L/Sgt. Hj. Sha'ari b. Hj. Hitam.</i> ²³

Pada 12 November 1932, pasukan S.I. Company mengadakan pertandingan menembak dengan pasukan M.V.I. Tapah. Pasukan S.I. Company telah mengalami kekalahan kepada pasukan M.V.I. Tapah dengan perbezaan dua mata.²⁴ Pada 10

Disember 1932, Kapten Yazid dan anggota pasukan S.I. Company mengikuti latihan kem tahunan selama kira-kira sebulan. Kem tahunan ini diadakan setelah cuti hujung tahun apabila penuntut-penuntut SITC selesai menghadapi peperiksaan. Antara anggota lain yang mengikuti latihan tersebut ialah Leftenan Yazid bin Ahmad dan Leftenan Zainal Abidin bin Ali²⁵ Dalam pada itu, O.T. Dussek pula telah dinaikkan pangkat menjadi Kapten pada 25.4.1933 di samping mengambil alih jawatan sebagai Pegawai Pemerintah dalam S.I. Company.²⁶

²³ *Chendera Mata, Sultan Idris Training College*, 1931, Bil. 17, h. 58.

²⁴ *Principal's Diary 1922-1950, Sultan Idris Training College, Tanjong Malim* (12.11.1932).

²⁵ Beliau asalnya menjadi guru di Maktab Melayu Matang pada 5.7.1920 dan berpindah ke SITC mulai 1.8.1924 hingga tahun 1932. Beliau dipindahkan ke beberapa buah sekolah seperti Taiping, Tapah, Pulau Pinang, Melaka dan Pahang sebelum kembali ke SITC pada 1.5.1950 hingga 12.12.1957 apabila berpindah ke Institut Bahasa Johor Bahru. Beliau ditauliahkan sebagai Leftenan pada 27.9.1932 dalam F.M.S.V.F. dan seterusnya Kapten pada 6.2.1940 serta dilantik menjadi 2IC Kompeni Ketiga, Batalion S.S.V.F. Lihat rekod perkhidmatannya dalam *Indeks Record of Service and Leave Sultan Idris Training College*, (t.t), Vol. I, No. 44 & Vol. III, No. 9 & 18.

²⁶ *Record of Service and Leave Sultan Idris Training College*, Vol. I, No. 29.





Pada tahun 1941, meletus Perang Dunia Kedua, menyebabkan pihak Jepun menyerang Malaya dan mendarat di Pantai Sabak, Kota Bharu pada tanggal 8 Disember 1941. Serangan daripada Ketumbukan Kelapan tentera Jepun seramai 5,600 anggota tentera itu diketuai oleh Jeneral Hiroshi Takum berjaya mengalahkan tentera udara British yang berpangkalan di Kota Bharu dan Gong Gedak di bawah pimpinan Brigedier Key dan Mejar Jeneral Barstow.²⁷ Tentera Jepun kemudiannya mara ke Selatan Semenanjung.

Pada 11 Disember 1941, semua anggota S.I. Company diperintah berkumpul di Port Dickson.²⁸ Anggota-anggota Pasukan Sukarela dari FMSVF, UFMSVF, SSVF dan SITCVF telah dikerah menjalani latihan intensif peperangan untuk melawan kemaraan tentera Jepun. Anggota S.I. Company bertolak ke Port Dickson dengan kereta api pada jam 1.46 petang yang diketuai oleh Kapten Yazid bin Ahmad dan dibantu oleh Leftenan Abdul Jalal bin Taha²⁹ untuk menjalani latihan. Sebelum dihantar ke Stesyen Kereta Api Tanjong Malim, wakil pengetua SITC, Kapten J. Pearce memberi kata-kata semangat kepada mereka dan mengucapkan selamat jalan agar mereka sampai ke destinasi.³⁰

²⁷ Tentera British juga mendapat bantuan dari Pasukan Ke-21 Tentera Meriam India menggunakan meriam 3.7 inci dan tentera Australia. Turut sama membantu ialah pejuang Melayu daripada Batalion Ke-2, Askar Melayu dan anak-anak tempatan yang merasa bertanggungjawab mempertahankan tanah air. Mereka daripada Pasukan Sukarelawan Kelantan (Kelantan Volunteer Force) yang terdiri daripada 66 orang anggota di bawah pimpinan Kapten H.A. Anderson dan Sarjan Tengku Mahmood Mahyiddeen. Lihat Mohd Zamberi A. Malek, *Harimau Malaya: Biografi Tengku Mahmood Mahyiddeen*, Bangi: Penerbit UKM, 1999, h. 56.

²⁸ Perang Dunia Kedua menyebabkan SITC Tanjong Malim terpaksa berpindah ke Bukit Chandan, Kuala Kangsar (Mac 1941 hingga 18.12.1941). Namun akibat perang, SITC akhirnya ditutup pada 19.12.1941 SITC dibuka semula pada 1.4.1946 setelah keadaan kembali aman. Untuk keterangan lanjut sila lihat *Chendera Mata, Sultan Idris Training College*, Bil. 47, 1954, h. 11-12 dan *Principal Diary 1922-1950, Sultan Idris Training College Tanjong Malim* (18.12.1941).

²⁹ Cikgu Abdul Jalal bin Taha berasal dari Negeri Sembilan. Lulusan MTC tahun 1922. Mengajar Bahasa Melayu dan Hikayat di SITC mulai 12.6.1923-1941. Beliau dan Yazid bin Ahmad ditauliahkan sebagai Leftenan dalam SITC MVI pada 1 Januari 1933. Lihat Syed Othman Syed Omar, *Rejimen Askar Melayu Diraja 1933-1968*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2005, h. 30.

³⁰ *Principal's Diary 1922-1950, Sultan Idris Training College Tanjong Malim* (11.12.1941).





Sementara itu, pada 15 Disember 1941 pihak tentera Jepun menggugurkan bom di Ipoh menyebabkan suasana panik kepada ibu bapa pelajar yang berada di Bukit Chandan, Kuala Kangsar. Kehadiran pelajar ke kolej merosot kepada 65% pada 16 Disember 1941 dan terus merosot kepada 23% keesokan harinya. Pengetua SITC terpaksa menenangkan ibu bapa dan menasihatkan pelajar-pelajar supaya kembali ke sekolah, tetapi keadaan sudah tidak dapat dikawal menyebabkan SITC terpaksa ditutup pada 19 Disember 1941 dan dibuka semula pada 2 April 1946 apabila perang tamat.³¹

3.3 Nasionalisme Melayu

Dalam konteks Tanah Melayu, nasionalisme membawa maksud perasaan cinta dan taat setia yang tidak berbelah bahagi kepada tanah air dan ingin membebaskan negara dan bangsa daripada penguasaan dan cengkaman kuasa asing. Nasionalisme juga ada kaitan dengan “negara” dan “bangsa”. Nasionalisme pada umumnya bertujuan mewujudkan kebebasan individu dan negara daripada cengkaman dan kongkongan pemerintah dan kuasa asing. Intipati utamanya ialah untuk mewujudkan kebebasan dan maruah seseorang serta membentuk nasib dan masa depan sesebuah negara dan bangsa. Dengan itu, nasionalisme bergerak ke arah pembentukan satu identiti bangsa yang berbudaya tinggi. Menjelang awal abad ke-20, kebangkitan nasionalisme semakin meluas dalam kalangan orang Melayu.

³¹ *Principal's Diary 1922-1950, Sultan Idris Training College, Tanjong Malim* (18.12.1941). Lihat juga *Annual Report Sultan Idris Training College, Tanjong Malim 1946*.





Nasionalisme Melayu adalah satu gerakan yang bersifat tempatan yang menuju ke arah pembentukan sebuah negara-bangsa. Gerakan ini berorientasikan kepentingan politik tempatan dan bergerak ke arah membina satu kesatuan bersifat tempatan. Gerakan yang tidak menuju ke arah pembentukan satu identiti kebangsaan sebelum kemerdekaan Tanah Melayu tidak dapat diterima sebagai satu gerakan nasionalisme tempatan. Dalam bab yang seterusnya ini, penyelidik akan memberi penekanan tentang faktor-faktor kebangkitan nasionalisme di Tanah Melayu.

Nasionalisme di Tanah Melayu boleh dikesan sejak awal kurun ke-20 lagi. Iaitu setelah pihak British menguasai seluruh Tanah Melayu, di bawah sistem pemerintahan yang dibahagikan kepada Negeri-Negeri Selat, Negeri-Negeri Tidak Bersekutu dan Negeri-Negeri Bersekutu.³² Kedatangan penjajah ke Tanah Melayu sebenarnya telah bermula sejak abad ke-18 lagi iaitu dimulai oleh Belanda, diikuti oleh Portugis dan akhir sekali British. Tujuan mereka pada mulanya adalah untuk berdagang. Namun selepas mendapati kedudukan Tanah Melayu yang strategik dan mempunyai kekayaan hasil bumi lantas mereka mengambil kesempatan untuk menjajah dan mengaut kekayaan hasil bumi negara jajahan mereka.³³

Semangat nasionalisme orang Melayu bermula lebih awal berbanding dengan kaum Cina dan India kerana pada masa tersebut kerana mereka mempunyai kiblat taat setia yang tidak sama. Kiblat taat setia orang Melayu ialah terhadap Tanah Melayu, taat setia orang Cina ialah terhadap negara China dan taat setia orang India adalah terhadap negara India. Perkembangan nasionalisme di Tanah Melayu melalui tiga

³² Andaya Barbara Watson dan Leonard, *Sejarah Malaysia*, Petaling Jaya: Macmillan, 1983, h. 75.

³³ Zaharah Ahmad & Abd. Majid Abd. Halim, *Sejarah Asia Tenggara Moden*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1972, h. 21.





tahap perkembangan iaitu tertegaknya kuasa penjajah, kebangkitan kegiatan anti-British dan permulaan gerakan nasionalisme yang lazim.³⁴

Pencerobohan British di Tanah Melayu dimulakan dengan pembukaan sebuah pusat perdagangan pangkalan tentera laut di Pulau Pinang dalam tahun 1786. Kemudian ia diikuti dengan Singapura dalam tahun 1819 dan Melaka dalam tahun 1826 dan dikenali sebagai Negeri-Negeri Selat. Pada mulanya, pihak British berpuas hati dengan kaedah pengukuhan kuasa, pengaruh dan kedudukan ekonomi mereka di Tanah Melayu. Namun beberapa faktor seperti kebimbangan pengaruh Siam dan keadaan politik yang kacau bilau di negeri Perak dan Selangor telah menyebabkan British mula meluaskan pengaruh dan dasar penaklukan di Tanah Melayu. Akibatnya, institusi Melayu tradisional dan elit Melayu tradisional mendapati diri mereka mendapatkan peranan mereka semakin mengecil dalam hal ehwal kerajaan dan pentadbiran.

Kemasukan imigran Cina dan India secara besar-besaran oleh pihak British untuk mengeksploitasi sumber-sumber ekonomi yang masih belum diterokai oleh orang Melayu menambahkan lagi perasaan tidak puas hati orang Melayu. Pertambahan jumlah pendatang yang melebihi orang Melayu telah menyebabkan kaum pendatang mula menguasai ekonomi di Tanah Melayu. Di samping itu, apa yang menyedarkan Melayu daripada lenanya ialah tekanan kemiskinan. Jika pada peringkat awal kedatangan imigran asing, orang Melayu masih boleh bersikap tidak apa kerana jurang antara mereka dengan kumpulan imigran itu belum begitu ketara, kini

³⁴ R. Suntharalingam & Abdul Rahman Ismail, *Nasionalisme: Satu Tinjauan Sejarah*, Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti, 1995, h. 64.





keadaannya berubah. Tahun demi tahun mereka melihat bagaimana orang-orang asing itu menjadi lebih makmur dan kaya, sedangkan mereka hanya menumpang sisanya.³⁵

3.4 Faktor-Faktor Kemunculan Nasionalisme

Terdapat beberapa faktor yang mempengaruhi kemunculan nasionalisme kepada golongan yang dikenali sebagai nasionalis Melayu dalam zaman penjajahan British. Penyelidik berpendapat antara faktor tersebut ialah perkembangan sistem pendidikan, kesedaran orang Melayu tentang kemunduran, dasar penjajahan Barat, kemunculan golongan intelektual, kebangkitan golongan agama, kegiatan bahasa dan kesusasteraan dan perkembangan media massa dan bahan cetak.



3.4.1 Perkembangan Sistem Pendidikan

Sekolah-sekolah Melayu mula dibuka di kawasan barat dan selatan Tanah Melayu sejak tahun 1880-an lagi. Pada dasarnya, tujuan British bukanlah untuk melahirkan golongan cerdik pandai dalam kalangan orang Melayu. Mereka hanya ingin melihat anak-anak Melayu menjadi lebih pandai sedikit daripada ibu bapa mereka. Anak-anak Melayu yang belajar di sekolah Inggeris pula terdiri daripada anak-anak golongan bangsawan yang ingin dijadikan oleh British sebagai pegawai dan pentadbir bawahan sahaja. Oleh kerana penyediaan sekolah-sekolah Melayu oleh orang British ini bukan

³⁵ Buyong Adil, *Perjuangan Melayu Menentang Penjajahan Abad 15-19*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1983, h. 35.





sesuatu yang ikhlas, maka tidak terdapat buku-buku teks dan kurikulum yang sesuai. Maka surat khabar Melayu digunakan sebagai bahan pengajaran, umpamanya *Jawi Peranakan*, *Khizanah al-Ilmu'* dan *Taman Pengetahuan*. R.J. Wilkinson selaku Penyelia Sekolah-Sekolah (1877-1895) mendapati bahawa surat khabar Melayu bersama pendidikan secara amnya, telah menyumbang terhadap kemajuan intelek dan ekonomi orang Melayu. Pendedahan kepada dunia luar melalui surat khabar, membuka mata dan fikiran orang Melayu, terutamanya generasi muda terhadap isu-isu yang mempengaruhi orang Melayu.

Di samping itu, pendidikan agama yang dijalankan di sekolah-sekolah pondok dan madrasah mendapat sambutan hebat oleh penduduk tempatan. Melalui sistem pendidikan ini, mereka dapat mempertahankan nilai-nilai keislaman semasa kemasukan kuasa British dan kemasukan kaum imigran. Namun demikian, sekolah-sekolah seumpama ini kurang memainkan peranan untuk menanam semangat kebangsaan pada tahap-tahap awal. Walau bagaimanapun, menjelang tahun 1900, bila Islam memasuki era reformasi, barulah sekolah-sekolah pondok dan madrasah membuka minda orang Melayu terhadap masalah-masalah politik yang dihadapi oleh mereka di Tanah Melayu. Sukatan pelajaran dan dasar yang tidak selaras dengan kaum-kaum lain telah membangkitkan rasa tidak puas hati orang Melayu terhadap layanan British dan telah membangkitkan kesedaran kebangsaan dalam kalangan orang Melayu.

Semangat kebangsaan menular di seluruh rantau Asia Tenggara pada pertengahan tahun 1940-an kerana rakyat mulai sedar tentang nikmat kebebasan dalam menentukan hala tuju pemerintahan sendiri. Ini kerana rakyat yang mendapat





pendidikan sama ada di dalam mahupun di luar negara mempunyai pemikiran yang matang dan cerdas melalui sistem pendidikan yang mereka pelajari. Di Tanah Melayu, sejak awal kurun ke-19, hinggalah tercetusnya peperangan dunia kedua, pentadbiran British membentuk empat sistem persekolahan iaitu Sekolah Vernakular Melayu, Cina, Tamil dan Inggeris. Sistem persekolahan ini bolehlah dianggap mempunyai asas perpecahan dan mengasing-asingkan kaum mengikut jenis-jenis sekolah yang berlainan. Benih perpecahan ini pastinya berkembang dengan subur kerana masing-masing kaum berlumba-lumba untuk memajukan bangsa sendiri melalui pendidikan. Bagi negara yang baru membangun seperti Tanah Melayu, menganggap pendidikan sebagai cara utama untuk menimbulkan kesedaran bangsa dan berjuang untuk meningkatkan taraf kehidupan sosial masyarakat Melayu.



negeri (sekolah vernakular Melayu) kerana mereka bimbang apa yang pernah berlaku di India akan berulang kembali di Tanah Melayu. Di India, kolonial British memberi pendidikan menengah dan mendirikan beberapa buah univerti seperti University of Bombay, University of Bengal dan University of Madras yang ditubuhkan pada 1857 untuk memberi pendidikan Inggeris peringkat tinggi kepada rakyat India, lalu melahirkan golongan intelektual India seperti Mahadev Govind Ranade (1842-1901), Gopal Krishna Gokhale dan Mohandas Karamchand Ghandi (1869-1948) yang mempolopori perjuangan politik melalui penubuhan India National Congress (INC) pada tahun 1885.³⁶ Ini tentunya menjadi teladan dan sempadan kepada British yang mentadbir dan merancang pendidikan di Tanah Melayu. Maka British telah merangka dasar pelajaran Melayu di mana sukatan pelajaran untuk sekolah-sekolah Melayu

³⁶ Tomoaki Ueda, *Institution and Ideal in Indian Nationalist Thoughts: G.K. Gokhale in Comparison with M.K. Gandhi*, Japan: Ryukoku University, 2009, h. 2.





adalah pada peringkat rendah (darjah VI) sahaja. Dengan terbentuknya Negeri-Negeri Melayu Bersekutu pada 1896, memungkinkan Sultan Idris Murshidul Adzam Shah dan sultan-sultan Melayu yang lain memberi tekanan secara kolektif kepada British melalui Persidangan Raja-Raja Melayu (Durbar)³⁷ yang pertama pada tahun 1887 dan kedua pada tahun 1903, supaya bahasa Melayu dijadikan bahasa rasmi di negeri-negeri Melayu dan orang Melayu diberi pelajaran serta kemudahan pelajaran yang lebih sempurna setelah tertubuhnya SITC.

3.4.2 Kesedaran Orang Melayu

Kemunduran turut menjadi punca dalaman percambahan nasionalisme dalam pendidikan di Tanah Melayu. Orang Melayu menjadi penduduk pribumi tetapi masih tertinggal jauh dalam bidang ekonomi dan sosial. Walaupun ekonomi Tanah Melayu yang berasaskan getah dan bijih timah berkembang pesat, tetapi orang Melayu masih tersisih daripada kegiatan ekonomi komersial tersebut. Kegiatan ekonomi kapitalis dikuasai oleh orang Cina dan pedagang Eropah. Banyak ladang getah dan lombong bijih timah dimiliki dan diusahakan oleh orang Eropah, manakala orang Cina pula menguasai sektor ekonomi di kawasan bandar seperti menjadi peniaga. Keadaan ini mula disedari oleh peniaga keturunan Arab yang tinggal di Negeri-Negeri Selat terutamanya Singapura.

³⁷ Nama ini timbul daripada perkataan Urdu-Parsi (Darbar - bermaksud istana raja). Durbar juga membawa maksud perjumpaan atau persidangan umum yang diadakan oleh Raja negeri berkenaan, ataupun Gabenor atau Wizurai British. Tujuan mesyuarat ini diadakan adalah untuk mengeratkan lagi tali persahabatan antara Raja-Raja dengan pihak British.





Dalam bidang pendidikan, orang Melayu tertinggal jauh ke belakang kerana sistem pendidikan Melayu tidak mempunyai nilai untuk meningkatkan taraf hidup dan kedudukan dalam bidang sosial, ekonomi dan politik. Orang Melayu mulai sedar bahawa mereka perlu mempertahankan hak mereka di tanah air sendiri apabila orang Cina Peranakan di Negeri-Negeri Selat dan Negeri-Negeri Melayu Bersekutu mendesak supaya diberi hak yang sama dengan Melayu daripada kerajaan British. Orang Melayu sedar permintaan orang Cina tersebut akan menggugat kedudukan mereka sebagai penduduk pribumi. Situasi ini telah menyemarakkan semangat nasionalisme orang-orang Melayu untuk mempertahankan kedudukan mereka di tanah air sendiri.

Dasar penjajahan British secara terang-terangan cuba menekan aspirasi orang Melayu dengan menyekat peluang mereka untuk maju dan mengembangkan bakatnya.

Dasar pendidikan British untuk orang Melayu juga telah memisahkan sebilangan besar masyarakat Melayu daripada pergolakan perubahan sosio-ekonomi yang sedang berlaku dalam kehidupan mereka. Malahan, dasar tersebut lebih-lebih lagi cuba memisahkan orang Melayu daripada perkembangan perindustrian dan perbandaran yang berhubung rapat dengan munculnya British Malaya sebagai sebuah negara pengeluar getah dan bijih timah yang utama di dunia. Keadaan ini telah membentuk keadaan sosial yang tidak seimbang di Malaya di antara orang Melayu dengan bukan Melayu, seterusnya menimbulkan perasaan cintakan bangsa sendiri, atau semangat nasionalisme. Masing-masing kaum berlumba-lumba untuk memajukan bangsa mereka sendiri.





Penglibatan ekonomi British di Negeri-negeri Melayu bermula apabila Parti Konservatif berjaya mengalahkan Parti Liberal di England pada tahun 1873. Penguasaan penuh Belanda di Indonesia, Sepanyol di Filipina dan Perancis di Indochina memberi dorongan kepada British untuk menguasai perdagangan Tanah Melayu melalui dasar campur tangan dalam hal ehwal pentadbiran Negeri-negeri Melayu. Selepas perjanjian Pangkor (1874), British mula terlibat dalam pentadbiran negeri Perak dan kemudian Selangor (1884), Pahang (1888) dan Negeri Sembilan (1895) melalui Sistem Residen untuk menasihati sultan dalam semua hal ehwal pentadbiran kecuali yang berkaitan dengan hal ehwal agama Islam dan adat istiadat orang Melayu. British kemudiannya membentuk Negeri-Negeri Melayu Bersekutu (1896) yang dikawal oleh Residen Jeneral Sir Frank Swettenham yang menjadi Residen Jeneral yang pertama, seterusnya bermulalah era pentadbiran di bawah



3.4.3 Dasar Penjajahan Barat

Ketika penaklukan British ke atas Tanah Melayu, pihak British berpuas hati dengan kaedah pengukuhan kuasa, pengaruh dan kedudukan ekonomi mereka di Tanah Melayu. Pihak British kemudian memulakan proses menginstitusikan berbagai bidang kerajaan yang merangkumi hampir semua aspek kehidupan politik, ekonomi dan sosial. Usaha mencapai tujuan ini paling pesat dilakukan di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu. Akibat daripada keadaan ini, institusi Melayu tradisional dan elit Melayu tradisional mendapati diri mereka terpaksa memainkan peranan yang semakin kecil dalam hal ehwal kerajaan dan pentadbiran.





Pihak British mula membawa masuk imigran Cina dan India secara besar-besaran untuk mengeksploitasi sumber-sumber ekonomi yang masih belum diterokai oleh masyarakat Melayu dengan sepenuhnya. Keadaan menjadi lebih buruk menjelang tahun 1921, di mana daripada jumlah 1,320,000 orang penduduk Negeri-Negeri Melayu Bersekutu, 511,000 adalah orang Melayu, 495,000 orang Cina dan 305,000 orang India. Dasar buka pintu ini menyebabkan kaum pendatang mula menguasai ekonomi di Tanah Melayu. Kaum Melayu mulai sedar yang mereka telah ketinggalan dalam pembangunan ekonomi dan sosial di mana orang bukan Melayu menjadi peserta yang kuat. Langkah-langkah yang diambil oleh pihak British ini telah menimbulkan rasa tidak puas hati dalam kalangan orang Melayu, kerana mereka sedar hak mereka sebagai rakyat pribumi sedikit demi sedikit diambil alih oleh kaum pendatang dan penjajah.



Bantahan secara kolektif rasa tidak puas hati orang Melayu berhubung kedudukan sosioekonomi dan politik mereka ialah menerusi Kesatuan Melayu Muda (KMM) pimpinan Ibrahim Haji Yaacob, seorang guru lulusan SITC. Kemudian nada yang sama turut disuarakan oleh golongan intelektual dan golongan berpendidikan agama, terutamanya dari Maahad al-Ihya al-Sharif, Gunung Semanggol. Walau bagaimanapun, usia KMM tidak panjang kerana diharamkan oleh pihak British dan juga Jepun kerana dicap sebagai golongan radikal. Lantaran itu, para pendukung KMM terpaksa memikirkan strategi baru untuk meneruskan perjuangan yang belum selesai itu. Mereka memilih untuk menaja dan menubuhkan parti-parti politik baru seperti Kesatuan Rakyat Indonesia Semenanjung (KRIS), Parti Kebangsaan Melayu



Malaya (PKMM), Hizbul Muslimin, Angkatan Pemuda Insaf (API) dan Angkatan Wanita Sedar (AWAS).³⁸

Para nasionalis Melayu terdiri daripada Ibrahim Haji Yaacob, Dr. Burhanuddin Al-Helmy dan Onan Haji Siraj telah bergabung tenaga menubuhkan KRIS pada bulan Julai 1945. Semasa pemerintahan Jepun, pendekatan kerjasama dengan pemerintah Jepun dilakukan untuk memastikan perjuangan politik KRIS tidak menerima nasib yang sama seperti KMM sebelum itu. KRIS kemudiannya bertindak mengadakan kerjasama dengan Parti Nasional Indonesia (PNI) pimpinan Sukarno untuk merealisasikan hasrat kemerdekaan melalui konsep satu rumpun bangsa. Ini boleh dilihat melalui peristiwa pertemuan sulit para pemimpin KRIS yang diadakan di Taiping, Perak pada 13 Ogos 1945 bagi membincangkan tentang kemerdekaan Tanah

Melayu dengan Indonesia di bawah konsep Melayu Raya.³⁹ Antara tokoh yang menghadiri pertemuan sulit tersebut ialah Ibrahim Haji Yaacob, Dr. Burhanuddin al-Helmy dan Onan Haji Siraj yang mewakili KRIS dengan Sukarno dan Hatta yang mewakili Indonesia. KRIS merupakan pertubuhan politik pertama bangsa Melayu yang memperjuangkan kemerdekaan Tanah Melayu secara terbuka. Tindakan ini dilakukan kerana perjuangan KRIS mendapat restu penjajah Jepun pada waktu itu melalui semangat “Asia Untuk Asia”.

Pada penghujung tahun 1944 dan awal 1945 memperlihatkan kedudukan kuasa penjajah Jepun mulai lemah kerana serangan bertubi-tubi pihak Berikat dan pengguguran bom atom yang menghancurkan bandar raya Hiroshima dan Nagasaki.

³⁸ Ishak Saat, *Malaysia 1945-2000*, Kuala Lumpur: Utusan Publications, 2009, h. 8.

³⁹ Ramlah Adam, *Burhanuddin al-Helmy: Suatu Kemelut Politik*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2000, h. 37.



Lantaran keadaan yang tidak menentu itu, rundingan diadakan antara pihak nasionalis Melayu di Tanah Melayu dan Indonesia dalam usaha untuk mengambil alih pemerintahan negara apabila Jepun menyerah kalah dan sebelum British kembali semula untuk menguasai Tanah Melayu. Ia merupakan satu tindakan berani golongan nasionalis Melayu dalam usaha untuk memerdekakan Tanah Melayu, namun usaha tersebut tidak menjadi kenyataan apabila Sukarno dan Hatta mengisytiharkan kemerdekaan Indonesia pada tahun 1945 tanpa memasukkan Semenanjung Tanah Melayu.⁴⁰

Ahmad Boestamam kemudiannya menubuhkan PKMM pada 17 Oktober 1945 di Ipoh, Perak. Parti ini merupakan parti politik Melayu yang pertama ditubuhkan selepas pendudukan Jepun di Tanah Melayu. Matlamat utama penubuhan PKMM ialah untuk menuntut kemerdekaan penuh bagi Tanah Melayu dan menentang sebarang bentuk penjajahan British. PKMM juga berusaha mengatasi masalah orang Melayu di segi pelajaran, sosial dan ekonomi serta kebebasan mencetak dan bersuara. Pergerakan reformasi ini begitu berpengaruh dalam masyarakat Melayu sehingga ianya meresapi PKMM. Menyedari peri pentingnya pengaruh ini, PKMM seterusnya telah menubuhkan sayap atau bahagian Islam dalam struktur organisasinya. Sayap atau bahagian Islam dalam PKMM inilah yang bertanggung-jawab melahirkan MATA (Majlis Agama Tertinggi Se-Malaya) yang darinya wujud Hizbul Muslimin di Gunung Semanggol, Perak pada 14 Mac 1948.

Riwayat Hizbul Muslimin bagaimanapun tidak lama. Hasil daripada desakan Dato' Onn Jaafar, yang ketika itu memimpin UMNO, British mengisytiharkan

⁴⁰ Buyong Adil, *Perjuangan Orang Melayu Menentang Penjajah Abad 15-17*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1985, h. 249.





pengharaman Hizbul Muslimin serta menangkap pemimpin-pemimpinnya. Hizbul Muslimin disebut oleh Dato' Onn sebagai Red Islamic Party yakni cuba menyamakannya dengan pengaruh komunis yang merbahaya. Beliau juga menyebut penubuhan Hizbul Muslimin sebagai "Bahaya Dari Gunong" kerana penubuhannya yang bertempat di Gunong Semanggol Perak. Walaupun aktiviti Hizbul Muslimin terhenti apabila bermula darurat pada bulan Jun 1948, semangat perjuangan yang kental dalam kalangan pendukung-pendukungnya akhirnya merintis kepada penubuhan PAS pada 24 November 1951.

Dasar penjajahan Barat (British) yang menekan dan menindas orang Melayu dari segi politik dan ekonomi ini telah menimbulkan semangat nasionalisme yang meluap-luap dalam kalangan pemuda-pemudi Melayu. Mereka membentuk satu kumpulan yang kuat melalui penubuhan kesatuan Melayu dan parti-parti politik untuk melawan dan seterusnya menuntut kemerdekaan bagi seluruh Tanah Melayu.

3.4.4 Kemunculan Golongan Intelektual

Penubuhan SITC pada tahun 1922 meningkatkan jumlah golongan intelektual Melayu kerana sistem pembelajarannya yang menekankan pendidikan Melayu yang terdiri daripada anak-anak tani dan orang kampung. Ia berbeza dengan MCKK yang memberi pendidikan kepada golongan aristokrat.⁴¹ Perbezaan di antara SITC dan MCKK juga dapat dilihat dari segi pembelajaran dan pengajaran. SITC tempat anak-anak tani dan orang kampung untuk persediaan mengajar di sekolah-sekolah Melayu,

⁴¹ William R. Roff, *Nasionalisme Melayu*, penterjemah Ahmad Boestamam, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 1975, h. 155.





manakala MCKK tempat mendidik anak kelas pemerintah feodal dan orang kaya bagi membolehkan mereka mendapat pendidikan Inggeris sebagai persediaan untuk berkhidmat di jabatan-jabatan kerajaan sebagai pegawai.

Pertambahan bilangan sekolah telah menyebabkan keperluan guru-guru untuk mengajar juga turut bertambah. Untuk memenuhi keperluan ini, guru-guru perlu dilatih, maka pusat latihan guru yang sesuai dan boleh menempatkan ramai pelatih iaitu SITC telah didirikan di Tanjong Malim. Pentingnya sumbangan SITC untuk melahirkan golongan intelektual Melayu ini diakui oleh William R. Roff (1967) melalui tulisannya:

Adalah sukar rasa saya, untuk melebihi jangkakan tentang pentingnya sumbangan Maktab Sultan Idris, kakitangan dan pelajar2nya, terhadap penghidupan intelek dan siasah dalam zaman itu. Maktab ini adalah maktab yang mula2 sekali dan juga maktab yang tunggal yang memberi pelajaran yang lebih kurang sama dengan pelajaran menengah Melayu. Maktab Sultan Idris melahirkan satu golongan baru dan dari beberapa segi, orang2 muda Melayu yang mempunyai pendapat baru – didesak oleh soal kemajuan orang2 Melayu, dipersatukan dengan bahasa Melayu dan sambil itu memandang kepada Indonesia untuk memperoleh ilham dilapangan kesusasteraan dan kebudayaan. Orang2 muda inilah yang mengarang nobel dan shair, untuk memberi sumbangan dan kadang2 menjadi kakitangan akhbar2 antara tahun 1930 dengan 1940.⁴²

William R. Roff seterusnya menulis lagi berkenaan SITC dalam bukunya *The Origin of Malay Nationalism* seperti berikut:

Yet it could hardly be denied that at S.I.T.C. "every activity that is genuinely cultural and genuinely Malay has flourished in an astonishing manner and that Tanjong Malim had become in the course of the preceding seventeen years something like the focus of Malay intellectual life".⁴³

⁴² William R. Roff, *Sejarah Surat2 Khabar Melayu*, Pulau Pinang: Saudara Sinaran Bhd, 1967, h. 31.

⁴³ William R. Roff (1994), *op cit.*, h. 143.



Setelah orang-orang Melayu belajar di sekolah-sekolah dan kolej seperti SITC dan MCKK, negara telah melahirkan golongan intelektual yang seterusnya bergiat pula dalam bidang penulisan dan pertubuhan untuk menanam semangat kesedaran sosial dan politik dalam kalangan orang Melayu. Golongan intelektual ini masing-masing berperanan memberi pengetahuan kepada masyarakat. Di Kelantan, peranan yang dimainkan oleh Abdul Kadir Adabi membawa kepada penubuhan Kelab Putera pada tahun 1929 dan Setiawan Belia pada tahun 1931. Tengku Muhammad bin Sultan Ahmad menubuhkan Persatuan Melayu Pahang, Raja Sir Uda dan Tengku Ismail (seorang peguam) menubuhkan Persatuan Melayu Selangor, manakala Tengku Muhammad Nasir menubuhkan Persatuan Melayu Negeri Sembilan pada tahun 1935. Golongan intelektual Melayu ini menonjolkan isu tentang kesedaran orang Melayu untuk memperbaiki taraf hidup mereka setanding dengan bangsa-bangsa lain yang

Golongan intelektual yang belajar di sekolah-sekolah Melayu terpengaruh dengan idea-idea dan falsafah politik seperti demokrasi, liberalisme, sistem parlimen, perlembagaan dan nasionalisme. Melalui pembelajaran telah memberikan peluang kepada orang Melayu menerima semangat kebangsaan. Jika dibandingkan dengan sekolah-sekolah Inggeris, mereka tidak mendapat peluang yang sama. Orang Melayu tidak diajar secara akademik, tetapi hanya dalam bidang kemahiran. Dalam zaman pendudukan Jepun sukatan yang diajarkan meliputi bidang-bidang Matematik, Pertanian, Sains dan pelbagai subjek akademik lain. Hal yang demikian ini, mendedahkan orang Melayu kepada ilmu pengetahuan dan kesedaran yang tinggi. Guru-guru Melayu juga dihantar ke Jepun untuk menambahkan pengetahuan bahasa

asing. Melalui kegiatan ini, ia sebenarnya menambahkan golongan intelek Melayu yang akhirnya berjuang untuk mencetuskan semangat dan kesedaran nasionalisme.

Golongan berpelajaran yang dianggap sebagai intelektual kerana mendapat pendidikan tinggi seperti Ibrahim Haji Yaacob, Hassan Abdul Manan, Abdul Karim Rashid dan Muhammad Isa Mahmud sebagai contoh, adalah pelajar yang telah menubuhkan Ikatan Pemuda Semenanjung bagi mencetuskan ketidakpuasan hati layanan British terhadap sosio ekonomi orang Melayu terutama dalam bidang pendidikan. Manakala Ahmad Boestaman antara seorang pengasas KMM, yang mencetuskan idea merdeka pada tahun 1938. Beliau memperjuangkan ketuanan Melayu dan perkembangan sosio ekonomi serta politik Melayu. Tokoh-tokoh yang berpelajaran ini dianggap sebagai intelektual Melayu kerana mereka mendapat pelajaran yang lebih tinggi daripada orang lain.

3.4.5 Kebangkitan Golongan Agama

Pada penghujung abad ke-19 dan awal abad ke-20, masyarakat Melayu terutamanya yang tinggal di bandar-bandar berasa tidak puas hati dengan keadaan ekonomi, sosial dan politik mereka. Mereka mulai sedar bahawa kedudukan ekonomi dan sosial terancam sebab adanya masyarakat dari luar, iaitu kaum imigran seperti Cina dan India. Orang Melayu sedar bahawa mereka perlu bertindak bagi membawa perkembangan ekonomi dan sosial ke atas masyarakat mereka supaya tidak lagi mundur dalam bidang tersebut. Kesedaran ini melahirkan golongan di bandar-bandar untuk memperjuangkan kepentingan masyarakat Melayu pada awal abad ke-20.



Antara ketiga-tiga golongan ini, golongan yang berpendidikan Arab memainkan peranan penting dalam gerakan pemulihan Islam dalam kalangan masyarakat Melayu. Mereka berpendidikan Arab dan melanjutkan pengajian Islam ke Universiti al-Azhar di Kaherah, Mesir. Golongan berpendidikan Arab ini yang mula-mula sekali menyuarakan rasa tidak puas hati mereka terhadap keadaan ekonomi dan sosial orang Melayu pada masa itu. Mereka dari golongan ini hampir keseluruhannya memperoleh pelajaran dari Timur Tengah dan terpengaruh dengan gerakan pemulihan yang berlaku di sana. Golongan ini menerima pelajaran dan inspirasi dari gerakan pemulihan Islam moden dan gerakan Pan-Islamisme yang diasaskan pada penghujung abad ke-19 dan awal abad ke-20 oleh Imam Syeikh Muhammad Abduh dan Sayid Jamaluddin Al-Afghani.



pembaharuan tersebut untuk memajukan orang Melayu dengan menggunakan agama Islam sebagai dasar perjuangan. Gerakan ini dikenali sebagai Gerakan Kaum Muda atau Golongan Reformis Islam. Hasil daripada kebangkitan golongan agamawan ini menjadi petunjuk yang jelas akan sifat budaya politik masyarakat Melayu pada masa itu. Idea inovasi politik dan keagamaan tidak dapat disangkal merupakan penentangan secara langsung kepada monopoli kuasa politik oleh penguasa politik iaitu British. Berikutnya terdapat konfrontasi yang hebat antara mereka yang berkuasa (Kaum Tua) dan pembaharu (Kaum Muda). Di Kelantan sebagai contoh, reaksi mereka yang berkuasa mengambil bentuk penerbitan jurnal *Pengasuh*, yang menjadi organ kerajaan dan badan rasmi keagamaan yang bertujuan memerangi pengaruh Kaum Muda. Idea-idea reformis telah menyerap ke dalam sektor masyarakat Melayu luar bandar yang disampaikan oleh tok guru-tok guru dan guru-guru Melayu.





Antara penuntut Melayu yang membawa pengaruh dari Timur Tengah ialah Syeikh Muhammad Tahir bin Jalaluddin, Syed Syeikh Ahmad al-Hadi, Haji Abbass Muhammad Taha dan Syeikh Mohammad Salim al-Kalali. Sekembalinya dari Timur Tengah khasnya dari Mesir ke Tanah Melayu pada awal abad ke-20, mereka berkhidmat dalam jabatan agama di negeri-negeri Melayu. Oleh sebab fahaman mereka berkenaan ajaran agama Islam baru dan agak berlainan dengan fahaman seperti kepercayaan bidaah dan khurafat yang sedia berakar umbi di negeri-negeri Melayu, mereka mendapat tentangan daripada golongan ulama tua yang kolot dan ortodoks. Golongan ortodoks ini memusuhi bukan setakat fahaman baharu dalam agama, tetapi juga memusuhi perjuangan nasionalisme Melayu yang dibawa dan dirancang oleh revolusioner ini. Mengikuti revolusioner ini, Islam memerlukan perubahan dan penafsiran baru dan sesuai untuk menghadapi cabaran dunia yang menghadapi perkembangan pesat. Pengaruh mereka dalam kalangan orang-orang Melayu kemudiannya berkembang dan mencetuskan kesedaran yang tinggi untuk berubah dan melawan feudalisme.

3.4.6 Kegiatan Bahasa dan Kesusasteraan

Kegiatan bahasa dan kesusasteraan yang dihasilkan oleh golongan intelektual Melayu merangkumi segala aspek kehidupan masyarakat seperti dalam bidang perubatan, ilmu falak (astronomi), undang-undang, pemerintahan, pertanian, pengetahuan Islam, sejarah Melayu dan kemasyarakatan. Bidang ini turut memberi sumbangan meningkatkan kesedaran politik masyarakat Melayu melalui akhbar dan majalah seperti *Majlis*, *Warta Malaya*, *Idaran Zaman*, *Al-Imam*, *Utusan Melayu*, *Warta*





Negara, Lembaga Malaya, dan Majalah Guru. Golongan cerdik pandai dan penulis menyalurkan ilmu dan mesej supaya masyarakat Melayu mencapai kemajuan dalam pelbagai lapangan hidup. Karya-karya yang dihasilkan bukan sahaja digunakan untuk hiburan tetapi juga untuk menimbulkan semangat kebangsaan dalam kalangan orang Melayu.

R.J. Wilkinson seorang pegawai Inggeris yang menjaga hal ehwal pendidikan memikirkan perlu bagi kerajaan British untuk mengambil tanggungjawab membekalkan sekolah-sekolah bukan sahaja dengan buku-buku teks, tetapi juga dengan kesusasteraan Inggeris, sejarah dan cerita-cerita Melayu lain yang popular, yang mendorong orang Melayu mencipta kesusasteraan modennya sendiri. Di bawah arahan Wilkinson, bermula penerbitan beberapa cerita dongeng Melayu lama yang popular menggunakan perbelanjaan kerajaan dan menggalakkan penerbitan dan pembelian buku-buku teks sekolah dalam bahasa Melayu yang sesuai untuk digunakan di sekolah-sekolah. Wilkinson sendiri bertanggungjawab bersama-sama dengan Raja Haji Yahya Mohd Ali, Perak dan R.O. Winstedt (pada waktu itu seorang pegawai rendah dalam M.C.S.) untuk melancarkan penerbitan roman-roman lama dalam “Siri Sastera Melayu” yang mula diterbitkan pada tahun 1906.⁴⁴ Beliau menyedari bahawa “kaum tani Asia itu miskin dan tidak berkemampuan sedikitpun untuk membeli buku,” maka beliau pun mula mendirikan perpustakaan kecil di sekolah-sekolah kampung untuk mengisi buku-buku siri ini dan buku-buku sastera lain yang tidak termasuk ke dalam lingkungan buku-buku teks sekolah.

⁴⁴ Za’ba, “Modern Developments,” *J.M.B.R.A.S.*, 17 (Dec. 1939), h. 148-149. Lihat juga Mohd Taib Osman, *An Introduction to the Development of Modern Malay Language and Literature*, Singapore: Times Books International, 1986, h. 11.





Usaha Wilkinson telah berjaya menambahkan pelajaran sastera Melayu pada masa itu dan melahirkan suatu pasaran yang meluas untuk karya-karya awal persuratan Melayu moden. *Hikayat Queen Victoria* (1905) dan *Hikayat Johor* (1908), karya Haji Mohd Said dan *Kitab Gemala Hikmat* (1907), karya Munsyi Sulaiman bin Munsyi Mohd Nor, mendapat sambutan hangat di sekolah-sekolah Melayu. Satu lagi karya yang agak penting diterbitkan pada ketika itu ialah *Matahari Memancar* (The Rising Sun) oleh Abdullah bin Abdul Rahman, iaitu sejarah orang Jepun yang diterjemahkan daripada bahasa Arab karangan Mustafa Kamal, Turki, yang mengikut kata Za'ba "menolong timbulnya di kalangan pembacanya rasa bangga dan harapan kebangkitan umat Timur, bahkan orang-orang Melayu juga".⁴⁵

Bahasa, kesusasteraan dan persuratan Melayu dijadikan media untuk menyedarkan masyarakat yang berada dalam kemunduran dan kemerosotan, khususnya dalam bidang ekonomi. Maka lahirlah novel *Hikayat Faridah Hanum*⁴⁶ (1925) karya Syed Sheik Al-Hadi⁴⁷ yang memperjuangkan emansipasi wanita dan pentingnya wanita Islam moden diberi hak yang sama seperti kaum lelaki. Novel *Putera Gunung Tahan*⁴⁸ (1938) karya Ishak Haji Muhammad menceritakan tentang

⁴⁵ Za'ba, *op cit.*, h. 148.

⁴⁶ Novel ini mengisahkan percintaan sepasang anak muda keturunan bangsawan iaitu Faridah Hanom dengan Shafik Afandi. Novel ini menggambarkan percintaan muda-mudi yang terhalang seperti yang digambarkan dalam cerita liput lara Melayu. Pertemuan pasangan yang bercinta itu adalah secara biasa dan tiada lagi diselitkan unsur-unsur khayalan seperti mimpi. Tema percintaan seumpama ini adalah tema percintaan yang baru dalam kesusasteraan Melayu pada waktu ini.

⁴⁷ Beliau dilahirkan di Kampung Hulu, Melaka. Ibunya berketurunan Melayu, manakala bapanya, Syed Ahmad ibn Hasan ibn Saqaf al-Hady al-Ba'alawi merupakan peranakan Arab dari Hadrami, Yemen.

⁴⁸ Novel ini menyindir dan menentang pegawai British yang menduduki dan mentadbir negara ini. *Putera Gunung Tahan* bertindak sebagai salah satu cara mencapai kemerdekaan yang dilakukan oleh penulis melalui cara tulisan di mana pada masa itu kebebasan bersuara adalah sangat terbatas justeru penyampaian sastera secara berkias digunakan oleh penulis. Protes ini dilahirkan bagi mengangkat semangat nasionalisme kepada masyarakat. Novel ini menggarap semangat nasionalisme dalam bentuk satira. Ishak Haji Muhammad menggunakan lambang-lambang seperti Gunung Tahan, orang-orang sakai dan kulit harimau putih bagi menimbulkan kesedaran dan menanam semangat nasionalisme di kalangan khalayak pembaca. Perlambangan ditonjolkan oleh pengarang memandangkan situasi pada



kelemahan pemimpin Melayu dan ketidakjujuran British. Sejak itu muncul banyak lagi karya sastera untuk menyedarkan masyarakat Melayu betapa pentingnya pendidikan dan keazaman untuk mengubah masyarakat seperti cerpen ‘Dari Perangkap ke Penjara’ dan ‘Rumah Besar Tiang Seribu,’ karya Ishak Haji Muhammad.

Shamsudin Salleh menulis cerpen ‘Cermin Pergaulan Hidup di Dunia’ yang mengisahkan tentang tekanan di bawah penjajahan British, manakala Harun Aminurrashid menghasilkan puisi dan syair yang bertemakan semangat kebangsaan Melayu seperti ‘Semenanjung’, ‘Rayuan Bangsamu’, dan ‘Perwira Melayu’. Abdul Samad Ahmad pula menghasilkan puisi ‘Serunai Pujangga’ yang menyeru orang Melayu bersatu dan bergerak cergas untuk mencapai kemajuan. Aktiviti kesusasteraan dan persuratan Melayu ini merupakan alat bagi masyarakat Melayu yang miskin meluahkan ketidakpuasan hati dan sebagai suatu protes secara senyap terhadap nasib malang di tanah air sendiri. Bidang kesusasteraan menyedarkan mereka tentang perjuangan golongan intelektual untuk melindungi agama, bangsa dan negara.

Dalam penghasilan buku-buku teks sekolah walaupun masih ketinggalan dan kekurangan, namun terdapat buku yang dikeluarkan untuk sekolah-sekolah Melayu di Negeri-Negeri Selat yang kebanyakannya terjemahan daripada buku-buku persekolahan Inggeris peringkat rendah yang menyentuh berbagai perkara seperti ilmu kesihatan, sains, ilmu bumi dan sejarah. Buku-buku ini mendapat sambutan yang luas di bawah sistem pelajaran persekutuan yang disusun oleh Wilkinson. Walau bagaimanapun, buku-buku ini tidak dapat diganti dengan buku-buku yang lebih baik

waktu itu tidak mengizinkan Ishak untuk menulis secara terus terang. Hal ini ditegaskan oleh beliau dalam prakata novel ini.



dan sesuai dengan kehidupan dan keadaan sekeliling orang Melayu, meskipun Wilkinson sendiri mengkritik keadaannya yang agak condong kepada Barat. Namun semuanya tidak dapat dilaksanakan sekali gus kerana bergantung kepada waktu, wang dan minat untuk menghasilkannya. Disebabkan ketiadaan dorongan inilah, maka sistem itu terbiar dan menjadi lemah setelah Wilkinson meninggalkan bidang pendidikan pada tahun 1906 untuk memegang jawatan pentadbir daerah di negeri Perak.⁴⁹

Pada tahun tersebut juga, penyusunan semula pentadbiran pendidikan mengakibatkan sistem pendidikan di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu dan Negeri-Negeri Selat digabungkan dan kemudiannya diletakkan di bawah pentadbiran seorang Penolong Pengarah Pelajaran Melayu yang berpangkalan di Singapura, sedangkan kebanyakan sekolah Melayu dan beban tugas pelajaran Melayu terletak di negeri-negeri Semenanjung. Tambahan pula, dengan bertambahnya tuntutan daripada pihak kerajaan dan perniagaan swasta yang berkehendakkan pegawai-pegawai rendah yang berpengetahuan Inggeris, maka sebahagian besar daripada usaha penyusunan pun diberikan ke sekolah-sekolah Inggeris. Akibatnya sistem persekolahan Melayu terus ketinggalan berbanding dengan sekolah-sekolah Inggeris.

Beberapa tahun selepas itu, setelah kedatangan O.T. Dussek ke Malaya untuk memasuki perkhidmatan pelajaran, dia mendapati sekolah-sekolah Melayu di kampung-kampung dan latihan yang diberikan kepada guru-guru, serta pentadbirannya amat daif sekali. Kehadiran murid-murid ke sekolah tidak memuaskan dan masih ramai yang tidak tahu menulis atau membaca. Sementara itu, sukar juga

⁴⁹ William R. Roff, *The Origins of Malay Nationalism*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 1994, h. 135.





untuk mengekalkan guru-guru yang bergaji kecil. Apabila harga getah melambung tinggi, maka ramai daripada murid dan guru bekerja di ladang-ladang getah.

Dalam tahun 1913, perasaan tidak puas hati terhadap mutu dan merosotnya keadaan pelajaran Melayu mula ketara. Timbul kekurangan buku-buku pelajaran di sekolah-sekolah dan pelajaran selalunya dijalankan dengan bergantung kepada beberapa buah buku sastera klasik seperti *Hikayat Abdullah*,⁵⁰ *Sejarah Melayu*⁵¹ dan surat khabar *Utusan Melayu*.⁵² Maktab Latihan Melayu Melaka cuma mampu melatih 30 orang guru sahaja setahun, dan apabila Dussek menjadi pengetua pada tahun 1914, dia melihat cara pengajarannya sungguh menyedihkan. Sesetengah guru yang mengajar tidak begitu mahir menulis atau membaca, ini sudah tentu menyukarkan murid-murid memahami pelajaran yang diajar.



⁵⁰ *Hikayat Abdullah* 1845, atau juga dikenali sebagai *Hikayat Abdullah bin Abdul Kadir* 1849, *Hikayat Abdullah bin Abdul Kadir Munsyi* 1880 merupakan kisah pengembaraan Abdullah bin Abdul Kadir Munsyi. Terbitan rumi diterbitkan oleh Pustaka Antara pada tahun 1907 bagi kegunaan teks di sekolah-sekolah Melayu. Ia merupakan antara teks sastera Melayu yang pertama diterbitkan secara komersial. Gaya penulisan Abdullah yang unik dipaparkan secara jelas dalam teks ini dan isinya disampaikan dalam bahasa Melayu yang sederhana dan kontemporari. Tidak seperti karya-karya klasik sastera Melayu yang kebiasaannya mengandungi fantasi dan cerita legenda, karya Abdullah berkisar tentang realisme.

⁵¹ *Sejarah Melayu* ditulis di Melaka dan dibawa bersama semasa Sultan Mahmud Syah berundur dari Melaka pada tahun 1511. Naskhah asal ini kemudian dibawa ke Johor dari Kampar, Sumatera pada tahun 1528. Teks yang turun masa kini merupakan teks yang disalin dipercayai berasal sejak tahun 1356, dan disunting semula pada 1612. Salinan manuskrip yang ada bertarikh 1808. Terdapat sekurang-kurangnya 29 versi, tetapi versi yang paling masyhur adalah versi Shellabear. Menurut pengenalan *Sejarah Melayu* naskah Shellabear, Yang di-Pertuan Raja di-Hilir Sultan Abdullah Mu'ayat Syah ibni'l Sultan Abdul Jalil Syah telah mengutuskan Seri Nara Wangsa Tun Bambang untuk memerintah Bendahara Paduka Raja Tun Muhammad@Mahmud (Tun Sri Lanang) pada hari Khamis, 12 Rabiul Awal 1021 bersamaan 13 Mei 1612 agar menyunting salinan *Sejarah Melayu* yang dibawa oleh Orang Kaya Sogoh dari Goa/Gowa. *Sejarah Melayu* atau *Sulalatus Salatin* dianggap penting kerana ia memberikan adat istiadat kerajaan, susunan raja Melayu dan sejarah kerajaan Melayu.

⁵² *Utusan Melayu* diterbitkan pada 29 Mei 1939. Akhbar ini merupakan sisipan akhbar nasional bagi *Utusan Malaysia* yang diedarkan setiap hari Isnin. Kandungan yang terdapat di dalam akhbar ini adalah bercirikan berita semasa dalam dan luar negeri, pendidikan jawi, cerpen, hiburan, dan sukan. Namun nama *Utusan Melayu* juga nama akhbar yang diterbitkan pada 1907 oleh penerbit akhbar *Inggeris Free Press*. Pengarangnya yang pertama ialah Mohd Eunus Abdullah.



Melalui bahasa dan kesusasteraan, tulisan Jawi telah diperkenalkan sebagai tulisan rasmi bahasa Melayu. Pengaruh Arab turut wujud hasil dari peranan golongan agama yang memperkenalkan penggunaan tulisan jawi dan kewujudan sasterawan yang dilahirkan oleh sekolah-sekolah Melayu dan SITC. Gelanggang bagi orang Melayu melahirkan ketidakpuasan hati adalah karya sastera. Secara tidak langsung, dapat memperkukuhkan perjuangan orang Melayu dalam meletakkan taraf bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan dan bahasa rasmi negara selepas merdeka. Dalam puisi Omar Mustaffa yang tersiar dalam *Utusan Melayu* keluaran 18 Januari 1913 menggesa orang Melayu supaya rajin bekerja dan jangan membiarkan kekayaan diambil oleh bangsa lain. Selain itu, terdapat juga puisi lain seperti *Sedarlah* oleh Mahmud Ahmad, *Semenanjung* oleh Harun Aminurrashid (1919), *Seruan Kebangsaan* oleh Melati Pahang (1937) yang menggesa orang Melayu mencari ilmu dan *Serunai Pujangga* oleh Anum (1940) yang menggesa orang Melayu bersikap berani dan sanggup berkorban.

Selain puisi, novel juga dikarangkan untuk membangkitkan semangat kebangsaan. Antaranya ialah *Hikayat Faridah Hanum* oleh Syed Syeikh Al-Hadi (1925) yang mencadangkan wanita perlu diberi pendidikan, *Melor Kuala Lumpur*⁵³ oleh Harun Aminurashid (1930), *Putera Gunung Tahan* yang mengecam British melalui kisah lucu dengan tujuan memupuk semangat cinta akan negara, hidup maju dan bebas daripada penjajahan dan *Anak Mat Lela Gila*⁵⁴ oleh Ishak Haji Muhammad

⁵³ Novel ini mengisahkan tentang Sulaiman, seorang anak muda yang cintakan seorang gadis bernama Nurisa. Setelah tamat pengajiannya, Sulaiman telah bekerja di pejabat seorang saudagar kain. Saudagar ini mempunyai anak yang sangat cantik bernama Nurisa, yang digelar "Melor Kampong Baharu". Malangnya cinta mereka tidak berkembang kerana Nurisa akan dikahwinkan dengan Hashim, sahabat baik Sulaiman. Kerana putus asa, Sulaiman telah mengembara ke Jerman dan menetap di sana.

⁵⁴ Novel ini pertama kali diterbitkan pada tahun 1960. Ia mengisahkan seorang pemuda yang dianggap gila oleh penduduk kampung- suka membersihkan laman masjid namun tidak pernah menjengah ke dalamnya. Novel yang dibelai dengan penuh perhatian ini terkandung banyak maksud tersirat. Ishak



(1941) menyeru orang Melayu berjuang mencapai kemajuan. Cerpen merupakan cerita pendek yang mempunyai nasihat. Kebanyakan cerpen menyeru rakyat bekerja untuk kemajuan dan kemerdekaan negara. Di antara cerpen yang terkenal ialah *Cerita Awang Putat* oleh Abdul Rahim Kajai yang menyeru orang Melayu supaya rajin bekerja; *Anak Dibuat Demal, Di Sini Kita Bukannya Orang Dagang* dan *Siasat Yang Tiada Diminta* yang ditulis oleh Shamsuddin Salleh; *Rumah Besar Tiang Sebatang* oleh Ishak Haji Muhammad yang menyeru orang Melayu membenci dan menentang penjajahan British. Melalui cerpen yang disiarkan, para pembaca akan mengetahui dasar perjuangan yang hendak disampaikan.

Antara kejayaan orang Melayu dalam bidang sastera pada masa itu ialah melahirkan para pejuang sastera dalam Asas '50 dan Asas '66. Penubuhan persatuan yang memperjuangkan bahasa seperti PASPAM (berjuang bagi menjadikan dan memperkasakan bahasa Melayu seperti sebelum penjajahan) turut diwujudkan. Graduan SITC menubuhkan Persatuan Sastera Melayu pada tahun 1923 bagi menggalakkan pertumbuhan sastera dan membangkitkan semangat nasionalisme. Antara kejayaan lain ialah penubuhan Pejabat Karang Mengarang di SITC yang berperanan sebagai pembina dan pengembang bahasa Melayu dan alat penyatuan bangsa. Ini dapat menyumbang ke arah pembentukan bangsa Melayu melalui kegiatan bahasa dan kesusasteraan Melayu.

Haji Muhammad secara halus menyampaikan kritik sosial melalui karya ini dengan gaya bahasa lama yang mudah untuk difahami.





3.4.7 Perkembangan Media Massa dan Bahan Cetak

Idea nasionalisme dikembangkan melalui surat khabar, majalah, novel dan rencana. Surat khabar digunakan sebagai medan untuk menyedarkan masyarakat Melayu terhadap keadaan mereka di tanah air mereka sendiri. Satu daripada bahan bacaan terawal ialah *Pengetahuan Bahasa* hasil karya Raja Ali Haji yang disusun pada tahun 1858. Begitu juga buku *Sejarah Melayu* karya Tun Seri Lanang dan *Hikayat Abdullah* yang digunakan sebagai teks di sekolah-sekolah Melayu seperti Maktab Melayu Melaka dan kemudiannya SITC. Karya-karya ini juga memperlihatkan peri pentingnya bahasa Melayu dalam budaya masyarakat Melayu sebagai alat menyatukan kaum Melayu melalui satu identiti bahasa.



tahun 1923 hingga 1946 juga memainkan peranan penting dalam kemunculan golongan nasionalis Melayu. Tentang majalah *Chendera Mata* ini telah dibincangkan dalam Bab 4. Pada tahun 1939, akhbar *Utusan Melayu* telah diterbitkan. Pengarang yang pertama ialah Rahim Kajai dan pengarang yang terkemuka pula ialah Ishak Haji Muhammad. Akhbar ini menjadi lambang perpaduan dan kegigihan orang Melayu. Bangsa Melayu diminta berusaha dengan gigih untuk kemajuan. Penerbitan *Utusan Melayu* turut menerbitkan *Utusan Zaman*⁵⁵ dan *Mastika*.⁵⁶ Selain akhbar yang disebut

⁵⁵ *Utusan Zaman* merupakan akhbar bahasa Melayu bertulisan Jawi yang diterbitkan mulai 5 November 1938, tahun yang sama dengan keluaran akhbar *Utusan Melayu*, pada hari Ahad. *Utusan Melayu* dan *Utusan Zaman* merupakan akhbar yang memberi kesan yang besar terhadap perkembangan intelek nasionalis Melayu yang membentuk asas kepada persediaan untuk kemerdekaan. *Utusan Zaman* juga merupakan salah satu dari keluaran Kumpulan Utusan. Sebahagian keluarannya terdapat di Arkib Negara Malaysia.

⁵⁶ Majalah ini diterbitkan pertama kalinya pada tahun 1941 oleh Jabatan Pengarang Utusan Melayu.



di atas, terdapat juga akhbar *Warta Malaya*⁵⁷ (1930) dan *Majlis*⁵⁸ (1935). Selain itu, kemunculan alat pencetak telah mencetuskan kesedaran kebangsaan melalui penerbitan akhbar, majalah dan novel. Dalam masa yang sama, muncul golongan wartawan yang komited dan sedar akan nasib bangsanya. Golongan wartawan telah membangkitkan isu-isu kemunduran masyarakat Melayu dalam semua aspek seperti sosial, pendidikan, ekonomi dan politik.

Walaupun pergerakan sebelum Perang Dunia Kedua tidak berjaya membebaskan Tanah Melayu daripada belenggu penjajahan, namun pergerakan ini berjaya meninggalkan beberapa kesan positif sebagai satu asas kepada kemerdekaan pada tahun 1957. Kesan yang pertama ialah, fahaman kebangsaan, kedaerahan dan kenegerian dapat dihapuskan dan diwujudkan pula semangat kekitaan. Kesan kedua ialah orang Melayu amat menyedari bahawa mereka memang ketinggalan dalam bidang ekonomi di negara mereka sendiri berbanding dengan kaum imigran. Seterusnya, mereka menyedari tentang kepentingan pendidikan bagi pencapaian mobiliti sosial. Atas kesedaran ini kaum petani dan nelayan mula menghantar anak-anak mereka ke sekolah-sekolah Melayu dan Inggeris. Kesan akhir dan terpenting ialah kegiatan pergerakan kebangsaan ini telah diteruskan selepas Perang Dunia

57 *Warta Malaya* ialah akhbar harian berbahasa Melayu yang dikendalikan oleh Ibrahim Haji Yaacob. Akhbar ini diterbitkan sekitar tahun 1931-1941 iaitu sebelum Perang Dunia II. Ia menjadi media memperjuangkan kemerdekaan Tanah Melayu yang diperjuangkan oleh Kesatuan Melayu Muda. *Warta Malaya* diterbitkan di Singapura. Editornya ialah Onn bin Jaafar (1930-33), Syaid Alwi bin Syaid Sheikh Al-Hadi (1933-34), Syaid Hussein bin Alsagoff (1934-1941), dan Ibrahim Haji Yaacob (1941). Dengan bantuan pihak Jepun, Ibrahim Haji Yaacob telah membeli *Warta Malaya* ini pada 1941. Ibrahim menjadi ejen Jepun waktu itu.

58 Akhbar ini mula diterbitkan pada 1931. Sehingga bulan Mac 1937, ia dikeluarkan dua kali seminggu, kemudian tiga kali seminggu sehingga tahun 1939 dan dikeluarkan sebagai akhbar harian sehingga tahun 1941. *Majlis* merupakan akhbar Melayu yang pertama dicetak di Kuala Lumpur. Untuk beberapa tahun yang awal (1931-1935), Abdul Rahim Kajai menjadi pengarang *Majlis* yang pertama. Selepas Perang Dunia II pula pengarangnya yang paling giat dan paling lama membimbing akhbar ini ialah Abdul Samad Ahmad iaitu antara tahun 1949-1954. *Majlis* memenuhi halamannya dengan perkara-perkara yang bersangkutan paut dengan kepentingan orang Melayu.



Kedua terutamanya yang berpendidikan Inggeris seperti Raja Chulan dan Dato' Onn Jaafar, sehingga berjaya mendapat kemerdekaan daripada pihak British.

Perkembangan nasionalisme negara membawa impak yang positif terhadap penduduk Tanah Melayu terutamanya terhadap proses memerdekakan Tanah Melayu. Walaupun terdapat banyak halangan serta cabaran yang perlu ditempuhi, namun semuanya dapat diharungi sehinggakan wujud kesan-kesan positif terhadap perkembangan nasionalisme. Apabila kita melihat sejarah perjuangan pejuang kemerdekaan di Malaysia (Tanah Melayu sebelum itu), kita tidak dapat lari daripada membincangkan kehebatan penentangan tokoh-tokoh seperti Datuk Bahaman di Semantan, Datuk Kelana di Sungai Ujong, dan Haji Abdul Rahman Limbong di Terengganu. Hakikatnya, penduduk Tanah Melayu tidak pernah memikirkan untuk



Penentangan terhadap penjajah pada era sebelumnya adalah lebih bersifat individu. Kepentingannya juga adalah kepentingan individu, atau paling lebih kelompok kecil yang diwakili oleh individu itu, bukannya bangsa Melayu secara keseluruhan. Walaupun kebanyakan gerakan kemerdekaan ini gagal kerana kekurangan senjata, kurang sokongan daripada orang Melayu (kesatuan) dan masalah perhubungan komunikasi, namun gerakan awal penentangan ini telah membawa kepada kebangkitan gerakan nasionalisme yang lebih besar dan membawa kesan yang baik terhadap proses kemerdekaan. Perlu diingatkan, kemerdekaan yang dicapai pada Ogos 1957 bukanlah satu proses yang mudah untuk dicapai. Matlamat kemerdekaan itu hanya dapat dicapai setelah melalui satu proses yang sangat panjang melalui penyertaan daripada pelbagai lapisan masyarakat sedikit demi sedikit.



3.4.8 Pengaruh Dari Indonesia

Kemunculan gerakan nasionalisme dalam kalangan orang-orang Melayu, sama ada secara langsung atau tidak, banyak dipengaruhi dan didorong oleh perkembangan politik dan gerakan nasionalisme di Indonesia. Bahan-bahan dari Indonesia, sama ada buku, majalah dan surat khabar telah sampai ke tangan anak-anak muda Melayu yang belajar di SITC. Tujuan bahan bacaan itu dibawa masuk ke Tanah Melayu terutamanya adalah untuk mengatasi masalah kekurangan bahan bacaan itu mereka dapat mengikuti perkembangan di Indonesia, seperti Boedi Otomo, Sarekat Islam, Parti Komunis Indonesia, Parti Nasional Indonesia serta peranan Soekarno. Dengan itu, kemasukan bahan bacaan itu telah mendatangkan kesan yang tidak diduga pada mulanya, iaitu sedikit sebanyak telah mendorong timbulnya kesedaran politik anti

kolonial dalam kalangan mereka.

Menurut Ibrahim Haji Yaacob yang menulis berdasarkan pengalamannya sebagai pemimpin politik utama gerakan nasionalisme Melayu itu, tekanan politik dan ekonomi penjajah dalam waktu singkat telah memberikan kesedaran baru kepada orang Melayu. Dengan itu, timbullah bibit-bibit kesedaran nasional dalam kalangan masyarakat Melayu. Namun Ibrahim Haji Yaacob mengakui adanya pengaruh dari Indonesia itu dengan kata-kata seperti berikut:

Akan tetapi ternyata tekanan politik ekonomi pendjajah itu, di dalam waktu yang singkat telah memberikan kesedaran baru pada orang Melayu, menjebabkan sesudah tahun 1925, timbullah bibit-bibit kesedaran nasional di kalangan masyarakat orang Melayu itu. Selandjutnja kesedaran ini bertambah besar sesudah terdjadi pemberontakan melawan Belanda di Djawa dan Sumatera tahun 1926. Berita-berita pemberontakan di Indonesia itu dengan diam-diam disambut oleh orang Melayu di Malaya yang satu keturunan

⁵⁹ Ahmad Salleh Lamry, *Gerakan Kiri Melayu Dalam Perjuangan Kemerdekaan*, Bangi, Selangor: Universiti Kebangsaan Malaysia, 2006, h. 37.

darahnja itu dengan sangat genbira, terutama oleh mereka jang masih mempunjai hubungan-hubungan darah langsung dengan suku-suku orang Bugis, Bandjar, Sumatera, Djawa, Sunda, Bowijan dan lain-lainnja itu, bahkan beberapa orang pemimpin pemberontakan dari Indonesia itu jang Iari ke Malaya diberikan perlindungan saudara kandung oleh orang-orang Melayu, dari orang-orang pelarian ini ada pula jang bergerak di Malaya memberikan kesadaran nasional melawan pendjadjah di antaranja ialah: Djamaluddin Tamin, Tan Malaka, Budiman, Sutan Djenain, Alimin, Mohamad Arif dan lain-lainnja.⁶⁰

Seterusnya Ibrahim Haji Yaacob menulis lagi;

Sesungguhnja, kesadaran nasional di Malaya itu semakin tjepat bertumbuhnja sesudah di Indonesia (chususnja di Djawa) lahir Partai Nasional Indonesia (P.N.I) jang dipimpin oleh Ir. Soekarno pada tahun 1927 jang menuntut Indonesia merdeka sekarang djuga. Gerakan P.N.I Soekarno itu dengan diam-diam pula disambut oleh orang Melayu Malaya dengan perasaan bahwa orang Melayu adalah suku bangsa Indonesia. Dengan demikian semendjak tahun 1928 di sana sini timbullah perasaan nasional Indonesia di Malaya, dan ada pula jang mendjadi anggota. P.N.I, di antaranja jalah Sdr. Ibrahim Yaacob (IBHY) jang memimpin perkumpulan mahasiswa di Sultan Idris Training College - Tg. Malim beserta kawan-kawannja. Ringkasnja pada tahun 1928, itu tumbuhlah kesadaran nasional di kalangan orang Melayu penduduk Malaya.⁶¹

Kenyataan Ibrahim Haji Yaacob itu telah diperkuat oleh Abdul Samad Idris yang turut berjuang dalam politik sejak awal munculnya gerakan nasionalisme Melayu dengan merujuk kepada apa yang berlaku dalam kalangan pelajar SITC:

Dengan banyaknya bahan-bahan bacaan dari luar mencurah masuk ke SITC di Tanjung Malim, bakal-bakal guru ini dapat mengetahui bagaimana gigihnya orang-orang Indonesia menentang penjajah dengan serba kekurangan. Pemberontakan di Jawa dan Pemberontakan di Sumatera telah menjadi inspirasi kepada mereka.⁶²

Menurut William R. Roff dalam tulisan Mohamed Salleh Lamry, berpendapat; sebahagian daripada pelarian politik dari Indonesia itu telah datang ke SITC untuk

⁶⁰ Ibrahim Haji Yaacob, *Sekitar Malaya Merdeka*, Jakarta: Penerbit Kesatuan Malaya Merdeka, Bahagian Penerangan, 1957, h. 20.

⁶¹ *Ibid*, h. 21.

⁶² Abdul Samad Idris, *Sejarah Perjuangan Bangsa Melayu*, Kuala Lumpur: Utusan Publication and Distributors, 1982, h. 311.



melanjutkan perjuangan mereka. Dengan itu bakal-bakal guru yang telah sedia bersemangat itu bertambah semarak lagilah semangat mereka setelah mendengar kekejaman pihak penjajah ke atas bangsa Indonesia.⁶³

Ringkasnya pada tahun 1928 itu tumbuhlah kesedaran nasional dalam kalangan orang Melayu penduduk Malaya. Dengan demikian pada tahun 1929 Ibrahim telah menubuhkan sebuah gerakan pelajar secara haram yang diberikan nama Ikatan Pemuda Pelajar. Kemudian pada tahun 1930, beliau menubuhkan Ikatan Semenanjung Borneo⁶⁴ atau Belia Malaya mengikut catatan Roff,⁶⁵ yang merupakan pertubuhan haram juga. Gerakan ini dianggotai oleh kira-kira 35 orang pelajar SITC. Antara mereka yang menjadi pemimpinya ialah Ibrahim Haji Yaacob, Muhammad Isa Mahmud, Hassan Haji Manan, Yaacob Muhammad Amin dan Abdul Karim Rashid.⁶⁶ Merekalah yang disebut oleh Ibrahim Yaacob turut menjadi ahli PNI yang dipimpin oleh Soekarno dan melanggan akhbar parti tersebut *Fikiran Rakyat*.⁶⁷ Penubuhan gerakan sulit Ikatan Semenanjung Borneo atau Pemuda Malaya ini jelas mengikut model gerakan pemuda yang wujud lebih dahulu di Indonesia, seperti Jong Jawa dan Jong Sumatera, yang merupakan gerakan pemuda Jawa dan pemuda Sumatera.

Setelah berada di Kuala Lumpur pada akhir tahun 1934 dan awal tahun 1935, Ibrahim Yaacob dapat berhubung semula dengan beberapa orang kawan lama di SITC dan bertemu dengan kawan baru yang sama-sama mempunyai kesedaran nasionalisme

⁶³ Ahmad Salleh Lamry, *op cit.*, h. 39.

⁶⁴ Abdul Samad Idris, *op cit.*, h. 312.

⁶⁵ William R. Roff, (1994), *op cit.*, h. 225.

⁶⁶ Abdul Samad Idris, (1982), *op cit.*, h. 312.

⁶⁷ William R. Roff, (1994), *op cit.*, h. 225.





dan semangat antikolonial. Antara mereka terutamanya ialah Hassan Abdul Manan, Abdul Karim Rashid dan Muhamad Isa Mahmud semuanya dari SITC; Mustapha Hussain, guru Sekolah Pertanian Serdang, dekat Kuala Lumpur serta Ishak Haji Muhammad, anak muda dari Pahang yang baharu berhenti dari Perkhidmatan Tadbir Melayu (M.A.S).⁶⁸

Ibrahim Haji Yaacob dan Ishak Haji Muhammad, mengikut Abdul Samad Idris telah merancang untuk menubuhkan sebuah parti yang progresif revolusioner pada 1937.⁶⁹ Mereka mahu menuntut kemerdekaan dengan apa cara sekali pun. Bagaimanapun, mereka menyedari bahawa bangsa Melayu sangat kekurangan sama ada dari segi kewangan mahupun ketenteraan. Dengan itu, rancangan itu tidak jadi dilaksanakan. Sementara itu, Ibrahim Haji Yaacob tidak teragak-agak untuk mendapatkan sokongan Jepun dalam usaha membebaskan tanah air daripada penjajahan British, kerana dia mempercayai bahawa Jepun yang ketika itu sedang berperang dengan China akan menang menjadi kuasa yang terkuat di Asia. Pada April 1938, barulah mereka dapat menubuhkan sebuah parti politik kiri yang bersifat nasional yang diberi nama Kesatuan Melayu Muda (KMM).

3.5 Kaum Tua dan Kaum Muda

Secara umumnya, kaum tua boleh didefinisikan sebagai ulama-ulama tradisional yang berpegang kepada tradisi konservatif atau mempertahankan yang lama. Sesuai dengan pengertian konservatif, ulama-ulama ini sebagaimana biasanya cuma melihat sejarah

⁶⁸ William R. Roff, (1994), *op cit.*, h. 226.

⁶⁹ Abdul Samad Idris, (1982), *op cit.*, h. 314.





atau masa lampau sebagai sumber inspirasi atau sesuatu yang harus dipertahankan. Di dalam banyak perkara, mereka lebih suka mengekalkan status quo sesuatu amalan yang telah lama bertapak di dalam masyarakat. Justeru itu, pendokong kaum tua ini dilihat seringkali bersikap negatif terhadap pembaharuan dan perubahan.

Kaum Muda merupakan gerakan pemikiran atau *school of thought* yang memperoleh inspirasi serta bawaan ilmu ijthadi yang berasal dari Mesir. Golongan Kaum Muda menggunakan majalah *Al-Imam*⁷⁰ terbitan tahun 1906 sebagai wadah penyalur idea modenisme Islami mereka yang kebanyakannya divedok daripada majalah *Al-Manar*⁷¹ yang diterbitkan di Mesir lapan tahun sebelumnya. Menurut Roff, asas pertentangan antara Kaum Muda dengan Kaum Tua ialah soal penentuan kebenaran.⁷² Kaum Muda menggunakan akal untuk menentukan kebenaran dalam



agama dan menolak penerimaan secara membuta tuli atau taklid dalam agama. Kaum Tua pula mengatakan bahawa apa-apa yang telah diputuskan oleh ulama dan segala-gala yang tertulis dalam kitab wajib diterima begitu sahaja atas alasan bahawa tentulah ulama silam menulis dengan berhati-hati dan memahami apa-apa yang ditulisnya. Ini tidak dapat diterima oleh Kaum Muda kerana bagi mereka hanya yang terkandung dalam al-Quran dan al-Hadis sahih yang wajib dipercayai sedangkan

⁷⁰ *Al-Imam* merupakan majalah Islam pertama di Asia Tenggara. Majalah Islam berbahasa Jawi tersebut terbit di Singapura pada tahun 1906 hingga permulaan 1909. Ia merupakan detik bersejarah bagi seluruh umat Islam di Tanah Melayu dan Nusantara kerana julung-julung kalinya majalah yang memperkatakan soal-soal kemiskinan, kelemahan dan kemunduran ekonomi pelajaran orang Melayu. Majalah *Al-Imam* diusahakan oleh Sheikh Mohd bin Salim Al Kalili (sebagai Pengelola), Sheikh Mohd Tahir Jalaluddin Al-Azahari (sebagai Pengarang), Syed Sheikh bin Ahmad Al-Hadi (pengarang) dan Haji Abas bin Mohd Toha (pengarang).

⁷¹ *Al-Manar* adalah jurnal ilmiah tentang Islam Syiah yang diterbitkan oleh Rasyid Ridha pada 1898-1935. Pada masanya, penerbitan ini menjadi media yang berpengaruh dalam perkembangan pemikiran dunia muslim, dan hingga kini menjadi salah satu sumber informasi tentang peristiwa-peristiwa penting yang terjadi di dunia muslim pada masa tersebut.beritanya penuh dengan takiyah apabila membela sunni.

⁷² William R. Roff, (1994), *op. cit.*, h. 97.





ulama masih terdedah kepada kesilapan kerana mereka bukannya maksum (bersih daripada dosa).

Pengasas Kaum Muda terdiri daripada Syed Syeikh Al-Hadi dan Syeikh Tahir Jalaluddin. Mereka menganggap ajaran Islam harus menerima idea dan falsafah barat agar umat Islam mendapat kemajuan setanding dengan orang lain. Oleh itu, amalan sistem pengajian pondok yang mementingkan amalan keakhiratan saja mungkin ketinggalan zaman. Sistem pengajian itu juga memberi saingan kepada sistem pendidikan sekular yang diajurkan oleh pejuang British. Sebaliknya, sistem itu bertujuan melahirkan pelajar yang alim, berilmu, bertanggungjawab kepada diri, agama dan bangsa. Perjuangan Syed Syeikh Al-Hadi dalam penyebaran dakwah Islam dan sistem pendidikan semakin ketara dalam usaha mendirikan Madrasah Al-Iqbal pada tahun 1907 di Selegie Road, Singapura. Madrasah Al-Iqbal didirikan untuk mengembangkan Islam, menyalurkan pemikiran menentang khurafat, membangunkan kembali sikap kritis umat Islam terhadap perubahan sekitar, khususnya kemodenan Barat. Walau bagaimanapun, madrasah Al-Iqbal kurang mendapat sambutan di kalangan masyarakat Islam dan dipindahkan ke Pulau Penyengat, Riau Lingga.

Pada tahun 1916 Syed Syeikh Al-Hadi kembali ke Melaka dan mendirikan Madrasah Al-Hadi di Bandar Kaba pada tahun 1917. Syed Syeikh Al-Hadi yang mendapat pendidikan agama dan akademik di Mesir menggunakan bahasa pengantar Arab di madrasah itu. Madrasah Al-Hadi telah menghadapi beberapa masalah. Di antaranya termasuklah masalah kewangan, pentadbiran, ketiadaan guru berkelayakan dan fenomena pemikiran masyarakat sekitar yang masih kolot. Ekoran daripada pelbagai masalah yang sering dihadapi menyebabkan Syed Syeikh Al-Hadi menutup





madrasah itu pada tahun 1918. Satu lagi sebab penutupan madrasah itu ialah pertentangan antara Kaum Muda dan Kaum Tua di Melaka. Selain itu, golongan anti Kaum Muda di Melaka turut memulau syarahan Syed Syeikh Al-Hadi. Pada tahun 1919, beliau berhijrah ke Pulau Pinang.

Pertentangan di antara Kaum Muda dan Kaum Tua telah mencetuskan pergaduhan. Kaum Muda yang menerima pengaruh dari Indonesia itu menentang Kaum Tua yang mengikut satu mazhab saja manakala Kaum Muda menyeru supaya ijtihad dikembalikan untuk mencari sumber Islam. Di Pulau Pinang, Syed Syeikh Al-Hadi telah mendirikan Madrasah Al-Masyhor Al-Islamiyah, iaitu pada tahun 1919. Antara pelajar lepasan madrasah itu termasuklah Dr. Burhanuddin Al-Helmi yang kemudian muncul sebagai tokoh agama dan perjuang kemerdekaan tanah air. Seorang lagi bekas pelajar madrasah itu ialah Haji Abu Bakar Al-Shaari. Syed Syeikh Al-Hadi kemudiannya menceburkan diri dalam bidang penerbitan buku dan percetakan akhbar. Syarikat percetakan yang dimiliki oleh Syed Syeikh Al-Hadi ialah Jelutung Press. Melalui syarikat itu, beliau telah menerbitkan majalah bulanan *Al-Ikhwān* dan akhbar dwi-mingguan, iaitu *Saudara*.⁷³ Satu keistimewaan Syed Syeikh Al-Hadi yang hampir sama dengan Hamka ialah beliau juga membabitkan diri dalam perkembangan kesusasteraan dengan menghasilkan novel saduran yang laris pada zamannya. Salah satu daripada novelnya yang terkemuka ialah *Hikayat Faridah Hanum*.

⁷³ Akhbar *Saudara* yang diterbitkan sekitar tahun 1928-1941 banyak memaparkan aspek budaya yang melibatkan persoalan agama, ekonomi dan sosial yang merupakan masalah paling meruncing dihadapi orang Melayu pada zaman penjajahan. Akhbar ini memainkan peranan dalam menyeru dan membangkitkan semangat orang kesedaran orang Melayu. Kejayaan *Saudara* menjadi wadah bagi menyedarkan orang Melayu yang semakin terancam kedudukan mereka banyak bergantung pada para pengarangnya yang sentiasa berpandangan jauh.





Pengaruh gerakan reformasi yang dipelopori oleh Syed Syeikh Al-Hadi kemudiannya berkembang ke beberapa buah negeri, termasuklah Perak. Seorang anak didik Al-Masyhor, iaitu Syeikh Abdullah Maghribi telah mendirikan madrasah Idrisiah di Perak. Terdapat lepasan Al-Masyhor yang lain turut menubuhkan Madrasah Al-Diniyyah Kampung Lalang, Perak pada tahun 1934. Sumbangan Syed Syeikh Al-Hadi dalam pendidikan Islam di Tanah Melayu meninggalkan kesan yang mendalam dan hasil pemikiran kritisnya melahirkan pembaharuan dalam gerakan Islam dan menyemarakkan nasionalisme di Tanah Melayu. Penubuhan madrasah yang dipeloporinya berhasil memberi pukulan kepada sistem pendidikan sekular oleh penjajah Inggeris di Tanah Melayu. Syed Syeikh Al-Hadi meninggal dunia pada Februari 1934 di Pualu Pinang.



dengan pemikiran Kaum Tua dan Kaum Muda. Disebabkan pengaruh gurunya serta pendedahan beliau di madrasah-madrasah yang digerakkan oleh gerakan Islah yang mewakili Kaum Muda, beliau lebih cenderung ke arah pendekatan pembaharuan. Sejak muda, Ustaz Abu Bakar Al-Baqir telah bergiat cergas dalam perbagai persatuan separa-politik dan pertubuhan politik Melayu seperti Persatuan Melayu Pulau Pinang, Persatuan Melayu Perak, Kesatuan Melayu Muda (KMM) dan Angkatan Pemuda Insaf (API).

Penglibatannya dalam persatuan-persatuan inilah yang menyebabkan Ustaz Abu Bakar Al-Baqir amat rapat dengan Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM) dan pemimpin PKMM, Dr. Burhanuddin Al-Helmy. PKMM ditubuhkan pada 17 Oktober 1945 di Ipoh, Perak. Pada akhir tahun 1920-an, Ustaz Abu Bakar Al-Baqir



membuka kelas pendidikan Islam bernama Kanzul Ma'arif.⁷⁴ Berlainan dengan sistem menadah kitab yang diamalkan pada masa itu, kelas-kelas ini memperkenalkan sistem perbincangan dan perbahasan bahan-bahan pengajian ilmu pengetahuan.

Majlis Agama Tertinggi Se-Malaya atau MATA juga ditubuhkan pada tahun 1947, iaitu sehari selepas PEPERMAS. MATA juga ditubuhkan di Al-Ehya Al-Sharif,⁷⁵ Gunung Semanggol. Ustaz Abu Bakar Al-Baqir telah dilantik sebagai penasihat kanan. MATA ditubuhkan dengan tujuan untuk membetulkan pengurusan dan pentadbiran hal-ehwal agama Islam yang ditadbir oleh ulamak tradisional dan raja Melayu. MATA adalah satu tamparan yang hebat kepada golongan yang bekerja dalam pertubuhan ulamak negeri dan pejabat agama negeri-negeri. Ini kerana MATA bertujuan menjadi badan agung untuk mengelolakan soal agama. MATA juga secara langsung berhasrat menggantikan badan-badan agama yang telah wujud di setiap negeri.

Kelahiran Al-Ehya Al-Sharif pada tahun 1934 adalah seiring dengan matangnya fahaman Islah dalam kalangan umat Islam di Tanah Melayu. Pergerakan Islah atau Kaum Muda yang dipopularkan pada awal abad itu telah banyak mempengaruhi pelajar-pelajar madrasah. Kemahuan Ustaz Abu Bakar Al-Baqir untuk mendirikan Al-Ehya Al-Sharif bertambah kuat apabila masih kurang madrasah yang menekankan pendidikan dunia dan akhirat di kawasan Kerian, Perak. Untuk tujuan

⁷⁴ Raja Ahmad Shalaby, Siti Zabeha Ibrahim & Mohd Zuber Zain, *Tokoh-tokoh Guru Nusantara*, Tanjong Malim: Penerbit UPSI, 2004, h. 45.

⁷⁵ Ma'ahad Al-Ehya Al-Sharif di Gunung Semanggol ditubuhkan pada 1918. Daripada sebuah pondok ia bertukar kepada sebuah sekolah agama pada 15 April 1934 yang diberi nama Madrasah Al-Ehya Al-Sharif. Sekolah ini diwujudkan kerana terdapat keperluan tempat belajar untuk murid lepasan sekolah rendah di samping sebagai usaha menyebarkan ilmu secara lebih teratur dalam menyebarkan risalah Islam.

tersebut, beliau melepaskan jawatannya di Pondok Idrisiah, Kuala Kangsar. Ustaz Abu Bakar Al-Baqir mendirikan Al-Ehya Al-Sharif di Gunung Semanggul kerana berpandangan tidak sesuai baginya untuk memajukan bangsa jika terikat dengan iklim istana. Lagipun, para ulamak di Idrisiah amat condong kepada kemahuan status quo golongan tradisional aristokrat diraja.⁷⁶

3.6 Kesimpulan

Kebangkitan semangat nasionalisme di Tanah Melayu berkait rapat dengan perkembangan sistem pendidikan yang diuruskan oleh pihak British. Penubuhan sekolah-sekolah vernakular melahirkan cerdik pandai yang berjuang untuk mengatasi kemunduran ekonomi serta membebaskan bangsa sendiri daripada cengkaman penjajahan asing. Sejak tahun 1906 lagi, kesedaran kebangsaan sudah mula tumbuh dalam kalangan anak-anak muda Melayu lepasan pendidikan Timur Tengah yang mula menulis dalam majalah *Al-Imam*. Mereka ini sedar tentang kemunduran yang dialami oleh orang Melayu, lantas bangkit menyedarkan masyarakat Melayu melalui tulisan di akhbar-akhbar dan majalah. Golongan pembaharuan ini dikenali dengan panggilan Kaum Muda. Peringkat permulaan mereka belum lagi berani bergerak secara politik dan menentang penjajahan British secara terang terangan.

Sungguhpun Kaum Muda ditentang oleh golongan Islam yang lebih tua digelar Kaum Tua, pengaruh mereka dapat menjalar pesat ke luar bandar. Saluran yang paling berkesan bagi penyebaran gagasan mereka ialah madrasah dan sekolah

⁷⁶ Saari Sungib, 10 September 2016, <http://buletinonline.net>.



agama yang ditubuhkan di seluruh Semenanjung, tetapi mereka tidak berusaha untuk mendirikan pertubuhan politik, sehinggalah tahun 1920-an apabila perubahan besar berlaku dalam bidang pendidikan. Pada tahun 1920-an memperlihatkan pertambahan golongan intelektual hasil daripada perkembangan sekolah-sekolah Melayu dan kemajuan pendidikan di Maktab Melayu Kuala Kangsar. Kemuncak rangsangan tambahan terhadap kebangkitan nasionalisme ialah dengan tertubuhnya SITC pada 1922. Setelah tertubuhnya maktab yang agung itu, maka kegiatan bahasa dan sastera berkembang pesat melalui tokoh-tokoh yang dilahirkan melalui perut 'Ibu Kandung Suluh Budiman' yang ditempatkan di serata pelusuk negara setelah tamat pengajian. Melalui aktiviti yang dianjurkan oleh guru yang mengajar di kampung-kampung, maka berlakulah perkembangan media masa dan bahan cetak yang menjadi medium untuk menyebarkan propaganda dan menyemai benih-benih nasionalisme. Apatah lagi





BAB 4

PENTADBIR DAN PENDIDIK

4.1 Pendahuluan



Peranan dan kepentingan SITC dalam dapat dilihat daripada sumbangan murid dan gurunya yang bertebaran di serata pelusuk negara. Dengan berbekalkan pengalaman dan pengetahuan yang didapati sama ada semasa menuntut ataupun mengajar di SITC, telah membentuk diri mereka sebagai seorang Melayu yang mencintai bangsa, agama dan tanah air. Bagi mereka, kepentingan dan kemajuan bangsa Melayu mestilah dipertahankan dan diperjuangkan oleh orang Melayu sendiri. Pengorbanan guru-guru Melayu ini dapat dilihat sebagai bersedia mengorbankan tubuh badan dan jiwa mereka untuk agama, bangsa dan negara serta raja-raja Melayu. Untuk itu, guru-guru SITC selain daripada bertugas sebagai pendidik di institusi terulung itu, mereka juga melibatkan diri dalam pelbagai kokurikulum seperti sukan, pasukan pakaian seragam dan juga aktiviti luar termasuklah politik untuk memajukan orang-orang Melayu. Apa





yang ditekankan adalah memperjuangkan hak-hak politik orang Melayu yang masih terjajah di tanah air sendiri.

Penuntut SITC rata-rata terdiri daripada golongan sederhana dan bawahan berbanding dengan penuntut MCKK yang datang dari golongan atasan dan keluarga diraja. Jumlah penuntut yang belajar di SITC terdapat sedikit peningkatan mengikut peredaran zaman. Mungkin untuk mengisi keperluan perguruan di sekolah-sekolah yang sentiasa bertambah, selaras dengan penambahan penduduk dan perkembangan sistem pendidikan di Tanah Melayu, tetapi jumlahnya sentiasa turun naik (lihat Lampiran C untuk melihat jumlah penuntut SITC sejak ditubuhkan dari tahun 1922 hingga 1957). Institusi pendidikan ini yang banyak menyediakan kemudahan seperti perpustakaan, mempunyai penerbitan majalahnya sendiri, padang permainan dan bangunan yang cantik ini dianggap “lebih besar serta terkenal” di negara kita berbanding dengan institusi pendidikan lain (kecuali MCKK yang khusus untuk golongan aristokrat dan anak-anak raja) yang menjadi tarikan kepada anak-anak Melayu datang belajar ataupun berkhidmat sebagai tenaga pengajar.

4.2 Kekuatan SITC

SITC mempunyai kekuatannya yang tersendiri dalam melahirkan golongan yang berpengaruh dalam politik tanah air. Dengan kekuatan itu, ia membantu membenihkan semangat nasionalisme dalam kalangan rakyat marhaen iaitu:

- a. Kurikulum dan kokurikulum
- b. Pejabat Karang Mengarang





- c. Khutub khanah
- d. Majalah Guru dan Chendera Mata
- e. Kegiatan luar bilik darjah.

4.2.1 Kurikulum dan Kokurikulum

Antara tahun 1922 hingga 1957, kursus-kursus di SITC dijalankan selama tiga tahun serta mempunyai kurikulum yang dipengaruhi oleh ‘Laporan Winstedt tentang Pendidikan Vernakular dan Perindustrian di Jawa dan Filipina’.¹ Penuntut-penuntut yang diterima masuk menjalani latihan adalah berkelulusan Darjah VI di sekolah-sekolah Melayu. Ini adalah kerana pihak British hanya menyediakan pelajaran Melayu pada peringkat sekolah rendah sahaja. Ia sekadar menunaikan kewajipan mereka kepada anak-anak watan yang dianggap sesuai dengan perjanjian yang ditandatangani dengan pihak istana. Kurikulum latihan perguruan yang pertama di SITC tertumpu kepada pengetahuan asas iaitu *General Literature* (100 markah), *General Science* (100 markah), *Writing & Drawing* (100 markah), *Pedagogy* (100 markah), *Physical Training* (100 markah) dan *Manual Training* (600 markah).²

Loh Fook Seng (1975) menerangkan bahawa kurikulum SITC mengandungi empat komponen utama iaitu: pertama, rancangan akademik yang mengandungi mata pelajaran Ilmu Kira-Kira, Geometri, Ilmu Alam, Bahasa Melayu, Tawarikh dan Sastera, Ilmu Kesihatan, Lukisan, Tulisan, Pengetahuan Am; kedua, kegiatan amali di kebun maktab (seorang penuntut diperuntukkan sebidang tanah segiempat sama

¹ *Annual Report on Education for the Year 1917.*

² *Record of Final Examinations and Prizes 1910-1935, (1/1924).*





berukuran 15 kaki untuk bercucuk tanam); ketiga, membuat bakul dan pertukangan tangan yang lain; keempat, teori dan latihan mengajar. Bahasa pengantarnya seratus peratus menggunakan bahasa Melayu, manakala pendidikan agama Islam diberikan dua jam seminggu sepanjang kursus tiga tahun.³

Perkebunan atau pertanian asas diberi keutamaan dalam sukatan pelajaran di SITC. Ia bertujuan untuk menjayakan rancangan menguatkan sifat luar bandar sekolah-sekolah Melayu seperti yang dianjurkan oleh R.O Winstedt. Mata pelajaran Kesenian dan Pertukangan Tangan diperkenalkan pada tahun 1930. Kandungan mata pelajaran Agama Islam yang diajar ketika SITC mula dibuka adalah sangat cetek. Sejak SITC dibuka, Lebai Ja'afar bin Abdul Rashid dari Perak, ditugaskan mengajar al-Quran dan agama Islam asas mulai tahun 1924. Maka dalam tahun 1925 atas arahan pengetua, sukatan pelajaran agama Islam telah disusun dengan memasukkan hukum hakam mengenai puasa, rukun haji, pembahagian tanah dan nikah. Pada 9 Jun 1925, Tuan Haji Yunus bin Haji Abdul Sheikh mula berkhidmat sebagai Pensyarah Agama Kanan (Senior Religious Lecturer). Mata pelajaran Ilmu Hisab diajar walaupun pada pengertiannya Ilmu Kira-kira. Ilmu Geometry pula diperkenalkan pada tahun 1931. Mata pelajaran Ilmu Hisab ini diajar oleh Cikgu Md. Hanafiah bin Haji Md. Saman yang berasal dari Selangor.

Pengajaran dan pengajian bahasa Melayu adalah mengutamakan kepada petua mengarang yang menitikberatkan kepada isi, gaya dan plot. Pihak British agak berhati-hati mengenai pengajaran Tawarikh. Pengajarannya banyak berdasarkan buku-buku karangan R.J. Wilkinson terutamanya dalam buku-buku teks *Series of*

³ Philip Loh Fook Seng, *Seeds of Separatism: Educational Policy in Malaya 1874-1940*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1975, h. 12.





Paper on Malay Subjects.⁴ Untuk melengkapkan pengetahuan penuntut-penuntut, mata pelajaran Ilmu Alam yang disediakan dibahagikan kepada dua iaitu Ilmu Alam dan Ilmu Bumi. Ilmu Alam meliputi perkara-perkara mengenai dunia secara ringkas, sementara Ilmu Bumi menghuraikan tentang udara, bumi serta tajuk-tajuk yang bersangkutan dengannya. Ilmu Alam dan Ilmu Bumi diajar oleh M.R. Holgate, kemudiannya diambil alih oleh Cikgu Abdul Rahman bin Haji Muhyiddin yang berasal dari Melaka. Mata pelajaran Lukisan dan Tulisan berdiri sebagai satu kumpulan dan wajib lulus. Lukisan dan Tulisan diajar oleh Cikgu Md. Said bin Haji Husain yang berasal dari Perak. Penuntut-penuntut dilatih menulis dalam huruf rumi dan tulisan cantik. Lukisan memerlukan penuntut-penuntut menghasilkan lukisan dari ingatan, corak dan awan larat, pemandangan darat dan laut serta model.



Pada setiap tahun pihak kolej ada menyediakan Hadiah Peraduan untuk penuntut-penuntut SITC seperti Hadiah Karang Mengarang, Pantun Berkait, Tawarikh Kedah, Tawarikh Ta'alok British, Berjenis-jenis Pengetahuan, Petah Bercakap, Anyaman Tahun III, Mengayam Gubahan dan Hadiah Lukisan. Pihak kolej ada menyediakan hadiah dalam bentuk wang ringgit bagi setiap pemenang di antara \$10 hingga \$25 bagi setiap kategori.⁵

Laporan berita yang ditulis dalam akhbar *New Straits Times* dan *The Malay Mail* bertarikh 29 November 1922 selepas perasmian SITC ada dinyatakan tentang kurikulum yang diajar di SITC ialah seperti berikut:

1. *Malay Language and Literature*
2. *Commercial and Physical Geography*

⁴ Khairuddin Haji Abdul Ghani, *SITC: Sejarah Sepintas Lalu*. Artikel yang tidak diterbitkan ini ada tersimpan di Perpustakaan Tuanku Bainun.

⁵ *Principal's Diary 1922-1950, Sultan Idris Training College, Tanjong Malim*, h. 140-141.



3. *History*
4. *Arithmetic and Mensuration*
5. *Hygiene*
6. *Agricultural Science and Gardening*
7. *Drawing*
8. *Music*
9. *Koran*
10. *Basketry and other Handicrafts*
11. *Theory and Practice of Teaching*.⁶

Mengikuti catatan Shaharom Hussain, tempoh mata pelajaran yang diajar bagi satu-satu waktu pengajaran adalah selama 45 minit dan terdiri daripada Ilmu Kira-Kira, Ilmu Geometri, Ilmu Alam, Bahasa, Tawarikh dan Hikayat, Ilmu Tanaman, Kaedah Mengajar, Ilmu Kesihatan, Lukisan, Tulisan, Anyaman Bakul, Pengetahuan Am dan Agama.⁷

Selain daripada mengikuti kuliah di dalam bilik darjah, kegiatan-kegiatan luar juga dilaksanakan di SITC. Bersukan dengan melibatkan diri dalam perlawanan bola sepak, hoki, bola tampar, badminton, olahraga, sepak takraw dan renang digalakkan. Demikian juga halnya dengan bersatuan. Penuntut-penuntut diberi kebebasan untuk melibatkan diri dalam persatuan-persatuan yang ditetapkan seperti Persatuan Bahas, Persatuan Drama, Persatuan Muzik dan Persatuan Bahasa Melayu. Di samping itu, terdapat juga kelab-kelab seperti Kelab Bola Sepak, Kelab Sepak Takraw, Kelab Badminton, Kelab Renang dan lain-lain. Menganggotai pasukan pengakap ditawarkan kepada penuntut-penuntut yang tidak menganggotai pasukan Malayan Volunteer Infantry (MVI) atau disebut Sultan Idris Training College Company of the Federated Malay States Volunteer Force (SITC-FMSVF). Pada peringkat permulaan, iaitu pada

⁶ *The New Street Times*, h. 9 dan *The Malay Mail*, h. 11, bertarikh 30 November 1922.

⁷ Shaharom Husain, *Pembinaan dan Perkembangan Maktab-Maktab Perguruan Melayu*. Artikel tidak diterbitkan, (t.t.).



tahun 1924 setelah pasukan ini ditubuhkan, seramai 162 orang pelajar dan guru-guru menganggotai pasukan ini. Ada di antara anggota pasukan SITC-FMSVF ini telah berjuang menentang tentera Jepun semasa Perang Dunia Kedua, di antaranya ialah Kapten Yazid bin Ahmad dan Kapten Zainal Abidin bin Md Ali.

4.2.2 Pejabat Karang Mengarang

Pejabat Karang Mengarang SITC ditubuhkan pada tahun 1924 atas daya usaha O.T. Dussek. Beliau menulis surat kepada R.O. Winstedt yang pada masa itu menjadi Pengarah Pelajaran meminta supaya bahagian penterjemahan di Jabatan Pelajaran Kuala Lumpur dipindahkan ke SITC dan diletakkan di bawah arahnya. Tujuannya ialah untuk menghidupkan kembali penerbitan buku-buku teks untuk sekolah-sekolah Melayu. Pada peringkat awalnya, O.T. Dussek mendapatkan seorang sahaja penterjemah iaitu Zainal Abidin bin Ahmad (Za'ba). Za'ba sebelum itu telahpun memulakan usaha menterjemah buku-buku Inggeris di Kuala Lumpur pada tahun 1923 di bawah arahan Sir Alexander Small (A. Small). Penubuhan Pejabat Karang Mengarang di SITC sangat kena pada tempatnya kerana pada masa itu pusat pelajaran Melayu adalah di Tanjong Malim. Pejabat Karang Mengarang SITC berjaya menjadi lidah rasmi yang memartabatkan dan meninggikan bahasa ibunda iaitu bahasa Melayu.





Za'ba kemudian menjadi tokoh penting yang menguruskan Pejabat Karang Mengarang di SITC.⁸ Beliau mula berkhidmat di SITC, Tanjong Malim pada 1 April 1924 iaitu di Pejabat Penterjemah yang akhirnya ditukar nama ke Pejabat Karang Mengarang SITC. Tugas beliau di Pejabat Karang Mengarang SITC ini adalah untuk menerbitkan buku-buku teks dalam *The Malay School Series*. Setelah selesai pada tahun 1929, Za'ba ditugaskan mengendali penerbitan buku-buku *The Malay Home Library Series*. Beliau juga diberi tugas mengetuai Bahagian Pelajaran Bahasa Melayu di SITC. Di Pejabat Karang Mengarang, R.O. Winstedt bertindak sebagai Pengarang Am, O.T. Dussek sebagai Pengarang dan Za'ba sebagai Penterjemah.⁹ Pada tahun 1930, Pejabat Karang Mengarang mengambil tiga orang lagi penterjemah pelatih iaitu Yazid bin Ahmad,¹⁰ Abdul Kuddus bin Muhammad¹¹ dan Ahmad Murad Nasaruddin.¹²



⁸ Biodata Za'ba dibincangkan dengan detail oleh Adnan Nawang dalam *Za'ba Patriot dan Pendeta Melayu*, Kuala Lumpur: Yayasan Penataran Ilmu, 1994; *Memoir Za'ba*, Tanjong Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris, 1994 dan *Za'ba dan Melayu*, Tanjong Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris, 2007. Lihat juga Abdullah Hussain dan Khalid Hussain, *Pendita Za'ba Dalam Kenangan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1974 dan Salim Haji Taib & Mahaya Mohd Yassin dalam *Karisma PEN: Biografi Penulis Negeri Sembilan*, Seremban: Kerajaan Negeri Sembilan Darul Khusus dan Persatuan Penulis Negeri Sembilan (PEN), 2005, h. 227.

⁹ E.H.S. Bretherton, *Memorandum on the Sultan Idris Training College and Malay Vernacular Education*, Singapore Press Ltd., 1931, h. 2.

¹⁰ Yazid bin Ahmad dilahirkan pada 12.8.1908 di Linggi, Negeri Sembilan, mendapat pendidikan awal di Sekolah Melayu Linggi dan kemudiannya melanjutkan pelajaran ke MCKK. Setelah tamat darjah 9, Yazid mula bekerja sebagai Pelatih Penterjemah di Pejabat Karang Mengarang SITC pada 1926 hingga 1941. Beliau menganggotai pasukan SITC-FMSVF semasa di SITC. Semasa meletus Perang Dunia Kedua, pasukannya telah berperang dengan tentera Jepun sehingga akhirnya beliau telah ditawan dan dihantar ke kem tahanan Jepun di Farrer Park, Singapura dan dibunuh di sana.

¹¹ Abdul Kuddus bin Mohamed berasal dari Negeri Sembilan, mulai bertugas sebagai pelatih penterjemah pada 1.5.1926, seterusnya sebagai penterjemah mulai 1.5.1928 hinggalah beliau ditukar ke HQ Jabatan Pelajaran Kuala Lumpur pada 1.12.1955. Beliau merupakan pelatih terawal yang dipilih bersama-sama Yazid menjalankan tugas-tugas sokongan di bawah kelolaan Za'ba. Sebagaimana Yazid, Abdul Kuddus juga menjalankan tugas mengajar selain daripada menterjemah dan menyunting. Beliau pernah mengajar Geometri dan Ilmu Alam di kelas-kelas tertentu di SITC. Beliau berkhidmat sebagai penterjemah di Pejabat Karang Mengarang SITC selama 17 tahun. Selepas itu beliau berkhidmat pula di Pejabat Pesuruhjaya British Kuala Lumpur. Antara buku yang diterjemahkannya ialah *Pulau Emas* (diterjemahkan dari buku 'Treasure Island'), *Mengeliling Dunia Dalam 80 Hari*, Part I & II (terjemahan dari buku 'Round The World in 80 Days, Part I & II' karya Jules Verne), *Hikayat Taman Ajaib* (pilihan cerita-cerita dongeng Eropah), *Cerita Aladin Dengan Lampu Ajaib* (dari cerita 'Aladin and the Wonderful Lamp') dan *Cerita Dari Tanah Arab*.

¹² Ahmad Murad Nasaruddin dilahirkan pada 5.2.1910 di Pulau Pinang, menjadi penterjemah di SITC mulai 1928-1946. Lihat *Records of Service and Leave Sultan Idris Training College*, Vol. I, No. 37.





Selain daripada itu, terdapat beberapa tokoh lagi yang memainkan peranan sebagai penterjemah iaitu Abdul Rahman Yusop,¹³ Othman Sulaiman,¹⁴ Hashim Amir Hamzah,¹⁵ Yub Rawan,¹⁶ Mohd Said Haji Husain,¹⁷ Abdul Aziz bin Din¹⁸ dan Abdullah bin Mohamed Ali.¹⁹

Lihat buku-buku terawal yang diterbitkan oleh Pejabat Karang Mengarang (Biro Penterjemahan) dalam Lampiran D di muka surat 323. Antara buku-buku pertama yang dikeluarkan oleh Pejabat Karang Mengarang dalam tahun 1924 ialah:

1. *Mithal Huruf Rumi* (cetakan keempat).
2. *Baja Akal* (cetakan ketiga).
3. *Pelampau Akal* (cetakan kedua).



Beliau merupakan rakan baik Kapten Yazid semasa bertugas di SITC, menulis novel *Nyawa Di-hujung Pedang* sebagai tanda pengabdian perjuangan suci Kapten Yazid bin Ahmad yang mempertahankan negara semasa pendudukan Jepun ketika Perang Dunia Kedua. Watak Yazid dalam novel tersebut adalah manifestasi daripada jasa dan perjuangan suci seorang pahlawan Melayu ketika zaman Jepun.

¹³ Beliau berasal dari Pahang dan berkhidmat selama 10 tahun (1931-1941), setelah PKM ditutup pada tahun 1941 akibat Perang Dunia Kedua. Beliau kemudian menjadi Ketua Penterjemah Melayu di Dewan Bahasa dan Pustaka Kuala Lumpur.

¹⁴ Beliau dilahirkan pada 2.4.1925 di Enggor, Perak. Pada mulanya bekerja sebagai kerani di Pejabat Pelajaran Ipoh, kemudian pada 1948, beliau menjadi guru di Sekolah Inggeris Batu Gajah sebelum berkhidmat sebagai penterjemah di SITC dari 3.2.1950 hingga 1952. Lihat *Records of Service and Leave Sultan Idris Training College*, Vol. III, No. 26.

¹⁵ Beliau dilahirkan pada 28.5.1929 di Jelebu, Negeri Sembilan. Mendapat pendidikan di Sekolah Melayu Dato' Bandar Rasah, Seremban, kemudian di Sekolah Arab Al-Masyhur, Pulau Pinang dan Sekolah Arab Al-Huda, Pulau Pinang sebelum memasuki SITC pada tahun 1940-an. Selepas itu beliau menjadi penterjemah di SITC sehingga tahun 1954 apabila bertugas di Radio Malaya di Singapura. Beliau menjadi penulis skrip drama radio dan televisyen, novel dan pengalaman. Novel terkenalnya *Chincin Rahsia* (1953), *Tiga Bulan di Kanada* (1969) dan *Melawat Kota Malaikat* (1970). Lihat Salim Haji Taib & Mahaya Mohd Yassin dalam *Karisma PEN: Biografi Penulis Negeri Sembilan*, Seremban: Kerajaan Negeri Sembilan Darul Khusus dan Persatuan Penulis Negeri Sembilan (PEN), 2005, h. 149.

¹⁶ Beliau dilahirkan pada tahun 1906 di Pusing, Perak. Beliau dilantik menjadi "Music Instructor" SITC pada 1.4.1930 hingga 1936 dengan gaji permulaan sebanyak \$900 setahun. Anaknya Datuk Shahroom Yub ialah bekas Ketua Pengarah Muzium Negara Malaysia.

¹⁷ Beliau merupakan guru lepasan MPMM pada tahun 1919. Ditugaskan untuk mengajar Lukisan dan Tulisan di SITC dari tahun 1922 hingga 1939. Beliau kemudian menjadi Penolong Nazir Sekolah-Sekolah Melayu di Taiping.

¹⁸ Beliau merupakan jurutaip di Pejabat Karang Mengarang SITC di samping menjalankan tugas sebagai penterjemah.

¹⁹ Beliau berasal dari Pahang, dilahirkan pada 16.11.1911 dan dilantik sebagai penterjemah mulai 1.11.1930 hingga November 1940. Selepas itu beliau menjadi juru bahasa di Supreme Court, Raub, Pahang. Lihat *Chendera Mata Sultan Idris Training College*, Bil. 38, Okt. 1947, h. 5. Lihat juga *Records of Service and Leave Sultan Idris Training College*, Vol. I, No. 30.



4. *Penimbau Akal* (cetakan ketiga).
5. *'Ilmu Tanam-Tanaman*, karangan A. Kier, cetakan kedua telah diselenggarakan.
6. *Chanai Bachaan*, sebuah buku bacaan tulisan Jawi untuk kegunaan darjah IV.
7. *Kitab Kumpulan Nama*, susunan Ibrahim Dato' Muda Linggi.²⁰

Pada tahun 1925, PKM menerbitkan buku-buku berikut untuk kegunaan dalam bilik darjah:

1. *Chanai Bachaan*, dicetak sekali lagi pada bulan Julai.
2. *Sejarah 'Alam Melayu (Bahagian I)*, oleh Abdul Hadi Haji Hasan.
3. *Jolong Bachaan*, sebuah buku permulaan bacaan Jawi untuk murid darjah I.
4. *'Ilmu Bahasa Melayu (Bahagian I)*.
5. *'Ilmu Bahasa Melayu (Bahagian II)*.

6. *Sejarah 'Alam Melayu (Bahagian II)*.
7. *Kitab Hisab V (Geometry)*.
8. *Petua Memasak*, untuk murid perempuan, disusun oleh Miss A.R. MacIver.²¹

Pejabat Karang Mengarang dengan dua siri keluarannya sangat berkesan kepada masyarakat dengan perkembangan persuratan Melayu dan menonjolkan nama SITC. Buku-buku keluarannya tersebar jauh kerana semua guru lepasan SITC membacanya dan mereka juga mempunyai naskhah sendiri serta meminjamkan kepada rakan-rakan serta ahli keluarga. Jadi PKM sangat berjasa dalam perkembangan persekolahan Melayu, terutamanya zaman sebelum perang.

²⁰ Abdullah Sanusi Ahmad, *op cit.*, h. 23.

²¹ *Penyata Tahunan F.M.S. 1925*, oleh M.B. Shelley, Penolong Pengarah Pelajaran S.S. dan F.M.S.



Apabila SITC dibuka semula selepas Perang Dunia Kedua, pejabat PKM dipindahkan ke Kuala Lumpur. Para penterjemah yang turut berpindah ke Kuala Lumpur ialah Za'ba, Ahmad Murad Nasruddin dan Abdul Rahman Yusop. Tiga orang telah bertukar kerja ke tempat lain iaitu Abdullah bin Mohamed Ali menjadi jurubahasa di Supreme Court Raub, Md Nor bin Nawi menjadi guru sekolah Inggeris di Batu Gajah, Abdul Rahim bin Haji Abdul Samad menjadi guru Sekolah Melayu Tapah Road Perak, manakala Yazid bin Ahmad dikatakan telah mati dalam tawanan Jepun semasa Perang Dunia Kedua semasa mempertahankan Singapura.²²

4.2.3 Khutub Khanah

SITC tidak mempunyai perpustakaan menurut pengertian perpustakaan kita pada zaman ini, tetapi terdapat juga banyak buku yang boleh dipinjamkan kepada pelajar-pelajarnya. Buku-buku tersebut itu kebanyakan dihadiahkan oleh para dermawan seperti guru-guru dan kakitangan kolej. Oleh sebab kebanyakan di kolej tidak tahu bahasa Inggeris, maka atas inisiatif O.T. Dussek, buku-buku terbitan Balai Poestaka di Batavia dipesan untuk menambahkan jumlah bahan bacaan untuk kegunaan penuntut dan sebagai rujukan kepada guru. Ini termasuklah buku-buku, majalah atau akhbar yang mengandungi mesej dan seruan agar rakyat bangkit menentang penjajahan Belanda di Indonesia. Terdapat banyak novel karangan penulis Indonesia seperti novel *Maut dan Cinta* dan *Tak Ada Esok* karya Mochtar Lubis; *Burung-burung Manyar* dan *Burung-burung Rantau* karya Y.B. Mangunwijaya; *Bukan Pasar Malam* dan *Keluarga Gerilya* karya Pramoedya Ananta Toer; dan *Para Priyayi* karya Umar

²² *Chendera Mata Sultan Idris Training College*, Bil. 38, Okt. 1947, h. 5-6.





Kayam yang mengandung unsur-unsur perjuangan dan semangat nasionalisme menentang penjajah.

Buku-buku lain yang dibawa masuk dari Indonesia dan ditempatkan di khutubkhanah SITC yang banyak memberi kesan serta menimbulkan semangat nasionalisme kepada penuntut-penuntut ialah seperti novel *Student Hijo* (1918) karya Marco Kartodikromo dan *Salah Asohan* (1927) karya Abdoel Moeis. Kedua-dua novel tersebut membawa ideologi nasionalisme dan antikolonialisme yang bertarung melawan ideologi kolonialisme Belanda pada tahun 1918-1920-an. Sebagai novel yang ditulis oleh tokoh pergerakan nasional, *Student Hijo* banyak menggambarkan semangat antikolonial Belanda. Novel ini diterbitkan oleh Balai Pustaka, sebuah penerbit rasmi milik pemerintah kolonial Belanda, maka semangat nasionalisme yang



05-4506832 ada di dalamnya disampaikan secara halus dan simbolis. *Student Hijo* menceritakan bupsi

kisah Hijo, seorang pelajar Jawa yang dikirim ke Belanda untuk menuntut ilmu dan jatuh cinta dengan seorang perempuan Belanda. Tema lain yang paralel terhadap cerita utamanya menceritakan kisah asmara pentadbir Belanda, Willem Walter. Novel ini menggambarkan budaya pemuda baru Indonesia yang terpengaruh dengan budaya dan bahasa Barat. Elemen tersebut dianggap Kartodikromo sebagai simile tambahan. Nilai-nilai budaya Jawa tradisional dan budaya Belanda dibandingkan, dan Kartodikromo berpendapat bahwa keduanya tidak lagi saling melengkapi. Nilai tersebut meliputi cinta yang digambarkan dalam novel ini sebagai sesuatu yang hanya boleh dijumpai oleh orang-orang berpendidikan Belanda, sedangkan orang tradisional melihat pernikahan sebagai jalan mencapai kebajikan sosial.





Nasionalisme dalam *Salah Asohan* pula dikonfrontasikan dengan kekuatan kolonial Belanda dalam bentuk nilai sosial budaya yang memiliki kuasa untuk menghilangkan dan menghancurkan identiti keindonesiaan. Dengan menggambarkan tragedi Hana, *Salah Asohan* mengajak pembaca untuk kembali kepada semangat nasionalisme dan kritis terhadap nilai-nilai sosial budaya Barat. Watak Hanafi seorang Melayu yang berkahwin dengan Corrie du Bussee, seorang Belanda, tidak dapat menikmati hidup bahagia kerana pertentangan nilai dan budaya.

Dalam pada itu, patriotisme atau semangat cinta akan tanah air merupakan pemikiran utama yang terdapat dalam novel *Keluarga Gerilya* karangan Pramoedya Ananta Toer yang menjadi buku bacaan popular di khutub khanah SITC pada tahun 1950-an. Novel ini memperlihatkan masyarakat Indonesia pada zaman tersebut yang



memiliki semangat yang sangat tinggi untuk mempertahankan tanah airnya. *Keluarga* bupsi

Gerilya adalah kisah tragis sebuah keluarga pejuang yang mengorbankan segala-galanya demi kemerdekaan negara. Korban nyawa, korban masa depan, korban ayah dan ibu. Ayah dibunuh kerana menjadi tali barut Belanda. Ibu hilang akal kerana mengenangkan nasib anak-anak. Anak-anak lelaki semuanya berjuang menyertai revolusi kemerdekaan. Anak perempuan tidak bersekolah dan mencari kerja kerana derita kehilangan sumber pencarian. Watak-watak dalam cerita ini yang seakan hidup telah berjaya membawa mesej yang tersendiri, terutama dalam persoalan manusia dan kemanusiaan dalam usaha menentang penjajahan Belanda serta menuntut kemerdekaan negara. Nilai nasionalisme dapat dilihat dalam bab “Aku Tidak Jijik Melihat Tuan” seperti berikut:

“Tuan tidak pernah tahu, bagaimana satu keluarga hancur kerana mempertahankan tanahairnya. Hancur! Hancur seperti serumpun bambu habis dimakan api. Tuan belum pernah lihat betapa seorang nenek-nenek





memanggul senjata mempertahankan tanahairnya. Tuan pasti belum pernah melihat kanak-kanak dari tujuh tahun menggeranati konvoi Inggeris, kerana ibu bapaknya dibakar-bakar hidup oleh apa yang dinamainya musuhnya. Semua itu pernah ku lihat di sini – di Jakarta tahun empat lima”.²³

Berdasarkan petikan di atas, dapatlah dilihat masyarakat pada waktu itu yang sanggup berkorban apa saja untuk mempertahankan tanah air yang terdiri daripada pelbagai peringkat umur, sama ada kanak-kanak mahupun orang tua. Pramoedya cuba mengetengahkan pengkhianatan terhadap tanah air oleh si pembelot. Hal ini dapat ditinjau melalui watak Paijan, iaitu bapa kepada Kartiman, Canimin, Sa’aman dan adik-adiknya yang lain telah berkhidmat dengan pihak musuh, iaitu Nica yang merupakan pasukan musuh Belanda. Buktinya boleh dilihat berdasarkan petikan seperti berikut:



“Inggeris mendarat. Nama Nica ribut disebut oleh tiap mulut. Disebut oleh anak-anak, oleh orang dewasa, oleh orang tua, oleh bayi-bayi yang sedang belajar bicara. Nama itu tak ubahnya dengan nasi yang teramat sulit di waktu itu. Dan sebulan sesudah itu pertempuran mulai mengamuk di seluruh kota Jakarta. Dan pada suatu hari-hari yang takkan bisa ia lupakan – bapaknya, Kopral Paijan, pulang ke rumah. Ia diantarkan oleh truk dan banyak barang dibawanya dengan truk itu”.²⁴

Oleh kerana Paijan ini membelot dan berada di sebelah pihak musuh, maka dia telah diberikan ganjaran yang berupa harta benda yang sangat banyak. Justeru, Paijan berasa sangat gembira dan bangga dengan pangkat yang diperolehi daripada pihak Belanda. Secara keseluruhannya, novel *Keluarga Gerilya* ini mengisahkan tentang perjuangan sekelompok masyarakat yang ingin mempertahankan tanah air daripada dicemari tangan pihak musuh, iaitu pihak Belanda.

²³ Pramoedya Ananta Toer, *Keluarga Gerilya*, Kuala Lumpur: Penerbitan Pustaka Antara, 1950, h. 137.

²⁴ *Ibid*, h. 34.





Sebuah lagi buku yang mendapat perhatian pelajar SITC ialah buku yang diberikan oleh Harun Aminurrashid kepada khutub khanah SITC berjudul *Student Indonesia in Europe* karangan Dr. A Ravai, terbitan tahun 1928, tetapi buku ini diharamkan di Indonesia. Buku lain ialah *Riwayat Hidup Dr. Soetomo dan Perjuangannya* dan *Panchar Merah* yang mengisahkan mengenai pergerakan komunis di Indonesia.²⁵ Buku-buku yang disebutkan ini merupakan bacaan wajib, bukan sahaja oleh guru-guru, tetapi juga pelajar-pelajarnya. Biasanya setelah membaca buku-buku ini, idea-idea baru akan disebar dalam kalangan mereka. Di samping itu, majalah bulanan *Sri Poestaka* yang merupakan majalah rasmi Balai Poestaka mengandungi beraneka ragam rencana di dalamnya.

Khutub Khanah SITC juga berlanggan dengan akhbar-akhbar *Soeloeh Rajat*



Indonesia, *Semangat Islam*, *Bintang Timoer* dan *Bintang Hindia* untuk bacaan penuntut-penuntutnya. Akhbar dan majalah lain yang popular dan terdapat di dalam Khutub Khanah SITC ialah *Pedoman Masyarakat*, *Jong Sumatera*, *Pujangga Baru*, *Panji Pustaka* dan *Persatuan Indonesia*. Selain itu, tulisan dan puisi karya penulis terkenal Indonesia, Rustam Affendy, Muhammad Yamin, Sanusi Pane dan Hamka mempunyai mesej perjuangan kebangsaan. Buku-buku yang bertemakan nasionalisme dari Indonesia ini dipinjam untuk bacaan oleh guru-guru dan penuntut SITC telah menimbulkan rangsangan dan semangat untuk menuntut hak bangsa sendiri yang diperintah oleh orang asing iaitu Belanda di Indonesia dan British di Malaya. Contohnya buku *Keluarga Gerilya* yang membangkitkan semangat untuk membebaskan diri daripada kekejaman penjajah Belanda. Buku ini kemudiannya

²⁵ Syed Husin Ali, "Pertubuhan Bahasa dan Sastera Melayu Selepas Perang Dunia II" dalam *Jurnal Bahasa*, Persatuan Bahasa Melayu, Universiti Malaya Singapore, Vol. 2, No. 2, 1960, h. 55.





dijadikan teks sastera di sekolah menengah dalam negara kita pada tahun-tahun 1970-an hingga 1980-an.

4.2.4 Majalah Guru dan Chendera Mata

Majalah Guru merupakan sebuah majalah Melayu pertama yang diterbitkan di Tanah Melayu hasil daripada kerjasama antara Persekutuan Guru-Guru Negeri Sembilan, Melaka dan Selangor. Majalah ini mengandungi berita atau karya-karya sastera yang ditulis oleh guru-guru Melayu. Ia mempunyai pengaruh yang luas sebelum Perang Dunia Kedua serta menjadi suara rasmi guru-guru lepasan MTC dan SITC. Pada tahun 1924, *Majalah Guru* diterbitkan oleh Persatuan Guru-Guru Melayu Selangor, Negeri Sembilan dan Melaka, manakala pengarangnya terdiri daripada guru-guru SITC iaitu Muhamad Dato' Muda Linggi, Muhammad Yusuf Ahmad dan Mohd Sidin Rashid (bekas guru MTC). Antara isu yang dibangkitkan dalam *Majalah Guru* ialah peningkatan taraf hidup orang Melayu, memajukan pendidikan, bahasa dan kesusasteraan Melayu, menyeru perpaduan dan meniupkan semangat nasionalisme Melayu.

Majalah ini berfungsi sebagai sebuah lidah rasmi Kesatuan Guru-Guru dan juga untuk menyeru Bangsa Melayu bersatu padu dan melibatkan diri dalam kerja-kerja kebajikan. *Majalah Guru* keluaran pertama yang diterbitkan dalam tulisan Jawi di Negeri Sembilan terpaksa dihentikan penerbitannya setelah meletus Perang Dunia Kedua. Ia kemudian diterbitkan semula di Kuala Lumpur pada bulan April 1947 hingga bulan Disember 1949, selepas itu diterbitkan pula di Pulau Pinang dalam





tulisan Rumi. Dengan penerbitan majalah tersebut, kerajaan British Malaya dapat mengurangkan masalah kekurangan bahan-bahan bacaan dan menambah pengetahuan terutamanya dalam kalangan guru-guru. Peranan *Majalah Guru* ini cukup besar dalam meniupkan semangat nasionalisme dalam kalangan orang-orang Melayu pada waktu itu. Contohnya sebuah rencana yang menyuntik semangat kebangsaan yang ditulis oleh Damha (nama samaran) berjudul "Muhammad Ali Jinnah dan Pakistan" seperti berikut:

Pakistan ada-lah tempat yang bahagia hidup dan juga berbahagia mati di-dalam-nya". Dia juga telah berteriak "Dapatkan Pakistan atau Mati". Empat perkataan ini telah menjadi semboyan yang sentiasa terngiang2 di-telinga umat Islam di-India, yang telah menjadikan semangat mereka itu bertambah2 berapi hinggan berani mereka mengkorban kerana menchapai kemerdekaan bagi kaum Islam di sa-luruh India.²⁶

Pengarang juga memuji tokoh kemerdekaan Pakistan itu dan berbangga kerana umat



Islam mempunyai pemimpin seperti Muhammad Ali Jinnah yang menjadikan

Pakistan sebuah negara Islam terkuat melalui tulisannya:

Kedzahiran Pakistan telah di-ishtiar-kan pada 15 August 1947 dengan do'a dan perayaan yang seagong2nya oleh 400 juta umat Muslim sa-dunia, supaya di-panjangkan Allah akan umur Muhammad Ali Jinnah yang telah membukakan harapan kebahagiaan kepada umat Islam yang berada dalam sa-buah negara yang terkuat dalam Timor Tengah. Dia telah di-akui oleh berjuta2 umat Islam dan juga yang bukan Islam sa-bagai sa-orang ketua atau pemimpin yang terutama sa-kali di-antara orang2 Islam". Kejayaan Jinnah telah mendapat puji2an dan tahniah daripada Shah negeri Iran dan Raja Masir, serta Raja Saudi Arabia dan juga Transjordan. Sa-lain daripada itu dia telah juga mendapat tahniah daripada sakalian ketua2 politic dalam dunia Arab.²⁷

Pengarang juga telah memetik kata-kata seorang wartawan yang menulis berkenaan

Muhammad Ali Jinnah dengan menulis: "Muhammad Ali Jinnah ada-lah sa-orang pemimpin yang agong semenjak wafat Nabi Muhammad".²⁸

²⁶ *Majalah Guru*, Oktober 1950, No. 346.

²⁷ *Ibid.*

²⁸ *Ibid.* No. 347.





Dalam satu rencana pengarang tulisan Amin (nama samaran) berjudul “Mengulang Sejarah Penjajahan Ka-Atas Bangsa Melayu Terhadap Penjajahan”, pengarang ini begitu berani dan lantang mengutuk kezaliman penjajah dan menyeru orang-orang Melayu merenungi sejarah lampau semasa mula-mula dijajah oleh Barat. Melalui tulisannya pengarang menukilkan seperti berikut:

“Dalam zaman penjajahan tiap-tiap bangsa itu – tapak tukul kedzaliman mereka jelas di-bayangkan – dan di-gambarkan bahkan di-rasai terlalu amat pedeh-nya menekan hidup bangsa Melayu. Di-mana penjajahan bangsa-bangsa Timor bangsa Melayu di-paksa menghantar ofti saban tahun kepada pemerintah mereka. Ia..... itu sudah biasa ter’adat di-zaman lampau, bangsa yang terjajah ada-lah budak bodoh yang senang di-per-kotap katekan sewenang2nya.

Kerana kekejaman Timor menjajah Timor pada mana2 yang lampau tidak begitu di-rasakan peret-nya oleh bangsa Melayu hari ini, kini marilah kita mengulang sejarah penjajahan bangsa2 Barat kepada bangsa2 kita, berpandukan juga dari sejarah dan pengalaman yang di-rasai oleh bangsa Melayu”.²⁹



Amin seterusnya mengungkitkan tentang penjajahan Belanda yang menekan bangsa

Melayu melalui tulisannya:

Beratus tahun pula Belanda memerintah dan menjajah umat Melayu – sebelum perjanjian pertukaran Bengkulu dan Melaka antara Inggeris Belanda dilancharkan. Belanda telah menekan hidup bangsa Melayu demikian rupa.³⁰

Di zaman penjajahan Portugis terhadap empayar Melaka dahulu, rakyat hidup terlalu perit dan menyiksakan. Banyak cara dilakukan dengan menggunakan alat-alat tertentu untuk menyiksa tawanan yang melawan mereka. Ini digambarkan oleh pengarang dalam *Majalah Guru* seperti berikut:

Sa-sudah berjaya mengalahkan Empayar Melayu Melaka pada tahun 1511 – Portugis ada-lah bangsa Barat yang olong berkuku di-tanah ayer Melayu. Di-samping membolot perniagaan rempah2 sa-bagai jalan perniagaan yang penting dan yang di-perlu-kan oleh bangsa2 Barat di-zaman itu – Portugis telah membena sa-buah kota besar, nama-nya sudah sama2 di-ma’lumi dengan nama La Famosa sudahlah demikian rupa penekanan mereka maka

²⁹ *Majalah Guru*, Januari 1954, h. 3.

³⁰ *Ibid*, h. 4.



pemerintahan mereka terlalu kejam. Alat2 penyiksaan terhadap manusia Melayu yang bersalah pada anggapan mereka di-chiptakan dengan namanya sahaja sudah menggerunkan, mereka menchipta terongko (Rumah Gelap) sa-siapa yang terkena masok ka-situ siang malam sa-rupa sahaja – makan minum, membuang kotoran pun di-situ juga. Alat penitek sendi2 dan alat yang dipakukan besi ka-dalam-nya (Tong Berpaku) tong itu di-golekkan dan di-chanangkan di-sa-keliling negeri hingga si-salah yang di-dalam tong itu hanchor lumat badan-nya di-korbankan oleh tong berpaku itu. Ini tidak di-kira maruah dan kesuchian gadis2 Melayu yang di-chabul oleh askhar2 dan pehak berkuasa Portugis.³¹

Amin juga menyeru orang-orang Melayu bangkit menamatkan penjajah British ke atas Tanah Melayu, katanya:

Rakyat jelata Melayu hari ini dan bakal rakyat jelata Malaya hari esok termasuk bangsa2 asing yang mengaku taat setia kepada Malaya seperti negeri mereka adalah menanti saat sejarah tamatnya pula penjajahan British di-atas Malaya.³²

Tujuan pengarang-pengarang *Majalah Guru* yang membangkitkan kekejaman

pihak penjajah terhadap penduduk terutamanya orang-orang Melayu ialah untuk menimbulkan rasa kebencian kepada penjajah dan menghalau mereka dari tanah air. Banyak lagi rencana ataupun tulisan yang disiarkan dalam *Majalah Guru* ini secara terang-terangan mengutuk penjajahan dan mengangkat pahlawan tempatan yang gugur dalam peperangan. Antaranya ialah rencana tulisan Salkasim Naning (nama samaran) berjudul “Sa-Sudut Riwayat Dato’ Naning: Orang Kaya Seri Maharaja”,³³ “Raffles Di-Melaka”³⁴ oleh Buyong Adil dan “Guru Melayu Dengan Pelajaran Anak2 Melayu”³⁵ (tiada nama pengarang).

³¹ *Ibid.*

³² *Ibid.*, h. 5.

³³ *Majalah Guru*, Mac dan April 1954.

³⁴ *Majalah Guru*, April 1954.

³⁵ *Majalah Guru*, April 1950.

Setelah SITC ditubuhkan pada tahun 1922, dan mengambil pelajarannya yang pertama seramai 58 orang serta lulus pada tahun 1923, mereka menghasilkan sebuah majalah yang diberi nama *Chendera Mata. Majalah Sultan Idris Training College*, Jilid 1, Bilangan 1, November 1923 (Rabiul Awal 1324 H) dalam tulisan Jawi. Keluaran kali terakhir majalah ini dalam tulisan jawi ialah Bilangan 36, Mei 1941. Penerbitannya terhenti dari tahun 1942 hingga 1946 setelah Perang Dunia Kedua meletus. Pengeluaran majalah ini disambung semula pada keluaran April 1947 (Bilangan 37) sehinggalah ke zaman IPSI (1997 – dengan nama *Jurnal Gemilang Keluaran Khas Perayaan 75 Tahun Ibu Kandung*) dengan menggunakan tulisan rumi. Majalah ini mengandungi segala aktiviti dan hal ehwal mengenai SITC serta rencana-rencana yang ditulis oleh penuntut dan guru-guru SITC.

Pada sekitar tahun 1920-an, surat khabar atau majalah tidak banyak diterbitkan. Surat khabar yang ada ialah *Lembaga Melayu*,³⁶ *Warta Malaya*³⁷ dan *Majlis*.³⁸ Dengan bacaan yang terhad ini, majalah *Chendera Mata* yang dihasilkan oleh penuntut-penuntut SITC yang merupakan pelatih-pelatih guru semakin popular. Di dalamnya mengandungi segala macam tulisan untuk pengetahuan penuntut dan orang ramai. Tulisan-tulisan dalam majalah *Chendera Mata* terutamanya berita, rencana, panduan dan puisi amat digemari dan kadangkala dapat membangkitkan

³⁶ Akhbar ini mula diterbitkan pada bulan Ogos 1914, sebagai versi Melayu akhbar Inggeris iaitu *Malay Tribune*. Akhbar ini dianggap sebagai akhbar harian yang mula-mula sekali menggunakan bahasa Melayu. Eunus Abdullah menjadi ketua pengarang sehingga pengeluarannya tamat dalam bulan Disember 1931. Lihat William R. Roff, *Sejarah Surat2 Khabar Melayu*, Pulau Pinang: Saudara Sinaran Berhad, 1967, h. 25-27.

³⁷ Akhbar ini kepunyaan Dato' Onn bin Jaafar yang menjadi wartawan dari 1930-1933 dan mempunyai pengaruh yang besar ke atasnya. *Warta Malaya* mengandungi 10 atau 12 muka surat dan mula diterbitkan dari 1 Januari 1930 hingga Perang Dunia meletus. Ia satu keluaran yang tinggi mutunya dan memberi laporan yang baik tentang berita-berita antarabangsa. Lihat William R. Roff (1967), *op cit.*, h. 33.

³⁸ Akhbar *Majlis* ini lebih bersemangat dan bersifat lebih terus terang yang diterbitkan di Kuala Lumpur di bawah pimpinan Abdul Rahim Kajai (1930-1935) dan kemudian Othman Kalam (1935-1939) dan Ibrahim Haji Yaacob (1939-1941). William R. Roff (1967), *op cit.*, h. 34.



semangat nasionalisme dalam kalangan pembacanya. Ini termasuklah pejuang kemerdekaan terkenal iaitu Ahmad Boestamam yang mendapat kesedaran kebangsaan melalui bahan bacaan seperti surat khabar Melayu, *Majallah Guru* dan juga *Chendera Mata* yang diusahakan penerbitannya oleh guru-guru SITC ketika itu. Beliau menulis:

Pada ketika itu suratkhbar Melayu banyak menyiarkan rencana-rencana yang meniupkan semangat kebangsaan. Oleh yang demikian, hasil dari membaca rencana-rencana tersebut saya pun ikut ditulari semangat kebangsaan yang meluap-luap sehingga meningkat ke paras *xenophobicisme* (membenci segala yang bersifat asing).³⁹

Berkenaan majalah *Chendera Mata* terbitan SITC, beliau memberi pujian kerana terdapat banyak rencana yang menarik minatnya, beliau menulis lagi:

Kebetulan dalam majalah *Cenderamata* ini banyak terdapat rencana-rencana sumbangan pelajarannya. Sebuah daripadanya sangat menarik hati saya. Saya terterik bukan saja kerana jalan bahasanya baik dan mudah difahami tetapi juga kerana isinya yang padat terhimpun dalam satu karangan yang sederhana panjangnya. Tajuknya, kalau saya tidak silap, ialah 'Hati'.⁴⁰

Pada keluaran pertama setebal 102 muka surat dan isi kandungannya seperti berikut:

- | | | |
|-----|--|---------------------------------------|
| 1. | Pendahuluan | oleh Penyunting |
| 4. | Tapak catur dan jalannya | “ Tuan Pengetua |
| 7. | Perkhabaran sekolah | “ Cikgu Ahmad (Pk) Pen.
Penyunting |
| 16. | Kehilangan | “ Raja Mohd Nuruddin |
| 18. | Lawatan Tuan Yang Terutama Gabenor | “ Penyunting |
| 28. | Temasya di kolej | “ “ |
| 31. | Pertunjukan tanam2an di Kuala Lumpur | “ Safar bin Taha (N.S.) |
| 34. | Pertunjukan tanam2an di Tanjong Malim | “ Penyunting |
| 40. | Ucapan murid dan balasan Tuan Pengetua | “ “ |

³⁹ Ahmad Boestamam, *Memoir Seorang Penulis*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1979, h. 2. Ahmad Boestamam dilahirkan di Behrang Ulu, Tanjong Malim, Perak pada tahun 1920. Abang iparnya bernama Mohammad Shariff bin Fakhir Ibrahim merupakan seorang guru sekolah Melayu lulusan SITC, yang menyimpan majalah *Chendera Mata* lama di rumahnya. Majalah ini amat gemar dibaca oleh Ahmad Boestamam.

⁴⁰ *Ibid*, h. 3.





- | | | | |
|-----|--------------------------------------|---|-----------------------------------|
| 44. | Permainan padang dan permainan rumah | “ | Cikgu Abdul Rahman |
| 48. | Tanah perkebunan | “ | Si Peladang Perak |
| 55. | Bahagian permainan | “ | Cikgu M.H. |
| 60. | Mula2 kapal api | “ | Raja Mohd Nuruddin (P.P.) |
| 62. | Akal ikhtiar memudahkan yang payah | “ | Cikgu Putih bin Mohd Hanif (Pk) |
| 64. | Akuan2 yang | “ | Cikgu Dahlan Hj Ab. Rahman (Sel) |
| 65. | Faedahnya guru | “ | Husin bin Hj Mohd Amin (Spura) |
| 67. | Jalan penilaian | “ | Mohd. Sarif bin Talib (Pk) |
| 70. | Harga satu koma (.) | “ | Penyunting |
| 71. | Guru preman sanjungi kolej | “ | Cikgu Mohd Simin bin Yundak (Phg) |
| 73. | Chongak menchongak | “ | Tuan Pengetua. ⁴¹ |

4.2.5 Kegiatan Luar Bilik Darjah



Kuliah diadakan selama enam hari seminggu kecuali hari Jumaat. Pada hujung minggu di sebelah pagi mereka ditugaskan menjemur tilam dan gebar masing-masing, membersihkan kawasan dan taman rumah sebelum keluar bersembahyang di Masjid Jamek Tanjong Malim. Setelah itu, mereka keluar ke pekan untuk mendapatkan barangan keperluan sehingga waktu minum petang. Penuntut tahun pertama dan kedua secara bergilir-gilir bertugas membuat kerja-kerja luar seperti mempersiapkan padang permainan terutamanya membuat garisan, memasang jaring dan mengemas jaring untuk perlawanan sukan bola sepak, hoki, bola tampar, bola jaring, sepak takraw dan badminton. Dalam enam hari setiap minggu itu ada beberapa hari penuntut dikehendaki masuk ke bilik darjah masing-masing pada waktu petang sehingga masa minum teh untuk mengulangkaji pelajaran dan menyiapkan tugas. Pada hari Rabu biasanya penuntut menjalankan aktiviti luar seperti berkebun, mengikuti lakonan

⁴¹ *Chendera Mata Sultan Idris Training College*, Nov. 1923, h. 1.





pentas dan drama, mengurus kelab atau persatuan, bersukan dan rekreasi atau bergiat dalam pasukan beruniform.

A. Berkebun

Bagi penuntut-penuntut tahun pertama dan kedua di SITC, mereka ditugaskan berkebun sayur di kawasan kolej. Setiap penuntut mengusahakan tiga batas dan setiap batas ditanam dengan tiga jenis sayur-sayuran; iaitu jenis daun, jenis isi (ubi) dan jenis buah. Penuntut tahun ketiga bertugas di kebun syarikat dan kebun teh dan kopi. Penuntut tahun pertama dan kedua juga ditugaskan membersihkan dan menjaga pokok buah-buahan seperti pisang, manggis, rambutan, mangga dan ciku.



Penuntut menggunakan baja asli seperti tanah bakar dan najis lembu, tetapi mereka juga diajar cara-cara membuat baja buatan seperti baja kompos. Penuntut juga diberi pelajaran mencacar (mengahwinkan) jenis pokok yang baik kepada anak semaian. Kemudian benih itu dihadiahkan kepada orang kampung. Nyatalah ilmu tanaman dan perkebunan di maktab ini bukan sahaja memberi pelajaran dan latihan kepada penuntut, tetapi juga memberi peluang kepada orang kampung mempelajari ilmu tanaman moden agar mereka boleh memajukan tanaman dan kebun mereka. Bukan sahaja kebun sayur di maktab itu dijadikan bahan pengajian dan latihan kepada murid-murid, tetapi orang kampung juga datang untuk bertanya dan mempelajari contoh kebun sayur yang diusahakan oleh penuntut-penuntut SITC.



Menurut Shaharom Hussein, bekas penuntut dan guru SITC, kebun syarikat dan kebun teh dan kopi telah memberi peluang kepada penuntut tahun tiga menunjukkan kerjasama, bersekutu dan bersatu, saling membantu tanpa mengira tempat asal dan negeri mereka. Ketika mencangkul, mencebak dan melambuk tanah, mereka berbual, di samping menanam dan membersihkan rumput rampai di sekeliling pokok, mereka bertukar-tukar fikiran dalam bidang pelajaran, persuratan dan kebangsaan (politik).⁴² Ini memberi makna bahawa walaupun berkebun, penuntut-penuntut SITC tetap mempunyai peluang untuk berbincang mengenai politik dan hal ehwal semasa sesama mereka selain daripada bilik darjah.

Luas kawasan kebun maktab yang diusahakan oleh penuntut dalam tahun 1939 ialah seperti berikut: kebun sayur-sayuran tiga ekar, kebun syarikat kerjasama penuntut satu ekar, kebun kopi setengah ekar, kebun teh dua ekar, kebun buah-buahan dua ekar dan kebun percubaan semaian buah-buahan dua ekar. Luas keseluruhan kebun maktab pada tahun tersebut ialah sepuluh ekar setengah.⁴³

Guru yang mengajar Ilmu Tanaman ialah Mr. D.H. Ghrist (mengajar di SITC 1922-8.3.1924).⁴⁴ Beliau kemudian digantikan oleh L.P. Henderson, lulusan B.Sc. (Agriculture) dan mengajar di SITC dari 18.1.1924 hingga 28.11.28. Di samping Ilmu Tanaman, beliau juga mengajar dan melatih Ilmu dan Latihan Sukat Menyukat Tanah dan Menyiasat Binatang-Binatang Kecil.⁴⁵ Kemudian beliau dipindahkan ke Jabatan

⁴² *Memoir Shaharom Husain: Selengkar Kenangan Abadi*, Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 1996, h. 76.

⁴³ *Ibid*, h. 77.

⁴⁴ *Principal's Diary 1922-1950, Sultan Idris Training College, Tanjong Malim (8.3.1924)*. Lihat juga Buyong bin Adil, *op cit.*, h. 12.

⁴⁵ Buyong bin Adil, *op cit.*, h. 12-13.



Pertanian, Nigeria.⁴⁶ Cikgu Noordin bin Haji Harun, dari Selangor ditugaskan mengajar Ilmu Tanaman. Pengalaman dan ilmunya dalam bidang tanaman memang diakui oleh pakar tanaman dari Maktab Pertanian Serdang dan pegawai tanaman negeri. Beliau seterusnya dilantik sebagai Guru Besar SITC pada tahun 1940 dan bersara pada 18.12.1944.⁴⁷

Kebun sayur SITC ditutup selama lima tahun akibat Perang Dunia Kedua dari masa SITC berpindah ke Kuala Kangsar pada awal tahun 1941 hingga akhir pemerintahan Jepun. Ia dibuka semula pada bulan Mac 1946. Oleh sebab lamanya tapak kebun itu tidak digunakan, keadaannya menjadi seperti hutan belukar kerana dipenuhi oleh pokok-pokok kayu dan semak samun. Cara untuk membuka kebun pada kali ini terpaksa dijalankan seperti orang berhuma atau berladang, menebang, menebas terlebih dahulu kemudian dibakar dan diperun, lepas itu baharulah boleh dilambok dan dicangkul. Maka banyak juga terjumpa kubu-kubu (forts) dan lubang tandas yang dibuat semasa peperangan dahulu. Selain daripada itu, dijumpai juga beberapa buah kubur orang mati dalam peperangan dan kawat-kawat duri dan berbagai-bagai benda lain.⁴⁸ Oleh kerana penuntut sudah biasa membuat kerja-kerja yang berat dan susah, dalam tempoh sebulan sahaja dapatlah disiapkan kebun seluas lebih kurang dua ekar tanah untuk ditanam dengan pokok buah-buahan dan sayur-sayuran. Pada awal penggal I, tahun 1946, penuntut Tahun II dan I yang lama dan Tahun I yang baharu telah melapor diri ke SITC. Kebun kolej diluaskan lagi sehingga

⁴⁶ *Records of Service and Leave Sultan Idris Training College*, Vol. II, No. 5.

⁴⁷ *Indeks Buku Daftar Rekod Perkhidmatan Awam*, h. 173.

⁴⁸ Temu bual dengan Md Mokhtar bin Puteh Mahadi (penuntut SITC 1939-1946) pada 21.9.2006. Beliau tinggal di rumah No. 446, Lorong Merbau 2, Taman Seri Setia, 36000 Teluk Intan, Perak. Menamatkan pengajian di SITC pada 1946 dengan memperolehi Pangkat II.



menjadi tidak kurang dari 5 ekar telah siap ditanam dengan pelbagai jenis pokok dan sayur-sayuran.⁴⁹

B. Pertukangan Tangan

Pada 31.3.1946, beberapa orang guru dan penuntut tahun III, 1941 dahulu yang tergendala akibat perang menyambung semula pengajian di SITC Tanjong Malim. Pengetua yang baru ialah Major J. Pearce. Guru-guru pertukangan ialah Cikgu Zainuddin bin Abu (guru anyaman) dan Cikgu Ishak bin Shafie (tukang kayu). Pada 1.4.1946, Cikgu Md. Yusof bin Judin (guru jilid) diterima bekerja sebagai penolong kepada Cikgu Ishak bin Shafii.⁵⁰

Bagi pelajar tahun III, sepertiga daripadanya belajar bertukang kayu, manakala dua pertiga lagi belajar anyaman. Pelajar pertukangan kebanyakannya mendapat pengalaman membaiki serta membetulkan rumah-rumah guru yang rosak. Bagi pelajaran anyaman pula, penuntut diajar cara-cara mengayam bakul, penyapu, tudung saji, pongkis dan lain-lain untuk kegunaan kolej dan murid-murid. Bahan anyaman 90 peratus menggunakan buloh dan yang lainnya menggunakan rotan kerana buloh lebih senang didapati. Buloh-buloh itu diambil oleh penuntut-penuntut di ulu Sungai Bernam. Hasil anyaman yang dibuat hingga tahun 1946 tidak dijual kerana untuk kegunaan sendiri, tetapi mulai 1947, ia mula dijual untuk membiayai proses pembuatan.

⁴⁹ *Ibid.*

⁵⁰ *Chendera Mata Sultan Idris Training College*, Bil. 38, Okt. 1947, h. 25.

Pada penggal I dan II tahun 1946-1947, bagi pertukangan anyaman, tukang kayu dan menjilid, murid-muridnya dipilih di antara 2-3 orang dari tiap-tiap darjah belajar menjilid, 10 orang belajar bertukang kayu dan bakinya belajar anyaman. Bagi pertukangan kayu, penuntut terpaksa membawa sendiri kayu-kayu untuk dibuat arca ataupun ukiran. Ini kerana pihak kolej kekurangan bahan-bahan tersebut dan sukar mendapatkan kayu-kayu yang bermutu tinggi. Bagi pelajaran menjilid pula, ia dilakukan dengan menggunakan kain-kain kipar yang bermacam warna mengikut kegemaran penuntut semasa menjilid buku. *Card board* dan kertas kotak digunakan sebagai buku yang ingin dijilid. Mulai penggal II tahun 1947, pihak SITC membeli dua buah mesin jahit untuk kegunaan penuntut-penuntut belajar menjahit pakaian sendiri di bawah jagaan Cikgu Ishak bin Shafii. Sejak dari itu, pelajaran jahitan telah diperkenalkan di SITC, manakala membatik dan tukang perak diperkenalkan sejak tahun 1930-an lagi, namun selepas perang, pelajaran ini terpaksa ditangguhkan kerana kekurangan bahan. Untuk pelajaran jahitan pada tahun 1952, penuntut-penuntut diambil seramai lima orang dari setiap darjah, iaitu seramai 75 orang kesemuanya. Daripada 75 orang tukang jahit ini, mereka bergilir-gilir mengikut jadual waktu yang telah ditetapkan, dan mereka dikehendaki bekerja selama tiga jam sahaja seminggu.⁵¹

Hasil daripada pelajaran pertukangan tangan ini seperti tukang anyaman, tukang kayu, anyaman dan jilid menjilid akan dipamerkan di merata tempat serta dijual kepada orang ramai yang berminat untuk menambahkan pendapatan sara hidup penuntut.

⁵¹ *Chendera Mata Sultan Idris Training College*, Bil. 45, Jan. 1952, h. 36.



C. Lakonan Pentas dan Drama

Lakonan pentas mula diajarkan kepada penuntut-penuntut sejak SITC mula dibuka lagi. Selepas perang, lakonan dipraktikkan semula supaya penuntut-penuntut dapat melakonkan cerita-cerita daripada bacaan buku-buku sejarah dan hikayat. Pelajaran ini dapat membantu penuntut petah bercakap, mahir mengingati cerita dan menimbulkan minat terhadap cerita-cerita dalam hikayat serta kebudayaan Melayu agar 'tidak lekang dek panas, tidak lapok dek hujan.' Di samping dapat mengurus dan mengarah sesuatu cerita, agar bakat kepimpinan dapat dibentuk dan disemai. Guru yang bertanggungjawab mengelola dan menjadi penasihat lakonan pentas dan drama ialah Cikgu Ahmad bin Abdullah.



meraikan Cikgu Abdul Aziz bin Din sebagai wakil FMSVF (S.I. Coy) pergi ke England menghadiri Victory Prade di kota London dan pada bulan Julai, diadakan lagi konsert kerana akhir penggal persekolahan.⁵²

Pada bulan Januari 1947, diadakan konsert sempena lawatan Gabenor Malayan Union, Sir Edward Gent bersama isteri ke SITC.⁵³ Pada 19 Januari diadakan konsert kerana meraikan lawatan Penolong Nazir Sekolah-Sekolah Melayu dan Guru-Guru Pelawat Pertukangan Tangan dan Senaman yang datang melawat serta mengulangkaji pelajaran di SITC selama seminggu. Dengan ini, mereka dapat menambahkan kemahiran dan diajarkan pula kepada guru-guru di tempat mereka mengajar kelak. Pada 12.9.1951, diadakan pertandingan persembahan konsert di

⁵² *Chendera Mata Sultan Idris Training College*, Bil. 38, Okt. 1947, h. 24.

⁵³ *Ibid*, h. 7.



Dewan Besar SITC di antara rumah dan dihakimi sendiri oleh Pengetua, R.A. Goodchild dan Penolong Pengetua Melayu, Zainal Abidin bin Mohd Ali. Kesudahannya, rumah Tun Perak (Rumah D) mendapat johan konsert tahun 1951.

D. Kelab dan Persatuan

Antara kelab yang paling aktif menganjurkan aktiviti ialah Kelab Bahas kerana sering menganjurkan Majlis Bahas antara murid. Sebelum Perang Dunia Kedua, Majlis Bahas ini dipimpin oleh Za'ba kemudiannya oleh Yazid bin Ahmad dan dibantu oleh Ahmad Murad Nasruddin. Setelah Yazid bin Ahmad terbunuh semasa dalam tawanan tentera Jepun, majlis ini diambil alih oleh Ahmad Murad Nasruddin sehingga perang tamat. Kepimpinan Yazid bin Ahmad amat dirasai oleh penuntut-penuntut kerana beliau seorang yang gigih dan banyak membantu penuntut-penuntut menjadi pembahas yang baik. Ketika terbit beberapa tanda tentera Jepun akan menyerang dan berperang dengan British di Tanah Melayu, Yazid sering mengingatkan kepada penuntut-penuntut SITC dengan berkata “jika Jepun dapat masuk nanti ke Tanah Melayu dia nanti akan chelup awak”.⁵⁴

Selepas perang, Majlis Bahas dihidupkan kembali pada 5.6.1946 di mana Shahid bin Abdul Rahman dari Perak dilantik sebagai setiausaha, manakala Cikgu Sulaiman Hamzah sebagai guru penasihat Majlis Bahas. Perbahasan dapat dijalankan empat kali pada tahun tersebut iaitu seperti jadual di bawah:

⁵⁴ *Chendera Mata Sultan Idris Training College*, Bil. 38, Okt. 1947, h. 9.

Jadual 4.1
*Topik Perbahasan di SITC Pada Tahun 1946.*⁵⁵

Tarikh	Tajuk Perbahasan	Pengerusi
5.6.1946	Kaum ibu Melayu patut diberi kebebasan seperti laki-laki	Sulaiman Hamzah (Guru Pengawas)
12.6.1946	Pelajaran bahasa Inggeris patut diadakan di sekolah-sekolah Melayu	L.D. Whitfield (Pengetua)
19.6.1946	Jika Timur hendak maju mestilah meniru Barat	Md Yusuf bin Ahmad (Penolong Pengetua Melayu)
3.7.1946	Adat Perpatih tiada boleh dibuang	Cikgu Idris Yusuf

Pada penggal kedua 1947, seramai 80 orang mendaftarkan nama dalam kelab bahas ini. Abdul Aziz bin Haji Ilias berasal dari Melaka dilantik sebagai Setiausaha kelab dan sebanyak 7 kali perbahasan diadakan yang dipengerusikan oleh Guru Pengawas, Cikgu Sulaiman Hamzah. Topik-topik yang menjadi perbahasan ialah seperti dalam jadual di bawah:

Jadual 4.2
*Topik Perbahasan di SITC Pada Tahun 1947.*⁵⁶

Tarikh	Tajuk Perbahasan
21.3.1947	Guru lebih baik berkahwin sama-sama guru
4.4.1947	Universiti Kolej untuk Tanah Melayu sangat mustahak ditubuhkan dengan segera
18.4.1947	Lebih baik bertanam padi daripada bertanam getah

(bersambung)

⁵⁵ *Ibid.*

⁵⁶ *Ibid.*, h. 10.

Jadual 4.2 (*sambungan*)

Tarikh	Tajuk Perbahasan
2.5.1947	Lebih elok kolej kita ini didirikan di pekan besar
16.5.1947	Pakaian Melayu patut dijadikan pakaian hari-hari
30.5.1947	Guru-guru yang baru tamat dari kolej ini elok mengajar darjah rendah
13.6.1947	Lebih baik dimajukan tulisan Rumi lebih daripada tulisan Jawi

Kelab Bahas juga sering menjemput Cikgu Harun Aminurrashid untuk menyampaikan syarahan di Dewan Besar SITC.

E. Sukan dan Rekreasi

Pelbagai jenis sukan dijalankan di kolej ini yang dibahagikan kepada dua kategori iaitu Permainan Luar seperti bola sepak, hoki, sepak takraw, bola tampar dan badminton. Kategori kedua pula ialah Permainan Dalam seperti catur, pingpong dan gimnastik. Setiap penuntut telah dibahagikan kepada rumah-rumah tertentu iaitu:⁵⁷

- Rumah A : Bendahara Seri Maharaja
- Rumah B : Pateh Gajah Mada
- Rumah C : Munshi Abdullah
- Rumah D : Tun Perak
- Rumah E : Tun Seri Lanang
- Rumah F : Hang Tuah

⁵⁷ *Chendera Mata Sultan Idris Training College*, Bil. 45, Jan. 1952, h. 22.

Kegiatan sukan di SITC amat aktif kerana di kolej ini terdapat pelbagai kemudahan yang disediakan oleh kerajaan seperti gimnasium (bilik senaman), kolam renang, gelanggang sepak takraw, tenis, badminton dan bola tampar serta terdapat sebuah padang permainan yang amat besar di hadapan kolej. Di padang ini juga diadakan acara-acara tertentu seperti perbarisan dan temasya sukan. Boleh dikatakan hampir setiap minggu akan diadakan perlawanan bola sepak ataupun hoki dengan pihak-pihak luar di padang ini. Pasukan SITC dikatakan terkenal dengan jaguh dalam acara bola sepak dan hoki di negara kita. Beberapa orang pemain bola sepak negara tahun 1920 hingga 1960-an adalah dari maktab ini. Contohnya ialah Abdul Rahman bin Haji Muhyiddin⁵⁸ dan Ibrahim bin Anuar.⁵⁹ Pengetua seperti O.T. Dussek amat mementingkan kegiatan sukan dan rekreasi dipraktikkan di SITC untuk kecergasan murid-murid di samping mencipta nama ke peringkat negara. Malah O.T. Dussek adalah seorang yang gemar bersukan serta selalu bermain bersama-sama pelajar dalam perlawanan bola sepak atau hoki, dan sering kali juga menjadi pengadil atau penjaga garisan.

⁵⁸ Beliau lahir pada 10.10.1897, di Kampung Kelatang, Alor Gajah, Melaka. Beliau mendapat pendidikan di MTC dari 27.9.1913-1915, menjadi guru MTC (16.8.1915-1922) dan SITC (mulai 31.10.1922). Beliau sangat handal bermain bola sepak dan mewakili negara dalam Piala Malaya dan Piala HMS Malaya tahun 1920-an dan 1930-an.

⁵⁹ Beliau lulusan SITC tahun 1935 dan pernah menjadi guru besar di SK Dato' Bandar Rasah, Seremban. Pada tahun 1928-1930, beliau bermain bola sepak mewakili Sekolah Melayu Rantau. Pada tahun 1933-1935, mewakili SITC dalam pasukan bola sepak, hoki dan berenang semasa masih belajar. Beliau kemudian mewakili Negeri Sembilan dalam sukan bola sepak dan hoki (1936-1952), menjadi pengadil bola sepak Negeri Sembilan (1954-1956) dan pengadil bola sepak Persekutuan Tanah Melayu (1957-1960). Beliau menjadi penjaga garisan tepi dalam pertandingan akhir Piala Malaya pada tahun 1957, 1959 dan 1960. Mulai tahun 1960, Ibrahim dilantik sebagai pengadil bola sepak antarabangsa. Pada tahun tersebut, beliau menjadi pengadil dalam pertandingan akhir bola sepak Piala Asia di Seoul, Korea Selatan dan merupakan anak Melayu pertama dihantar keluar negara menjadi pengadil antarabangsa. Pada tahun 1961, beliau dilantik lagi menjadi pengadil bola sepak Hari Kemerdekaan Vietnam Selatan di bandar Saigon. Perannya sebagai pengadil bola sepak mendapat pujian di peringkat antarabangsa. Sumber: *Majalah Guru*, Januari 1962, h. 22.



F. Pasukan Beruniform

Penuntut SITC diwajibkan mengambil bahagian dalam salah satu pasukan beruniform iaitu pasukan sukarela maktab atau pasukan pengakap. Boleh dikatakan semua penuntut yang berasal dari Negeri-Negeri Selat dan Negeri-Negeri Melayu Bersekutu menyertai pasukan sukarela maktab yang dikenali sebagai SITC-MVI (Malayan Volunteer Infantry). Penuntut dari Negeri-Negeri Melayu Tidak Bersekutu, Brunei, Sabah dan Sarawak memilih pasukan beruniform pengakap. Mereka akan berlatih seminggu sekali, iaitu pada setiap hari Rabu petang. Dengan mengambil bahagian dalam kegiatan tersebut, penuntut dilatih dan diajar menjadi seorang yang berdisiplin, tabah dan lasak, di samping dapat menanam semangat nasionalisme dalam diri masing-masing. Pegawai pasukan sukarela terdiri daripada guru-guru maktab seperti



Satu lagi pasukan unit beruniform yang terkenal di MPSI ialah pasukan pengakap. Hakikatnya, menanggungai pasukan pengakap ini merupakan salah satu daripada 'Aktiviti Pendidikan Luar'. Ia sangat ditekankan dalam memorandum yang dikeluarkan pada tahun 1931 oleh E.H.S. Bretherton iaitu *'Memorandum in the Sultan*

⁶⁰ Second Lieutenant L.R. Wheeler, B.Sc., B.A. Beliau mengajar di SITC 16.8.1924 hingga 5.11.1925 iaitu Ilmu Alam dan Ilmu Bumi di samping menjadi Ketua S.I. Company Pertama. Beliau pada mulanya menjadi guru pakar sains di Queen's Royal College, Trinidad pada 21.12.1914. Selepas itu beliau mengikuti latihan ketenteraan dari 18.9.1915 hingga 19.4.1918 di kolej tersebut. Selepas ditauliahkan, beliau berkhidmat sebagai pilot berpangkat leftenan dalam Tentera Udara Diraja British pada 20.4.1918 hingga 27.8.1919. Mulai 28.8.1919 beliau kembali ke Queen's Royal College, Trinidad sebagai 3rd Assistant Master. Beliau kemudian ditukarkan ke Tanah Melayu pada 4.11.1921 dan bertugas sebagai Penolong Guru Besar MCKK di samping bertanggungjawab menjaga Jabatan Pelajaran Negeri-Negeri Selat dan Negeri-Negeri Melayu Bersekutu. Beliau kemudian dipindahkan ke SITC pada 16.8.1924 hingga 1925. Beliau dilantik mengetuai S.I. Company yang ditubuhkan pada tahun 1924. Lihat *Records of Service and Leave Sultan Idris Training College*, Vol. II, No. 1. Lihat juga *Principal's Diary 1922-1950, Sultan Idris Training College, Tanjong Malim*, 5.11.1925 dan *Chendera Mata Majalah Sultan Idris Training College* [Edisi Jawi], Jilid II, Bil. 2, Jun 1924, h. 152.

⁶¹ Captain J. Peace, M.R.S.T., dilahirkan pada 3.5.1892 dan mengajar di SITC di antara tahun 1933/36-1937. Lihat *Record of Service and Leave Sultan Idris Training College*, Vol. I, No. 10.





Idris Training College and Malay Vernacular Education, yang menerangkan agar setiap pelajar dikehendaki belajar tentang ilmu pengetahuan pengakap di sekolah vernakular dan melanjutkannya ke maktab untuk menjadi pemimpin pengakap. Apabila mengajar di sekolah tempat asal masing-masing, ilmu pengakap hendaklah dikembangkan kepada kumpulan-kumpulan pengakap di sekolah tersebut.⁶²

Pasukan pengakap SITC didaftarkan sebagai pasukan pengakap yang pertama ditubuhkan di Malaysia (dikenali sebagai Malaya ketika itu) dengan nombor pendaftaran Kumpulan Latihan Maktab 01 (KLM 01).⁶³ Pertubuhan pengakap bagi maktab ini diletakkan dalam kategori yang dikenali sebagai ‘Kumpulan Latihan Maktab’. Terdapat beberapa lagi kumpulan latihan lain seperti Maktab Perguruan Harian Jalan Hamilton, Pulau Pinang (Kumpulan Maktab 09), Maktab Perguruan Harian Jalan Kuantan, Kuala Lumpur (Kumpulan Latihan 10) dan Maktab Perguruan Teknik, Jalan Cheras, Kuala Lumpur (Kumpulan Maktab 12). Biasanya, ahli pergerakan ini terdiri daripada pelajar yang tidak menyertai SITC-MVI.⁶⁴ Pergerakan pengakap maktab ini ditubuhkan pada bulan November 1929 oleh Abdul Kuddus Muhammad yang merupakan salah seorang ahli Biro Penterjemahan di Pejabat Karang-Mengarang SITC. Beliau kemudiannya menjadi pemimpin pengakap yang aktif sehingga dapat mengumpulkan keahlian seramai 200 orang, yang dianggap ramai pada ketika itu.⁶⁵ Walaupun begitu, terdapat bukti yang menyatakan bahawa pergerakan pengakap di SITC ini bermula lebih awal lagi. Hal yang demikian ini

⁶² E.H.S. Bretherton, *Department of Education, Straits Settlements and Federated Malay States. Memorandum in the SITC and Malay Vernacular Education*, Singapore, Printers Limited, 1931, h. 20.

⁶³ *Laporan Tahunan Persekutuan Budak-Budak Pengakap Malaysia (Boy Scouts Association of Malaysia) 1970/1971*, h. 14.

⁶⁴ Zali bin Abu Bakar, “Sultan Idris Training College: Antara Pendidikan dan Semangat Nasionalisme Melayu (1922-1945)”, tesis Sarjana Sastera, Universitas Indonesia, Jakarta, 1992, h. 116.

⁶⁵ *Chendera Mata Sultan Idris Training College*, 1947, h. 79-81.





dapat dilihat pada tulisan Ahmad Bakhtiar dalam ucapan terima kasihnya kepada L.R. Wheeler yang merupakan seorang pemimpin pengakap yang terkenal di Malaya ketika itu. Ahmad Bakhtiar menyatakan “bagi galakan untuk kerja-kerja pengakap” yakni membantunya dalam kegiatan pengakap. Ucapan itu didedikasikan kepada L.R. Wheeler kerana membantunya dalam pergerakan pengakap bagi tahun 1924 hingga 1925 dalam buku yang ditulisnya.⁶⁶ Jadi, berkemungkinan pergerakan pengakap di SITC bermula awal selaras dengan penubuhannya, tetapi secara rasminya pasukan pengakap SITC ini ditubuhkan pada tahun 1929.

Pada peringkat awalnya, pasukan pengakap SITC ini diletakkan dalam pentadbiran persekutuan pengakap yang beribu pejabat di Singapura.⁶⁷ Pada masa itu, Singapura menjadi tempat latihan utama pergerakan pengakap di Malaya malahan

Pesuruhjaya Agong Pengakap juga berada di Singapura. Pentadbiran di bawah

Persekutuan Pengakap Singapura berakhir apabila tercetus Perang Pasifik. Bermula tahun 1929, Abdul Kuddus Muhammad dengan dibantu oleh enam orang penolong pemimpin pengakap iaitu Muhamad Said Mohamad, Ahmad Murad Nasaruddin, Ambi Soleh dan Muda Muhamad bertindak sebagai jurulatih kepada pasukan pengakap SITC. Jumlah ahli pengakap pada tahun 1932 ialah seramai 181 orang.⁶⁸

Pasukan ini mendapat perhatian daripada Pesuruhjaya Agong Pengakap Malaya iaitu F.C. Sands apabila beliau melawat pasukan pengakap SITC pada 5 Jun 1930 bersama-sama dengan Pesuruhjaya Pengakap Negeri Perak, Encik Sidi Singapura. F.C. Sands berbangga dengan perkembangan pasukan pengakap SITC walaupun baru

⁶⁶ Ahmad Abdullah, *Kenang2an di-College Tanjong Malim*, Tanjong Malim, Lot 128 Slim Road, 1956, h. 21.

⁶⁷ Norasiah Abdullah, “Maktab Perguruan Sultan Idris Dari Segi Kurikulum dan Kokurikulum (Uniform)”, *Kertas Kerja Sejarah Tempatan*, Institut Perguruan Sultan Idris, Tanjong Malim, 1988, h. 26.

⁶⁸ *Chendera Mata Sultan Idris Training College*, 1932, h. 21.





ditubuhkan.⁶⁹ Kedatangan F.C. Sands tidak hanya seketika sahaja apabila beliau sekali lagi datang ke SITC bersama-sama dengan H.R. Hertslet pada 2 September 1933.⁷⁰ Lawatan kedua ini adalah susulan daripada lawatan pertama beliau yang begitu mengambil berat akan peranan yang dimainkan oleh Pergerakan Pengakap SITC. Beliau juga menegaskan akan sentiasa memberi bantuan terutamanya dari segi peralatan dan teknikal.⁷¹ Selepas Perang Dunia Kedua, iaitu pada 22 Januari 1947, beliau sekali lagi melawat pasukan pengakap SITC di Tanjong Malim untuk menyusun semula pasukan yang malap akibat perang.⁷²

Pada peringkat awal penubuhannya, pasukan pengakap SITC tidak mempunyai uniform yang khusus dan juga masih kekurangan kemudahan untuk menjalankan aktiviti. Mereka hanya mempunyai parang, kapak, peralatan memasak dan pakaian lama milik tentera.⁷³ Namun begitu, bilangan keahliannya tidak pernah berkurangan kerana minat pelajar SITC sendiri kepada pasukan ini. Pada tahun 1936, pernah dicatatkan bahawa separuh daripada pelajar-pelajar SITC telah menganggotai pasukan pengakap.⁷⁴ Ini adalah hasil terhadap beberapa aktiviti yang berjaya dijalankan terutamanya berkaitan ilmu ikhtiar hidup dan berdikari yang diajar dengan lebih mendalam serta pelaksanaan ujian dan kursus seperti *Tenderfoot*, Ujian Pengakap Kelas Dua dan Ujian Pengakap Kelas Satu.⁷⁵

⁶⁹ Chendera Mata Sultan Idris Training College, Apr. 1930, h. 20.

⁷⁰ Chendera Mata Sultan Idris Training College, 1933, h. 19.

⁷¹ *Ibid.*

⁷² Chendera Mata Sultan Idris Training College, Bil. 38, Okt. 1947, h. 7.

⁷³ R.C. Selangor 335/1947, *Annual Report of Sultan Idris Training College, Tanjong Malim for 1946*, h. 18.

⁷⁴ Bilangan ahli pengakap pada tahun 1936 ialah seramai 166 orang dan pemimpin pengakap seramai 15 orang. Sel. Sec. General 154/1937, *Annual Report SITC For Year 1936*, h. 14.

⁷⁵ Selepas dilantik menjadi *Terderfoot*, Anak Serigala terus berlatih untuk melayakkan diri menjadi Anak Serigala Satu Bintang dan Dua Bintang yang diterangkan dalam Undang-undang No. 409 dan 411. Selepas itu, ia perlu melalui Ujian *Special Proficiency Badges* seperti yang disebut dalam





Pada peringkat ini, latihan hanya menjuruskan kepada kemahiran kepengakapan dan khidmat masyarakat. Mereka juga belajar kemahiran pengakap secara teori terutamanya berkaitan perlembagaan pengakap, sejarah pengakap, pakaian seragam pengakap dan cara-cara mengendalikan kursus. Latihan diajar pada setiap hari Isnin bermula jam 3.30 hingga 4.30 petang. Beberapa orang guru SITC yang mahir dalam hal ehwal pengakap akan mengajar tentang perkara tersebut secara bergilir-gilir seperti Cikgu Muhammad Yusof Ahmad, Timbalan Ketua Perkhemahan Malaya ketika itu, Abdul Kuddus Muhammad, Muhamad Said Mohamad, Ahmad Murad Nasaruddin, Ambi Soleh, Muda Muhamad dan Zainal Abidin Mohd Ali.⁷⁶ Selain itu, terdapat juga kursus yang dijalankan untuk mendalami bidang pengakap seperti cara-cara berkhemah, simpulan dan ikatan, *pioneering*, ikhtiar hidup dalam hutan, masakan hutan dan latihan asas kawad kaki.⁷⁷



Pasukan pengakap SITC juga aktif dalam kegiatan lakonan dan dapat juga berjaya menubuhkan satu pasukan pancaragam yang dikenali sebagai '*Piccolo Band*'.⁷⁸ Pergerakan pengakap juga aktif menjalankan aktiviti di luar maktab. Sebagai contoh, pada 14 hingga 16 Oktober 1933, pasukan pengakap bersama-sama pasukan pancaragam SITC mengadakan perkhemahan di Lembah Minyak berdekatan Hulu Sungai Bernam.⁷⁹ Pengakap SITC juga melibatkan diri dalam aktiviti yang dianjurkan oleh Persekutuan Pengakap Negeri Perak apabila pada Ogos 1949, seramai 18 ahlinya menyertai perkhemahan "*Perak Boy Scouts Camp*".⁸⁰ Jadi, pada masa ini hubungan

Undang-undang No. 414-425. Maktab Perguruan Tanjong Malim, Perak 1946-1964, No. Fail 61/1951 *Boy Scouts Association Policy Organisation Rules*, h. 2.

⁷⁶ Maktab Perguruan Tanjong Malim, Perak 1946-1964, No. Fail 107/1949, *Annual Report 1949*.

⁷⁷ *Chendera Mata Sultan Idris Training College*, 1954, h. 14.

⁷⁸ *Chendera Mata Sultan Idris Training College*, 1933, h. 21.

⁷⁹ *Chendera Mata Sultan Idris Training College*, Mac 1934, h. 21.

⁸⁰ Maktab Perguruan Tanjong Malim, Perak 1946-1964, No Fail. 18/1949, *Boy Scouting in SITC in 1949*.





pengakap SITC dengan pengakap dari luar juga amat baik berdasarkan penglibatan mereka. Kebanyakan bekas pengakap dari SITC ini tidak mensia-siakan segala ilmu pengakap yang ada kerana ramai daripada mereka menubuhkan pasukan pengakap di sekolah masing-masing apabila mereka keluar dari maktab, menjadi jurulatih pengakap, pemimpin pengakap peringkat negeri, daerah dan sekolah.⁸¹ Sesungguhnya, peranan pasukan pengakap SITC adalah besar dan menjadikannya sebagai kokurikulum yang penting di sekolah-sekolah seluruh negara.

Pengakap SITC mempunyai hubungan yang akrab dengan SITC-MVI terutamanya sering dipanggil untuk menolong pasukan tersebut menjalani latihan. Keadaan ini tidak menghairankan apabila pasukan pengakap adalah asas kepada pasukan tentera.⁸² Di samping itu, pasukan pengakap SITC sentiasa mengambil bahagian bersama-sama dengan pasukan SITC-MVI dalam acara-acara rasmi yang diadakan seperti terlibat dalam perbarisan menyambut tetamu atau perbarisan di padang besar SITC. Pada bulan Mac 1930, anggota pasukan pengakap SITC seramai 202 orang terlibat dalam perbarisan menyambut guru baru iaitu Cikgu Abdul Rahman bin Harun.⁸³ Dari segi keahlian pada masa itu, pasukan pengakap SITC bersifat satu kegiatan yang ahlinya sentiasa bertukar ganti. Sebagai contohnya, bagi pengakap yang menamatkan pengajian di SITC pada tahun 1931, tempat mereka akan diganti oleh pelajar-pelajar baru bagi tahun 1932.⁸⁴

Pengakap SITC merupakan kubu kuat dalam melahirkan pemimpin-pemimpin pengakap di pelbagai peringkat sama ada di sekolah mahupun negeri. Hal yang

⁸¹ *Chendera Mata Sultan Idris Training College*, 1933, h. 21.

⁸² *Ibid*, h. 20.

⁸³ *Chendera Mata Sultan Idris Training College*, Apr. 1930, h. 20.

⁸⁴ *Chendera Mata Sultan Idris Training College*, 1932, h. 21.





demikian ini kerana bermula dengan penubuhan pengakap SITC pada tahun 1929, ramai guru yang tamat belajar telah berkhidmat di seluruh negeri dan sekaligus menyebarkan aktiviti kepengakapan seperti di sekolah-sekolah sekitar Selangor.⁸⁵ Walau bagaimanapun, apabila berlaku Perang Dunia Kedua pada tahun 1939, seluruh Malaya mendapat kesan daripada peperangan tersebut termasuklah SITC. Perkara ini sekaligus mempengaruhi pergerakan pengakap di maktab tersebut. Pada tahun 1940, kesemua pelajar dan guru MPSI dipindahkan ke Kuala Kangsar. Mereka ditempatkan di tiga buah istana iaitu Istana Hulu, Istana Hilir dan Istana Kuning. Semasa di Kuala Kangsar, pergerakan pengakap tetap meneruskan latihan, namun begitu ia tidak begitu aktif.⁸⁶ SITC di Tanjong Malim terpaksa ditutup dan pembukaan semula hanya dilakukan pada awal tahun 1946 semasa J. Pearce menjadi pengetua.⁸⁷



seketika termasuklah pergerakan pengakap. Apabila Perang Dunia Kedua berakhir pada tahun 1945, SITC dibuka kembali dalam keadaan yang kucar-kacir akibat peperangan. Rentetan itu, pergerakan pengakap dihidupkan kembali pada April 1946. Namun begitu, tiada sebarang aktiviti dijalankan kerana pelbagai masalah yang wujud ditambah pula dengan banyak barang-barang pengakap seperti peralatan, pakaian dan rangsum musnah semasa berpindah ke Kuala Kangsar akibat serangan Jepun.⁸⁸ Peranan mereka ketika itu ialah membantu membersihkan keadaan di sekitar SITC yang banyak mengalami kerosakan akibat peperangan. Tambahan pula, penggal

⁸⁵ J. Victor Morris (ed.), *Undang-Undang dan Persetiaan*, Kuala Lumpur: Persekutuan Budak-Budak Pengakap Malaysia, 1972, h. 126.

⁸⁶ Ahmad Abdullah, *Kenangan di-College Tanjong Malim*, Tanjong Malim, Lot 128 Slim Road, 1956, h. 26.

⁸⁷ Maktab Perguruan Tanjong Malim, Perak 1946-1964, No. 1/46, *Re-Opening of Sultan Idris Training College at Kuala Kangsar*.

⁸⁸ *Chendera Mata Sultan Idris Training College*, Okt. 1947, h. 14-15.





persekolahan masih belum dibuka. Kebanyakan pelajar yang melapor diri hanya mereka yang tidak sempat menamatkan pengajian pada tahun 1939.⁸⁹

Apabila penggal persekolahan disambung kembali pada 1 September 1946, pasukan pengakap SITC mula menjalankan latihan serta mengadakan perkhemahan seperti di Ulu Bernam pada 13 Januari 1947 yang melibatkan seramai 88 pengakap. Ia diteruskan lagi pada 21 Januari 1947 apabila mengadakan 'Camp Fire' di Padang MPSI.⁹⁰ Pada 23 Januari 1947 pula, mereka dilawati oleh Pesuruhjaya Agong Pengakap Malaya iaitu F.C. Sands bersama-sama Penguasa Pelajaran Negeri-Negeri Melayu iaitu H.R. Cheeseman.⁹¹ Hasil kedatangan kedua pemimpin ini, mereka diberikan bantuan dari segi pakaian, kemeja pengakap, skaf dan seluar pengakap pada Mei 1947. Pada masa ini, jumlah pengakap kembali meningkat daripada 69 orang



kepada 104 orang.⁹²

Pada tahun 1949, pasukan pengakap SITC bergabung dengan Persekutuan Budak-Budak Pengakap Negeri Perak.⁹³ Hal yang demikian ini membawa perubahan dan meningkatkan lagi kemajuan pengakap apabila berjaya menyertai satu perkhemahan besar iaitu 'Jambori Pengakap Australia' di Swan Bourne Camp pada 29 Disember 1948 hingga 9 Januari 1949. Di antara ahli pengakap SITC yang menyertai jambori tersebut ialah Cikgu Shahrom Hussein dan Md Nanyan bin Saad.⁹⁴

⁸⁹ *Ibid*, h. 15.

⁹⁰ *Ibid*.

⁹¹ *Ibid*.

⁹² *Chendera Mata Sultan Idris Training College*, Okt. 1947, h. 14-15.

⁹³ Norasiah Abdullah, "Maktab Perguruan Sultan Idris Dari Segi Kurikulum dan Kokurikulum (Uniform)", Kertas Kerja Sejarah Tempatan, Institut Perguruan Sultan Idris, Tanjong Malim, 1988, h. 26.

⁹⁴ Temu bual dengan Cikgu Shaharom Husain (SITC 1938-1940) pada 5.11.2007 di rumah beliau No. 3, Jalan Berlian, Taman Berlian, 68100 Batu Cave, Selangor. Lihat juga *Chendera Mata SITC*, 1953, h. 33.



Aktiviti pengakap menjadi lebih menyerlah pada tahun 1949 terutamanya bagi pelajar tahun tiga yang sentiasa mengadakan perkhemahan setiap minggu dengan diselia oleh Penolong Pesuruhjaya Ibu Pejabat. Biasanya perkhemahan ini diadakan selama sehari iaitu bermula jam 3.30 petang Khamis hingga jam 4.00 petang hari Jumaat.⁹⁵ Pada tahun 1950, pasukan pengakap SITC terhenti kesan mogok besar-besaran pelajar SITC yang berlaku pada akhir tahun 1949.⁹⁶ Walaupun begitu, kerana mengambil kira kepentingannya kepada pelajar yang akan menjadi pendidik kelak, maka ia ditubuhkan kembali pada Ogos 1953.⁹⁷

Pengakap SITC ditubuhkan semula pada 11 Ogos 1953 dengan nama '*Ist Federation of Malaya Training Group*'.⁹⁸ Ia juga dikenali *S.I.T.C Scouter Training Group* atau Pusat Latihan 01 atau Kumpulan Latihan 01.⁹⁹ Pada masa itu, latihan pesat dapat dilihat tambahan pula corak latihannya berbeza daripada ahli pengakap biasa.¹⁰⁰ Objektif penubuhan pada kali ini berubah kerana penubuhannya mula menjuruskan kepada melahirkan guru-guru pengakap (pemimpin) yang terlatih apabila mula bertugas di sekolah kelak. Kriteria pemilihan ahli pengakap juga berubah apabila ujian-ujian tertentu seperti Ujian *Tenderfoot* diadakan untuk diserap sebagai bakal pemimpin pengakap yang berkualiti. Oleh kerana pasukan pengakap di SITC mula dilihat sebagai tempat melahirkan guru-guru, Pesuruhjaya Agong

⁹⁵ Maktab Perguruan Tanjong Malim, Perak 1946-1964, No. Fail 107/1949, *Annual Report-1949*.

⁹⁶ Mogok besar-besaran ini dilakukan kerana perasaan tidak puas hati beberapa pelajar SITC kerana diarah membuat kad mengajar dengan- begitu banyak. Mereka yang merupakan pelajar tahun dua dibuang daripada maktab dan sekaligus mencetuskan rasa marah pelajar tahun satu dan tiga SITC yang bertindak keluar meninggalkan maktab. Mohd Nor Long, *Dari Kuala Ke Tanjong: Memoir Seorang Guru Melayu*, Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka, 2004, h. 80.

⁹⁷ *Chendera Mata Sultan Idris Training College*, 1954, h. 14.

⁹⁸ *Chendera Mata Sultan Idris Training College*, 1957, h. 61.

⁹⁹ *Chendera Mata Sultan Idris Training College*, 1954, h. 14.

¹⁰⁰ Norasiah Abdullah, "Maktab Perguruan Sultan Idris Dari Segi Kurikulum dan Kokurikulum (Uniform)", Kertas Kerja Sejarah Tempatan, Institut Perguruan Sultan Idris, Tanjong Malim, 1988, h. 26.



Pengakap Malaya melantik Pesuruhjaya Ibu Pejabat dengan dibantu oleh dua orang penolong dari Persekutuan Budak-Budak Pengakap Malaysia untuk membantu pengakap SITC.¹⁰¹ Pasukan pengakap SITC pada masa itu diketuai oleh seorang guru yang berpengalaman dan terkenal iaitu Cikgu Abdul Razak bin Abdul Hamid. Beliau memegang jawatan sebagai Pesuruhjaya Pengakap bagi Persekutuan Pengakap Malaysia berpangkat Akela Leader.¹⁰²

Perkara yang dibincangkan di atas ini memberi kesan kepada anak kandung SITC yang terdiri daripada golongan pentadbir dan pendidik. Begitu juga dengan golongan ahli politik dan pemikir yang akan dibincangkan sumbangan mereka dalam Bab 5. Semasa di SITC, mereka dibajai dengan ilmu pengetahuan, dibentuk dengan gaya kepimpinan dan sahsiah diri yang baik untuk berkhidmat kepada negara.



Pentadbir dan pendidik di SITC memainkan peranan penting dalam melancarkan kebangkitan nasionalisme Melayu di negara kita. Pentadbir maksudnya orang yang menjalankan kerja-kerja mentadbir, pengelola, pengurus atau pemerintah. Pentadbir atau pendidik lepasan SITC yang bertebaran di seluruh Tanah Melayu secara langsung mendorong penyebaran semangat nasionalisme dengan lebih meluas dan berkesan. Mereka terdiri daripada pelbagai latar belakang dan pekerjaan yang mempercepatkan penyemaian benih nasionalisme Melayu. Pentadbir mahupun

¹⁰¹ *Chendera Mata Sultan Idris Training College*, 1957, h. 61.

¹⁰² Beliau lebih dikenali dengan panggilan Razak Sensei, mendapat pendidikan di Sekolah Melayu Pulau Pinang pada tahun 1932-1940 sebelum meneruskan pengajian di Marei Koa Kurenscho, Melaka (1942-1943), Kokusai Gakuyukai (The International Institute) Tokyo (1943-1944), Hiroshima Bunri Daigaku (Universiti Hiroshima) Jepun (1944-1945) dan SITC (1946-1948). Semasa menuntun di Hiroshima, bandar raya itu dibom dengan bom atom oleh tentera Amerika Syarikat pada 6.8.1945. Beliau satu-satunya rakyat Malaysia yang terselamat daripada bencana bom atom tersebut. Razak Sensei menjadi guru di SITC dari tahun 1955-1960. Temu ramah dengan beliau diadakan pada 18.7.2012 di rumah beliau No. 10 Taman Kamariah, Jalan Gombak, 53100 Kuala Lumpur. Beliau meninggal dunia pada 18 Julai 2013.



pendidik di SITC ini semuanya mendapat latihan perguruan dan mahir serta berpengalaman dalam menjalankan tugas yang berkaitan dengan perguruan.

Penyelidik akan cuba mendalami latar belakang dan perjuangan setiap tokoh pentadbir dan pendidik ini untuk mengetahui apakah jasa-jasa mereka terhadap negara dalam konteks 'nasionalisme' yang dibincangkan. Walaupun yang dibincangkan hanya beberapa orang sahaja, tetapi mereka mewakili golongannya mengikut pembahagian penyelidik seperti berikut:

- i. Tokoh Pentadbir – seperti Mohd Hashim Haji Talib, O.T. Dussek dan Ahmad Murad Nasaruddin.
- ii. Tokoh Pendidik – seperti Ahmad Bakhtiar, Abdul Hadi Haji Hassan, Buyong Adil, Mohamed Nor Ahmad dan Hamzah Tajuddin, Harun Aminurrashid,

4.3 Tokoh Pentadbir

Pentadbir ialah individu yang bertanggungjawab menjaga hal ehwal yang berkaitan dengan pentadbiran sesuatu institusi, dalam konteks ini SITC. Tokoh yang dibincangkan ini banyak menghabiskan masa dalam bidang pentadbiran berbanding mengajar subjek-subjek tertentu dalam bilik darjah. Antara tokoh pentadbir yang terkenal di SITC dan bertanggungjawab menyampaikan benih semangat nasionalisme kepada orang Melayu ialah Cikgu Mohd Hashim Haji Talib, O.T. Dussek dan Ahmad Murad Nasaruddin. Cikgu Mohd Hashim Haji Talib merupakan Guru Besar yang paling lama berkhidmat di SITC iaitu dari tahun 1922 hingga 1940. O.T. Dussek



merupakan Pengetua SITC yang paling lama memegang jawatan itu iaitu dari tahun 1922 hingga 1933, manakala Ahmad Murad Nasaruddin merupakan Penterjemah di Pejabat Karang Mengarang SITC yang paling lama bertugas iaitu dari tahun 1928 hingga 1940.

4.3.1 Mohd Hashim Haji Talib

Tokoh yang mula-mula sekali menjadi pentadbir sebagai guru besar di SITC ialah Cikgu Mohd Hashim Haji Talib. Beliau dilahirkan di Kampung Tengah, Linggi, Negeri Sembilan pada 2.12.1884. Beliau merupakan guru besar yang pertama dan bersungguh-sungguh memajukan SITC. Beliau berusaha untuk membangunkan SITC supaya menjadi pusat pendidikan Melayu yang paling tinggi mutunya sebelum

kemerdekaan Tanah Melayu lagi. Selepas tamat pendidikan sekolah Melayu pada tahun 1900, beliau memasuki Malacca Training College (MTC) pada 21.7.1901 hingga 26.11.1902.¹⁰³ Beliau pernah memenangi Hadiah Mohd Jaaffar kerana kecemerlangannya dalam pelajaran dengan mendapat Gred I. Setelah menamatkan pelajaran, beliau dilantik menjadi Guru Besar di Sekolah Melayu Ampangan, Seremban pada 1.1.1903 dengan bayaran gaji sebanyak \$18 sebulan. Pada 1908, beliau berpindah ke Sekolah Padang Lebar, Labu Hilir, kemudiannya dilantik sebagai Guru Besar di Sekolah Melayu Labu pada 2.1.1913. Pada bulan Januari 1914, beliau menjadi Guru Kanan di Seremban. Beliau kemudian bertugas di MTC mulai Ogos 1918 hingga ia ditutup pada tahun 1922.¹⁰⁴ Beliau pernah menjadi Penolong Guru

¹⁰³ *Buku Daftar Penuntut Maktab Melaka 1901-1910*, [no. 19].

¹⁰⁴ *Diary College Malacca 1900-1922*, [31.8.1918].





Besar MTC sebelum dilantik menjadi Guru Besar SITC Tanjong Malim selama 18 tahun dari 18.11.1922 sehingga bersara pada 15.4.1940.¹⁰⁵

Cikgu Mohd Hashim Haji Talib terkenal sebagai seorang yang rajin dan taat ketika menjalankan tugas. Beliau selalu mengambil berat tentang penuntut-penuntutnya. Beliau merupakan guru Melayu yang pertama yang menghasilkan buku-buku teks pembelajaran bahasa Melayu yang teratur. Ini termasuklah buku tentang tatabahasa, kaedah-kaedah mengarang, kumpulan-kumpulan perbidalan Melayu, pantun, syair, gurindam dan juga surat kiriman. Buku teks ini berjudul *Kitab Pelita Mengarang* (1923)¹⁰⁶ dikarangnya atas dorongan O.T. Dussek kerana beliau mendapati kekurangan buku teks seperti di MTC dan kemudian di SITC. Ia menjadi panduan guru-guru untuk mengajar bahasa Melayu yang baik di sekolah Melayu sebelum lahirnya tulisan Za'ba pada tahun 1940-an. Pengalaman beliau dimanfaatkan apabila beliau berjaya menyusun sebuah buku tentang kaedah pengajaran guru di maktab. Buku dalam dua jilid ini berjudul *Kitab Pedoman Guru*. Buku ini dijadikan panduan kepada guru-guru untuk mengajar selama beberapa tahun.

Melalui pengalamannya sebagai guru pelawat dan guru besar maktab, beliau dapat menggalurkan teknik dan cara mengajar yang patut diamalkan oleh guru-guru sekolah Melayu. Beliau juga menggunakan nota-nota pengajarannya untuk dijadikan buku-buku teks sekolah. Walaupun bukunya ini tidak bermutu tinggi seperti buku-buku pedagogi yang terdapat pada hari ini, tetapi untuk zaman yang serba kekurangan pada waktu itu, *Kitab Pedoman Guru* menjadi sumber rujukan yang utama dan

¹⁰⁵ *Majallah Guru*, Bil. 2, Feb. 1914.

¹⁰⁶ Abdullah Sanusi Ahmad, *Peranan Pejabat Karang Mengarang Dalam Bidang2 Pelajaran Sekolah2 Melayu & Kesusasteraan di Kalangan Orang Ramai*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1966, h. 20.





penting untuk mata pelajaran Ilmu Latihan Mengajar. Kebolehan Cikgu Mohd Hashim Haji Talib ini menyebabkan beliau terkenal sebagai “Master of Method” di maktab. Sebagai seorang guru yang berdedikasi, beliau menjadi contoh disiplin yang sangat baik kepada penuntut-penuntutnya. Mengikut muridnya, Buyong Adil, Cikgu Mohd Hashim sentiasa berpakaian kemas, menepati waktu, tidak suka berbual kosong dan bekerja mengikut peraturan. Beliau tidak merokok, dan sepanjang kerjayanya beliau tidak pernah mengambil cuti sakit. Rekod beliau yang tidak pernah mengambil cuti sakit ini tidak dapat diatasi oleh mana-mana guru di kedua-dua maktab di Melaka dan Tanjong Malim.¹⁰⁷

Peranan beliau sebagai tokoh pentadbir di SITC dan juga pengarang buku-buku teks untuk maktab perguruan yang terpenting di tanah air tidak dapat dinafikan oleh setiap orang yang terlibat dalam perkembangan pendidikan Melayu. Oleh sebab ketekunan beliau menjalankan tugasnya dan patuh kepada perintah ketua, beliau telah dikurniakan Pingat O.B.E. (Order of British Empire). Pingat ini merupakan pingat kepujian yang paling tinggi yang boleh dicapai oleh orang awam dalam negeri jajahan British. Beliau merupakan guru Melayu yang pertama dan tunggal yang mendapat kejayaan itu. Beliau mendapat hadiah penghormatan ini pada tahun 1936, dan pingat ini disampaikan oleh Residen British di Perak bagi pihak Ratu England. Beliau menjadi guru besar kepada guru-guru yang telah bertungkus lumus memajukan bangsa Melayu melalui pelajaran. Di bawah pentadbirannya, beliau telah membimbing beratus-ratus anak murid yang bertebaran di serata pelusok negara. Antara anak muridnya ialah Buyong Adil, Muhamed Nor Ahmad, Harun

¹⁰⁷ Buyong bin Adil, “Kenangan Kapada Sultan Idris Training College” dalam *Album Kenangan 1955-1956, SITC, Tanjong Malim*. Disusun dan diterbitkan oleh Keluarga Album Kenangan 1955-1956. Dicitak oleh Qalam, Singapura, 1956, h. 12.





Aminurrashid dan Muhammad Yassin Maamor. Anak-anak muridnya yang ramai itu kemudiannya menjadi pejuang dan nasionalis yang terkenal. Jasa-jasa beliau terhadap pendidikan bangsa Melayu memang diakui oleh semua orang yang mengenali beliau pada zamannya kerana beliau merupakan guru besar yang paling lama berkhidmat dan paling berjasa. Cikgu Mohd Hashim Haji Talib secara rasminya bersara dari SITC pada 15.4.1940.¹⁰⁸

4.3.2 O.T. Dussek

O.T. Dussek pula merupakan pengetua pertama SITC. Beliau berketurunan Inggeris-German dan dilahirkan pada 16.11.1886 di Greenwich, England.¹⁰⁹ Ayahnya merupakan seorang pengimport balak. Dussek dibesarkan di Surrey, England dan berkelulusan ijazah B.A. dari Eastbourne College, London University pada tahun 1910. Sebelum datang ke Tanah Melayu, Dussek menjadi guru di Uttoxeter Allyne's Grammar School, England dari tahun 1909 hingga 1911.¹¹⁰ Beliau mula memasuki perkhidmatan pendidikan di *Straits Settlement* dan *Federated Malay States* pada 12.1.1912 sebagai Guru Penolong di Sekolah Tinggi Melaka, kemudiannya dilantik sebagai Nazir Sekolah-Sekolah Melaka. Beliau kemudian menjadi pengetua ketiga MTC dari tahun 1915 sehingga 1922 apabila MTC ditutup pada tahun tersebut. Setelah SITC, Tanjong Malim dibuka dengan rasminya pada 29.11.1922, beliau

¹⁰⁸ *Principal's Diary 1922-1950, Sultan Idris Training College, Tanjong Malim.*

¹⁰⁹ Abdul Majid Zainuddin, *The Wandering Thoughts of a Dying Man: The Life and Times of Haji Abdul Majid bin Zainuddin*. Edited with an introduction and notes by William R. Roff, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1978, h. 137. Lihat juga Adnan Nawang (2005), h. 147. Shaharom Husain (t.t.), Awang Had Salleh (1979) dan Ramlah Adam (1991) mengatakan O.T. Dussek dilahirkan di Surrey, England.

¹¹⁰ Shaharom Husain, *Sejarah Ringkas Pembinaan dan Perkembangan Maktab-Maktab Perguruan Melayu*. Tidak diterbitkan, (t.t.), h. 4. (No. rujukan: 2005/0008730).



diambil menjadi pengetua pertama, merangkap Penolong Pengarah Pelajaran (Melayu) dari tahun 1922 hingga 1936.¹¹¹

Pada bulan September 1936, beliau bercuti panjang dan pulang ke England, kemudian terus dibersarakan oleh kolonial British. Beliau kemudian menjadi Pengelola Ilmu Mengajar di Eastbourne College, London University sebelum meninggal dunia pada tahun 1965.¹¹² Kediannya yang terakhir di Goodwins, Cophorne, Sussex, England.¹¹³ Bertugas selama lapan tahun di MTC dan 14 tahun di SITC sebagai pengetua, beliau membawa perubahan besar dalam sistem pendidikan vernakular Melayu di Tanah Melayu. Dussek memulakan tugas di MTC pada 30.3.1915¹¹⁴ sebagai pengetua, merangkap Supt. Vernacular School, Melaka. Beliau merupakan pengetua ketiga selepas S.E. Codrington (1900-1906) dan H.T. Clark

(1906-1915).¹¹⁵ Semasa Dussek memangku jawatan sebagai pengetua di MTC, beliau mengadu tentang tahap pelajaran dan latihan yang amat mengecewakan. Bukan sahaja undang-undang dan pelajaran Melayu buruk sekali pada waktu itu, tetapi sebahagian besar daripada pelatihnya tidak pandai menulis dan membaca. Tidak ada buku-buku bacaan selain daripada *Hikayat Abdullah* dan *Sejarah Melayu*.¹¹⁶ Keadaan yang menyedihkan kerana kekurangan buku-buku teks untuk guru-guru Melayu mengajar, turut mendorong Dussek memperbaiki pendidikan Melayu. Lawatannya ke sekolah-

¹¹¹ *Record of Service and Leave Sultan Idris Training College*, Vol. I, No. 29.

¹¹² Abdul Majid Zainuddin (1978), *op cit.*

¹¹³ Shahrarom Husain, *op cit.*, h. 5.

¹¹⁴ *Diary College Malacca 1900-22*. Lihat tarikh 30.3.1915.

¹¹⁵ Ramlah Adam, *Maktab Melayu Melaka: 1900-1922*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1991, h. 56.

¹¹⁶ Surat daripada O.T. Dussek kepada William R. Roff, 17.3.1960.

sekolah Melayu menyebabkan beliau terdedah kepada kekurangan mutu pelajaran, kelemahan disiplin dan kekurangan buku-buku bacaan. Kehadiran murid-murid di sekolah tidak tetap dan sukar pula hendak mengekalkan guru-gurunya yang bergaji kecil.

Sebelum perang dunia kedua meletus, harga getah melambung tinggi dan ramai daripada murid mahupun guru mendapati lebih seronok dan beruntung meninggalkan sekolah serta bekerja di ladang-ladang besar dan kebun-kebun getah.¹¹⁷ Oleh itu, sebaik sahaja beliau dilantik sebagai pengetua MTC pada tahun 1915, ke semua kelemahan itu telah mendapat perhatian daripada beliau. Menurut Dussek, tujuan beliau memilih untuk berkhidmat di dalam Jabatan Pelajaran Melayu kerana katanya;

*"I was in Malacca, strong Malay centre, and I like the Malays. I became interested in the Language. I believe in Boarding Schools and dislike day-school work. Hence the only possible job for me was the Malay College, Malacca .."*¹¹⁸

Cintanya kepada bahasa Melayu dibuktikan bukan hanya dengan kata-kata, tetapi melalui tindakannya mempelajari bahasa itu dan mengambil peperiksaan akhir Bahasa Melayu pada 26.1.1914 di bawah Bonus Scheme.¹¹⁹ Beliau lulus peperiksaan tersebut. Setelah itu beliau turut sama mengajar pelajaran dalam bahasa Melayu.

Langkah utama yang diambil setelah menjadi pengetua SITC ialah menggalakkan guru-gurunya menulis buku yang boleh dijadikan teks, terutamanya

¹¹⁷ William R. Roff, *Nasionalisme Melayu*, Penterjemah Ahmad Boestamam. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2003, h. 149.

¹¹⁸ Surat O.T. Dussek kepada Abdullah Sanusi Ahmad, 13.7.1960.

¹¹⁹ *Record of Service and Leave Sultan Idris Training College*, Vol. I, No. 29.

tentang tatabahasa Melayu. Bagi Dussek, kekuatan guru-guru sekolah Melayu mestilah terletak pada pengajaran bahasa Melayu yang betul dan penuh disiplin. Beliau memberi galakan kepada Cikgu Mohd Hashim bin Haji Talib untuk menghasilkan buku *Kitab Pelita Mengarang*, kemudiannya menjadi panduan guru-guru untuk mengajar bahasa Melayu yang baik di sekolah-sekolah vernakular Melayu sebelum adanya buku tulisan Za'ba pada tahun 1940-an.¹²⁰ Dussek juga mengarahkan Cikgu Mohd Hashim bin Haji Talib menyusun buku tentang kaedah mengajar berjudul *Kitab Pedoman Guru*. Buku ini menjadi sumber rujukan yang utama dan penting untuk mata pelajaran Ilmu Latihan Mengajar di SITC.

Apabila R.O. Winstedt dilantik memenjadi Penolong Pengarah Pelajaran (Melayu) dalam tahun 1916, Dussek mengemukakan pendapatnya supaya membesarkan lagi, dan sebaik-baiknya memusatkan usaha melatih guru-guru dengan memberi kursus pelajaran yang lebih banyak dan cekap. Dengan ini, beliau dapat mempelbagaikan dan menambahkan lagi mata pelajaran di SITC. Walaupun Laporan Winstedt 1917 memberi peluang itu, tetapi dengan perancangan Dussek, mata pelajaran Sejarah, Ilmu Alam, Ilmu Bumi dan Ilmu Hisab yang lebih baik dan diajar oleh beliau sendiri telah diperkenalkan. Beliau sendiri aktif mengarang atau menterjemah buku-buku seperti *Kitab Hisab I-IV*, *Kitab Ilmu Alam I-V*, *Kitab Ilmu Geometri*, *Hikayat Pelandok*, *Permata Kali*, *Macbeth* dan *A Graduated Malay Reader*. Beliau juga membawa masuk lebih ramai murid lulusan maktab ini yang menjadi penuntut terbaik untuk menjadi tenaga pengajarnya.

¹²⁰ Ramlah Adam, *op cit.*, h. 74.



Dussek amat mengambil perhatian tentang agama, disiplin, kelakuan, pakaian, kebersihan dan organisasi penuntut dan guru-guru di maktab ini. Beliau menentukan pengajian di SITC mengikut hari dan tahun Islam memandangkan semua penuntutnya beragama Islam.¹²¹ Beliau juga meletakkan dasar kebersihan yang sangat nyata dengan menggalakkan penuntut memakai kasut atau alas kaki ke maktab. Amalan ini untuk menunjukkan mereka mendapat pendidikan yang lebih baik dan boleh mengubah kehidupan mereka, berbanding dengan murid-murid yang bersekolah di kampung-kampung kebanyakannya masih “berkaki ayam.”¹²²

Beliau sering kali mengajak ketua penuntut maktab melawat ke sekolah-sekolah Melayu di kampung dan memintanya mengajar untuk memberi pendedahan dan menjadikan contoh guru yang baik kepada orang kampung. Beliau juga berjaya menanam rasa hormat, menghormati dalam kalangan penuntut dan menggunakan gelaran “Encik” kepada setiap penuntut di SITC.¹²³ Beliau amat disenangi dan disukai oleh penuntut-penuntut dan guru-guru maktab ini. SITC membina dirinya dan menjadi asas kecintaannya kepada pendidikan vernakular Melayu. Beliau mendesak British supaya lebih bersungguh-sungguh menyediakan guru-guru yang terlatih untuk sekolah-sekolah Melayu. Menurut William R. Roff, Dussek mungkin turut bertanggungjawab mengemukakan cadangan dalam Laporan Winstedt supaya memperbesar institusi pendidikan untuk orang Melayu dan galakan diberikan supaya pelajaran kesusasteraan yang berdasarkan bahasa dan kesusasteraan Melayu berkembang.¹²⁴ Desakannya dan keperluan yang semakin bertambah kerana

¹²¹ Ramlah Adam, *ibid*, h. 45.

¹²² *Ibid*, h. 48.

¹²³ *Ibid*, h. 62.

¹²⁴ William R. Roff (2003), *ibid*, h. 159.



banyaknya sekolah Melayu yang tumbuh di luar kota, menyebabkan SITC ditubuhkan.

SITC merupakan tempat pengumpulan dan penyatuan cerdik pandai Melayu golongan bawahan dari seluruh Tanah Melayu. Sebagai golongan bawahan, mereka kebanyakannya terdiri daripada anak-anak petani, nelayan, buruh dan pekedai kecil yang tidak berpeluang belajar di sekolah-sekolah Inggeris. Dussek dilantik menjadi pengetua yang pertama iaitu dari tahun 1922 hingga 1936. Harapan tinggi Dussek terhadap SITC bermula sejak hari penubuhannya lagi, apabila Sir W. George Maxwell, Ketua Setiausaha Kerajaan Negeri-Negeri Melayu Bersekutu menyampaikan ucapan perasmianya. Setelah itu, ucapan Maxwell dibalas oleh Dussek sebagai pengetua. Dalam buku *Chendera Mata SITC 1954*, pengarang

melaporkan seperti berikut:

Ucapan tuan ini telah pun di-balas oleh Pengetua College ia-itu O.T. Dussek dengan berbilang2 mengucapkan terima kaseh dan di-harap College ini akan hidup kekal sa-lama2nya serta sentiasa menabor budi dan berbakti kepada bangsa dan tanah ayer-nya sendiri, juga di-harap akan menjadi sa-buah College Bahasa Melayu yang teragong sa-kali dalam dunia.¹²⁵

Harapan Dussek tinggi menggunung terhadap kolej yang dicinta sepenuh jiwanya, SITC. Beliau inginkan SITC terus berkembang dalam sistem pendidikan vernakular Melayu untuk memajukan anak bangsa Melayu supaya setanding dengan bangsanya, Inggeris. Walaupun beliau seorang Inggeris, tetapi beliau mempunyai pendapat dan pegangan yang ikhlas kepada perkembangan dan kemajuan pendidikan vernakular Melayu. Beliau mula mencintai bahasa Melayu setelah berkhidmat sebagai pentadbir dalam kerajaan kolonial British sejak memasuki perkhidmatan pendidikan

¹²⁵ *Chendera Mata Sultan Idris Training College*, Bil. 47, 1954, h. 10.



di S.S. dan F.M.S. pada tahun 1912 lagi, sebagai Guru Penolong di Sekolah Tinggi Melaka. Hatinya mula tertambat oleh bahasa Melayu semasa menghadiri persembahan opera (bangsawan) Melayu yang disaksikannya di Alor Gajah, Jasin dan Merlimau.¹²⁶ Itulah titik tolak atau ‘turning point’ kecintaan Dussek terhadap bahasa Melayu.

Dalam buku *Chendera Mata SITC* tahun 1923, beliau dilaporkan berkata kepada penuntut-penuntut SITC: “Ketahuilah oleh kamu semua! Kemajuan bangsa Melayu adalah terletak di tangan kamu sendiri.”¹²⁷ Dalam tahun 1924, beliau menyeru kepada penuntut-penuntut maktab agar bekerja untuk meningkatkan ekonomi keluarga dengan cara bertukang, menyirat, bertukang emas dan perak demi untuk kemajuan kaum peribumi.¹²⁸



Dussek tidak jemu-jemu membentuk pemikiran para penuntut maktab agar sentiasa mengkaji, mempelajari dan berusaha memajukan bahasa dan bangsa Melayu. Ini dinyatakannya dalam ucapan beliau dalam suatu majlis konvokesyen SITC pada tahun 1935:

*“Your language is, I believe, spoken by some 70 millions of people. It forms one of the largerst language groups in the world. Do not forget that fact. Cultivate your language; strive to raise it to the position it deserves amongst world languages. If the prestage of your language raises, so in equal measure rises the prestige of your race”.*¹²⁹

¹²⁶ Awang Had Salleh, *Malay Secular Education and Teacher Training in British Malaya*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1979, h. 135.

¹²⁷ *Chendera Mata Sultan Idris Training College*, Bil. 1, Nov. 1923, h. 41.

¹²⁸ *Chendera Mata Sultan Idris Training College*, Bil. 2, Vol. 2, 1924, h. 91.

¹²⁹ *The Straits Times*, 23.11.1935.



Ucapan Dussek selalunya menarik perhatian para penuntut maktab di samping ucapan daripada Cikgu Ahmad Bakhtiar, Za'ba, Abdul Hadi Haji Hassan dan Harun Aminurrashid. Hinggakan setiap kali tokoh-tokoh ini membuat syarahan, dewan besar SITC penuh sesak dengan penuntut sehingga melimpah ruah sampai keluar.¹³⁰ Dussek merupakan seorang yang ikhlas dalam memperjuangkan pendidikan vernakular Melayu terutamanya di kawasan-kawasan luar bandar. Dalam suratnya kepada W.R. Roff, beliau menulis:

"I think I can say that our aim was to educate the rural population in a suitable rural manner and equip them to continue to live a useful, happy rural life. Gradually to raise the standard of the schools until they reach secondary level. Educate the teachers as well as train them. Later when the schools were good and S.I.T.C. was going strong My aim was: Long Term:- Malay to be language of Govt. Immediate (a) Local govt. in the districts to be carried out in Malay, thus providing some suitable outlet for the brighter boys in the schools. This was never done in my time. (b) So that Malays should not be excluded".¹³¹

Dussek menyedari kebanyakan penuntut di SITC tidak tahu berbahasa Inggeris, maka atas inisiatifnya, buku-buku terbitan Balai Pustaka di Batavia dipesan untuk menambahkan jumlah bahan bacaan dan dengan demikian dapatlah novel pertama Indonesia *Azab dan Sengsara* karya Merari Siregar dan kemudian diikuti dengan *Siti Noerbaja* dan *Melati van Agam* oleh Marah Roesli, *Salah Pilih* oleh Noer Soetan Iskandar, *Salah Asoehan* oleh Abdoel Moeis di samping majalah bulanan *Sri Poestaka* yang kemudian digantikan oleh *Pandji Poestaka* yang lebih beraneka ragam rencana di dalamnya. Beliau juga mengarahkan pihak perpustakaan SITC, pada masa itu lebih dikenali sebagai Khutub Khanah Tuan Dussek, membuat langganan akhbar-

¹³⁰ Abdullah Hussain, *Harun Aminurrashid: Pembangkit Semangat Kebangsaan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1982, h. 20.

¹³¹ Surat O.T. Dussek kepada William R. Roff, 1.5.1960.



akhbar *Soeloeh Ra'jat Indonesia, Semangat Islam, Bintang Timoer dan Bintang Hindia*.¹³²

Dussek merupakan penggerak jati diri Melayu, beliau seharusnya diberi pujian dan penghargaan. Melalui ucapan dan penulisannya, beliau seringkali mengakhiri ucapannya dengan laungan “Bangkitlah Melayu!, Bangkitlah Melayu!”¹³³ Cabarannya ini telah membangkitkan semangat cintakan bangsa dan tanah air dalam kalangan guru Melayu seperti Abdul Hadi Haji Hassan, Ahmad Bakhtiar, Buyong Adil dan Harun Aminurrashid. Semangat ini juga tertanam dalam hati nurani pelajar-pelajar, membara sehingga membawa kepada tersemainya bibit-bibit anti-British dalam kalangan mereka yang akhirnya muncul sebagai pejuang kemerdekaan negara seperti Ibrahim Yaacob dan Abdul Karim Rashid (SITC 1929-1931).



Seorang murid tua SITC tahun 1929, Zainal Abidin Daud menulis mengenai O.T. Dussek dalam bukunya *Riwayat Tanjung Malim: Meninjau Kisah Purba* seperti berikut:

Tuan Dussek telah berjasa, kerana menjadikan college ini ‘Pusat Pengajian Tinggi Bahasa Melayu’ bagi Persekutuan Tanah Melayu dan Negeri-negeri Selat serta bertanggungjawab mengusahakan untuk mendapatkan kelulusan pihak Kerajaan Negeri-negeri Persekutuan dan Negeri-negeri Selat bagi mengadakan Jabatan Karang Mengarang di college ini...¹³⁴

Oleh jasa Tuan Dussek yang tidak ternilai itu maka ia telah dilantik oleh kerajaan menjadi Asst. Director of Education F.M.S. & S.S. berpejabat di Sultan Idris Training College Tanjung Malim, bertaraf pegawai tinggi yang diberi penghormatan kenderaan ‘sebuah gerabak khas’ keretapi Tanah Melayu bila melawat Kuala Lumpur, Pulau Pinang dan Singapura.¹³⁵

¹³² Abdullah Hussain (1982), *op cit.*, h. 16-17.

¹³³ *Berita Harian*, 17.6.1986.

¹³⁴ Zainal Abidin Daud, *Riwayat Tanjung Malim: Meninjau Kisah Purba*, Tanjong Malim: Persatuan Penulis dan Sastera Batang Padang (PEDANG), 1978, h. 8.

¹³⁵ *Ibid*, h. 9.



Kerjaya Dussek yang bermula daripada seorang guru biasa di Melaka di Sekolah Tinggi Melaka dan berakhir sebagai pegawai tinggi kerajaan sebagai *Assistant Director of Education in Charge of Malay Education* setaraf dengan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia sekarang, mencerminkan kecemerlangannya dalam membangunkan pendidikan vernakular Melayu.

Sekembali Dussek dari melawat Balai Pustaka di Indonesia pada tahun 1915, beliau dan Za'ba menubuhkan sebuah badan menterjemah, kemudiannya dikenali sebagai Pejabat Karang Mengarang (PKM) yang menjadi satu jabatan di SITC. Menurut Dussek, tujuan utama PKM ini ditubuhkan ialah untuk:

(i) To press on with maximum publication of school books and also of general literature for the public at large. (ii) To edit and publish several journals some to be illustrated. (iii) To start travelling book-shops and libraries as soon as we had enough material...

Langkah penting yang dibuat oleh beliau ialah menggalakkan guru-guru SITC menulis buku yang boleh dijadikan teks dalam bahasa Melayu. Bagi beliau, kekuatan guru-guru sekolah Melayu mestilah terletak pada pengajaran bahasa Melayu dengan betul dan tertib. Beliau berhasrat meninggikan taraf pendidikan sekolah-sekolah anak negeri secara beransur-ansur sehingga anak-anak Melayu dapat menyambung pelajaran di peringkat menengah. Beliau mengharapkan suatu hari nanti bahasa Melayu akan menjadi bahasa pemerintah di peringkat setempat dan akhirnya di peringkat negeri, seterusnya peluang pendidikan terbuka luas kepada murid-murid yang terpuat di sekolah-sekolah luar bandar.¹³⁷

¹³⁶ Surat O.T. Dussek kepada Abdullah Sanusi Ahmad, 13.7.1960.

¹³⁷ Willaim R. Roff (2003), *op cit.*, h. 159.

Beliau juga mempelbagaikan dan menambahkan lagi mata pelajaran di SITC. Beliau telah membawa masuk lebih ramai guru Melayu untuk mengajar di situ. Dussek juga amat mengambil berat tentang disiplin, kelakuan, pakaian dan organisasi murid-muridnya. Oleh itu, beliau amat disenangi dan dihormati oleh guru-guru dan penuntut maktab. Sikap beliau terhadap bahasa dan orang-orang Melayu amat tinggi. Pendirian beliau dalam soal bahasa Melayu dinyatakan dalam suratnya kepada Abdullah Sanusi Ahmad; “Malay to be the official language secondary education in Malay in my time.” Beliau mengakhiri suratnya dengan menyanjung pegawai-pegawai Melayu, katanya; *“Let me record that I was extremely lucky in my Malay Staff. All were useful, many were good; not a few were outstanding.”*¹³⁸

Bukanlah sesuatu yang mudah untuk seorang pegawai kolonial memuji anak tempatan seperti yang dilakukan oleh Dussek. Apatah lagi beliau sanggup bertelingkah dengan pegawai atasan sendiri semata-mata hendak memartabatkan bahasa Melayu dalam pemerintahan British. Harapan Dussek terhadap masa depan pendidikan Melayu telah dinyatakan kepada W.R. Roff seperti yang tercatat dalam suratnya:

*The standard of rural education would have been far higher with scope for the locals in local govt. The “Transition Groups” of rural Malays in English (town) schools would – and could – have held their own against other nationalities if only the poor kids have been looked after...*¹³⁹

Dussek sentiasa menasihatkan orang Melayu supaya berusaha mengangkat darjat bahasa Melayu kerana bagi beliau bahasa Melayu sangat penting. Beliau dianggap sebagai seorang pegawai British yang tidak berjiwa penjajah dan “orang

¹³⁸ Surat O.T. Dussek kepada Abdullah Sanusi Ahmad, 13.7.1960.

¹³⁹ Surat O.T. Dussek kepada William R. Roff, 1.5.1960.

Inggeris yang bersungguh-sungguh hendak meninggikan persekolahan dan taraf bahasa Melayu.”¹⁴⁰ Lantaran itulah, tindak tanduknya sentiasa diintip oleh pihak kolonial British. Apabila pihak kolonial menyedari perbuatannya boleh menjejaskan dasar penjajahan mereka, Dussek terus dihantar pulang ke England.

Dalam masa perkhidmatannya di PKM-SITC, beliau bercita-cita untuk menubuhkan sebuah universiti untuk orang Melayu. Katanya; “I aimed at a Malay University in my life time and had mentioned this in several speeches and articles.”¹⁴¹ Anak-anak Melayu yang memasuki universiti, akan dapat membuka minda mereka dan berpeluang meningkatkan taraf hidup bangsanya. Cita-citanya itu menjadi kenyataan selepas 32 tahun kematiannya setelah SITC-MPSI-IPSI menjadi UPSI pada tahun 1997, namun “Universiti Melayu” ini mungkin semakin jauh dari sifat

Keikhlasan Dussek memperjuangkan pendidikan vernakular Melayu mendapat pujian daripada Zainal Abidin Daud melalui tulisannya seperti berikut:

Tuan O.T. Dussek. Ia seorang pengetua yang betul-betul jujur lagi berminat dalam hal serba-serbi bagi memajukan anak-anak Melayu supaya berkesanggupan berdiri diatas kaki sendiri memimpin anak bangsanya bila bertugas. Bagaimana seperti yang dicita-cita oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Idris, Sultan Perak waktu ‘Pengisytiharan Pembukaannya’ pada tahun 1922 bulan November.¹⁴²

Walaupun Dussek seorang Inggeris, beliau mempunyai pendapat dan pegangan yang ikhlas kepada perkembangan dan kemajuan SITC khasnya dan

¹⁴⁰ Buyong Adil, “Kenang2an kepada Sultan Idris Training College”.

¹⁴¹ Surat O.T. Dussek kepada Abdullah Sanusi Ahmad, 15.8.1960.

¹⁴² Zainal Abidin Daud, *op cit.*, h. 9.



pendidikan vernakular Melayu amnya. Beliau amat disayangi oleh setiap warga SITC.

Ini dapat dilihat semasa keberangkatannya ke England;

Tuan Pengetua O.T. Dussek telah menamatkan tugasnya dan pada 13.4.1933 hari Jumaat pukul 9.15 pagi murid-murid dan guru-guru berbaris di jalan hadapan Dewan Besar kerana memberi 3 kali sorak selamat belayar Tuan O.T. Dussek ke negerinya.¹⁴³

O.T. Dussek pernah menulis mengatakan bahawa dia gembira dengan orang-orang kampung di Malaya, dan gemarkan kehidupan di kampung daripada berpindah ke bandar. Perkara ini ditulisnya setelah beliau bersara dan tinggal di England.¹⁴⁴

Bukti kepengarangan dan pengorbanan O.T. Dussek memajukan pendidikan vernakular Melayu dapat dilihat melalui karya-karya beliau seperti di bawah. Karya-karya ini ada yang dikarang, diterjemah dan diedit olehnya, sama ada secara individu mahupun bersama rakan-rakannya di MTC dan SITC. Kebanyakan buku-buku ini boleh didapati di Perpustakaan Tuanku Bainun, Universiti Pendidikan Sultan Idris dan di Perpustakaan Peringatan Za'ba, Universiti Malaya iaitu:

1. *Gula Malaka* / edited by W.S. Ebden and O.T. Dussek. Malacca: Kelly and Walsh Limited, 1913. Dalam tulisan Jawi.
2. "Speech at the Ceremonial Hair-cutting of a young child" / diedit oleh O.T. Dussek. Dalam *Journal of the Straits Branch of the Royal Asiatic Society (JSBRAS)* (76), Aug. 1917: 127-131.
3. *Teka-teki* (part I & II) / O.T. Dussek. Malay Literature Series, No. 14. Singapore: Methodist Publishing House, 1918. Buku sastera Melayu lama dalam tulisan Jawi, 166 halaman.
4. *Kitab Hisab 1* / O.T. Dussek. Singapore: Kelly & Walsh, 1918. Buku teks matematik.

¹⁴³ *Principal's Diary 1922-1950, Sultan Idris Training College, Tanjong Malim*, (13.4.1933).

¹⁴⁴ Surat O.T. Dussek kepada penyunting majalah *Chendera Mata Sultan Idris Training College*, No. 30, Mac 1938, h. 54-56.





5. "Notes on Malay Indoor Games." *JSBRAS* (80), May 1919; 69-71.
6. *Kitab Hisab II* / O.T. Dussek. Singapore: Kelly & Walsh, 1922. Buku teks matematik.
7. *Kitab Pelita Mengarang, Ia-itu Permulaan Ilmu Bahasa dan Karangan Melayu Bagi Sekolah-Sekolah Melayu*. Chet. ke-2. / terkarang oleh O.T. Dussek dan Muhammad Hashim bin Haji Talib. Singapore: Printed for S.S. & F.M.S. By Fraser & Neave, 1925. Buku latihan dan pemahaman bahasa Melayu, 148 halaman.
8. *Hikayat Pelandok, Ia-itu Hikayat Sang Kanchil, Cherita Pelandok Dengan Anak Memerang, Hikayat Pelandok Jenaka* / edited by O.T. Dussek Singapore: Methodist Publishing House, 1925. Buku bacaan umum, 124 halaman.
9. *Kitab Ilmu Alam II. Jajahan Ta'alok British* / translated by Pejabat Karang Mengarang. Tanjong Malim: Sultan Idris Training College, 1928. Mengandungi gambar, 200 halaman.
10. "Bersandui: Verses Recited by Colectors of Honey in Rembau" dalam *Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society (JMBRAS)*, 6(4), Nov. 1928: 56-57.
11. *Kitab Pedoman Guru Penggal Yang Pertama Bagi Penggunaan Guru2 di Sekolah2 Melayu* / dikarang dan dikumpulkan oleh O.T. Dussek dan Muhammad Hashim bin Haji Talib; diterjemahkan ka bahasa Melayu oleh Pejabat Karang Mengarang Sultan Idris Training College, Tanjong Malim, 1928. The Malay School Series. Mengandungi 192 halaman.
12. *Kitab Pedoman Guru Penggal Yang Kedua, Bagi Penggunaan Guru2 Di-Sekolah2 Melayu* / di-karang dan di-kumpulkan oleh O.T. Dussek dan Muhammad Hashim bin Haji Talib; diterjemahkan ka bahasa Melayu oleh Pejabat Karang Mengarang Sultan Idris Training College, Tanjong Malim. Singapore: Malaya Publishing House, 1929.
13. *Kitab Ilmu Alam IV. Benua America* / translated by Pejabat Karang Mengarang oleh Dussek, Clark, R.O. Winstedt, Zainal Abidin Ahmad. The Malay School Series; No. 22. Tanjong Malim: Sultan Idris Training College, 1930. Mengandungi gambar, 244 halaman.
14. *Kitab Ilmu Alam V. Benua Africa* / translated by Pejabat Karang-Mengarang, oleh Dussek, R.O. Winstedt, Zainal Abidin Ahmad. The Malay School Series; No. 23. Judul asal *The Pupils Class-Book of Geography*. Tanjong Malim: Pejabat Karang Mengarang, 1932. Mengandungi gambar, 263 halaman.
15. *Kitab Ilmu Geometry* / di-ator oleh O.T. Dussek; diterjemahkan oleh Pejabat Karang Mengarang. The Malay School Series; No. 8. London: Macmillan & Co., 1930. Mengandungi 146 halaman.



16. *Ali Baba Dengan Empat Puluh Orang Penyamun* / disunting oleh O.T. Dussek dan Muhammad Sa'id bin Haji Husain. Tanjong Malim: Pejabat Karang Mengarang, 1934. Buku cerita rakyat dalam tulisan Jawi, mempunyai ilustrasi, 35 halaman.
17. *Topeng Hitam* / diterjemahkan oleh O.T. Dussek dan Muhammad Sa'id bin Haji Husain. Tanjong Malim: Pejabat Karang Mengarang, 1934.
18. *Macbeth* / William Shakespeare, translated oleh O. T. Dussek dan Muhammad Sa'id bin Haji Husain. The Malay Home Library Series; No. 27. Tanjong Malim: Pejabat Karang Mengarang, 1934. Mengandungi 32 halaman.
19. *Soalan Peperiksaan Masuk College* / disunting oleh O.T. Dussek. Tanjong Malim: SITC, 1935.
20. *Kitab Hisab III* / terkarang oleh O.T. Dussek. The Malay School Series; No. 12. Kuala Lumpur: Pejabat Karang-Mengarang, Jabatan Pelajaran, 1950. Mengandungi 242 halaman.
21. *Kitab Hisab IV* / terkarang oleh O.T. Dussek. Singapore Printers Limited 1935. Mengandungi 209 halaman.
22. *Melawat ka-Eropah Tengah* / O.T. Dussek (bersama isteri). The Malay Home Library Series; No. 29. Tanjong Malim, Sultan Idris Training College, 1935. Teks dalam tulisan Jawi, bergambar, 105 halaman.
23. *Julius Caesar* / dimelayukan oleh O.T. Dussek dan Muhammad Sa'id bin Haji Husain. Tanjong Malim: Sultan Idris Training College, 1935. Mempunyai 36 halaman.
24. *Permata Kali* / dimelayukan oleh Abd. Aziz Din, O.T. Dussek. Tanjong Malim, Perak: Sultan Idris Training College, 1937. Buku cerita edisi Jawi, 138 halaman.
25. *Growing Points in Native Education*. Risalah mengenai SITC, 1939, 4 halaman.
26. *Practical Modern Malay: An Introduction to the Colloquial Language* / O.T. Dussek. London: Macmillan, 1948. (Edisi baru diterbitkan di London pada tahun 1952). Buku tatabahasa Melayu, 84 halaman.
27. "The Preparation and Work and Rural School Teachers in Malay" dalam *Education in Malay*, 1948. (Makalah ini dicetak semula daripada *Oversea Education* yang diterbitkan oleh The Colonial Office, 1930-1942, 1946), p. 38.
28. *A Graduated Malay Reader*. 1st Ed. / O.T. Dussek, Ahmad Murad bin Nasruddin and A.E. Coope. Kuala Lumpur: Malayan Printers, 1949. Buku bacaan bahasa Melayu, 108 halaman.



29. *Hujungan Kitab Hisab II: Iaitu Bagi Murid-Murid Darjah III dan IV Sekolah Melayu*. Tanjong Malim: Pejabat Karang Mengarang, 1952.
30. *A Graduated Malay Reader*. 2nd ed. / O.T. Dussek, Ahmad Murad bin Nasruddin and A.E. Coope. London: Macmillan and Co. Limited, 1953. Buku bacaan bahasa Melayu, 111 halaman.

Buku-buku yang disenaraikan ini mencerminkan bahawa Dussek sangat mementingkan pendidikan orang Melayu dan beliau boleh menulis dalam bahasa Melayu dengan baik. Di samping buku-buku ini, PKM di bawah seliaan Dussek turut menterjemah dan menerbitkan buku-buku teks *The Malay School Series* dan *The Malay Home Library Series*. Buku-buku teks *The Malay School Series* yang berjaya disiapkan dari mula-mula PKM ditubuhkan (1924) hingga tahun Dussek bersara (1936) berjumlah 32 buah.¹⁴⁵ Manakala buku-buku *The Malay Home Library Series*

berjumlah 34 buah.¹⁴⁶ Sebahagian besar daripada buku-buku yang digunakan di sekolah-sekolah Melayu adalah hasil daripada penerbitan di PKM-SITC. Maka dapatlah dikatakan bahawa PKM di bawah pentadbiran memberi sumbangan yang besar dalam perkembangan pendidikan vernakular Melayu, hasil perjuangan dan jasa Dussek sebelum beliau berkiasan; “*Dussek was buried at T.M. – let him stay buried*”.¹⁴⁷

Hasil kajian penyelidik membuktikan Dussek sebagai seorang reformis yang memperjuangkan pendidikan vernakular Melayu di samping penggerak utama dalam membangkitkan kesedaran Melayu (nasionalisme) dalam kalangan penuntut SITC

¹⁴⁵ Abdullah Sanusi Ahmad, *Peranan Pejabat Karang Mengarang Dalam Bidang2 Pelajaran Sekolah2 Melayu dan Kesusasteraan di Kalangan Orang Ramai*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1966, h. 33.

¹⁴⁶ Abdullah Sanusi Ahmad, *ibid*, h. 50.

¹⁴⁷ Surat O.T. Dussek kepada Abdullah Sanusi Ahmad, 15.8.1960.



kerana jiwa raganya dipengaruhi dengan semangat Melayu. Iltizamnya untuk memaju dan meningkatkan pelajaran Melayu, khususnya penerbitan buku-buku berbahasa Melayu dalam pelbagai bidang ilmu yang dihasilkan dalam bentuk asal mahupun terjemahan, telah diperlihatkan sejak berkhidmat di MTC sehingga ke SITC. Penubuhan PKM pula adalah hasil usahanya bersama Za'ba dengan pelbagai rancangan semata-mata untuk kemajuan bangsa Melayu. Beliau berusaha menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi dan pengantar (vernakular) dalam pendidikan pada waktu itu.

Kegigihan Dussek memperjuangkan bangsa dan bahasa Melayu diberi pujian oleh kebanyakan anak kandung SITC dalam tulisan-tulisan mereka seperti Zainal Abidin Daud (1978), Awang Had Salleh (1979), Buyung Adil (1980), Shaharom Husain (1996), dan juga daripada sarjana sejarah seperti Abdul Majid Zainuddin (1978), Ramlah Adam (1991) dan W.R. Roff (2003). Menurut Awang Had Salleh, Dussek sentiasa sahaja menghembuskan nafas kesedaran kepada pelajar-pelajar Maktab itu menerusi tiga lambang taat setia kebangsaan, iaitu: agamamu, bangsamu dan bahasamu.¹⁴⁸

Jelaslah bahawa peranan yang dimainkan oleh Dussek memberikan kesan yang hebat kepada masyarakat Melayu dan guru-guru pelatih SITC. Secara kritisnya, peranan beliau bukanlah seperti seorang penjajah ataupun seorang Inggeris, malahan sebagai seorang pembuka minda kepada penuntut SITC agar memikirkan nasib dan masa depan masyarakat Melayu. Beliau, dalam kalangan pegawai kolonial sebagai seorang Inggeris yang terlalu pro Melayu. Ini menjadi sebab kenapa beliau tidak

¹⁴⁸ Awang Had Salleh, "Pendidikan dan Nasionalisme: Penentuan Konsep dan Penerokaan Strategi" dalam *Pendidikan Dalam Pemikiran Awang Had Salleh*, Kuala Lumpur: Fajar Bakti, 1985, h. 103.



begitu disukai oleh pihak kolonial. Bagi penyelidik, O.T. Dussek tidak dianggap sebagai ‘Colonial Administrator’ tetapi lebih kepada ‘Malay Administrator’ yang ‘menabur baja’ kepada nasionalisme Melayu. Beliau berjaya menanam asas kecintaannya kepada pendidikan dan perguruan Melayu semasa mentadbir MTC dan SITC sehinggalah beliau dibersarakan pada tahun 1936.

4.3.3 Ahmad Murad Nasaruddin

Ahmad Murad Nasaruddin dilahirkan pada 5 Februari 1910¹⁴⁹ di Bagan Tuan Kecil, Seberang Prai, Pulau Pinang dan meninggal dunia pada tanggal 12 Ogos 1974. Beliau mendapat pendidikan awal di Sekolah Melayu Pulau Pinang pada tahun 1925, setahun kemudian ke Sekolah Melayu Butterworth hingga lulus darjah lima pada tahun 1926.

Setelah itu beliau memasuki Sekolah al-Masyhur sebelum meneruskan pelajarannya di sebuah sekolah Inggeris di Pulau Pinang selama setahun. Pada tahun 1927, beliau lulus peperiksaan Senior Cambridge.

Beliau bertugas sebagai penterjemah di Pejabat Karang Mengarang SITC mulai 1.6.1928 hingga 1940¹⁵⁰ di bawah pengawasan Za’ba. Setelah lulus beliau dilantik sebagai penterjemah tetap di samping bertugas sebagai guru sambilan di SITC hinggalah meletus Perang Dunia Kedua. Beliau dinaikkan pangkat sebagai Penterjemah Gred I mulai 1.1.1941. Beliau banyak menterjemahkan buku berbahasa Inggeris ke bahasa Melayu untuk kegunaan penuntut di sekolah-sekolah Melayu sebelum Perang Dunia Kedua. Selepas perang, beliau bertugas sebagai pensyarah di

¹⁴⁹ *Record of Service and Leave Sultan Idris Training College*, Vol. I, No. 37.

¹⁵⁰ *Ibid.*





Maktab Perguruan Pulau Pinang dari tahun 1946 hingga bersara pada tahun 1963. Beliau juga merupakan seorang penulis yang giat menulis sekitar tahun 1940-an. Antara novelnya yang terkenal berjudul *Hikayat Taman Puri* (1937), *Nasib Mentua* (1937), *Kasima Sarjan Gelap* (1939), *Cherita Mata-Mata Hutan Simpan* (1941), *Nyawa di-Hujung Pedang* (1947), *Mutiara Terpendam* (1948), *13 Jun* (1963) dan *Terlepas Dari Tawanan* (1965).

Ketika tentera British berundur dari Tanah Melayu dalam Perang Dunia Kedua, sesetengah anggota masyarakat kita pada masa itu menyangka bahawa Jepun mungkin membawa sinar baharu melalui slogan 'Asia untuk Asia', tetapi dua novel Ahmad Murad Nasaruddin iaitu *Nyawa di-Hujung Pedang* (1947) dan *Zain Zawiyah* (1948) menceritakan sisi hitam era tersebut. Novel *Nyawa di-Hujung Pedang*



memenangi hadiah pertama dalam peraduan mengarang anjuran Jabatan Penerangan Persekutuan Tanah Melayu pada tahun 1946. Pada tahun tersebut, novel ini diterbitkan dalam cetakan huruf Rumi sebagai memperingati sahabat baiknya Kapten Yazid bin Ahmad yang terkorban dalam Perang Dunia Kedua. Dalam novel *Zain Zawiyah* menceritakan tentang seorang lelaki yang kejam yang menyebabkan anak isterinya menderita ketika Perangan Dunia Kedua, oleh sebab asyik dengan seorang perempuan durjana. Perperangan antara Jepun dengan British yang meletus di Taiping menyebabkan Zain telah ditugaskan ke Melaka untuk memindahkan dokumen-dokumen penting dan sesetengah barang ke cawangan di sana.

Nyawa di-Hujung Pedang dan *Zain Zawiyah*, melalui penceritaan yang menarik dan menyentuh emosi, melakar peristiwa kemelaratan dan azab sengsara yang dialami oleh penduduk Tanah Melayu ketika pemerintahan Jepun. Apabila





pendudukan Jepun berakhir dan penjajah British datang semula, impian melihat kelahiran sebuah negara merdeka dan menjunjung kedaulatannya ditangguhkan lagi oleh sejarah.

Drama *Anak Derhaka* (1952) karya Ahmad Murad Nasaruddin bagaimanapun dapat diterima sebagai karya terawal yang membawa dan pengertian drama moden yang sebenar. Drama ini telah dipentaskan buat pertama kali oleh Kesatuan Persuratan Penuntut-Penuntut Melayu Selangor di Dewan Bandaran, Kuala Lumpur pada tahun 1949. Naskhah yang judul asalnya "*Patah Hati*" ini jelas mengemukakan pemikiran dan permasalahan masyarakat semasa yang ada pada waktu ia ditulis, mengemukakan konsep realisme yang diterima sebagai dasar kemodenan dalam sejarah perkembangan drama Melayu.



5.3 Tokoh Pendidik

Di antara tenaga pengajar terkenal yang mengajar di SITC ataupun lepasan maktab tersebut kemudiannya mengajar di sekolah-sekolah ialah Ahmad Bakhtiar, Abdul Hadi Haji Hassan, Buyong Adil, Mohamed Nor Ahmad dan Hamzah Tajuddin juga memainkan peranan penting dalam menanamkan semangat nasionalisme kepada murid-muridnya.





4.4.1 Ahmad Bakhtiar

Ahmad Bakhtiar dilahirkan pada 21.1.1902 di Kajang, Selangor. Nama sebenarnya ialah Ahmad bin Abdullah. Beliau menerima pendidikan awal di Sekolah Melayu Semenyih dan Sekolah Melayu Kajang. Setelah itu beliau bekerja di Pejabat Daerah Kajang di bawah pimpinan Raja Tun Uda. Pada tahun 1919-1921, beliau meneruskan pelajarannya di Maktab Perguruan Melaka (MTC). Beliau mengajar di Sekolah Melayu Jenderam, Selangor sebelum dilantik menjadi guru Gred IIIA di SITC mulai 1.2.1923 dengan gaji permulaan sebanyak \$20 sebulan.¹⁵¹ Di sini beliau memperoleh peluang yang luas bagi mengembangkan bakat seni dan penulisannya. Untuk itu, beliau belajar muzik dengan guru muzik SITC, Yub Rawan, belajar main piano dengan Mrs. Dussek dan mengikuti kursus seni lukis. Ahmad Bakhtiar juga dihantar oleh O.T. Dussek ke Singapura untuk belajar mengenai pelbagai cabang sukan daripada J.W. Jefferson. Satu lagi kebolehannya ialah menjadi dukun atau bomoh. Beliau bersara dari jawatan Guru Besar SITC pada tahun 1959 dan meninggal dunia pada tahun 1961 kerana komplikasi daripada penyakit barah di pipinya yang merebak. Jenazahnya dikebumikan di kawasan Tanah Perkuburan Islam, Kampung Ketoyong, Tanjong Malim, Perak.

Ahmad Bakhtiar menghasilkan kira-kira 60 buah buku yang meliputi pelbagai jenis, daripada bacaan kanak-kanak hinggalah kepada buku pengetahuan dewasa. Sumbangan Ahmad Bakhtiar dalam kesusasteraan Melayu dapat dilihat sebelum meletus Perang Dunia lagi. Beliau menghasilkan novel atau bacaan umum seperti *Nyanyian Kanak2* (t.t), *Si Kibun* (t.t), *Pengetahuan Penghidupan* (t.t), *Puteri Gunung*

¹⁵¹ *Record of Service and Leave Sultan Idris Training College*, Vol. I, No. 1.



Ledang (t.t), *Cahaya Mata* (t.t), *Kalau Dia* (t.t), *Lelehan Ayer Mata Dayang* (t.t), *Memang Begitu* (t.t), *Perwira Bentan* atau *Riwayat Hang Tuah di Ayer Masin* (t.t), *Rahsia Keris Putih* (t.t), *Rindu* (t.t), *Darah di Selat Melaka* (t.t), *Sakom* (t.t), *Cermin Kanak-kanak* (t.t), *Tua Sama Muda* (t.t), *Bujang Seumur Hidup* (1936), *Seorang Gadis* atau *Bunga Tanjung Mala Setahun* (1936), *Orang Lichin* (1939), *Memileh Jodoh* (1939), *Panah Berachun* (1940), *Keris Melaka* (1940), *Korban Keris Melaka* (1940) dan *Tun Jemala* (1941). Karyanya yang lain selepas perang ialah *Hanchor Hati* (1949), *Kerana Tun Jemala* (1949), *Pemuda Zaman Sekarang* (1949), *Puteri Pertiwi* (1949), *Siapa-kah Dapat* (1949), *Semalam Baru Bertunang* (1951), *Muda Sama Muda* (1951), *Anika* (1952), *Kandil* (1953), *Lembaga Guru* (1954), *Hujan Darah di Kota Melaka* (1956) dan *Hujan Darah di Sungai Muar* (1956).¹⁵²

boleh menimbulkan semangat kesedaran bangsa. Beliau juga terkenal sebagai seorang yang pandai berpidato, berbual dan bercerita. Pidato, perbualan atau ceritanya itu kerap disulam dengan lawak jenaka untuk mempengaruhi pendengar dan meninggalkan kesan di hati. Pidatonya juga banyak menimbulkan kesedaran yang mendalam untuk kemajuan bangsa dan negara. Menurut Shaharom Husain yang pernah bertemu dengan Ahmad Bakhtiar semasa mereka sama-sama bertugas di SITC, katanya kepada Shaharom;

Apabila kamu berbual dengan orang, hendaklah kamu banyakkkan menyebut fasal yang menjadi kegemaran orang itu. Kalau orang itu gemar berkebun, kamu sebutlah darihal kebun. Kalau orang itu gemar berniaga, kamu sebutlah pasal perniagaan, dan kalau orang itu gemar berpolitik, hendaklah kamu bercerita tentang politik dengannya. Supaya puas hati orang itu mendengar perbualan kamu. Tarik orang itu untuk menyedarkan, menginsafkan,

¹⁵² Shaharom Husain, *Antara Pengarang2 Novel Melayu dan Karya-nya*, Singapura: Pustaka Melayu, 1962, h. 3.

menguntungkan, memajukan dan membuka fikiran mereka dengan luas. Masukkan beberapa kegirangan, kekuatan kemahuan ke dalam lubuk hati orang yang mendengar itu, supaya dia dapat merasa beruntung mendengarnya. Gerakkan jiwa orang itu supaya dia juga ingat bahawa bual itu bukannya bual kosong, tetapi berisi dengan berbagai permata yang indah-indah dan mahal harganya untuk dikenang seumur hidup.¹⁵³

Melalui buku-buku tulisannya yang banyak menunjukkan bahawa Ahmad Bakhtiar merupakan seorang guru yang gigih dan berusaha keras mencurahkan segala tenaga dan kebolehannya selama 30 tahun mendidik dan mengajar muridnya menjadi guru Melayu dan pemimpin masyarakat di segenap pelusok tanah air. Beliau pernah berpesan di hadapan muridnya; “Hidupkanlah pengetahuan suluh budiman...” Perkataan itu kemudiannya dijadikan cogan kata SITC kemudiannya UPSI, iaitu “Pengetahuan Suluh Budiman”.¹⁵⁴

4.4.2 Abdul Hadi Haji Hassan

Tokoh SITC terawal yang paling utama dianggap penyemai nasionalisme Melayu ialah Cikgu Abdul Hadi bin Haji Hassan. Beliau yang dilahirkan pada tahun 1906, di Kampung Batang Tiga, Melaka adalah salah seorang daripada 7 orang guru Melayu pertama yang dipindahkan dari Malacca Training College (MTC) ke SITC dan mengajar Sejarah Alam Melayu dan Bahasa Melayu. Beliau mengikuti kursus perguruan di MTC pada tahun 1917 hingga 1919. Beliau merupakan seorang pelajar pintar kerana mendapat Sijil Kelas Pertama serta memperoleh ‘Hadiah Mohd Jaaffar’ iaitu anugerah kecemerlangan yang tertinggi sekali di MTC. Di samping itu, beliau

¹⁵³ Temu bual dengan Cikgu Shaharom Husain di rumah beliau pada 5.11.2004, di No. 3, Taman Berlian, Taman Berlian, 68100 Batu Cave, Selangor.

¹⁵⁴ *Ibid.*



juga memperoleh 'Hadiah Bahasa dan Kira-kira' kerana mendapat markah yang tertinggi sekali dalam peperiksaan akhir bagi bidang tersebut. Ketika berumur 21 tahun beliau dilantik sebagai Guru Besar di MTC kemudiannya di Sekolah Melayu Lereh, namun ketokohnya lebih terserlah ketika mengajar di SITC pada tahun 1922 hingga 1929.

Abdul Hadi dikenali sebagai seorang guru yang sentiasa menyemaikan benih semangat cintakan bahasa, budaya, bangsa dan negeri-negeri Melayu. Melalui pelajaran Sejarah, beliau berperanan penting meniup semangat kebangsaan dalam kalangan ramai penuntutnya di SITC termasuk kepada tokoh-tokoh politik dan sastera Tanah Air yang masyhur seperti Ibrahim Yaakob, Muhammad Yassin Maamor, Abdullah Sidek dan Harun Aminurrashid. Beliau berjaya menyampaikan pendidikan Sejarah secara berkesan kepada pelajarannya sambil membangkitkan kesedaran dan keinsafan tentang kebesaran sejarah bangsa.

Abdul Hadi dianggap sebagai sejarawan yang memelopori penulisan sejarah negara dalam satu kerangka yang luas dan tersusun meliputi seluruh gugusan Kepulauan Melayu. Penulisan yang dihasilkannya ialah *Kitab Sejarah Alam Melayu Penggal I*, *Kitab Sejarah Alam Melayu Penggal II* dan *Kitab Sejarah Alam Melayu Penggal III*, dijadikan buku teks penting pelajaran Sejarah di sekolah-sekolah Melayu sebelum Perang Dunia Kedua. Karyanya ini merupakan hasil penulisan sejarah yang pertama oleh orang tempatan dan digunakan di sekolah-sekolah serta turut dijadikan rujukan umum selama puluhan tahun.





Dalam karyanya itu, Abdul Hadi menyalurkan bibit-bibit nasionalisme dengan menyemai perasaan bangga orang Melayu terhadap kegemilangan yang pernah dikecapi oleh kerajaan-kerajaan Melayu di Alam Melayu seperti Kerajaan Palembang atau Srivijaya, Kerajaan Mataram, Kerajaan Majapahit (abad ke-14) dan Kerajaan Kesultanan Melayu Melaka. Kesemua kerajaan ini ditadbir dan diduduki oleh bangsa Melayu yang melalui zaman keemasannya dengan ditunjangi oleh rakyat yang gagah, hasil negeri yang melimpah ruah, jajahan takluk yang luas serta menjadi pusat perdagangan yang sibuk. Ini dibuktikan dengan kegemilangan Kerajaan Mataram yang digambarkan seperti berikut:

... lagi pula kayu dengan emas dan banyak pula rempah-rempah di-pulau itu; maka di-sana-lah ramai orang-orang A'rab berjual beli. Sa-sungguh-nya kebesaran kuasa Kerajaan Mataram itu bukan-lah nyata pada gagah berani-nya dan kemajuan perniagaan-nya sahaja, melainkan ia-itu nyata pula pada perbuatan atau pertukangan gedong-gedong batu yang amat bagus-nya...¹⁵⁵



Begitu juga dengan Kerajaan Majapahit yang dikatakan turut memiliki jajahan takluk yang sungguh luas meliputi kawasan sebelah timur Jawa yang melebihi 20 buah pulau, Pulau Brunei yang melebihi 20 buah kawasan, negeri-negeri Tanah Melayu termasuk Singapura dan pulau Sumatera.¹⁵⁶ Dalam menembahkan perasaan bangga sebagai bangsa Melayu, Abdul Hadi turut mengangkat Kesultanan Melayu Melaka sebagai sebuah kerajaan yang lebih agung daripada kerajaan China. Melaka bukan negeri naungan Maharaja China kerana sebagai sebuah kerajaan yang mempunyai sempayar yang luas, Melaka tidak mengharapkan sebarang naungan daripada negeri lain. Hubungan Melaka-China tidak lebih daripada hubungan perdagangan semata-mata. Tambahan pula Melaka merupakan pusat perniagaan terunggul di Alam Melayu.

¹⁵⁵ Abdul Hadi Haji Hassan, *Sejarah Alam Melayu Penggal I*, Kuala Lumpur: Pejabat Karang Mengarang, Jabatan Pelajaran Persekutuan Tanah Melayu, 1947, h. 100.

¹⁵⁶ *Ibid*, 120-125.





Abdul Hadi memaparkan mengenai keagungan kerajaan-kerajaan Melayu tersebut agar menimbulkan keinsafan dalam kalangan orang Melayu untuk mengembalikan kegemilangan yang dirampas oleh penjajah British. Beliau mahukan orang Melayu mencontohi semangat kental perjuangan Bendahara yang sanggup mengorbankan nyawanya sendiri dalam mempertahankan Melaka dari jatuh ke tangan Portugis pada tahun 1511, dengan tulisan berikut:

Bendahara itu sendiri hendak-nya meminta langgar-kan diri-nya kepada orang-orang Portugis supaya mati bersama-sama dengan negeri Melaka... Sayogianya ayohai chinta dan kaseh sayang-nya Bendahara yang tersebut itu akan tanah ayer-nya: rela ia mati bersama-sama daripada meninggalkan-nya! Bahkan patutlah kita sekalian menghormati kemuliaan hati-nya itu, dan menanamkan pada diri kita perasaan yang sedemikian itu pula akan tanah ayer kita. Maka hendak-nya bukan-lah sa-kadar kaseh dan sayang pada hati sahaja, melainkan ia-itu hendak-lah pula dengan perbuatan kita, bersungguh-sungguh mempertahankan tanah ayer kita daripada musuh dan kejahatan, bagi anak chuchu kita yang kemudian sa-bagaimana yang telah dipertahankan oleh datok nenek kita yang telah lalu itu, adanya...



Tulisan ini jelas menggambarkan pemikiran Abdul Hadi yang mahukan orang Melayu bukan sekadar hanya mempunyai perasaan cintakan tanah air dalam jiwa mereka, tetapi perasaan itu perlu dibuktikan dengan tindakan berani berkorban nyawa demi untuk mempertahankan negara tercinta.

Abdul Hadi menyemarakkan lagi perasaan benci kepada penjajah dengan menggambarkan orang Portugis sebagai satu bangsa yang sombong dan zalim demi mendapatkan apa yang dicita-citakan dalam mengaut kekayaan serta menyebarkan agama kristian. Namun begitu, perluasan kuasa Portugis bukan senang kerana mereka

¹⁵⁷ Abdul Hadi Haji Hassan, *Sejarah Alam Melayu Penggal II*, Singapore: Malaya Publishing House, Limited, 1947, h. 278.





ditentang hebat oleh anak watan negeri yang ingin ditakluki, petikan tulisannya seperti berikut:

Orang-orang Portugis yang datang ke sebelah timor ini, mereka berperasaan diri-nya itu amat tinggi, dan dipandangnya anak-anak negeri yang di-sa-belah timor ini sa-bagai seteru-ny dan juga seteru kepada Nabi Isa. Oleh itu-lah mereka melakukan beberapa kekerasan dan kedzaliman serta aniaya di-atas anak-anak negeri yang tersebut. Istimewa pula orang-orang Portugis yang datang berniaga ka-Pulau-Pulau Maluku, mereka merampas dan merompak kapal-kapal perniagaan, ia-itu membuat seperti kelakuan perompak Lanun. dan lagi mereka sangat chenderong pada menanam dan mengembangkan ugama-nya (Keristian) kepada anak-anak negeri yang di-sa-belah timor ini. maka inilah yang menimbulkan sakit hati dan kebencian besar kepada anak-anak negeri yang telah menerima Islam sa-hingga anak-anak negeri di-bawah pemerintahan-nya itu bangkit melawan dan bersedia hendak menghalaukan mereka itu dari negeri-nya...¹⁵⁸

Melalui tulisannya ini, Abdul Hadi menyuntik semangat melawan penjajah dengan berkobar-kobar menerangkan perjuangan rakyat Morocco di benua Afrika

yang menentang dan menghalau Portugis. Begitu juga orang Melayu di Alam Melayu yang turut bersemangat menentang penjajah. Kebangkitan ini menjadi salah satu

sebab kejatuhan kuasa Portugis. Beliau iningin menunjukkan bahawa kuasa asing tidaklah sehebat mana, malah boleh ditumbangkan jika rakyat bersatu padu menentang mereka. Secara tidak langsung, orang Melayu didedahkan dengan kelemahan orang Barat yang disangkakan kuat. Malah, bangsa Portugis dipandang sebagai bangsa yang sangat hina sehinggakan orang Melayu Melaka tidak mahu bergaul dengannya.¹⁵⁹

Buku teks sejarah hasil karya Cikgu Abdul Hadi Haji Hassan merupakan buku teks sejarah yang pertama dikarang oleh orang tempatan untuk digunakan di sekolah Melayu. Usaha-usaha ini kemudian diteruskan oleh Buyong Adil yang menghasilkan

¹⁵⁸ Abdul Hadi Haji Hassan, *Sejarah Alam Melayu Penggal III*, Kuala Lumpur: Pejabat Karang Mengarang, Jabatan Pelajaran Persekutuan Tanah Melayu, 1930, h. 108-109.

¹⁵⁹ *Ibid*, h. 109.





Kitab Sejarah Alam Melayu IV dan V. Jasa Cikgu Abdul Hadi menyedarkan anak-anak muridnya dengan mengilhamkan kesedaran kebangsaan Melayu amatlah besar.

Menurut Buyong Adil, guru sejarah yang menggantikan beliau,

Pendeknya, dari ajaran dan asuhan Cikgu Abd. Hadi bin Haji Hassan di maktab itulah Ibrahim Yaacob, Karim Rashid dan Hassan Manan, seperti pelajar-pelajar lain juga mulai sedar akan fahaman kebangsaan Melayu yang akan mereka perjuangkan kerana hendak mencapai kemerdekaan bangsa dan tanahair mereka.¹⁶⁰

Abdul Hadi juga menyusun buku *Pelbagai Chetera Melayu I*, dan *Pelbagai Chetera Melayu II*¹⁶¹ yang dijadikan bahan bacaan sekolah-sekolah Melayu. Buku ini digunakan dengan begitu meluas sehinggalah buku-buku lain mula ditulis pada tahun 1950-an. Beliau yang mengkaji asal usul kerajaan dan kebudayaan Melayu, tidaklah seburuk seperti yang digambarkan oleh para sarjana Barat. Beliau sebenarnya sangat peka kepada kepentingan sejarah bangsanya sendiri. Inisiatif beliau untuk mengarang buku-buku teks sejarah ini lahir daripada kesedaran beliau bahawa terdapat kenyataan dan fakta yang tidak tepat dalam buku *History of Malaya* tulisan R.O. Winstedt yang mengatakan bahawa bahasa Melayu tulin hanya tiga perkataan sahaja iaitu paku, besi dan padi.

Ketokohan dan peranan yang dimainkan oleh Abdul Hadi ini amat membimbangkan pihak kolonial British sehingga beliau ditukarkan sebagai Penolong Nazir Sekolah-Sekolah Melayu Kelantan. Ini semata-mata untuk memisahkan beliau dengan murid-muridnya yang mula bergiat cergas dengan menubuhkan persatuan-

¹⁶⁰ Buyong Adil, *Gerakan Kebangsaan Melayu Menentang Penjajahan Abad Ke-15 Hingga 19*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1985, h. 2.

¹⁶¹ Buku ini mengandungi pelbagai petikan daripada cerita lagenda dan adaptasi cerita lisan dan tradisi bertulis dari hikayat-hikayat untuk bacaan darjah tinggi di sekolah Melayu. *Pelbagai Chetera Melayu*, terbitan Macmillan & Co. Ltd., 1955.



persatuan pelajar yang bernada anti kolonial British. Malah Ibrahim Yaakob, salah seorang pelajarnya yang agak radikal, telah menubuhkan cawangan Parti Nasional Indonesia (PNI) di SITC pada tahun 1928, di mana beliau cuba mempengaruhi penuntut-penuntut SITC menjadi anggotanya. Oleh kerana itu, SITC dikatakan menjadi pusat kegiatan menentang penjajah British. Cikgu Abdul Hadi dikatakan orang yang bertanggungjawab terhadap kewujudan perkara ini.

Satu hadiah yang dikenali sebagai ‘Abdul Hadi Memorial Prize’ diperkenalkan di SITC untuk mengenangkan jasa-jasa beliau. Sejumlah \$600 dana dikumpulkan oleh staf, pelajar dan bekas pelajar untuk diberikan kepada pelajar-pelajar yang mendapat markah tertinggi dalam *History of the British Empire* dalam peperiksaan akhir tahun. Soalan peperiksaan dan jumlah hadiah yang hendak diberi

akan ditentukan oleh Pengetua SITC. Ketokohan dan peranan yang dimainkan oleh Abdul Hadi membimbangkan pihak British sehingga beliau ditukarkan sebagai Penolong Nazir Sekolah-Sekolah Melayu Kelantan pada 1.10.1929, seterusnya dilantik menjadi Nazir kerana perkhidmatannya yang cemerlang. Beliau bertanggungjawab menyusun semula sistem pelajaran sekolah Melayu di Kelantan. Abdul Hadi Hassan meninggal dunia pada 25.7.1937. Seorang anaknya Hasnol Hadi merupakan salah seorang pemimpin awal yang terkenal dari Parti Rakyat Malaya.

Guru-guru lain juga sebenarnya turut memainkan peranan dalam menyemai benih nasionalisme kepada penuntut-penuntut SITC, tetapi sumbangan mereka masih tidak dapat menandingi Cikgu Abdul Hadi. Mungkin kerana Abdul Hadi ialah guru yang mengajar subjek Sejarah Alam Melayu dan Bahasa Melayu, yang berperanan mengajar dalam bidang yang ada kaitan dengan kebangsaan Melayu, kebahasaan



Melayu dan kenegaraan Melayu. Sebuah sekolah di Kelantan telah dinamai dengan nama beliau sebagai menghargai jasa dan peranannya terhadap negara.

4.4.3 Buyong Adil

Buyong Adil dilahirkan pada 27.1.1907 di Telok Anson (Telok Intan), Perak.¹⁶²

Beliau mendapat pendidikan awal di Sekolah Melayu Teluk Anson sebelum memasuki SITC pada tahun 1924 hingga 1927. Setelah tamat pengajian di SITC, beliau dilantik menjadi pensyarah bagi mata pelajaran Sejarah dari tahun 1927 hingga 1941.¹⁶³ Selepas itu beliau bertukar ke Kelantan, Perak dan Singapura dengan memegang beberapa jawatan penting. Semasa menuntut di SITC, dia pernah terpilih

sebagai pelajar terbaik dan menggondol hadiah wang bernilai \$200. Namun begitu, sekitar tahun 1936 bibit-bibit anti penjajahan sudah mula berputik di SITC. Jiwa raga guru-guru pelatih di situ mula dibakar dengan luapan semangat kebangsaan oleh beberapa pensyarah seperti Mohd Hashim Haji Talib, O.T. Dussek, Ahmad Bakhtiar dan Abdul Hadi Haji Hassan. Hasilnya lahirlah pejuang nasionalis dalam kalangan anak muridnya termasuklah Buyong Adil.

Semasa di SITC jugalah Buyong Adil mula berjinak-jinak di alam penulisan. Pada peringkat awal kepengarangannya, dia banyak menulis cerpen dan sajak yang bertemakan nasionalisme. Tema yang cukup intim dengan situasi di SITC yang kian terbakar dengan luapan semangat kebangsaan. Namun begitu, corak penulisannya

¹⁶² *Indeks Record of Service and Leave Sultan Idris Training College*, (t.t), Vol. I, No. 40.

¹⁶³ Buyong bin Adil, "Kenangan Kapada Sultan Idris Training College" dalam *Album Kenangan 1955-1956, SITC, Tanjong Malim*. Disusun dan diterbitkan oleh Keluarga Album Kenangan 1955-1956. Dicitak oleh Qalam, Singapura, 1956, h. 12.





bertukar kepada genre sejarah setelah menjadi pembantu Cikgu Abdul Hadi Haji Hassan, seorang guru sejarah di pusat pendidikan tersebut. Minat terhadap sejarah mula terpujuk dan dibajai sepanjang berada di SITC. Apabila Cikgu Abdul Hadi bertukar ke Kelantan, minat tersebut diteruskan sehinggalah dia mampu melahirkan karya sejarah berbentuk buku. Buyong Adil pernah mengikuti kursus perguruan Jepun di Tokyo Shihan Gakko, Kajang Selangor ketika pemerintahan Jepun di Malaya. Setelah Jepun meninggalkan Malaya kemudian Inggeris pula mengambil alih tampuk pemerintahan di Tanah Melayu, dia dilantik oleh British Military Administration (BMA) sebagai guru besar di Ipoh. Ketika di Ipoh dia bergiat cergas dalam Perikatan Melayu Perak (PKP). Pada 22.2.1948, PKP dibubarkan secara rasminya kerana memberi laluan penubuhan cawangan UMNO yang pertama di Perak. Dalam mesyuarat agungnya yang diadakan di Madrasah Paloh, Ipoh, Buyong Adil dilantik sebagai Pegawai Penerangan manakala C.M. Yusof Syed Abdul Rahman terpilih sebagai YDP. Kegiatannya menentang British semasa di Ipoh tidak begitu disenangi British lalu pada 1.3.1950, penjajah tersebut melantiknya sebagai Ketua Siaran Sekolah-sekolah Melayu, Radio Malaya yang ketika itu berpusat di Singapura bagi mengekang keaktifannya dalam UMNO. Akan tetapi jiwa nasionalisnya cukup kental dan tegar, maka di Kota Singa dia bertindak pula menganggotai Kesatuan KGMS. Menerusi KGMS, kegiatan anti penjajahannya kian melebar sehinggalah Buyong terbabit mengadakan satu perjumpaan di kelab Kota Raja untuk menubuhkan Lembaga Bahasa Melayu (LBM). Lembaga ini ditubuhkan pada 2.10.1950 (dua bulan sesudah penubuhan ASAS 50) kerana mahu mengawal, memperbaiki, memperluas, memperkaya dan mengembangkan bahasa Melayu. Satu hal yang menarik dalam senarai ahli Jawatankuasa LBM terdiri dari tokoh-tokoh politik berjiwa kebangsaan. Antaranya Dr. Burhanuddin al-Helmy (Yang Dipertua), Abdul Rahman Haji Said dan



Buyong Adil (Naib Yang Dipertua), Mahmud Ahmad (Setiausaha), Hamzah Hussein (Penolong Setiausaha) dan Amir Haji Lana (Bendahari). Memang sifatnya sentiasa berjuang menentang Inggeris walau di manapun dia berdagang dan merantau. Buyong seorang yang tekun bekerja, rajin membaca dan membuat catatan. Buyong semasa hayatnya sentiasa menulis catatan dan nota pada kertas-kertas kecil serta rajin menyimpan guntingan akhbar sebagai rujukan untuk bahan penulisannya. Dia juga memfail tentang banyak perkara termasuk mengenai hal ehwal keretanya dengan lengkap sekali.

Buyong Adil merupakan “buku rujukan” yang baik sekiranya berlaku sesuatu khilaf tentang fakta sejarah, misalnya tentang tenggelamnya kapal “The Flame” yang membawa banyak karya sastera Melayu dari Nusantara. Tanpa melihat buku, Buyong Adil memberitahu tarikh yang tepat di mana kapal itu tenggelam serta jarak berapa jauh dari pantai Bangkahulu, Indonesia. Buyong Adil berkhidmat dengan kerajaan khususnya dengan Kementerian Pendidikan kira-kira 30 tahun dan bersara pada tahun 1962. Setelah bersara, beliau dilantik pula menjadi ahli Perkhidmatan Awam Singapura mulai 1963 hingga 1969. Sekitar tahun 1964 hingga 1970, dia giat menyusun buku-buku sejarah walaupun usianya sudah menjangkau enam dekad. Buku-buku tersebut ialah *Sejarah Johor*, *Sejarah Selangor*, *Sejarah Perak* dan *Sejarah Pahang* kesemuanya diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP). Bagaimanapun, karya awalnya ditulis pada tahun 1939 ketika di SITC iaitu *Sejarah Alam Melayu Penggal IV* dan *Sejarah Alam Melayu V*. Pada tahun 1970 dia membantu Senu Abdul Rahman menyiapkan buku *Revolusi Mental* dan ketika inilah Buyong Adil dipelawa oleh Tun Abdul Razak Hussein untuk bertugas di DBP Kuala Lumpur.



Pada tahun 1971 Buyong Adil mula bertugas di DBP sebagai penyelidik sejarah serta meneruskan penulisan buku-buku sejarah negeri-negeri Melayu seperti *Sejarah Selangor*, *Sejarah Johor*, *Sejarah Perak*, *Sejarah Terengganu*, *Sejarah Singapura*, *Sejarah Melaka*, *Sejarah Negeri Sembilan*, *Sejarah Pahang*, *Sejarah Kelantan*, *Sejarah Sabah* dan *Sejarah Sarawak* di samping menulis fiksi untuk bacaan kanak-kanak. Semasa di DBP, beliau juga berkesempatan menyiapkan buku berjudul *Perjuangan Orang Melayu Menentang Penjajahan Abad Ke-15 Hingga 19* yang diterbitkan oleh DBP pada tahun 1983 setelah Buyong meninggal dunia pada ulang tahun hari kemerdekaan negara, 31 Ogos 1976.¹⁶⁴ Sebagai mengenang jasa bakti beliau, Kementerian Pendidikan Malaysia menamakan sebuah sekolah menengah di Tapah dengan namanya iaitu Sekolah Menengah Buyong Adil pada tahun 70-an dan nama itu kekal sehingga sekarang.



4.4.4 Mohamed Nor Ahmad

Mohamed Nor Ahmad dilahirkan pada tanggal 2.11.1911 dan mendapat pendidikan awal di Sekolah Melayu Gopeng, Perak. Pada tahun 1918, beliau meneruskan persekolahannya di Sekolah Melayu Chowrasta dan pada tahun 1923 di Sekolah Sungai Gelugor. Pada tahun 1927, Mohamed Nor Ahmad telah dipilih untuk menjadi guru pelatih di Sekolah Melayu Sungai Gelugor. Pada Januari 1929, Mohamed Nor menyambung kursus perguruan di SITC dan menamatkan pengajian pada 1931 dengan mendapat Pangkat II.¹⁶⁵ Selepas itu, beliau memulakan khidmat sebagai seorang guru terlatih di Sekolah Melayu Chowrasta dalam tahun 1933. Pada tahun

¹⁶⁴ *Cenderamata Maktab Perguruan Sultan Idris*, Bil. 68, Dis. 1976, h. 29.

¹⁶⁵ *Record of Final Examinations and Prizes 1910-1935, Sultan Idris Training College*.





yang berikutnya, beliau dilantik sebagai guru pelawat Kerja Tangan dan Senanam bagi semua sekolah Melayu di Pulau Pinang dan Seberang Prai.

Pada zaman pemerintahan Jepun, beliau dilantik menjadi guru besar di SM Jepun di Pyket Avenue, Pulau Pinang. Manakala semasa pemerintahan British di Tanah Melayu dalam tahun 1945, Mohamed Nor Ahmad dilantik semula sebagai guru pelawat. Pada tahun 1952, beliau dilantik sebagai guru besar di Sekolah Jelutong, Pulau Pinang, sehingga beliau bersara pada tahun 1961. Sebelum bersara, beliau berjaya meningkatkan taraf sekolah-sekolah Melayu dan memperluaskan penggunaan bahasa Melayu hingga ke sekolah-sekolah kerajaan apabila Akta Pelajaran dimaktubkan pada tahun 1961. Beliau dan rakan-rakannya adalah pengasas Kesatuan Persatuan Guru-Guru Melayu Semenanjung (KPGMS) dalam tahun 1946 dan merupakan tenaga penting dalam menjayakan Kongres Bahasa Melayu (KBM) yang pertama pada tahun 1952, KBM kedua pada 1954 dan KBM ketiga pada 1956. Kongres ini menjadi asas untuk melaksanakan Dasar Pelajaran Kebangsaan selepas Negara mencapai kemerdekaan. Beliau dilantik menjadi Pengerusi Jawatankuasa Pelajaran KPGMS. Melalui jawatan tersebut, beliau telah merangka satu dasar untuk memberi peluang kepada anak-anak Melayu melanjutkan pelajaran ke peringkat universiti dengan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantarnya.

Dasar tersebut seterusnya menjadi dasar perjuangan KPGMS. Beliau kemudiannya dilantik sebagai pengarang *Majalah Guru*. Melalui beberapa hasil penulisannya, beliau menyentuh isu-isu bahasa, pendidikan perjuangan orang Melayu. Puisinya yang menyentuh persoalan cintakan negara ialah berjudul “Negaraku



Malaya”, diterbitkan dalam *Majalah Hiburan* pada 31 Disember 1949. Beliau memuji negaranya dengan menyatakan:

Nun! Sejoreng tanah di Selatan Asia
Tanahnya rata dan subur
Iaitulah negaraku Malaya
Yang gah masyhur - makmur.¹⁶⁶

Sekembali dari lawatan beliau ke Indonesia pada tahun 1956, beliau menyarankan penubuhan sebuah institusi yang sama peranannya dengan Balai Pustaka. Melalui satu memorandum yang dibentangkan dalam Kongres Bahasa Melayu Ketiga di Johor Bahru pada 1956, beliau menyarankan penubuhan badan tersebut yang kemudiannya menjadi asas kepada penubuhan DBP.

Dalam bidang politik, beliau mula menceburinya selepas pemerintahan Jepun dengan menyertai Persatuan Melayu Pulau Pinang. Pada tahun 1946, beliau bersama rakan-rakannya mengasaskan UMNO Pulau Pinang dan memegang jawatan sebagai ahli jawatankuasa dalam parti tersebut. Beliau menyerahkan jiwa raganya kepada UMNO secara total dengan harapan parti itu akan memenuhi cita-cita bangsa Melayu untuk agama, bangsa dan negara. Beliau dianugerahi Bintang Emas Kelas Satu (1961); Bintang Emas KGMMB (1975); Tokoh Guru Peringkat Kebangsaan (1975); Ahli Mangku Negara (AMN); Kesatria Mangku Negara (KMN); gelaran Pejuang Bahasa (1980); Darjah Setia Pangkuan Negeri (DSPN) (1981) dan gelaran Tokoh Pendidikan oleh Persatuan Suluh Budiman MPSI. Datuk Haji Mohamed Nor pulang ke rahmatullah pada tahun 1992 semasa berumur 81 tahun.

¹⁶⁶ Abdul Latif Abu Bakar (peny.), *Puisi-puisi Kebangsaan 1913-1957*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1987, h. 489.



4.4.5 Hamzah Tajuddin

Beliau dilahir pada 1.1.1921, di Brickfield, Kuala Lumpur dan meninggal dunia pada 2005. Ibunya bernama Simah binti Eudin manakala bapanya pemandu kereta api. Ketika berusia empat tahun, beliau dibawa oleh abangnya Mohd Ali bin Abdul Rahman ke Kampung Kuang, Rawang, Selangor. Abang iparnya meneroka tanah di Kuang, dan Mohamad disekolahkan di Sekolah Melayu Kuang mulai 1928 hingga tamat darjah lima. Semasa di sekolah, namanya ditukar kepada Hamzah bin Tajuddin Sanusi kerana nama Mohamad tidak serasi dengannya kerana sering sakit-sakit. Pada tahun 1936, beliau menjadi guru pelatih di Sabak Bernam dengan elaun \$15.00 sebulan. Pada tahun 1937, beliau dipilih memasuki SITC Tanjong Malim hingga 1939 dengan duit poket sebanyak \$2.50 sebulan.¹⁶⁷



Di SITC beliau bergiat dalam pergerakan pengakap, kelab lukisan dan menyirat, dan pernah memenangi hadiah Lukisan III pada tahun 1938. Di antara rakan yang seangkatan dengannya ialah Senu Abdul Rahman (Ahli Politik), Idris Abdul Salam (Tokoh Guru Malaysia 1985), dan Ujang Abdul Rahman (Guru SITC). Selepas tamat belajar di SITC dengan mendapat gred II, Hamzah Tajuddin mula mengajar di Sekolah Melayu di Princes Road, Kampung Baru, Kuala Lumpur dengan gaji sebanyak \$32.50 sebulan hingga tahun 1942 setelah Jepun menakluki Malaya. Kedatangan Jepun merubah segala penghidupan HamzahTajuddin kerana banyak sekolah Melayu ditutup dan digantikan dengan sekolah Jepun. Beliau tidak mahu menjadi guru di sekolah yang menggunakan bahasa dan nyanyian lagu Jepun yang memuji Maharaja Jepun setiap hari. Beliau meninggalkan kampung halamannya dan

¹⁶⁷ *Principal's Diary 1922-1950, Sultan Idris Training College, Tanjong Malim.*



merantau ke Singapura dengan bekerja di kebun ubi kepunyaan keluarga Al-Sagoff dan mendapat gaji duit Jepun sekadar cukup makan sahaja.

Pada 1943, Hamzah Tajuddin pulang semula ke Kuang dan tinggal bersama ibu dan bapanya dengan menjual ikan kering yang dibuatnya sendiri. Penderitaan zaman Jepun benar-benar mengajar hidupnya menjadi tabah dan cekal. Bila Jepun menyerah kalah kepada British pada tahun 1945, timbul pula pemberontakan Bintang Tiga untuk mengambil alih kuasa yang ditinggalkan oleh Jepun. Mereka menjalankan gerakan mencari pemimpin dan anggota KMM untuk dibunuh kerana bagi Bintang Tiga, KMM menyokong kedatangan semula British ke Tanah Melayu.¹⁶⁸ Hamzah Tajuddin yang merupakan aktivis KMM di Selangor terpaksa menyelamatkan nyawa dengan melarikan diri ke Medan, Sumatera pada 13.6.1945 dengan menumpang perahu layar pedagang getah bersama seorang kawan seperjuangan KMM bernama Sasnawi Ariff menuju ke Belawan. Turut melarikan diri ke Indonesia pada ketika itu ialah pemimpin KMM yang lain seperti Ibrahim Haji Yaacob, Hassan Abdul Manan, Abdul Karim Rashid, Bahar Abik dan Onan Haji Siraj (temu bual dengan Hamzah Tajuddin pada 16.8.2004).

Pada tanggal 20.6.1945, Hamzah Tajuddin dan Sasnawi Ariff tiba di Medan. Sasnawi Ariff mendaftarkan diri di Kantor O.K.P. Jalan Madura No. 3 dan dihantar ke Markas Pertahanan Pajak Bundar, Petisah Darat. Manakala Hamzah Tajuddin pula mendaftarkan diri di Kantor Umum Markas Agung Vloskfronts Kilometer 20, Cabang Sunggal, Medan Barat. Ini adalah salah satu daripada banyak pertubuhan yang

¹⁶⁸ Hamzah Tajuddin adalah ahli dan aktivis KMM di Selangor. Namanya disebut oleh Mustapha Hussain sebagai seorang aktivis politik dalam buku *Memoir Mustapha Hussain: Kebangkitan Nasionalisme Melayu Sebelum UMNO*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1999, h. 203.



menentang Belanda di Indonesia, di bawah pimpinan Bapak Zainal Abidin Abbas Masyumi yang menjadi anggota Dewan Pertahan Rakyat. Antara tugasnya ialah mengatur pertahanan benteng Kampung Lalang, Sunggal dari serangan NICA (Netherlands-Indies Civil Administration) yang berpusat di Kota Medan. Pernah diserang dari jam 4.00 petang hingga 10.00 malam dan tiga orang pegawai Vloskfronts terkorban. Pasukan Vloskfronts menyerang balas di Kamp NICA Helfitia Medan mulai jam 11.00 malam hingga 3.00 pagi menyebabkan ramai anggota NICA terbunuh. Pada Jun 1946, Hamzah Tajuddin ditugaskan ke Pangkalan Berandan di Aceh untuk mengawal kebakaran tangki minyak milik negara yang dibom oleh NICA dalam pertempuran yang kedua. Pada bulan Julai, 1946, Kota Medan digempur oleh NICA menyebabkan Gabenor Hasan berundur untuk menyusun strategi ke Sumatera Barat sementara menunggu serangan balas. Setelah kejayaan dicapai dalam pertempuran, Hamzah Tajuddin ditugaskan kembali ke Markas Vloskfronts Kilometer 20, Medan Barat. Pada Disember 1946, beliau dipindahkan ke Tanjong Balai untuk operasi mengawal Bagan Api-Api setelah dibakar melalui 'Dasar Bumi Hangus'.¹⁶⁹

Hamzah Tajuddin berada di Medan hampir dua tahun bersama kumpulan yang bermarkas di Sunggal (antara Medan dan Binjai) dan Pengkalan Berandan (antara Aceh dan Medan). Apabila tentera Belanda memburu kumpulan ini dengan agresifnya, Hamzah Tajuddin melarikan diri ke Pelabuhan Tanjong Balai dan bercadang untuk pulang ke Kuang semula. Bersama dengan empat orang yang lain, Hamzah menumpang sebuah tongkang membawa getah menuju ke Pelabuhan Klang, tetapi amat malang sekali, tongkang yang ditumpangnya rosak dipukul ribut di tengah lautan, menyebabkan mereka hanyut selama tujuh hari tujuh malam dan

¹⁶⁹ Temu bual dengan Hamzah bin Tajuddin Sanusi (SITC 1937-39) diadakan di rumah beliau di Kampung Kuang, 48050 Rawang, Selangor pada 16.8.2006.



terpaksa menadah air hujan untuk minum dan makan dengan sedikit bekalan. Tongkang tersebut akhirnya terdampar di Langkawi dengan semua penumpangnya selamat.

Setelah keadaan baik, tekong tongkang tersebut, Haji Abdul Ghani mencadangkan agar mereka belayar semula ke Pulau Pinang. Hamzah Tajuddin mengikut sahaja kerana dia berfikir, apabila sampai di Pulau Pinang, lagi mudah untuknya balik semula ke Kuang bertemu ibu bapanya. Apabila sampai di Pelabuhan Pulau Pinang pada 28.12.1946, Hamzah Tajuddin berjumpa dengan Sutan bin Diman, Pembantu Indonesia Merdeka Cawangan Pulau Pinang, lalu membawa Hamzah Tajuddin tinggal di rumahnya. Hamzah Tajuddin kemudiannya dilantik menjadi Ketua Penerangan Pembantu Indonesia Merdeka Cawangan Pulau Pinang (PIMPP)

dari tahun 1947 hingga 1950, yang dinaungi oleh Bapak Machsus, Consul Besar Indonesia di Pulau Pinang. Pada awal tahun 1947, Hamzah Tajuddin menaiki kereta api ke Kuala Lumpur, kemudian menuju ke kampung halamannya di Kuang untuk tinggal bersama keluarga.

Menurut Hamzah Tajuddin, tujuan beliau ke Indonesia ialah kerana ingin menyelamatkan diri daripada buruan pihak polis dan ingin mengumpul kekuatan baru bagi melawan kembali British (temu bual pada 16.8.2006).¹⁷⁰

Di Kuang, Hamzah Tajuddin terus aktif dalam KMM yang berjuang untuk kemerdekaan Malaya dan menghalau penjajah British. Namun kegiatan Hamzah Tajuddin dalam KMM akhirnya dapat dihidu oleh kerajaan British, lalu British

¹⁷⁰ *Ibid.*

mengeluarkan tujuh waran tangkap terhadap Hamzah Tajuddin kepada tujuh orang pegawai polis termasuk Hashim Pak Wan dari Kampung Kuang. Tetapi Hashim tak sampai hati hendak menangkap Hamzah Tajuddin, lalu dia menasihati Hamzah Tajuddin agar bersembunyi sekurang-kurangnya enam bulan kerana waran itu sah selama enam bulan sahaja. Sekali lagi Hamzah Tajuddin meninggalkan Kampung Kuang dan pergi ke Pulau Pinang bersembunyi di rumah ibu saudaranya bernama Rabeah Mohd Ariff. Namanya ditukar kepada Mohamad Ambia Sanusi. Ketua Polis Pulau Pinang pada masa itu ialah Dato' Abu Bakar Baginda, yang akhirnya menjadi Menteri Besar Selangor. Abu Bakar memanggil Hamzah Tajuddin lalu menasihatinya agar jangan keluar merata-rata selama enam bulan sehingga waran tangkap itu luput tempohnya (temu bual pada 16.8.2006).¹⁷¹

Oktober 1942 berjudul “Kesenian Alam ...!”. Dalam puisi tersebut beliau memuji rakyat yang rajin dan membawa haluan masing-masing dengan penuh gembira kerana keadaan aman dan sentosa dalam negara:

Di sana berduyung kelompokan insan
mengatur langkah.. menuju haluan
rang gembira... perasaan
menempuh alam kesenian.

Di kala hari...
suria tegak membumbung tinggi
memerangi.. alam tajal
resam... geram menusuk hati
menambahkan giat kemahuan diri.

Nun di pekan pesara
insan asyik membina negara
untuk kepentingan kaum dan bangsa
tak menghiraukan pancaroba.

¹⁷¹ *Ibid.*



Di sana... kaki pergunungan
menguning padi di lapangan
lambaian daun yang kegemilangan
memanggil sateria ke perjuangan.¹⁷²

Puisi-puisi lain yang ditulis Hamzah Tajuddin bertemakan nasionalisme ialah seperti “Cita-cita Umum” dan “Pagar” yang disiarkan dalam *Utusan Zaman* pada 12 November 1950 dan puisi “Anak-anak Merdeka” dalam *Utusan Zaman*, 12 Ogos 1951.¹⁷³

Pada tahun 1947, Hamzah Tajuddin bertemu jodoh dengan Solehah binti Ridhuan, iaitu anak gadis ibu saudara tempat beliau menumpang di Pulau Pinang. Beliau menjadi orang Pulau Pinang selama 23 tahun dan mendapat cahaya mata seramai 10 orang. Pada tahun 1953, Hamzah Tajuddin balik ke Tanjong Karang. Di sana beliau menjadi penulis surat dengan meletakkan sebuah meja kecil di sudut sebuah kedai dan sebuah mesin taip. Selepas merdeka pada tahun 1957, beliau menjadi Penyelia Kelas Dewasa di Tanjong Karang. Perjalanan hidupnya penuh liku, walaupun dibesarkan di Kuang, bermula usia empat tahun beliau banyak merantau, pernah tinggal di Singapura, Medan, Tanjong Karang, Kuala Kubu, Pulau Pinang, Kampung Jawa Klang, Segambut, Setapak Jaya dan akhirnya kembali ke Kuang. Pada tahun 1985, beliau mengambil keputusan menetap di Kampung Setia Kuang dan bertemu jodoh dengan isteri kedua, Rohani binti Mohd Ali yang berasal dari Kerinchi Indonesia dan mempunyai pertalian keluarga dengan Tok Empat Kampung Setia, Haji

¹⁷² Abdul Latif Abu Bakar (peny.), *Puisi-puisi Kebangsaan 1913-1957*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1987, h. 347.


¹⁷³ Kamaruzzaman Abdul Kadir, “Sajak-sajak Yang Mengemukakan Persoalan-Persoalan Nasionalisme 1933-1957” dalam *Nasionalisme Dalam Puisi Melayu Moden 1933-1957*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1987, h. 145 & 147.



Yunus bin Abas. Beliau meninggal dunia pada 2005 di Kampung Kuang, Rawang kerana sakit tua.

4.4.6 Harun Aminurrashid

Harun Aminurrashid (nama sebenarnya Harun bin Mohd Amin) dilahirkan pada tanggal 8.8.1907 di Kampung Teluk Kurau, Singapura. Beliau mendapat pendidikan awal di Sekolah Melayu Kampung Gelam, kemudiannya ke Sekolah Melayu Teluk Kurau. Setelah nenek yang memeliharanya pindah, Harun Aminurrashid dimasukkan pula ke Sekolah Melayu Kalang. Beliau merupakan seorang murid yang pintar dan sangat rajin belajar sehingga dalam peperiksaan akhir darjah IV, beliau muncul

 05-4506832 sebagai murid terbaik. Beliau kemudian dipelawa menjadi guru di Teluk Kurau. Tidak bupsi

berapa lama kemudian, beliau dipanggil menduduki ujian untuk melanjutkan pelajaran ke SITC pada tahun 1924 hinggalah tamat pengajian pada tahun 1926. Setelah tamat pengajiannya, Harun ditawarkan menjadi guru Gred IIA di SITC mulai 3.3.1927 dengan gaji sebanyak \$30 sebulan.¹⁷⁴ Di kolej ini, Harun Aminurrashid mulai tertarik kepada pelajaran sejarah yang diajar oleh seorang guru sejarah yang progresif bernama Abdul Hadi Haji Hassan. Cikgu Abdul Hadi selalu menyelitkan dalam pelajaran sejarah dengan kisah-kisah kegemilangan kesultanan Melaka sebelum kedatangan Portugis dan tentang kekejaman penjajah apabila Melaka ditakluki mereka. Beliau begitu pandai menggunakan sejarah untuk membangkitkan semangat muridnya lalu timbul cita-cita dalam hati Harun hendak pergi melawat Portugal untuk melihat sendiri orang-orang Portugis yang menakluki Melaka. Bagaimana keadaan

¹⁷⁴ *Record of Service and Leave Sultan Idris Training College*, Vol. I, No. 39.



negeri dan kehidupannya sehingga mereka dengan mudah boleh mengalahkan orang-orang Melayu, apakah kuasa hikmat yang ada pada mereka? Cikgu Abdul Hadi berhasil menimbulkan kesedaran di dalam hati sanubari Harun Aminurrashid tentang erti bangsa dan negara sehingga dalam masa yang singkat sahaja timbul keinsafannya akan kepentingan sejarah bahawa ‘menenal sejarah bererti menenal akan diri sendiri’.¹⁷⁵

Semangat patriotisme Harun yang tinggi mendorong beliau menganggotai pasukan Malayan Volunteer Infantry (MVI) yang ditubuhkan pada tahun 1924 dan dikenali sebagai S.I. Company. Pasukan MVI ini berperanan sebagai barisan kedua dalam pertahanan negara dan selalu mengadakan latihan tahunan mereka di Port Dickson, Negeri Sembilan. Harun merupakan anggota yang aktif, dan ketika



meninggalkan Tanjong Malim kerana berkhidmat di Brunei, beliau menyandang bupsi

pangkat Leftenan Muda. Apabila ada sesuatu tugas rasmi seperti perbarisan di kolej itu, maka kepada Harun Aminurrashid diserahkan tugas untuk memimpinnya. Namun penyertaan Harun dalam MVI bukanlah untuk mempertahankan kerajaan British yang memerintah Tanah Melayu, tetapi lebih kepada memenuhi keperluan penasihatannya kepada penuntut-penuntut SITC dan tugasnya sebagai kakitangan kolej. Semasa Jepun menyerang Tanah Melayu pada 1941, beliau tidak menganggotai pasukan tentera British melawan Jepun sebagaimana Kapten Yazid bin Ahmad.¹⁷⁶

¹⁷⁵ Abdullah Hussain, *Harun Aminurrashid Pembangkit Semangat Kebangsaan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1982, h. 14.

¹⁷⁶ Kapten Yazid bin Ahmad, seorang penterjemah di Pejabat Karang Mengarang SITC, mula berkhidmat dalam pasukan volunteer yang dikenali sebagai Malayan Volunteer Infantry (M.V.I.) SITC sebaik sahaja bertugas pada 1.5.1926. Pada masa itu pasukan Volunteer SITC bergabung dengan pasukan Volunteer Perak. Pada 7 Januari 1931, Yazid ditauliahkan sebagai seorang pegawai berpangkat Leftenan Muda. Semasa perang dunia kedua, beliau berkhidmat dengan Batalion Kedua Askar Melayu. Kemudiannya beliau dihantar ke Johor bersama-sama pasukannya, berjuang secara berganding bahu dengan Leftenan Ibrahim Alla Ditta dan Leftenan Mohd Ali. Mereka ditugaskan mempertahankan kawasan tebing Sungai Batu Pahat dan Pontian, Johor dan berundur ke Singapura





Harun Aminurrashid juga seorang guru yang petah bercakap dan bersemangat bila berpidato. Ada beberapa orang sahaja di antara sekian banyak pensyarah dan guru di SITC yang mempunyai kebolehan bercakap seperti Harun Aminurrashid dan selalu mendapat sambutan hangat daripada para pendengarnya. Di antaranya ialah Cikgu Ahmad Bakhtiar, Za'ba, Kapten Yazid Ahmad dan juga pengetua kolej O.T. Dussek. Setiap kali mereka memberikan syarahan, dewan kolej itu penuh sesak dengan penuntut sehingga melimpah ruah sampai keluar.¹⁷⁷ Di SITC, pada masa itu menjadi tradisi seminggu sekali setiap malam Jumaat, guru bergilir-gilir memberi syarahan kepada penuntutnya di Dewan Besar. Harun Aminurrashid memberikan syarahan dalam berbagai tajuk, di antaranya: *Hasil Bumi Melayu* (7.11.1927), *Bangsa Melayu* (11.1.1928), *Kepandaian Melayu* (11.4.1929), *Perkara Yang Mesti Diketahui Oleh Anak Muda Melayu* (24.5.1929), *Mesti Bersendiri* (2.8.1929), *Hidup Tolong Menolong* (18.11.1929), *Persatuan* (11.4.1930), *Manusia Dengan Ilmu* (8.5.1931), *Kalau Mahu Jadi Wartawan* (7.4.1934), *Gelombang Hidup* (7.11.1934) dan *Riwayat Hidup* (16.4.1937). Di dalam isi kandungan syarahannya, beliau selalu menyelitkan kisah-kisah perjuangan nasionalisme pemimpin-pemimpin utama dunia seperti Mahatma Ghandi, Soekarno dan Sun Yat-sen.¹⁷⁸

Pada September 1938, Harun menyampaikan syarahan politik yang paling bersejarah kepada semua penuntut bertajuk 'Kebangkitan Bumiputera di Alam Melayu'. Beliau menekankan kebangkitan pejuang kebangsaan (politik) di Indonesia

pada 1941. Dalam pertempuran di Singapura, beliau ditawan tentera Jepun, kemudian dibawa ke Geylang dan dibunuh.

¹⁷⁷ Temu bual dengan Cikgu Haji Shaharom bin Hussain (SITC 1938-1940) di rumah beliau No. 3 Jalan Berlian, Taman Berlian, 68100 Batu Cave, Selangor pada 5.11.2007. Cikgu Shaharom adalah seorang yang mengkagumi Harun Amniurrashid dan banyak menyimpan buku-buku Harun yang kemudian meghadiahkannya kepada Perpustakaan Tunku Bainun, UPSI.

¹⁷⁸ Abdullah Hussain, *op cit.*, h. 22.





menentang penjajahan Belanda kerana mempertahankan hak dan kemerdekaan Indonesia. Dalam syarahan itu, antara tokoh yang disentuh ialah Wahidin Sudirohusodo, Chokroaminoto, Sutomo, Imam Bonjol, Sultan Hasanuddin, Pattimura, Sukarno, Hatta dan Kartini.¹⁷⁹

Peristiwa besar yang lain dialami beliau semasa di SITC ialah menyumbangkan lirik lagu *Pemuda Kita* untuk gerakan pelajar yang protes di SITC. Bertitik tolak dari peristiwa itu, Harun Aminurrashid dihantar ke Brunei dalam tahun 1939 untuk menjawat jawatan sebagai Penguasa Pelajaran hingga tahun 1945. Kehidupan Harun Aminurrashid berubah selepas pendudukan Jepun di Tanah Melayu. Beliau telah dipenjarakan selama 86 hari kerana dianggap bersubahat dengan pemerintah Jepun. Harun Aminurrashid dihantar balik ke Singapura tetapi bukan



05-4506832 sebagai seorang guru lagi. Harun amat kecewa dengan layanan pemerintahan British bupsi

kepada beliau dan ini meninggalkan kesan yang mendalam dalam jiwanya yang bersikap anti penjajah.

Harun Aminurrashid menggunakan masanya untuk berkarya untuk membangkitkan kesedaran bangsa dengan menggunakan pelbagai nama pena seperti Si Ketuit, Har, Atma Jiwa, Gustam Negara dan Harun Aminurrashid. Karya-karya beliau ialah *Melur Kuala Lumpur* (1930), *Dewa Lombong Minyak* (1947), *Darah Kedayan* (1947), *Cinta gadis Rimba* (1948), *Korban Kinabalu* (1948), *Dayangku Fatimah* (1948), *Sebelum Ajal* (1949), *Jong Batu* (1949) dan *Siapakah Yang Bersalah* (1949). Harun pernah menulis untuk pelbagai majalah seperti majalah *Hiboran*, *Mutiara*, *Kencana*, *Tunas*, *Fashion*, *Belia*, *Taman Kanak-kanak*, *Filem Raya*, *Bulanan*

¹⁷⁹ Shaharom Husain, *Memoir Shaharom Husain: Selingkar Kenangan Abadi*, Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 1996, h. 98.





Filem Raya, Hiboran Filem, Seni, Majalah Cerpen Kesah, Harian Melayu Raya, buku bulanan *Dewan Pujangga*, buku-buku berkala *Punggok* dan majalah *Medan Sastera*. Selain aktif menulis, beliau juga aktif berpersatuan. Antaranya pernah menjadi YDP Persatuan Kebudayaan Melayu, YDP Majlis Pelajaran Melayu dan Pengerusi Persidangan Kongres Pemuda Melayu.

Harun adalah seorang pemuisi yang prolifik dan banyak menghasilkan sajak-sajak yang disiarkan dalam akhbar serta majalah. Di antara puisi-puisi Harun bertemakan nasionalisme ialah: “Perwira Melayu” (*Warta Jenaka*, 8.6.1939), “Malaya Subur!” (*Hiburan*, Nov. 1946), “Marilah” (*Hiburan*, Dis. 1946) dan “Pemuda Bangsa” (*Hiburan*, Apr. 1955).¹⁸⁰



Dalam sajaknya “Marilah!” beliau menyeru bangsanya untuk berjuang bupsi sehingga mencapai kemenangan dengan ungkapan puitis berikut:

Marilahlah saudara kita berjuang
Jangan kira penat dan wang
Semangat takut dan ragu lekaslah buang
Sementara lapangan lagi terluang.

Marilah saudara kita bersatu
Perubahan kaum tolong dan bantu
Bedermalah kepada yatim piatu
Pergerakan kaum masuk sekutu

Marilah kita berpadu terus
Di zaman nasib sedang tirus
Hindarkan perasaan yang kurang lurus
Supaya maju seperti harus

Marilah kita berikat erat
Buang kotor kikislah karat
Bersatulah kita laut dan darat
Supaya terangkat barang yang berat

¹⁸⁰ Abdul Latif Abu Bakar (peny.), *Puisi-puisi Kebangsaan 1913-1957*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1987, h. 116, 454, 455 & 580.





Marilah kita terus bergerak
Kumpulkanlah segala tenaga yang terserak
Kumpulkanlah segala kekuatan yang berjarak
Ke medan kemenangan kita beranak.¹⁸¹

Beliau meninggal dunia pada 9 September 1986. Pada tahun 1995, beliau dikenangi dengan anugerah pingat Tun Seri Lanang oleh Majlis Bahasa Melayu Singapura selain pernah mendapat anugerah *The Certificate of Merit* daripada pihak pertubuhan antarabangs, The Board of Dictionary of International Biography.

4.4.7 Muhammad Yassin Maamor (Punggok)

Nama pena Muhammad Yassin Maamor ialah Punggok, dilahirkan pada 18.9.1910 di Brickfields, Kuala Lumpur. Bapanya berasal dari Batu Bara, Sumatera dan meninggal dunia ketika Punggok berumur enam tahun. Sejak itu, Punggok tinggal bersama ibunya. Pada tahun 1918, beliau mula belajar di Sekolah Melayu Batu Belah kerana mengikut ibunya bekerja di sana. Pada tahun 1920, Punggok belajar di Sekolah Melayu Beranang kerana mengikut abangnya Ahmad Shah yang bekerja di sebuah estet. Akibat pengaruh kawan-kawanya yang nakal, beliau berhenti sekolah pada tahun 1922. Pada tahun 1923, Punggok masuk semula ke sekolah dan kali ini di Sekolah Agama Petang di Beranang. Setahun kemudian beliau berhenti lalu bekerja sebagai penoreh getah, pekerja lombong bijih di Sungai Besi. Pada tahun 1927, Punggok kembali belajar di Sekolah Melayu Ulu Gombak.

¹⁸¹ *Ibid*, h. 455.





Pada tahun 1928, beliau lulus darjah V dengan cemerlang, terbaik bagi seluruh negeri Selangor. Sesudah itu, beliau bertugas sebagai guru pelatih di Sekolah Melayu Setapak. Dari tahun 1929 hingga 1931, Punggok menyambung pelajarannya di SITC.¹⁸² Beliau berkenalan rapat dengan penulis-penulis yang sedang menuntut seperti Abdullah Sidek, Ibrahim Haji Yaacob, Abdul Karim Rashid dan Mohamed Nor Ahmad. Beliau gemar membaca akhbar, majalah, serta buku-buku dari Indonesia dan dalam negeri. Di SITC, muncul hasrat Punggok untuk menjadi pengarang. Selama tiga tahun berturut-turut beliau telah menerima pelbagai hadiah peraduan yang menjadi idaman para penuntut terutamanya dalam bidang penulisan. Antaranya beliau pernah memenangi Hadiah Bayan Budiman, iaitu tempat pertama dalam bidang penulisan pada tahun 1930, semasa menuntut di tahun pertama lagi di samping Hadiah Ping Pong pada tahun 1931.¹⁸³ Beliau bukan sahaja menulis puisi, malah juga cerpen, rencana dan cerita-cerita bersiri terutamanya dalam *Majallah Guru*, *Warta Ahad*, *Warta Jenaka* dan akhbar *Majlis*.

Setelah lulus dari SITC pada bulan Disember 1931 dengan mendapat Kelas Pertama serta menggondol Hadiah Haji Abdul Jalil dan Hadiah Muhammad Jaafar,¹⁸⁴ Punggok mengajar di beberapa buah sekolah. Mula-mula sebagai guru penolong di Sekolah Melayu Kampung Baharu pada tahun 1932. Pada tahun yang sama, beliau memulakan tugas sampingannya sebagai pengarang *Majallah Guru* pada tahun 1934, kemudiannya dilantik sebagai ketua pengarang. Pada tahun 1938, Punggok mengajar pula di Sekolah Melayu Beranang, iaitu sebelum beliau dipindahkan ke Sekolah Melayu Beranang Hilir pada tahun 1940. Setelah bertugas sebagai guru besar Sekolah

¹⁸² *Chendera Mata Sultan Idris Training College*, Bil. 16, April 1931, h. 90.

¹⁸³ *Record of Final Examinations and Prizes 1910-1935, Sultan Idris Training College*.

¹⁸⁴ *Ibid*.





Melayu Beranang Hilir dari tahun 1941 hingga 1945, beliau ditukar ke Sekolah Melayu Sungai Pelek, Sepang, juga sebagai guru besar mulai tahun 1946 hingga 1947. Punggok bergiat dalam KMM dan dipenjarakan oleh Inggeris kerana dituduh mempunyai hubungan dengan PKM pada tahun 1948. Setelah dibebaskan, beliau kembali mengajar, jawatannya diturunkan sebagai guru penolong sahaja di Sekolah Melayu Banting, Kuala Langat dari tahun 1949 hingga 1950. Beliau dinaikkan pangkat kembali menjadi guru besar dan mengajar di Sekolah Melayu Batu 38, Sabak Bernam dari tahun 1951 hingga 1955.

Pada tahun 1956, Punggok bertugas sebagai guru besar di Sekolah Melayu Tanjong Karang sebelum dilantik sebagai guru pelawat Sekolah-Sekolah Melayu Daerah Hulu Langat dari tahun 1958 hingga 1965. Pada tahun 1965, beliau bersara daripada perkhidmatan guru lalu menetap di Kampung Jalan Enam Kaki, Beranang, Selangor. Beliau pernah memenangi hadiah pertama Peraduan Pantun Berkait tentang adat istiadat Melayu yang dianjurkan oleh Tuan Shefered, Residen British di Perak pada tahun 1930.

Pada tahun 1933, barulah Punggok memperlihatkan kebolehannya mencipta puisi bentuk baru, iaitu dengan puisi yang berjudul “Di Tengah Segara” tersiar dalam *Majalah Guru* pada Disember 1933. Novelnya yang bertemakan kahwin paksa berjudul *Suka dan Duka* (1936). Tulisan yang lain banyak dalam bentuk puisi yang diterbitkan dalam antologi bersama iaitu *Puisi Baharu Melayu: Zaman Permulaan* (1957), *Perintis Sajak-sajak Melayu* (1971), *Embun Pagi: Antologi Puisi Sebelum*





Perang (1981) dan *Puisi Nusantara* (1981). Pungguk dinobatkan sebagai Pelopor Puisi Melayu Moden dalam sejarah kesusasteraan Melayu.¹⁸⁵

Terdapat puisinya yang dikemukakan dengan persoalan nasionalisme. Antaranya ialah “Di Tengah Segara” yang diterbitkan dalam *Majalah Guru*, Disember 1933 dan “Selalu Merayu” juga dalam *Majalah Guru*, Mac 1934. Beliau juga merupakan seorang dukun yang boleh mengubati pelbagai penyakit ghaib telah meninggal dunia di Beranang dalam usia 61 tahun setelah mengalami sakit lemah-lemah dan sesak nafas pada 3.7.1971.

4.4.8 Masuri Salikun (Masuri SN)



Masuri SN dilahirkan di Singapura pada 11.6.1927 dan mendapat pendidikan awal di Sekolah Melayu Teluk Kurau dan Geylang, Singapura dari tahun 1934 hingga 1940. Pada bulan November 1940, beliau menjadi guru pelatih hingga masa pendudukan Jepun. Pada tahun 1946, beliau melanjutkan pelajaran di SITC Tanjong Malim hingga tamat pengajian tahun 1949 dan kembali ke Singapura mengajar di sekolah rendah selama lebih sepuluh tahun.¹⁸⁶ Pada 1960 beliau bertugas di Sekolah Menengah Singlap dan mengajar Bahasa Melayu Syllabus X hinggalah ditukarkan ke Sekolah Menengah Sang Nila Utama pada tahun 1962 dan mengajar Bahasa Melayu dan Kesusasteraan. Beliau mula menulis sejak tahun 1944 dan pernah mendapat jolokan

¹⁸⁵ Abu Bakar Nordin, *et al.*, *Aspirasi Kebitaraan : Ibu Kandung Suluh Budiman*, Tanjong Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris, 2003, h. 90.

¹⁸⁶ *Chendera Mata Sultan Idris Training College*, Bil. 42, 1949, h. 93.





“Bapa Puisi Melayu Moden”. Masuri SN juga salah seorang pengasas Angkatan Sasterawan ’50 (Asas ’50).

Bagi penyelidik, Masuri SN merupakan bapa kepada dunia puisi di Singapura dan menyebarkan semangat nasionalisme melalui sajak-sajaknya itu, walaupun beliau menulis banyak sajak yang bertemakan kemanusiaan. Masuri berkarya kerana merasakan tanggungjawab yang besar kepada negara. Beliau menghasilkan lebih daripada 1000 kuntum sajak dan kebanyakan sajak itu telahpun diterbitkan. Mengikuti Mansor Abdullah, sajak yang dikarang oleh Masuri digunakan sebagai alat untuk menyedarkan kaumnya.¹⁸⁷ Sajak terawal beliau berjudul *Ros Kupuja* dan *Bunga Sakura* diterbitkan di Singapura pada zaman pendudukan Jepun dalam akhbar *Berita Malai*, 5 September 1944 bertemakan nasionalisme. Sejak itu, beliau aktif menulis

sajak-sajak bertemakan nasionalisme untuk meningkatkan kesedaran kepada orang Melayu seperti yang disenaraikan di bawah:¹⁸⁸

1. “Prajurit Negara”, *Berita Malai*, 12 September 1944.
2. “Majulah Perang”, *Berita Malai*, 3 Oktober 1944.
3. “Di Senja Kala”, *Berita Malai*, 17 Oktober 1944.
4. “Marilah Bersatu”, *Berita Malai*, 31 Oktober 1944.
5. “Membela Nusa”, *Berita Malai*, 21 November 1944.
6. “Bisikan Hang Tuah”, *Berita Malai*, 19 Disember 1944.
7. “Sumo”, *Berita Malai*, 26 Disember 1944.
8. “Bakti Putera Timur”, *Berita Malai*, 13 Februari 1945.
9. “Tempat Mengabdi”, *Berita Malai*, 27 Mac 1945.
10. “Di Bawah Sinar Bulan”, *Berita Malai*, 4 April 1945.
11. “Kepada Prajurit Tanahair”, *Berita Malai*, 4 Jun 1945.
12. “Niatku”, *Berita Malai*, 13 Jun 1945.
13. “Perjuangan Pangkal Kejayaan”, *Kencana*, Th. 1, Bil. 4, April 1947.
14. “Angkatan Baru”, *Kencana*, Th. 1, Bil. 7, Julai 1947.
15. “Terus Maju”, *Hiburan*, 8 Februari 1948.

¹⁸⁷ Wawancara dengan Masuri S.N. oleh Mansor bin Abdullah pada 2 Januari 1989, h. 3 (sebuah manuskrip yang tidak diterbitkan). Koleksi buku-buku dan manuskrip Masuri SN telah diserahkan kepada Perpustakaan Tuanku Bainun UPSI selepas beliau meninggal dunia).

¹⁸⁸ Kamaruzzaman Abdul Kadir, “Sajak-sajak Yang Mengemukakan Persoalan-Persoalan Nasionalisme 1933-1957” dalam *Nasionalisme Dalam Puisi Melayu Moden 1933-1957*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1987, h. 131-161.





16. "Kampung Halaman", *Hiburan*, Bil. 49, 24 Julai 1948.
17. "Melepassi Teman", *Utusan Zaman*, 3 Oktober 1948.
18. "Tujuan Bakti", *Hiburan*, Bil. 63, 30 Oktober 1948.
19. "Pergi Berbakti", *Utusan Zaman*, 9 Januari 199.
20. "Bangunlah Jiwa Muda", *Mastika*, Bil. 28, Februari 1949.
21. "Kau", *Utusan Zaman*, 6 November 1949.
22. "Seribu Harapan", *Mastika*, Bil 1953, Mac 1951.
23. "Siapa", *Utusan Zaman*, 11 Mac 1951.
24. "Menangis Kami", *Mastika*, Januari 1951.
25. "Cara Berbakti", *Mastika*, Novembar 1952.
26. "Melangkahlah Sekarang", *Mastika*, Jun 1953.
27. "Satu Timbangan", *Mastika*, Julai 1953.
28. "Ke Daerah Terang", *Utusan Zaman*, 20 September 1953.
29. "Perjuangan Yang Belum Selesai", *Utusan Zaman*, 22 November 1953.
30. "Zaman Ini", *Utusan Zaman*, 17 Januari 1954.
31. "Kami Anak Zaman Ini", *Utusan Zaman*, 13 Januari 1954.
32. "Sekadar Meminta", *Utusan Zaman*, 18 April 1954.
33. "Kepada Manusia Baru", *Utusan Zaman*, 8 Ogos 1954.
34. "Saduran", *Utusan Zaman*, 7 November 1954.
35. "Sejarah Terus Berlari", *Mastika*, Januari 1955.
36. "Korban Sisa Pahit", *Mastika*, April 1955.
37. "Dharma", *Mastika*, September 1955.
38. "Kepastian", *Utusan Zaman*, 11 September 1955.
39. "Dalam Pengembaraan", *Utusan Zaman*, 8 April 1956.
40. "Dalam Kenangan", *Utusan Zaman*, 20 Mei 1956.
41. "Yang Terkandas", *Mastika*, Februari 1957.
42. "Satu Kepastian", *Utusan Zaman*, 12 Mei 1957.
43. "Memberi dan Menerima", *Mastika*, Jun 1957.

Kebanyakan sajak-sajak yang bertemakan nasionalisme ini ditulis oleh Masuri SN dalam akhbar *Berita Malai*, *Utusan Zaman* dan *Mestika* iaitu akhbar dan majalah yang diterbitkan pada zaman pemerintahan tentera Jepun di Malaya. Semangat nasionalisme menyerlah melalui bait-bait sajak yang ditulisnya, seperti dalam sajak berjudul "Prajurit Negara":

Barbaris berjejer, hebat bergaya
pergi bertempur, penuh darura
menyerah raga dengan sukarela
mencipta bahagia 'Asia Raya'

Dengan semangat yang menyala-nyala
tujuan hati tetaplah satu
menghancurleburkan bangsa penganiaya
pihak sekutu dirangkum tentu



Berjuang, berjuanglah ‘perajurit negara’
tunjukkan keperwiraan bangsa Asia
sanggup membela, turut bertempur
haram menyerah tak pernah undur

Jangan bimbang, janganlah walang
teruskan menggempur pihak sekutu
bunga pujaanmu, mekar berkembang
menanti pulangmu sarat merindu.¹⁸⁹

Masuri memuji pemuda-pemuda Melayu yang berjuang melawan penjajah British dengan penuh berani serta sanggup menyerahkan jiwa dan raga secara sukarela demi negara. Di sini, Masuri menampakkan sokongannya terhadap pembentukan Asia Raya seperti yang diperjuangkan oleh PKMM. Berbekalkan semangat yang menyala-nyala untuk mengalahkan bangsa penjajah (Inggeris) termasuklah tentera Bersekutu, orang-orang Melayu hendaklah berjuang dan tunjukkan keperwiraan bangsa Asia serta jangan sekali-kali menyerah kalah. Hingga akhirnya kemenangan dicapai barulah pulang ke kampung disambut oleh isteri tercinta yang sudah lama menunggu.

Dalam sajak “Majulah Perang”, yang diterbitkan dalam *Berita Malai*,

2.10.1944, beliau menukikan bait-bait berikut:

Berbunyi terompet di tengah padang
Membahana lela, di rumpun telinga
Memupuk semangat hebat membana
Memanggil insan maju berjuang

Sekeliling alam rasa berserak
Pabila terdengar suara teriakan
Majulah terus membela watan
Jangan undur walau setapak

Wahai ‘sateria’ harapan nusa

¹⁸⁹ Abdul Latif Abu Bakar (peny.), *Puisi-puisi Kebangsaan 1913-1957*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1987, h. 391.



Teguhkan hati maju berjuang
Jangan berpuas hasil yang ada
Sebelum musuh musnah semua.

Tidakkah ingin wahai 'sateria'
Namamu dikenang sepanjang zaman
Sebagai pembela nusa tercinta
Majulah berperang membela watan.¹⁹⁰

Masuri SN menceritakan perang yang sedang berlaku di tanah air ketika itu memerlukan rakyat juga turut serta melawan musuh dan jangan sekali-kali berundur atau mengaku kalah. Beliau memberi semangat kepada satria yang berjuanglah demi negara, sehinggalah musuh dapat ditumpaskan. Kelak, nama-nama mereka ini akan terus dikenang sepanjang zaman sebagai pembela nusa dan bangsa, maka berperanglah dengan bersungguh-sungguh untuk membela tanah air.



Dalam karya sajaknya, Masuri SN membawa satu gaya tulisan yang indah,

memperlihatkan percubaannya membawa tema yang pelbagai seperti ketidakjujuran, kecurangan, keruntuhan moral, kemanusiaan dan nasionalisme. Karya sajak-sajaknya menjadi kajian para pencinta seni dan ahli akademik sama ada golongan muda ataupun tua, dari pelajar sekolah menengah dan institusi pengajian tinggi. Masuri akan menyuarakan apa sahaja persoalan kehidupan dalam sajak-sajaknya bersandarkan kebenaran dan tidak terbatas dalam batas geografi atau latar masa yang sempit. Malah melalui puisinya yang berjudul "Bisikan Hang Tuah", beliau mengenang kembali semangat pendekar Melayu zaman lampau:

Di kala zaman baru ini
Ketika saat penuh perjuangan
Serasa tuan hidup kembali
Di tengah medan mengatur barisan

¹⁹⁰ *Ibid*, h.394.





Bagai bisikan datang menggema
Suara tuan di angkasa raya
“Biar beta, sudah tak ada
Namun semangatku tetap serta”

Demi mendengar bisikan halus
Suara seni yang sangat kudus
Dari arwah pahlawan gagah
Kami pengikut berhati tabah

Biar lawan banyak berbilang
Datang meluru menyerang kami
Kami ria mati berjuang
Kerana membela, IBU PERTIWI.¹⁹¹

Masuri SN juga mengkritik kepada puak-puak yang bertindak di luar kemanusiaan adalah disebabkan adanya kepincangan dalam struktur sosial, ekonomi, politik dan tiada keberanian dalam diri setiap insan. Andainya sistem sosial, ekonomi dan politik hanya memberi kepuasan kepada golongan kecil manusia sahaja (contohnya pemerintah), maka akan muncul puak yang teraniaya dan timbullah krisis yang berpanjangan. Oleh itu pihak yang menzalimi kita harus dibenteras. Walaupun ramai penulis yang mengangkat Masuri sebagai ‘Pejuang Kemanusiaan’ daripada puisi-puisinya, namun bagi penyelidik, beliau juga banyak menghasilkan puisi tema kebangsaan dan layak digelar ‘Pejuang Kebangsaan’ melalui penanya.

Masuri SN bersara mulai 12 Jun 1981, kemudian beliau dilantik sebagai penulis tamu di Institut Pengajian Asia Tenggara (ISIS). Mulai tahun 2001 hingga 2005, beliau bergiat cergas dalam Asas ‘50 dengan dilantik sebagai Ketua 1. Pada tanggal 6 Disember 2005, beliau telah pulang ke rahmatullah. Mengenangkan jasanya yang besar terhadap nusa dan bangsa melalui penulisan, beliau dianugerahi Bintang

¹⁹¹ *Ibid*, h. 397.





Bakti Masyarakat (1963); Hadiah Pertama JBHS (1974 & 1979); S.E.A Write Award Thailand (1980); NBDCS First Prize (1990); Anugerah Tun Seri Lanang (1995); Asean Cultural Award (1995); Anugerah Sastera MBMS (1995); Anugerah Pencapaian Cemerlang Singapore Muslim Community (1995); Literary Award Mont Blanc, Centre for the Arts, NUS (1996); Hadiah Sastera MBMS (1997); Pingat Jasa Gemilang Pemerintah Singapura (2000); Anugerah Suluh Budiman UPSI (2002); Anugerah Dharma Bakti GAPENA (2002) dan Ijazah Kehormat Doktor Pendidikan UPSI (2002).

4.5 Kesimpulan



05-4506832 Peranan pentadbir dan pendidik di SITC cukup besar dalam membangkitkan semangat bupsi

nasionalisme dalam kalangan penuntut-penuntutnya. Ini kerana merekalah yang dekat dengan penuntut dan ilmu yang disampaikan akan mudah didengari serta diikuti oleh muridnya. Ketiga-tiga pentadbir SITC yang dibincangkan adalah merupakan tokoh yang terkenal dan membawa banyak perubahan kepada institusi SITC. Mereka membawa banyak perubahan terhadap sistem pembelajaran dan pengajaran di SITC ketika itu. Gambar dan nama mereka sering terpampang atau tercatat dalam majalah yang diterbitkan pada masa itu terutamanya *Majalah Guru* dan *Chendera Mata SITC*, kerana mereka ini adalah tokoh yang berpengaruh di samping bertindak menjadi pengarang atau editor dalam majalah.

Manakala tokoh pendidik atau guru, tidak kurang hebatnya serta mendapat tempat di hati murid-muridnya. Banyak buku yang mereka hasilkan yang menjadi



rujukan serta membuka minda penuntut-penuntut. Kesemua pendidik ini merupakan penulis yang prolifik pada zamannya, kerana banyak menulis di dada-dada akhbar dan majalah. Golongan pendidiklah yang banyak menyemai benih-benih kepada anak murid supaya cintakan negara dan bangsa serta memperbaiki keadaan sosioekonomi keluarga. Sumbangan golongan ini terhadap kesedaran bangsa serta melahirkan cendekiawan Melayu amat berkesan sekali.



BAB 5

AHLI POLITIK DAN PEMIKIR

5.1 Pendahuluan



Ahli politik dan pemikir atau disebut cendikiawan Melayu lulusan SITC memainkan peranan yang cukup penting dalam membangkitkan semangat nasionalisme di Tanah Melayu pada tahun 1930-an dan 1940-an sehingga merdeka. Kebanyakan daripada mereka meniupkan nasionalisme melalui tulisan dan syarahan yang disampaikan sama ada di bilik darjah, mahupun di pentas-pentas politik. Ahli politik bermaksud orang yang berkecimpung dan bergiat aktif dalam politik untuk mencapai matlamat tertentu demi kebaikan bersama. Dalam konteks kajian ini, ahli politik yang dimaksudkan ialah bekas penuntut SITC yang mendapat pendidikan dalam bidang perguruan, kemudiannya menghabiskan masa sebahagian besarnya sebagai pemimpin masyarakat. Pemikir pula ialah golongan yang banyak menyumbangkan idea dan menggunakan kebijaksanaan mereka untuk menyampaikan risalah tertentu serta mempengaruhi khalayak. Pemikir juga digelar sebagai intelektual atau cendikiawan





yang bermaksud seseorang yang cerdik, bijak dan pandai dalam pemerintahan. Sumbangan idea dan keintelektualan mereka memberi impak yang besar terhadap sesebuah institusi, rakyat dan negara.

5.2 Ahli Politik

Ahli politik tersohor tanah air yang merupakan Anak Kandung SITC dan berjaya mengukir nama ialah seperti Ibrahim Haji Yaacob, Mohd Diah Abdul Rahman, Abdul Rahman Talib, Senu Abdul Rahman, Mohd Yusof Ayob dan Abdul Ghafar Baba. Sumbangan mereka cukup besar dalam menyampaikan mesej nasionalisme kepada orang Melayu. Walaupun terdapat ramai lagi tokoh lain yang tidak kurang juga sumbangannya kepada orang Melayu dan negara, tetapi nama-nama inilah paling menonjol, berwibawa dan banyak jasa.

5.2.1 Ibrahim Haji Yaacob

Ibrahim Haji Yaacob ialah tokoh Anak Kandung SITC yang tersohor kerana pernah menjadi presiden serta pengasas Kesatuan Melayu Muda (KMM) yang menentang British dan diiktiraf sebagai pejuang kemerdekaan negara. Beliau yang juga dikenali dengan nama Dr. Iskandar Kamel ialah seorang Melayu berketurunan Bugis dari daerah Silo, Sulawesi, Indonesia. Beliau dilahirkan pada 27.11.1911, di Kampung Tanjung Kertau, Temerloh, Pahang. Beliau mendapat pendidikan awal di sekolah Melayu di Tanjong Kertau pada tahun 1918 ketika berusia tujuh tahun. Pada tahun





1928, beliau dipilih menjadi guru pelatih di Pusat Latihan Perguruan Kuantan, Pahang. Pada tahun 1928, Ibrahim Haji Yaacob menyambung pelajaran di SITC Tanjong Malim hingga tamat pengajian pada tahun 1931 dengan mendapat Pangkat III. Di antara kawan-kawan yang setingkat dengannya yang merupakan tokoh besar serta pejuang nasionalis termasuklah Muhammad Yassin Maamor (Pangkat I), Abdullah Sidek (Pangkat II), Abdul Karim Rashid (Pangkat II), Hassan Abdul Manan (Pangkat II), Mohamed Nor Ahmad (Pangkat II), Mohd Isa Mahmud (Pangkat III).¹

Pengajiannya di SITC secara tidak langsung menyemai semangat kebangsaan dalam dirinya hasil daripada didikan guru-guru yang sememangnya telah memainkan peranan penting dalam membangkitkan semangat kebangsaan kerana terpengaruh dengan gerakan kebangsaan yang berlaku di India, Mesir, Indonesia dan Jepun.

Antara guru-guru yang banyak mempengaruhi Ibrahim ialah Cikgu Abdul Hadi Haji Hassan, Za'ba, Ahmad Bakhtiar, Buyong Adil, Harun Aminurrashid dan Nordin Harun. Peranan guru-guru SITC ini memberi inspirasi kepada Ibrahim dalam memperjuangkan konsep "Melayu Raya" khususnya bagi orang Melayu melalui pertubuhan Kesatuan Melayu Muda (KMM). Galakan daripada Harun Aminurrashid selaku guru dan penyelia di rumahnya telah menanamkan semangat kebangsaan yang berkobar-kobar dalam diri Ibrahim Haji Yaacob. Maka lahirlah perasaan antiimperialis dan anti-Cina hingga awal tahun 1929 Ibrahim Haji Yaacob dan rakan-rakannya secara sembunyi masuk menjadi anggota Parti Nasional Indonesia (PNI) yang ditubuhkan pada tahun 1927 pimpinan Soekarno.²

¹ *Record of Final Examinations and Prizes 1910-1935, Sultan Idris Training College.*

² Insun Sony Mustapha, *Memoir Mustapha Hussain: Kebangkitan Nasionalisme Melayu Sebelum UMNO*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1999, h. 207.





Kegemaran Ibrahim membaca buku dari pelbagai aspek khususnya buku sastera, sejarah dan politik memberi kelebihan kepadanya dalam memahami politik semasa. Pembacaannya tidak terbatas kepada buku-buku sahaja, tetapi juga akhbar-akhbar khususnya daripada Indonesia seperti *Persatuan Indonesia*, *Pewartu Deli*, *Pertja Selatan*, *Pedoman Masyarakat*, *Fikiran Rakyat*, *Soeloeh Rakyat Indonesia*, *Semangat Islam*, *Seruan Azhar*, *Bintang Timur* dan *Bintang Hindia*.

Ibrahim turut mengagumi “Sumpah Pemuda” yang merupakan ikrar persatuan yang menekankan perjuangan untuk mencapai matlamat satu bahasa, satu nusa dan satu bangsa Indonesia. Pengetahuan yang diperoleh melalui pembacaan dan pendedahan perkembangan politik khususnya di Indonesia memberi impak ke dalam diri Ibrahim dalam membina jati diri yang kukuh dan secara tidak langsung menimbulkan perasaan cintakan bangsa dan negara. Pendedahan dalam aspek politik dan pengalaman yang diperolehi di SITC telah membentuk diri Ibrahim sebagai seorang Melayu yang mencintai bangsa, agama dan negara.

Dalam memastikan perjuangannya dapat dihebahkan kepada umum, Ibrahim memperjuangkan ideologi politiknya melalui penulisan di dalam akhbar *Majlis*. Penulisan Ibrahim juga turut tersiar di dalam akhbar-akhbar terkemuka pada ketika itu seperti akhbar *Warta Malaya* dan *Utusan Melayu*. Penulisan beliau meliputi aspek kehidupan orang Melayu sama ada dari perspektif ekonomi, pelajaran, cara hidup orang Melayu dan berkaitan dengan bangsa asing serta dasar British di Tanah Melayu.

Sebelum tertubuhnya KMM, Ibrahim melibatkan diri secara langsung dengan beberapa pertubuhan bukan kerajaan. Semasa beliau menuntut di SITC, beliau beserta





rakan-rakan telah menubuhkan satu persatuan sulit yang “berhaluan sosialis” iaitu Ikatan Semenanjung Malaya/Borneo pada tahun 1929 yang memperjuangkan gagasan “Melayu Raya” dengan menerapkan nilai perjuangan dan memulakan proses perkembangan nasionalisme Melayu. Pengenalan konsep “Melayu Raya” dan tuntutan kemerdekaan Semenanjung Tanah Melayu di bawah Indonesia menjadi asas kepada perjuangan Ibrahim melalui pertubuhan KMM. Walaupun ada pendapat yang melabelkan Ibrahim sebagai golongan radikal yang berhaluan kiri, namun jasa dan cetusan idea politik beliau telah membuka ruang kepada kegiatan nasionalisme Melayu kemudiannya.

Pemikiran nasionalisme Ibrahim terserlah dalam beberapa tulisan beliau sama ada dalam bentuk buku bacaan umum ataupun puisi. Buku yang dihasilkannya berjudul *Melihat Tanah Air* (1941) dan *Nusa dan Bangsa Melayu* (1951) ataupun puisinya dalam *Majlis*, *Warta Malaya*, *Warta Negeri* dan *Warta Ahad*. Antara puisinya yang bertemakan nasionalisme Melayu ialah “Seruan Kebangsaan” dan “Oh Saudara” yang diterbitkan dalam *Warta Negeri*, 28.6.1931. Dalam buku *Nusa dan Bangsa Melayu* Ibrahim beliau mengilhamkan konsep “Indonesia Raya” dengan menulis:

Tudjuan Melayu-Raya ke arah Indonesia-Raya jang djadi tjita-tjita pergerakan kebangsaan Melayu itu ialah untuk menebus kembali hak warisan nusantara Sri-Vidjaja, ialah ke arah kesatuan bangsa bersama. Selama kemerdekaan Malaya, buat bangsa Melayu itu belum berhasil, maka tjita-tjita national jang murni itu belumlah boleh berhasil.³

³ Ibrahim Yaacob, *Nusa dan Bangsa Melaju*, Jakarta: Alma'arif, 1951, h. 67.





Dalam puisi “Seruan Kebangsaan” pula, antara lain beliau menyeru bangsanya supaya bangkitlah mencari kemajuan bukan hanya memeluk tubuh sahaja. Ibrahim menukilkan:

Wahai bangsa Melayu putera sejati
Memiliki Semenanjung wahai gusti
Ke manakah tuan buahnya hati
Marilah lekas kemajuan uliti.

Usahlah tidur amboi wei! Bangsa
Bukalah mata lihatlah desa
Keluarkan gagah dengan perkasa
Supaya bangsa tinggal sentosa

Bangunlah kaum bangunlah asmara
Bangun bekerja dengan segera
Carilah kemajuan bangsa negara
Berpeluk kita bersatu saudara.⁴

Ibrahim mengesa masyarakat Melayu supaya menubuhkan Persatuan Kebangsaan Melayu bagi menyatukan orang Melayu untuk menyelamatkan hak kebangsaan memperlihatkan dirinya sebagai pengerak nasionalisme Melayu di Tanah Melayu. Selain itu, penglibatan beliau di dalam kelab dan pertubuhan sebelum tertubuhnya KMM antaranya meliputi Kelab Melayu Bentong pada tahun 1931 hingga 1934, Persatuan Melayu Selangor pada tahun 1938, Persatuan Belia Melayu dan beberapa persatuan yang menjadi medan Ibrahim berjuang dan memperkembangkan ideologinya.

Penglibatan Ibrahim dalam KMM bermula selepas Persatuan Belia Melayu yang dianggotainya telah mengalami proses tranformasi. Pada peringkat awal Persatuan Belia Melayu hanya terlibat di dalam aktiviti sosial sahaja. Namun, Ibrahim bersama rakan-rakannya dari SITC menjadikan Persatuan Belia Melayu berteraskan

⁴ Abdul Latiff Abu Bakar, *Puisi-puisi Kebangsaan 1913-1957*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1987, h. 41.





politik. Selaras dengan perubahan tersebut, nama Persatuan Belia Melayu telah ditukar kepada Kesatuan Melayu Muda yang turut dikenali dengan *Young Malay Union*. Pertukaran nama tersebut menjadikan KMM sebuah pertubuhan nasional yang agak radikal. Ibrahim dilantik sebagai Yang Dipertua KMM dengan dibantu rakan-rakannya seperti Onan Haji Siraj sebagai Naib Yang Dipertua, Abdul Karim Rashid sebagai Setiausaha, Othman Abdullah sebagai Bendahari, Hassan Abdul Manan, Ahmad Boestaman, Muhammad Isa Mahmud, Ishak Haji Mohammed, Sultan Djenain dan beberapa orang tokoh yang terlibat secara awal dalam KMM. Selain daripada mereka, antara tokoh-tokoh terkemuka pernah menyertai KMM selepas itu ialah Dr. Burhanuddin Al-Helmy pada tahun 1939, Dato' Onn Ja'afar yang menganggotai KMM pada bulan April 1942 dan beberapa orang tokoh yang kemudiannya menjadi pencetus kepada perjuangan menuntut kemerdekaan Tanah Melayu daripada British.



KMM di bawah pentadbiran Ibrahim Haji Yaacob menjadi satu medan perjuangan bagi membentuk kuasa rakyat akar umbi dalam menentukan nasib orang Melayu. Bagi Ibrahim, KMM dikhaskan untuk golongan pemuda bawahan. Hal ini bertujuan bagi menunjukkan protes beliau terhadap penguasaan golongan bangsawan dalam kepimpinan politik Melayu seperti Persatuan Melayu Selangor yang dipimpin oleh Tengku Ismail Tengku Muhammad Yasin. Oleh itu, ideologi Ibrahim melalui KMM secara tidak langsung telah membawa satu anjakan terhadap idea pemikiran baru kepada orang Melayu dengan memberi satu bentuk kepimpinan berasaskan kuasa dari rakyat untuk rakyat.

Bagi Ibrahim, pembentukan KMM adalah bertujuan untuk melenyapkan belenggu penjajahan asing dan sebagai gantinya melahirkan satu gagasan “Satu Untuk





Semua, Semua Untuk Satu”. Oleh itu melalui KMM, Ibrahim bertindak selaras dengan cita-cita dan ideologinya semenjak menuntut di SITC lagi iaitu menggabungkan Tanah Melayu dengan Indonesia di bawah satu konsep “Melayu Raya” iaitu untuk memastikan orang Melayu dapat bersatu di bawah satu bangsa atau satu negara. Dalam mengharungi perubahan sosiopolitik yang berlaku khususnya di Tanah Melayu, Ibrahim melakukan beberapa pendekatan atau perubahan bagi memastikan KMM dan ideologi yang dibawanya dapat bertahan lama. Untuk itu, KMM menjalinkan hubungan dengan British, Jepun dan juga pihak Parti Komunis Malaya (PKM) yang dikenali sebagai *Malayan Peoples's Anti Japanese Army (MPAJA)* pada masa yang sama. Beliau mengambil keputusan menyokong Jepun semasa pendudukannya di Malaya. Kerjasama Ibrahim dengan pihak Jepun melalui KMM menyebabkan pihak British mencurigai beliau dan ahli-ahli KMM yang lain.



Hubungan ini dikenali sebagai ‘politik persubahatan dan kerjasama dengan Jepun’.⁵

Pada 7 dan 8 Disember 1941, Ibrahim Haji Yaacob, Ishak Haji Muhammad, Hassan Abdul Abdul Manan, Ahmad Boestaman dan Muhammad Isa Mahmud ditahan oleh British kerana disyaki merancang pakatan menentang British dan bekerjasama dengan pihak Jepun di bawah Undang-undang Pertahanan (Defence Regulation) lalu dipenjarakan di Changi, Singapura. Penangkapan Ibrahim selaku Yang Dipertua KMM menyebabkan teraju KMM diambil alih oleh Mustapha Hussein untuk memimpin. Walaupun Ibrahim Haji Yaacob dan ahli-ahli KMM ditangkap oleh

⁵ Persubahatan dan kerjasama berlaku dalam banyak ruang, termasuk politik, pentadbiran, ketenteraan, kesenian dan budaya, tetapi dalam konteks masa ini lebih kepada ruang politik dan pentadbiran. Lihat buku Abu Talib Ahmad, Siri Syarahan Umum Pelantikan Profesor, *Pendudukan Jepun (1942-1945) dan Asia Tenggara*, Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia, 2007, h. 59-72.





British, Mustapha Hussein tetap meneruskan dasar untuk memberi sokongan kepada pihak Jepun.⁶

Setelah pihak Jepun berjaya menguasai Tanah Melayu, pada 12 Februari 1942, pihak British membebaskan Ibrahim dan ahli-ahli KMM yang ditahan. Selepas itu, Ibrahim mengambil alih kembali teraju kepimpinan KMM. Di bawah kekuasaan Jepun, KMM diberi jaminan untuk terus bergiat tanpa sekatan. Pihak Jepun seterusnya melantik Ibrahim mengetuai pasukan *Giyu Gun* dan *Giyu Tai* dengan pangkat Leftenan Kolonel pada Jun 1944 setelah mendapat latihan ketenteraan selama enam bulan. Beliau juga dilantik sebagai Penasihat Hal-Ehwal Orang Melayu kepada Gabenor Watanabe di Singapura. Namun, tindakan pihak Jepun yang tidak memberi jawatan penting kepada Ibrahim dan ahli KMM yang mempunyai pengaruh yang kuat



adalah bagi mengelakkan berlakunya dominasi pentadbiran Jepun terganggu.

Kegagalan pihak Jepun menunaikan janji memberi hak kemerdekaan penuh Tanah Melayu dan memenuhi beberapa tuntutan serta tindakan pihak Jepun menggunakan Barisan Pemuda KMM sebagai buruh paksa di Tanjung Katong menjadi salah satu faktor utama Ibrahim bergiat melalui KMM untuk menentang dasar kerajaan Jepun pula.

Hal yang demikian ini menyebabkan Ibrahim melalui KMM mengambil tindakan untuk berkerjasama dengan PKM menentang pentadbiran Jepun di bawah MPAJA. Tindakan Ibrahim Haji Yaacob bekerjasama dengan PKM menyebabkan kerajaan Jepun mengambil tindakan untuk mengharamkan KMM pada akhir bulan Jun 1942 kerana dicap sebagai radikal yang boleh menggugat kedudukan dan

⁶ Keterangan lanjut tentang penubuhan KMM dan perjuangannya diceritakan dengan detail dalam buku *Memoir Mustapha Hussain: Kebangkitan Nasionalisme Melayu Sebelum UMNO*, h. 194-228.





kepentingan penjajah.⁷ Walaupun KMM diharamkan, Ibrahim Haji Yaacob beserta rakan-rakannya seperti Dr. Burhanuddin dan Onan Siraj menubuhkan Kesatuan Rakyat Indonesia Semenanjung (KRIS) pada bulan Jun 1945 dengan diketuai oleh Ibrahim sendiri bagi meneruskan cita-cita dan memperjuangkan kemerdekaan Semenanjung Tanah Melayu di bawah Indonesia. Mereka kemudiannya menubuhkan PKMM yang dipimpin oleh Mokhtaruddin Lasso, Dr. Burhanuddin Al-Helmy, Ishak Haji Muhammad dan Ahmad Boestamam.⁸ Usaha tersebut gagal dilaksanakan setelah Soekarno membuat perisytiharan kemerdekaan Indonesia tanpa penyertaan Tanah Melayu pada 17 Ogos 1945. Walau bagaimanapun, perjuangan dan cita-cita Ibrahim Haji Yaacob tetap diteruskan sehingga beliau meninggal dunia ketika berusia 68 tahun pada 8 Mac 1979. Jenazahnya dimakamkan di Taman Pahlawan Kalibata, Indonesia kerana pemerintah Indonesia menghargainya sebagai seorang yang banyak



Semangat kebangsaan dan nasionalisme yang diterapkan oleh Ibrahim Haji Yaacob, secara tidak langsung membawa kepada kemerdekaan Tanah Melayu pada 31 Ogos 1957. Beliau merupakan tokoh hebat Anak Kandung SITC Tanjong Malim yang diiktiraf sebagai pejuang kemerdekaan negara oleh ramai pengkaji sejarah dan politik Malaysia.

⁷ Ishak Saat, *Radikalisme Melayu Perak 1945-1970*, Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia, 2011, h. 109.

⁸ *Ibid*, 110.





5.2.2 Mohd Diah Haji Abdul Rahman

Beliau lahir pada 5 Januari 1914 dan dibesarkan di kampungnya iaitu Kampung Parit Kemang, Senggarang, Batu Pahat, Johor. Beliau mendapat pendidikan awal di Sekolah Melayu Parit Kemang dan menjadi guru 'bakal pelatih' di Sekolah Melayu Koris Senggarang ketika berumur 15 tahun. Setahun kemudian iaitu pada tahun 1930, beliau lulus dan menjadi 'guru pelatih' di sekolah yang sama. Pada tahun 1931, beliau berjaya mendapat tempat di SITC dan lulus pada tahun 1933.⁹ Beliau mempunyai dua isteri iaitu Hajah Hasnah binti Masrom dan Hajah Sani binti Suyut dan 22 orang anak iaitu 11 bagi setiap orang isteri.

Keaktifan dan kegigihan Mohd Diah yang berterusan menyebabkan beliau dilantik menjadi Penolong Pesuruhjaya Pengakap Negeri Johor pada tahun 1961 dengan tanggungjawab sebagai Camp Chief Tanjung Labuh. Selepas itu beliau menjadi anggota Majlis Pengakap Negeri Johor dan Penolong Pesuruhjaya Zon Empat. Berdasarkan kepimpinan dan kewibawaannya, beliau beberapa kali dilantik menjadi ketua kontinjen jambori pengakap. Di antaranya sebagai ketua kontinjen pengakap Johor ke Jombori Pengakap Malaysia dan Asia Pasifik Yang Ke-3 pada tahun 1974 di Johor Bahru dan tahun 1978 menjadi ketua kontinjen pengakap Johor ke Jambori Pengakap Malaysia dan Asia Pasifik Yang Ke-4 di Sarawak. Selain itu, beliau juga dilantik sebagai ketua Perhimpunan Perayaan Jubli Intan Pergerakan Pengakap Negeri Johor pada 18 hingga 22 Disember 1988 bertempat di Kem Jubli Intan Tanjung Labuh Batu Pahat.

⁹ *Chendera Mata Sultan Idris Training College*, Bil. 20, Mac 1933, h. 114.





Keaktifan Mohd Diah tidak terhad kepada bidang pendidikan semata-mata. Beliau juga terlibat dengan kegiatan untuk meningkatkan ekonomi orang-orang Melayu walaupun secara kecil-kecilan. Beliau merupakan salah seorang pengasas Syarikat Bekerjasama Kakitangan Kerajaan Batu Pahat. Beliau pernah menjadi ahli jawatankuasa, setiausah dan paling lama sebagai pengerusi syarikat tersebut selama 9 tahun sehingga bersara. Penglibatan beliau dalam syarikat kerjasama diperluaskan kepada penubuhan Syarikat Kerjasama Kampung Satay Batu Pahat. Beliau menjadi pengerusi syarikat lebih daripada 20 tahun. Selepas bersara, beliau melibatkan diri dalam bidang perniagaan secara kecil-kecilan dan dilantik menjadi ketua Persatuan Penjaja dan Peniaga Kecil Melayu Johor Cawangan Batu Pahat. Seterusnya beliau diangkat menjadi timbalan ketua Persatuan Peniaga dan Penjaja Kecil Negeri Johor. Pada 14 Oktober 1985, beliau memangku jawatan Yang Dipertua.



Berasaskan kepada ketokohan dan kemimpinannya dalam pelbagai lapangan, di samping hidup sezaman dengan Dato' Onn dan Syed Esa, telah merangsang Mohd Diah menceburkan diri secara aktif dalam politik. Beliau merupakan salah seorang yang turut serta bersama-sama Dato' Onn mengasaskan Pergerakan Melayu Semenanjung, Pertubuhan Melayu Bersatu atau United Malay Organization (U.M.O.) dan Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu atau PEKEMBAR (UMNO). Mesyuarat jawatankuasa yang pertama Pergerakan Melayu Semenanjung Johor Daerah Batu Pahat diadakan pada 9.2.1946, di Pejabat Volunteer Batu Pahat. Mesyuarat ini merupakan satu sejarah di mana Pergerakan Melayu Semenanjung yang ditubuhkan itu adalah sebuah pertubuhan politik yang pertama bercorak kebangsaan. Keputusan mesyuarat sebulat suara melantik Dato' Onn sebagai pengerusi sementara, Syed Esa dipilih sebagai naib pengerusi. Pada 21.2.1946, mesyuarat Pergerakan Melayu





Semenanjung Johor, Daerah Batu Pahat diadakan kali kedua, bertempat di Kelab Batu Pahat. Agenda utama ialah untuk membincangkan pemilihan perwakilan Batu Pahat ke persidangan U.M.O. menentang Malayan Union di Kuala Lumpur dan membincangkan punca kewangan untuk U.M.O. dan Malayan Union. Mohd Diah dengan penuh redha dan ikhlas hati bersetuju mengorbankan separuh daripada gajinya kepada tabung U.M.O. dan Malayan Union.

Tidak sampai seminggu selepas mesyuarat tersebut, derma telah mencurahkan datang untuk perwakilan menghadiri mesyuarat kongres Melayu di Kelab Sultan Sulaiman Kuala Lumpur. Bertitik tolak daripada perjumpaan tersebut, terbentuklah Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (UMNO) pada 11.5.1946 di Istana Besar Johor Bahru. Peristiwa yang penuh bersejarah itu menaikkan semangat orang-orang Melayu berjuang menentang Malayan Union habis-habisan dan akhirnya berjuang pula untuk menuntut kemerdekaan. Sejak itu, Anak Kandung Suluh Budiman SITC ini terus bergerak cergas dalam UMNO dan dilantik ketua UMNO Cawangan Senggarang Timur, aktif sebagai AJK, kemudian sebagai pengerusi tetap UMNO Bahagian Batu Pahat.¹⁰

Mohd Diah Abdul Rahman sepanjang hayatnya terus aktif menyumbang tenaga dan buah fikiran beliau. Beliau sempat menulis di akhbar-akhbar dan mengarang beberapa buah buku, antaranya ialah *Cermin Nasihat* (1959), *Panduan Agama* (1960), *Syair Kisah Diperanakkan Nabi Muhammad* (1964) dan *Buku Pekerti*. Ketokohan beliau dalam berbagai bidang membolehkan beliau menerima anugerah

¹⁰ Siti Patonah Muashot, *Jauhari Jua Mengenal Manikam*, Johor: Bahagian Persuratan dan Penerbitan, Persatuan Bekas Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Malaysia Cawangan Johor, 2004, h. 59.





dan pingat sebagai mengenang jasa-jasanya seperti Pingat Emas KGMMB (1978), Tokoh Guru Daerah Batu Pahat dan Negeri Johor (1979) dan Tokoh Guru Kebangsaan (1980). Dalam pergerakan Pengakap beliau telah dikurniakan Medal of Merit (1962), Medal of Merit Bar (1971), Semangat Rimba (1974) dan Timbal Pingat Semangat Rimba (1984). DYMM Sultan Johor pula telah mengurniakan beberapa pingat kepada beliau termasuklah Pingat Lama Perkhidmatan (1961), Pingat Ibrahim Sultan (1962), Bintang Sultan Ismail (1978) dan Seri Mahkota Johor (1984). Pada 2002, beliau dikurniakan gelaran Tokoh Suluh Budiman oleh UPSI. Beliau menghembuskan nafas terakhirnya pada 7.4.1995 ketika berusia 81 tahun.¹¹

5.2.3 Abdul Rahman Talib



Abdul Rahman Talib, tokoh UMNO, Menteri Pelajaran (1960-1962) dan (1964-1965) yang terkenal dengan Laporan Abdul Rahman Talib (1960) ini dilahirkan pada tanggal 2.8.1916 di Kampung Bangau, Parit Temerloh, Pahang. Abdul Rahman Talib mendapat pendidikan menengah di Sekolah Menengah Kerajaan Clifford, Pahang dan pernah belajar di SITC, Tanjong Malim, Perak dari tahun 1935 hingga 1937 untuk mendalami ilmu perguruan dengan mengikuti kursus penolong nazir sekolah.¹² Setelah itu, beliau berkhidmat sebagai guru di Sekolah Abdullah, Kuantan, Pahang, pada tahun 1940. Pada tahun 1945, beliau dilantik sebagai Penolong Nazir Sekolah-sekolah Melayu, Pahang. Semasa berkhidmat sebagai nazir pada tahun 1952, beliau mengasaskan Jabatan Hal Ehwal Agama di Jabatan Pelajaran Pahang.

¹¹ *Ibid.*

¹² *Chendera Mata Sultan Idris Training College*, Bil. 30, Feb. 1937, h. 87.





Abdul Rahman Talib merupakan tokoh UMNO Pahang dan Malaysia yang banyak menyumbang sebahagian daripada usianya yang terbaik untuk memerangi penjajah Inggeris, menuntut kemerdekaan dan mengisi kemerdekaan itu dengan berkhidmat sebagai menteri dalam kabinet Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu dan wakil rakyat mewakili parti UMNO. Tokoh politik UMNO dari Pahang ini cukup terkenal dengan Penyata atau Laporan Pelajaran Abdul Rahman Talib yang banyak menggariskan cadangan dan idea-idea untuk memajukan bidang pendidikan orang Melayu khususnya dan masyarakat Malaysia amnya.

Penglibatan awal Abdul Rahman Talib bermula dengan langkah beliau menanggotai Kesatuan Melayu Muda (KMM) yang diasaskan oleh Ibrahim Haji Yaakob dan kawan-kawannya dari SITC. KMM menghadapi nasib malang apabila ia diharamkan oleh penjajah British pada tahun 1948, tetapi beliau kemudian menganggotai Persatuan Melayu Pahang untuk meneruskan perjuangan politik dan aktiviti kemasyarakatan untuk negara.

Penglibatannya dalam arus politik tanah air semakin ketara apabila beliau merupakan di antara lapan orang wakil negeri Pahang untuk menghadiri kongres dalam gerakan sejarah kebangkitan bangsa Melayu menentang penubuhan Malayan Union di Kelab Sultan Sulaiman Kampung Baru, Kuala Lumpur pada tahun 1946. Kesungguhan perjuangan, pengalaman, ketokohan dan dedikasi semangat bekerja Abdul Rahman Talib menarik perhatian Tun Abdul Razak untuk memberinya kedudukan yang sesuai dan wajar kepadanya dalam pentas politik tanah air. Tun Abdul Razak pernah mewakilkan tempatnya dalam kerusi Dewan Perundangan Persekutuan atau Federal Legislative Council sebelum merdeka semasa beliau





melanjutkan pelajarannya dalam bidang undang-undang di Universiti Oxford, London pada tahun 1948 hingga 1952. Begitu juga sewaktu Tun Abdul Razak menjadi timbalan pengerusi Barisan Nasional pusat, beliau pernah melantik Abdul Rahman Talib sebagai pengerusi Perikatan negeri Pahang atas keyakinan Tun Abdul Razak atas kepimpinan dan wawasan beliau memimpin Perikatan peringkat negeri Pahang.

Perjuangan dan pengorbanan Abdul Rahman Talib mendapat ganjaran setimpal apabila beliau dicalonkan mewakili parti UMNO dalam pilihan raya pertama untuk menuju sebuah kerajaan sendiri pada tahun 1955. Beliau berjaya memenangi kerusi parlimen kawasan Kuantan dengan memperolehi kelebihan undi 6,102 undi.¹³ Kemenangan beliau mewakili parti UMNO ini membolehkannya dilantik untuk menyertai kabinet pertama sebelum merdeka pimpinan Tunku Abdul Rahman Putra

Al-Haj apabila dilantik sebagai Menteri Muda Pengangkutan Persekutuan Tanah Melayu. Pada tahun 1964, beliau telah bertanding di kawasan yang sama iaitu di Kuantan, Pahang dan berjaya mengalahkan pencabarnya dalam pertandingan tiga penjuru dengan kelebihan undi sebanyak 6,098 undi.¹⁴

Abdul Rahman Talib menyumbangkan jasa yang besar sewaktu berkhidmat sebagai Menteri Muda Pengangkutan. Menurut Haji Naharudin bin Ali dalam kertas kerjanya, 'Dr. Haji Abdul Rahman bin Haji Talib: Pelopor Pendidikan Negara' antara lain mengatakan, 'Salah satu jasa besar Allahyarham semasa menjadi Menteri Muda Pengangkutan ialah memindahkan hak milik Syarikat General Transport Company atau GTC iaitu sebuah syarikat pengangkutan bas kepunyaan syarikat bangsa Inggeris

¹³ Khairul Azmi Mohamad & A.F. Yassin, *Insan Pejuang Bangsa Melayu Abad Ke-20*, Johor Bahru: Yayasan Warisan Johor, 2000, h. 110.

¹⁴ *Ibid.*





yang memonopoli pengangkutan awam di Kuala Lumpur kepada syarikat bumiputera'.¹⁵

Karier politik beliau terus cemerlang, apabila beliau dilantik sebagai menteri penuh, iaitu Menteri Perusahaan dan Perdagangan selepas pilihan raya pertama negara merdeka pada tahun 1959. Dalam pilihan raya 1959, beliau memenangi pilihan raya umum dengan memperoleh sebanyak 8,856 undi menewaskan Ustaz Hamzah Dahaman yang hanya memperoleh undi sebanyak 2,756 undi. Kemenangan beliau dalam pilihan raya tersebut menyebabkan beliau diberikan tugas yang lebih mencabar sebagai Menteri Pelajaran mengambil alih jawatan yang dipegang oleh Tun Abdul Razak sebelum itu. Dalam sejarah sistem pendidikan negara, cabaran yang dihadapi oleh seorang Menteri Pelajaran sememangnya mencabar dan memerlukan semangat juang yang kukuh untuk menanganinya. Bagaimanapun, hal ini berjaya dilalui oleh tokoh UMNO dari Pahang ini dengan berhasil dan berjaya mengemukakan Laporan Abdul Rahman Talib pada tahun 1960.¹⁶

Menteri Pelajaran ketika itu adalah satu-satunya tugas mencabar dan merumitkan kerana golongan dari satu pihak mahu mendaulatkan bahasa Melayu dengan mengadakan sekolah-sekolah menengah perantaraan bahasa Melayu dipercepatkan tanpa memikirkan masalah ketiadaan guru terlatih dan buku-buku teks panduan murid-murid. Di pihak lain pula mahukan bahasa Inggeris dikekalkan sebagai bahasa utama kerana tarafnya sebagai bahasa dunia. Walau bagaimanapun, Abdul Rahman Talib telah dapat mengatasi masalah ini dengan mengemukakan

¹⁵ *Ibid*, h. 111.

¹⁶ *Ibid*. h. 112.



Laporan Rahman Talib yang telah memenuhi cita-cita manifestasi kepada perjuangan bahasa Melayu sebelum merdeka lagi.

Abdul Rahman Talib merupakan tokoh politik UMNO yang naik dan berkembang sejajar dengan sejarah perjuangan kemerdekaan tanah air dan pengisiannya. Begitu juga dengan perantikannya sebagai menteri atau timbalan menteri kerajaan Persekutuan memang seiring dengan keperluan semasa ketika itu. Dalam urutan sejarah perkhidmatannya dalam kerajaan, pada 1956 beliau dilantik menjadi Menteri Sumber Alam Semula Jadi dan Kerajaan Tempatan. Pada tahun 1957 beliau dilantik menjadi Menteri Pengangkutan (1957), Menteri Perdagangan dan Industri (1959) dan sebagai Menteri Pelajaran (1960-1962). Pada tahun 1962, beliau dianugerah Ijazah Kehormat Doktor Undang-undang oleh Universiti Malaya, kemudian beliau dilantik sebagai Menteri Kesihatan (1964) dan ditukarkan semula sebagai Menteri Pelajaran (1964) hingga beliau bersara pada tahun 1965.¹⁷




Abdul Rahman Talib memang cukup terkenal dalam bidang pendidikan sebagai penyedia Laporan Rahman Talib (1960) yang mengandungi saranan penting untuk memperbaiki sistem pendidikan di Persekutuan di Tanah Melayu. Inilah sumbangan terbesar beliau terhadap negara dalam bidang pendidikan. Sesudah bersara sebagai menteri kerajaan, perkhidmatannya dan tenaga baktinya tetap diperlukan oleh negara. Hal ini terbukti dengan perantikannya sebagai Duta Besar bertaraf Menteri ke Republik Arab Bersatu (Mesir) yang ditauliahkan oleh Yang di-Pertuan Agong. Beliau meninggal dunia sewaktu berkhidmat sebagai Duta Besar Malaysia ke Mesir

¹⁷ Abdul Halim Ali & Raja Ahmad Shalaby Raja Hassan, *Menelusuri Jejak Peradaban*, Tanjong Malim: Persatuan Penulis Budiman Malaysia, 2004, h. 92.

pada 18.10.1968 sewaktu berusia 52 tahun.¹⁸ Jenazah beliau dibawa ke tanah air dan disemadikan di Tanah Perkuburan Islam Hutan Setali Kuantan, Pahang.

5.2.4 Senu Abdul Rahman

Senu Abdul Rahman dilahirkan pada 10.10.1919 di Jitra, Kedah dan mendapat pendidikan awalnya di Sekolah Melayu di Kedah pada tahun 1927. Beliau pernah mengikuti latihan perguruan di SITC, Tanjong Malim, Perak dari tahun 1937 hingga 1939.¹⁹ Kerjaya sebagai guru bermula dari tahun 1939 hingga 1941. Beliau mula menjadi Guru di Sekolah Sungai Korok Tinggi, Alor Star pada tahun 1939 hingga 1941 dengan gaji permulaan sebanyak \$17.00 sebulan. Pada 4 Mac 1939, perarakan

 05-4506832  400 pelajar mengelilingi maktab itu sempena Hari Pertabalan Sultan Perak Sultan  ptbupsi

Abdul Aziz al-Mu'tasim Billah Shah. Shaharom Husain dalam buku 'Memoir Shaharom Husain' (1996) menceritakan Senu Abdul Rahman telah memberi syarahan politik tanpa kebenaran pengetua maktab. Senu dituduh memasukkan politik dan cuba mengheret penuntut ke dalam kancah politik. Kemudian beliau berhenti menjadi guru untuk menjawat jawatan sebagai pegawai di Jabatan Pelajaran Alor Setar, Kedah pada tahun 1942 hingga 1944 di bawah pentadbiran tentera Siam semasa Perang Dunia Kedua. Beliau merupakan tokoh UMNO yang mempunyai latar belakang yang amat menarik kerana liku-liku perjuangan hidupnya memaparkan kehidupan seorang yang gigih berusaha mengubah taraf hidup, memperbaiki dunia akademik dan seterusnya

¹⁸ Raja Ahmad Shalaby, Siti Zabeha Ibrahim & Mohd Zuber Zain, *Tokoh-Tokoh Guru Nusantara*. Tanjong Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris, 2004, h. 57.

¹⁹ Abdul Halim Ali & Raja Ahmad Shalaby Raja Hassan, *Menelusuri Jejak Peradaban*, Tanjong Malim: Persatuan Penulis Budiman Malaysia, 2012, h. 92.



meniti kejayaan dan kekecewaan dalam karier politiknya. Kesemua pengalaman hidup itu meningkatkan semangatnya untuk berkhidmat kepada agama, bangsa dan negara.

Penglibatan Senu Abdul Rahman dalam politik bermula apabila beliau berganding bahu dengan Tunku Abdul Rahman Putra dan Mohd Khir Johari untuk menubuhkan SABERKAS pada tahun 1943. Senu menjadi setiausahanya antara tahun 1947 hingga 1948. SABERKAS bermaksud – ‘Sayang Akan Bangsa Ertinya Korban Apa Saja’. SABERKAS dan ahlinya kemudian bergabung dengan UMNO.²⁰ Pada mulanya, SABERKAS berbentuk syarikat perniagaan dan nama sepenuhnya ialah Syarikat Bekerjasama Kebajikan Am Saiburi. SABERKAS yang ditubuhkan oleh tiga orang tokoh ini mempunyai matlamat tersendiri, iaitu menggerakkan rakyat massa di Kedah agar sedar erti kemerdekaan dan kehidupan yang lebih bermaruah dan tinggi martabat. Sebuah lagi pertubuhan di Kedah ketika itu yang mempunyai pengaruh dan pengikut yang ramai ialah Kesatuan Melayu Kedah.

Sewaktu Dato’ Onn Jaafar memanggil Kongres Melayu Kedua pada 11 dan 12 Mei 1946 di Istana Besar Johor Bahru, kedua-dua pertubuhan ini terlibat secara aktif. Tujuan kongres itu ialah untuk menubuhkan sebuah parti politik Melayu dan menggabungkan pertubuhan-pertubuhan politik Melayu yang lain yang kemudiannya dikenali sebagai Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu atau UMNO. Dua puluh pertubuhan menghantar wakil masing-masing. Kongres bersetuju menubuhkan UMNO dan melantik Dato’ Onn Jaafar sebagai Yang Dipertua UMNO yang pertama.

²⁰ Abdul Halim Ali & Raja Ahmad Shalaby Raja Hassan, *op cit.*, h. 93.





Dalam Kongres Melayu Kedua di Johor Bahru itu, SABERKAS Kedah diwakili oleh Senu Abdul Rahman dan Mohamad Jamil Binjai, sementara Kesatuan Melayu Kedah diwakili oleh Haji Rejab bin Haji Darus dan Haji Ahmad bin Haji Abdullah. Seajar dengan pembentukan parti UMNO sebagai wadah perjuangan untuk menuntut kemerdekaan dan memerangi gagasan Malayan Union yang menghina maruah bangsa Melayu dan sultan. Ini bererti bahawa Senu Abdul Rahman mempunyai saham tersendiri dalam penubuhan UMNO, kemerdekaan negara dan pengisian kemerdekaan dan pengembangan UMNO itu sendiri.

Senu Abdul Rahman dan Tunku Abdul Rahman mempunyai hubungan yang intim dan mesra dalam perjuangan politik mereka. Seorang wartawan yang menamakan dirinya *Wartawan Kita* dalam tulisannya ‘Tunku Pemimpin dan Juga Kawan Senu’ adalah seorang yang suka melawan dan degil. Namun, anehnya sifat-sifat itulah juga yang membuatkan mereka begitu intim sejak tahun 1943, baik hubungan sebagai ketua/pengikut mahupun sebagai teman seperjuangan dalam parti UMNO. Sikap suka melawan dan degil Senu itu sebenarnya suatu hikmah, kerana Senu dan Tunku meninggalkan tanah air bagi melanjutkan pengajiannya dalam bidang undang-undang di London. Mereka kemudian kembali ke tanah air untuk berjuang menuntut kemerdekaan dan seterusnya memimpin negara ini dari tahun 1955 hingga 1970-an.

Beliau amat menyedari kepentingan ilmu pengetahuan dalam mengubah nasib kehidupannya kerana berpegang kepada firman Tuhan bahawa Tuhan tidak akan mengubah nasib dan kehidupan seseorang itu sekiranya dia sendiri tidak mahu berubah. Berbekalkan firman ini Senu Abdul Rahman melanjutkan pelajarannya di





Universiti California, Amerika Syarikat pada tahun 1948.²¹ Beliau berjaya dengan membawa pulang ijazah dalam bidang Sains Politik tujuh tahun kemudian. Semasa di Amerika Syarikat beliau pernah bekerja sambil untuk menampung kos hidup yang tinggi, antaranya sebagai pencuci pinggan di restoran.

Senu Abdul Rahman dilantik menjadi pegawai Kedutaan Indonesia di Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) pada tahun 1954. Apabila kembali ke Tanah Melayu pada tahun 1955, Senu dilantik sebagai Setiausaha Agung UMNO ketika era Tunku Abdul Rahman. Tunku kemudian memberi satu portfolio dalam kabinet Persekutuan sebagai Menteri Penerangan dan Penyiaran yang pertama dari tahun 1964 hingga 1969. Senu juga pernah dilantik Duta Besar Malaysia ke Indonesia yang pertama iaitu dari tahun 1957 hingga 1962, dan Duta Besar Malaysia ke Jerman



Barat pada 1962 hingga 1964.²² Beliau memiliki seorang perawakan seorang diplomat barangkali berpunca daripada pengalaman hidupnya yang pelbagai, baik ketika menuntut di luar negeri mahupun ketika menjadi guru yang sentiasa berdepan dengan masalah manusia dan kemanusiaan.

Pada tahun 1964, Senu Abdul Rahman diberi tanggungjawab sebagai Pengarah Pilihan Raya Perikatan dan turut bertanding sebagai calon mewakili parti UMNO. Beliau diberi kepercayaan bertanding dalam pilihan raya dan memenangi Ahli Parlimen Kubang Pasu Barat, Kedah serta dilantik sebagai Setiausaha Agung UMNO Malaysia dari tahun 1968 hingga 1978. Dalam pilihan raya umum tahun 1969, beliau ditewaskan oleh calon PAS, Dato' Abu Bakar Umar, tetapi kemudian

²¹ *Bingkisan Merdeka 1957*, Persekutuan Guru-Guru Melayu Selangor, h. 99.

²² Abdul Halim Ali & Raja Ahmad Shalaby Raja Hassan, *op cit.*, h. 92.





memenangi Ahli Parlimen Kuala Kedah/Langkawi menggantikan Tunku Abdul Rahman pada 1974 hingga 1982.²³

Dalam UMNO, Senu Abdul Rahman mencuba nasib, merebut jawatan Ketua Pemuda. Beliau berjaya menewaskan Tun Sardon Jubir. Semasa memegang jawatan Ketua Pemuda, beliau bersama-sama beberapa orang penulis, sarjana dan ilmuwan Melayu menyusun buku *Revolusi Mental* yang bertujuan membuka fikiran orang Melayu ke arah kemajuan dan pembangunan. Buku yang diterbitkan oleh Utusan Melayu pada tahun 1971 mencetuskan polemik dalam kalangan sarjana-sarjana Melayu, seperti Dr. Syed Hussien Al-Attas.

Sewaktu Senu Abdul Rahman memimpin ketua pemuda UMNO beberapa orang tafsiran mengulas tentang gaya kepimpinannya. Misalnya, diantaranya Aminuddin Mohd. Yusof dan Mohd Ali Kamaruddin dalam bukunya *Kepimpinan Pemuda UMNO: Antara Personaliti dan Situasi* antara lain mengatakan bahawa pemuda UMNO zaman Senu memperlihatkan kesetiaan yang tidak berbelah bahagi kepada badan induknya, UMNO. Senu sedia menyatakan pandangannya yang mungkin bertentangan dengan pucuk tetapi beliau bersedia pula berundur ke belakang apabila diberi penjelasan mengenai sesuatu dasar. Di dalam soal bahasa misalnya, beliau pernah menyuarakan bahawa tiada tempat untuk bahasa lain sebagai bahasa rasmi selain daripada bahasa Melayu.

Pendiriannya yang bersifat berkompromi ini dapat dilihat apabila beliau menerima penjelasan Tunku dalam soal bahasa. Beliau malah berusaha pula

²³ *Ibid*, h. 93.





mempertahankan dan membela dasar-dasar Tunku. Nama Senu Abdul Rahman disebut-sebut sebagai salah seorang bakal menjadi pengganti Tun Razak. Beliau seorang ahli politik yang mempunyai latar belakang yang menarik. Beliau berasal daripada seorang guru Melayu biasa dan dengan tenaga sendiri telah mencapai akademik yang perlu bagi seorang ahli politik. Beliau pernah dua kali menjadi Setiausaha Agung UMNO. Kariernya sebagai seorang diplomat sangat berjaya tetapi kekalahannya dalam pilihan raya tahun 1969 memalapkan sinar bintangnya. Bagaimanapun, berasas kepada sifat-sifat yang tekun, tabah dan cekal untuk mencapai sesuatu, boleh jadi masa depannya kembali cerah.

Senu Abdul Rahman terpaksa mengalah kepada keadaan kerana perubahan iklim politik menuntut beliau berkorban demi kebaikan parti UMNO. Maka Senu memutuskan untuk melepaskan jawatan Ketua Pemuda UMNO kepada Datuk Harun Idris pada tahun 1971 dan enam tahun kemudian jawatan Setiausaha Agung UMNO. Perlepasan dalam parti ini adalah tanda-tanda awal pengunduran beliau daripada kegiatan politik. Pada tahun 1982, beliau tidak lagi bertanding dalam pilihan raya dan melepaskan jawatan terakhirnya sebagai Ketua UMNO Bahagian Kuala Kedah pada 30 Ogos 1982. Peranan dan sumbangan beliau bagaikan dilupakan oleh orang-orang UMNO, terutama generasi baru meskipun jasanya kepada UMNO dan Kedah, khususnya begitu ketara, besar dan sukar ditandingi.

Senu Abdul Rahman meninggalkan kepada anak bangsanya buah fikiran dalam bentuk penulisan buku. Pada tahun 1976, beliau menulis buku yang berjudul





*Keselamatan Sudah Tidak Terjamin?*²⁴ Kandungannya antara lain berasaskan pengalaman sendiri semasa menjadi Duta Besar di Indonesia, 1957 hingga 1962. Buku ini turut membahas falsafah perjuangan UMNO. Bagi Senu, falsafah UMNO ialah demokratik nasionalisme atau kebangsaan yang berdasarkan demokrasi. UMNO berpendapat dasar inilah sahaja yang dianggap realistik dan paling sesuai untuk membentuk dan menyatupadukan bangsa. Senu berpendapat, 'Nasionalisme yang tidak berdasarkan demokrasi akan membawa Malaysia ke jurang kehancuran, iaitu melahirkan perpecahan dan keruntuhan di antara rakyat Malaysia.' Beliau meninggal dunia pada 16.6.1995 ketika berusia 76 tahun. Buku *Revolusi Mental*²⁵ yang diusahakan bersama para intelek Melayu itu sebagai tanda peringatan tentang keperihatinannya kepada perpaduan umat Melayu.



5.2.5 Syed Nasir Ismail

Syed Nasir Ismail dilahirkan pada tanggal 17.3.1921, di Batu Pahat, Johor. Beliau telah mendapat pendidikan awal di Sekolah Bandar Tinggi, Batu Pahat. Beliau menyambung pelajaran ke Sekolah Inggeris dan lulus peperiksaan Senior Cambridge pada tahun 1938, diikuti dengan kerjaya sebagai pendidik. Bagi banyak orang, nama Syed Nasir Ismail adalah sebatian dengan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP). Ini tidaklah menghairankan kerana pada zaman beliau menjadi Ketua Pengarah DBP-lah

²⁴ Buku terbitan Pustaka Antara Kuala Lumpur 1976 ini menceritakan tentang ancaman pengganasan komunis yang ingin meluaskan pengaruhnya di Malaysia.

²⁵ Buku ini disusun oleh Senu Abdul Rahman bersama rakan-rakan, terbitan Utusan Melayu 1970 dan dicetak sebanyak 3,000 naskah pada 1971. Tujuan buku ini diterbitkan sebagai cara Pemuda dalam menyedarkan orang Melayu mengenai masa depan mereka dalam sebuah negara yang baru merdeka. Ia mengandungi penyelidikan mengenai kedudukan orang Melayu termasuk bilangan mahasiswa mengikut kaum di Universiti Malaya pada tahun 1968.





perjuangan mementapkan Bahasa Kebangsaan kita dilakukan dengan pesatnya. Hasil pahit getir memperjuangkan bahasa itulah nama DBP dan Syed Nasir Ismail menjadi sebutan dan tidak dapat dipisahkan dari bahasa kita hinggalah ke hari ini.

Syed Nasir Ismail terpilih sebagai pelatih penolong nazir di SITC pada tahun 1939 hingga September 1940 dengan mendapat sijil Pangkat II.²⁶ Semasa menuntut di SITC, beliau pernah memenangi Hadiah Membaca Al-Quran, serta menjadi Pengawas Rumah A. Dalam bidang kokurikulum pula beliau menganggotai pasukan Pengakap, Bomba dan Ambulance di samping ahli Kelab Menjilid. Pada masa beliau mengikuti latihan nazir di SITC, terdapat dua orang lagi pelatih penolong nazir dari negeri Johor iaitu Rahmad Haji Ismail dan Muhammad bin Ahmad.²⁷ Mulai tahun 1941, Syed Nasir dilantik sebagai nazir sekolah di Batu Pahat, Johor. Jawatan ini beliau pegang selama 19 tahun sehinggalah beliau diberi tugas yang lebih mencabar. Pada tahun 1949, beliau dilantik pula sebagai Nazir Sekolah-Sekolah Melayu Johor Selatan. Daripada tugas sebagai nazir untuk Johor Selatan ini, Syed Nasir akhirnya dilantik sebagai nazir bagi seluruh negeri Johor. Jawatan ini beliau pegang sehinggalah ke tahun 1955. Dalam tempoh yang singkat itu, beliau telah sempat melawat sekolah dan melihat sendiri bagaimana keadaan sebenarnya di sekolah-sekolah Melayu. Pengalaman sebagai nazir ini terutamanya telah memberi kesedaran kepada Tun Syed Nasir tentang betapa ketinggalannya bangsa Melayu, terutama dalam pendidikan dan ekonomi. Salah satu cara menanganinya ialah melauai pertubuhan yang khusus memperjuangkan nasib mereka. Pertubuhan yang paling lantang memperjuangkan nasib umat Melayu ketika itu ialah UMNO.

²⁶ Lihat senarai “Murid-murid Yang Berkhatam Pada Bulan September 1940, Bersamaan Dengan Akhir Sha’ban 1359” dalam *Chendera Mata Sultan Idris Training College*, Bil. 36, Mei 1941.

²⁷ *Ibid.*





Kegiatan Syed Nasir Ismail dalam UMNO tidaklah ketara sangat kepada masyarakat luar parti tetapi dalam parti beliau bergerak aktif; sama seperti rakan-rakan sebaya seperti Tun Dr. Ismail bin Dato' Abdul Rahman, Tun Sardon Jubir dan pemuda-pemuda seperjuangan yang lain di Johor ketika itu. Kegiatan beliau bukan setakat di peringkat negeri Johor, malah hingga ke peringkat pusat di Kuala Lumpur. Misalnya, Syed Nasir Ismail adalah salah seorang anggota Majlis Tertinggi (MT) UMNO. Semenjak tahun 1956 dari Johor bersama-sama Dr. Ismail (Naib Yang Dipertua), Sardon Jubir (Naib Yang Dipertua mewakili Pergerakan Pemuda) dan Syed Jaafar Albar (Ketua Penerangan). Kesemua tokoh ini merupakan orang yang banyak menyumbang kepada kemerdekaan negara termasuklah Syed Nasir Ismail.

Bagi Syed Nasir Ismail, beliau banyak menyumbang tenaga melalui pendidikan kepada anak bangsanya kerana menurut beliau “pengetahuan itu kekuasaan”, yang boleh difahami iaitu kekuasaan itu terbit daripada pengetahuan, maka pengetahuan itu adalah hasil daripada pelajaran.²⁸ Beliau menyeru agar kerajaan membuka dan menganjurkan sesuatu perjalanan baharu bagi memperbaiki kedudukan bangsa Melayu dalam pelajaran dan bagi mengatasi kelemahan bangsa Melayu dalam lapangan ini. Bagi beliau, pendidikan bangsa Melayu perlu diberi keutamaan walaupun bangsa-bangsa lain juga tinggal di negara ini kerana katanya;

Dalam perlembagaan Tanah Melayu yang merdeka, ada menyebutkan keutamaan yang patut diberi kepada bangsa Melayu dan kerana bangsa Melayu jugalah yang menjadi pelopor dan mengambil bahagian yang besar dalam perjuangan memerdekakan Tanah Melayu ini, dengan mengorbankan tidak sedikit pula daripada hak-haknya.²⁹

²⁸ Syed Nasir Syed Ismail, “Kemerdekaan Negara Membawa Kepada Kemerdekaan Pelajaran” dalam *Bingkisan Merdeka*, Kuala Lumpur: Persekutuan Guru-Guru Melayu Selangor, 1957, h. 25.

²⁹ *Ibid*, h. 26.





Dalam Majlis Tertinggi UMNO, Syed Nasir Ismail memang berani menyuarakan apa yang diperjuangkannya, Beliau mempunyai pendirian yang tegas dan mengamalkan dasar 'berani kerana benar,' Beliau tidak akan teragak-agak menyuarakan pandangan beliau mengenai satu-satu isu itu, walaupun beliau sedar yang ia mungkin tidak disenangi oleh pihak atasan. Beliau pernah bertikam lidah dengan Tunku mengenai nasib orang Melayu. Beliau melahirkan rasa bimbang kerana, orang Melayu sangat sedikit mendapat faedah daripada kemerdekaan yang mereka perjuangkan itu.

Kebanyakannya orang akan jadi lembut, kalaupun tidak mengalah apabila dibidas sedemikian oleh ketua; tetapi lain halnya dengan Syed Nasir Ismail. Beliau seterusnya mengingatkan supaya Tunku dan UMNO tidak sepatutnya berpuas hati dengan hanya, 'satu suku cawan yang diperolehi oleh orang Melayu, sedangkan puak-puak lain boleh dapat lebih daripada satu cawan.' Suara lantang Syed Nasir Ismail bukanlah tidak ada risikonya. Ada pihak yang berpendapat bahawa oleh sebab kelantangannya itulah maka beliau tidak dilantik menyertai kabinet, padahal seorang tokoh yang kanan dalam parti, sementara kaliber dan semangat juangnya amat nyata sekali. Namun ada juga yang berpendapat bahawa di luar kabinetlah tempat yang paling sesuai untuk beliau jika mahu bersuara lantang kerana jika dalam kabinet ada banyak pantang larangnya.

Inilah yang dilakukan oleh Syed Nasir Ismail, khususnya dalam usaha memperjuangkan Bahasa Kebangsaan. Semasa belaiu menjadi Ketua Pengarah DBP (1957-1968), misalnya berbagai-bagai aktiviti kebahasaan dijalankan, baik di peringkat kebangsaan mahupun di peringkat negeri dan daerah. Oleh sebab itulah





Program Bulan Bahasa dan Minggu Bahasa menjadi aktiviti yang amat popular pada tahun-tahun 1950-an dan 1960-an. Setelah meninggalkan DBP, Syed Nasir Ismail menjawat jawatan Pengerusi Lembaga Padi dan Beras Negara. Kemudian dalam tahun 1974, beliau dilantik menjadi Timbalan Speaker Parlimen. Empat tahun kemudian, iaitu pada tahun 1978, beliau dinaikkan pangkat untuk menjawat jawatan Speaker penuh sehingga ke akhir hayatnya.³⁰ Selain terlibat dalam politik dan bergiat dalam aktiviti kebahasaan dan kesusasteraan, Syed Nasir Ismail, juga banyak menyumbang tenaga dalam pergerakan badan-badan bukan kerajaan (NGO). Beliau banyak terlibat dalam pergerakan pengakap dan pernah menjadi pesuruhjaya ibu pejabat pergerakan tersebut. Beliau juga pernah menjadi ahli Majlis Pusat dan Jawatankuasa Eksekutif, Persatuan Sejarah Malaysia.



dalam Pertandingan Membaca Quran atau yang seperti yang lebih dikenali kemudiannya sebagai Musabaqah Membaca al-Quran. Setiap tahun, iaitu sekitar tahun 1970-an, beliau diberi kepercayaan mengendalikan acara itu dengan cemerlangnya; mengharumkan lagi nama negara, terutama dalam kalangan Pertubuhan Negara-Negara Islam (OIC). Di samping itu, Syed Nasir Ismail juga pernah memegang jawatan sebagai Pengerusi Yayasan Dakwah Islamiah. Di peringkat antarabangsa, beliau pernah menjawat jawatan Presiden, Pertubuhan Antara Parlimen (AIPO).³¹ Pendek kata, menerusi sumbangan dan keterlibatannya, Syed Nasir Ismail bukan sahaja dikenali dalam negeri, tetapi juga di luar negeri. Watikah Perisytiharan Tarikh Kemerdekaan yang dibaca oleh Tunku Abdul Rahman pada tanggal 20 Februari 1956 di Bandar Hilir, Melaka disusun oleh Syed Nasir Ismail

³⁰ Khairul Azmi Mohamad & A.F. Yassin, *op cit.*, h. 130.

³¹ *Ibid*, h. 131.



bersama-sama Senu Abdul Rahman dan ditulis oleh Encik Ibrahim Mahmood (Pengarang Akhbar Merdeka). Syed Nasir Ismail dilantik menjadi Pro-Canselor UKM antara tahun 1977 hingga 1982. Beliau menerima Ijazah Kehormat Doktor Persuratan dari UKM pada tahun 1978.³² Beliau meninggal dunia pada 16 Mac 1982.

5.2.6 Abdul Ghafar Baba

Abdul Ghafar Baba dilahirkan di Kuala Pilah pada 18.2.1925 sementara ibu bapanya berasal dari Melaka. Bapa beliau, Baba bin Abdullah berasal dari Sungai Udang sementara ibunya, Saodah binti Salleh berasal dari Kampung Bemban. Abdul Ghafar merupakan anak keenam dari sembilan orang adik-beradik. Menjelang usianya lapan tahun, kedua-dua ibu bapanya meninggal dunia.

Abdul Ghafar Baba kemudiannya tinggal bersama bapa saudaranya. Oleh kerana kerana hidup bapa saudaranya itu kais pagi makan pagi, kais petang makan petang, maka Abdul Ghafar Baba terpaksa berdikari, hidup sendiri. Beliau pernah menjadi budak pemungut bola tenis kepada Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan, Tuanku Abdul Rahman, pernah menjual kayu api dan pernah menjual aiskrim di sekolah. Keluarga beliau hidup dalam gelombang kemiskinan yang mencengkam, menghimpit dan menghempas kehidupan sejak mula lahir ke dunia lagi.³³

³² Abdul Halim Ali & Raja Ahmad Shalaby Raja Hassan, *op cit.*, h. 94.

³³ Alias Mohamed, *Tun Abdul Ghafar Baba Dalam Kenangan*, Kuala Lumpur: Gateway Publishing House, 2012, h. 4.

Tekanan hidup susah yang dialami mematangkan Abdul Ghafar Baba. Beliau sedar tentang pentingnya pendidikan kerana melalui pendidikan sajalah keadaan hidupnya boleh berubah. Ini mendorong beliau pergi ke Sekolah Melayu Kuala Pilah dan kemudiannya pada tahun 1938 (ketika berusia 13 belas tahun), beliau berpindah ke Melaka untuk menyambung pelajaran di sekolah Melayu Tangga Batu. Perang Dunia Kedua membantutkan peluang Abdul Ghafar Baba untuk melanjutkan pelajaran ke Sultan Idris Training College, Tanjong Malim, Perak. Hanya setelah perang tamat, barulah peluang itu tercapai setelah dapat memasuki SITC dari tahun 1946 hingga 1949. Di SITC, beliau dilantik untuk menjadi Ketua Kelas pada tahun pertama dan kedua, manakala pada tahun ketiganya dipilih menjadi Ketua Murid. Beliau menamatkan pengajian di SITC pada bulan Jun 1949 dengan mendapat Pangkat I.³⁴

kian menyerlah. Beliau berjaya memperjuangkan tambahan *Cost of Living Allowance* penuntut SITC daripada \$10.00 kepada \$30.00 sebulan pada tahun 1948.³⁵ Beliau juga berjaya memperjuangkan penuntut SITC yang diusir balik ke kampung kerana mengadakan mogok besar pada tahun 1949. Mogok ini dilakukan oleh penuntut kerana mereka terpaksa menyediakan kad-kad huruf, perkataan, ayat dan gambar untuk latihan mengajar. Kejayaan itu telah meningkatkan lagi kepimpinan Abdul Ghafar Baba; beliau tambah disegani dan dikenali sebagai sangat bertanggungjawab. Beliau juga aktif dalam bersukan terutamanya ping pong mewakili Rumah A.³⁶ Setelah tamat pengajian di SITC, Abdul Ghafar Baba kembali mengajar di Melaka. Oleh kerana keterlibatannya dalam Kesatuan Guru-Guru Melayu Melaka (KGMM)

³⁴ Chendera Mata Sultan Idris Training College, Bil. 42, Okt. 1949, h. 65.

³⁵ Abu Bakar Nordin (et al.), *Aspirasi Kebitaraan: Ibu Kandung Suluh Budiman*, Tanjong Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris, 2003, h. 124.

³⁶ Chendera Mata Sultan Idris Training College, Bil. 39, Jan. 1948, h. 61.



sebagai setiausaha, Abdul Ghafar Baba bukan sahaja dalam perhatian pegawai-pegawai Inggeris tetapi selalu ditukarkan sekolah. Namun beliau tetap tabah menghadapi tugas, pagi-pagi lagi meninggalkan rumah sehingga lewat malam baru pulang, malah kadang-kadang langsung tidak pulang ke rumah.

Penglibatan Abdul Ghafar Baba dalam politik bermula apabila beliau menyertai Kesatuan Melayu Muda (KMM) pada tahun 1940. Beliau sering menghadiri perhimpunan dan mengikuti ceramah oleh pemimpin-pemimpin KMM ketika itu yang dipimpin oleh Ibrahim Haji Yaacob. Apabila Jepun kalah, sebuah parti untuk orang Melayu iaitu Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM) ditubuhkan, Abdul Ghafar Baba turut menyertainya pada tahun 1946.³⁷ Oleh kerana terlalu radikal terutama pergerakan pemudanya - Angkatan Pemuda Insaf (API), PKMM telah diharamkan dalam tahun 1948.³⁸ Beliau tidak menyertai mana-mana parti selama tiga tahun, sebaliknya menumpukan perhatian terhadap KGMM sahaja, tetapi apabila Tunku Abdul Rahman dipilih menjadi presiden UMNO menggantikan Dato' Onn pada tahun 1951, Abdul Ghafar Baba pun menyertai parti itu. Pengalamannya berjuang memimpin KGMM amat berguna dan dengan segera kebolehanannya itu segera mendapat perhatian Tunku. Beliau dipilih menjadi Ahli Jawatankuasa UMNO Cawangan Masjid Tanah dan kemudiannya dilantik memegang jawatan Setiausaha UMNO negeri Melaka dari tahun 1951 hingga 1955.³⁹

³⁷ Alias Mohamed, *Ghafar: A Biography*, Petaling Jaya: Pelanduk Publications, 1993, h. 31.

³⁸ Khairul Azmi Mohamad & A.F. Yassin, *Insan Pejuang Bangsa Melayu Abad Ke-20*, Johor Bahru: Yayasan Warisan Johor, 2000, h. 60.

³⁹ Abu Bakar Nordin, (et al.), *Aspirasi Kebitaraan: Ibu Kandung Suluh Budiman*, Tanjong Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris, 2003, h. 128.





Dalam tahun yang sama, Abdul Ghafar Baba dipilih memegang jawatan Pengerusi UMNO Melaka dan awal 1957 telah dilantik pula ke Majlis Kerja Tertinggi UMNO Malaya. Pada 15 Januari 1958, beliau dilantik menjadi Ketua Penerangan UMNO, menggantikan Tan Sri Syed Jaafar Albar. Oleh itu penglibatan beliau bukan saja setakat di peringkat negeri Melaka tetapi meliputi seluruh negara. Kaliber serta kepimpinan yang ditunjukkan oleh Abdul Ghafar Baba itu telah mendorong Tunku melantik beliau, ketika itu hanya berusia 34 tahun sebagai Ketua Menteri Melaka pada tahun 1959. Kecekapan Abdul Ghafar Baba mentadbir negeri Melaka termasuk kejayaan mengetuai Jawatankuasa Sambutan Perisytiharan Tarikh Kemerdekaan Tanah Melayu pada tahun 1956, tambah memikat hati Tunku. Melihat kebolehannya itu, tetapi menyedari bahawa Abdul Ghafar Baba hanya tamat darjah VI dan mempunyai Sijil Perguruan SITC sahaja, Tunku telah mencadangkan Abdul Ghafar Baba menyambung pelajaran ke luar negeri dengan biaya kerajaan persekutuan, tetapi beliau telah menolaknya.

Dalam tahun 1957, atas permintaan Tunku, Abdul Ghafar Baba menerima tawaran untuk memegang jawatan Pengerusi MARA. Kalau sebelumnya beliau banyak beri perhatian terhadap membasmi kemiskinan di Melaka, sebagai Pengerusi MARA beliau berpeluang pula menumpukan perhatian yang sama terhadap membasmi kemiskinan di luar bandar seluruh negara. Untuk memberi perhatian sepenuhnya kepada tugas di MARA, Abdul Ghafar Baba meletakkan jawatan Ketua Menteri Melaka pada 5 Oktober 1967.⁴⁰ Pada 25 Januari 1968, beliau dilantik pula sebagai Senator, diikuti dua bulan kemudian dengan lantikan sebagai Menteri Tidak Berportfolio, bertugas membantu Tun Abdul Razak dalam hal ehwal kemajuan luar

⁴⁰ Khairul Azmi Mohamad & A.F. Yassin, *op cit.*, h. 62.





bandar. Setahun kemudian beliau pula dilantik sebagai Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar selepas memenangi pilihan raya umum 1969, membolehkan beliau memainkan peranan terus bagi membantu, terutamanya masyarakat Melayu luar bandar.⁴¹

Selepas peristiwa 13 Mei 1969, Abdul Ghafar Baba selaku Pengerusi MARA dan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, beliau memainkan peranan penting dalam merangka Dasar Ekonomi Baru (DEB) yang dibentuk pada tahun 1971. Abdul Ghafar juga ditugaskan mengetuai satu jawatankuasa tidak rasmi oleh UMNO untuk mengkaji dan memperbaiki masalah perselisihan kaum. Seterusnya pada tahun 1974, beliau dilantik pula sebagai Setiausaha Barisan Nasional dan dalam pilihan raya tahun yang sama, dilantik pula sebagai Pengarah Pilihan Raya BN. Demikianlah kepercayaan yang diberi kepada Abdul Ghafar Baba oleh Tun Abdul Razak, tetapi apabila Tun Abdul Razak meninggal dunia pada 14 Jun 1976 dan Tun Hussien Onn menjadi Perdana Menteri, beliau menumpukan perhatian terhadap bidang perniagaan di samping mengekalkan kedudukannya dalam UMNO sebagai Naib Presiden dan dalam BN sebagai Setiausaha Agung. Namun, 10 tahun selepas meninggalkan kerajaan, iaitu dalam bulan Mei 1986, Abdul Ghafar Baba diminta oleh Perdana Menteri ketika itu, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad untuk mengisi kekosongan kerusi Timbalan Perdana Menteri, menggantikan Dato' Musa Hitam yang meletak jawatan.⁴² Pengalaman dan kesetiaan Abdul Ghafar Baba dalam UMNO yang memegang jawatan Naib Presiden lebih 25 tahun, telah membolehkan beliau

⁴¹ Ghafar Baba, *Pendamai: Antara Cabaran dan Pergolakan*, Petaling Jaya: Pelanduk Publication, 1988, h. vi.

⁴² *Ibid.*





bekerjasama rapat dengan Datuk Seri Dr. Mahathir sehingga berjaya memulihkan kemelesatan ekonomi negara yang menimpa negara sekitar tahun 1980-an.

Abdul Ghafar Baba meletak jawatan sebagai Timbalan Perdana Menteri pada 1987 dan tempatnya telah diambil alih oleh Datuk Seri Anwar Ibrahim. Beliau kembali ke alam perniagaan, namun tidak lupa langung dalam bidang politik. Dalam pilihan raya yang terakhir, Abdul Ghafar Baba terpilih di kawasan Batu Berendam. Walaupun beliau sibuk dengan perjuangan UMNO dan orang Melayu, faktor pendidikan tidak pernah dikesampingkan. Ideanya dalam KGMM tetap menitikberatkan sumbangan dan peranan para guru dalam pembangunan negara. Oleh itu, beliau sering menyarankan agar para guru meningkatkan profesionalisme perguruannya selain menyatupadukan guru. Baginya, pendidikan harus memupuk semangat muhibah dan perpaduan negara. Beliau kembali ke rahmatullah pada 24 April 2006 dan disemadikan di Makam Pahlawan Masjid Negara.

5.3 Tokoh Pemikir

Golongan cerdik pandai Melayu merupakan orang yang mempunyai tahap pemikiran yang tinggi berbanding orang lain atau mempunyai kepandaian luar biasa serta diiktiraf kepandaian mereka melalui tindakan, percakapan ataupun tulisan. Mereka ini disebut golongan ‘cendikiawan’. Antara cendikiawan Melayu dari SITC yang terkenal ialah seperti Zainal Abidin Ahmad (Za’ba), Muhammad Yusof Ahmad, Zainal Abidin Mohd Ali dan Aminuddin Baki.





5.3.1 Zainal Abidin Ahmad (Za'ba)

Za'ba dilahirkan pada 16.9.1895 di Kampung Bukit Kerdas, Negeri Sembilan dan menerima didikan awal di Sekolah Melayu Linggi dari tahun 1907 hingga 1909. Kemudiannya beliau menerima pendidikan Inggeris di St. Pauls' Institution Seremban dari tahun 1910 hingga 1915 dengan kelulusan *Senior Cambridge*. Za'ba mula bertugas sebagai guru bahasa Melayu pada Jun 1916 di Bukit Zaharah Government English School, sebulan kemudian beliau mula mengajar di Johor Government English College. Dua tahun kemudian, pada 1.10.1918, beliau berkhidmat sebagai guru bahasa MCKK. Pada masa yang sama, beliau memasuki kelas *Senior Normal Education* selama dua tahun di Taiping. Setelah lulus peperiksaan pada 1.10.1921, beliau dilantik sebagai guru terlatih Gred I.⁴³



Za'ba banyak menyumbang rencana di dalam majalah *Pedoman Belia* yang kemudiannya ditukar sebagai majalah *Pengasuh* dan diterbitkan pada 1923. R.O. Winstedt yang sudah lama memerhati perkembangan penulisan Za'ba mencadangkan beliau menulis dalam *Journal of Straits Branch of Royal Asiatic Society*. Pada tahun 1923, beliau berkhidmat di pejabat Penolong Pengarah Pelajaran Negeri-Negeri Melayu Bersekutu dan Negeri-Negeri Selat sebagai penterjemah. Ketika ini juga Za'ba berusaha menubuhkan Persatuan Penulis Melayu Kuala Lumpur yang kemudiannya dikenali sebagai *The Malay Literary Society Kuala Lumpur* (1924). Pada 1.4.1924, Za'ba mula berkhidmat di SITC sebagai penterjemah di Pejabat Penterjemah yang akhirnya ditukar nama kepada Pejabat Karang Mengarang SITC oleh R.O. Winstedt dengan gaji permulaan sebanyak \$2,280 setahun, pendapatan yang

⁴³ *Record of Service and Leave Sultan Idris Training College*, Vol. II, No. 3.





agak lumayan pada waktu itu.⁴⁴ Tugas beliau di Pejabat Karang Mengarang SITC ini ialah menerbitkan buku-buku teks, *The Malay School Series*. Setelah selesai pada 1929, Za'ba ditugaskan mengendali penerbitan buku-buku *The Malay Home Library Series*. Beban tugas Za'ba bertambah berat apabila beliau ditugaskan mengetuai Bahagian Pelajaran Bahasa Melayu di SITC. Seterusnya pada 1939, Za'ba dipindahkan ke Singapura dan berkhidmat di Jabatan Penyiaran sebagai juruhebah perang di Radio Malaya Singapura.⁴⁵ Semasa pendudukan Jepun di Singapura, Za'ba kekal berkhidmat di bahagian penyiaran sebagai Ketua Penerangan Berita Radio.

Setelah Jepun meninggalkan Tanah Melayu, Za'ba kembali bertugas di Kuala Lumpur sebagai penterjemah bahasa Melayu. Kerja-kerja penterjemahan ini terus dilaksanakannya sehinggalah beliau dilantik sebagai penterjemah kanan bahasa Melayu pada tahun 1946. Pada tahun 1953, Za'ba seterusnya dilantik menjadi pensyarah bahasa Melayu di School of Oriental and African Studies di University of London. Di samping mengajar, beliau belajar dalam program sarjana muda. Ketika berada di SITC, beliau menulis dua buah buku tatabahasa yang menjadi pegangan dan kajian para pengkaji bahasa sehingga hari ini, iaitu buku *Pelita Bahasa Melayu I & II* (1926) dan *Ilmu Mengarang Melayu* (1934). Selain itu, beliau turut mengarang buku *Rahsia Ejaan Jawi* pada tahun 1929 dan *Daftar Ejaan Melayu: Rumi-Jawi* (1938) dan tiga jilid dalam siri *Pelita Bahasa Melayu* (1940, 1946 dan 1949).

Peranan Za'ba dalam meningkatkan serta memartabatkan bahasa Melayu bersama-sama dengan Harun Aminurrashid, Mohamed Nor Ahmad, Abdul Rahman Talib, Senu Abdul Rahman dan Syed Nasir Ismail yang merupakan semuanya tokoh-

⁴⁴ *Ibid.*

⁴⁵ Abdul Halim Ali & Raja Ahmad Shalaby Raja Hassan, *op cit.* h. 78.





tokoh dari SITC berjaya menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi negara pada tanggal 1 September 1967. Manakala seorang lagi tokoh kelahiran SITC iaitu Mansor Sanusi, seorang pengarang yang aktif dan berjaya menubuhkan syarikat percetakan buku untuk kegunaan sekolah-sekolah kebangsaan dalam negara iaitu Syarikat Penerbitan Saudara Sinaran Berhad di Pulau Pinang.⁴⁶ Ini mendorong kepada peningkatan buku-buku dan majalah dalam bidang pelajaran anak-anak Melayu di samping menyebarkan fahaman nasionalisme kepada orang-orang Melayu.

Pada tahun 1956, Za'ba dianugerahi gelaran Pendeta oleh Kongres Bahasa dan Persuratan Melayu III di Johor Bahru. Tiga tahun kemudian, iaitu pada tahun 1959, Za'ba dianugerahi pula dengan Ijazah Doktor Kehormat Kesusasteraan Melayu oleh Universiti Malaya. Pada tahun 1962, beliau dianugerahi bintang Panglima Mangku Negara (P.M.N) bergelar Datuk (kemudiannya Tan Sri) dan pada Jun 1973, dianugerahi pula Ijazah Doktor Kehormat Persuratan Melayu oleh Universiti Kebangsaan Malaysia.

5.3.2 Muhammad Yusof Ahmad

Muhammad Yusof Ahmad ialah adik Pendita Za'ba, dilahirkan pada 17.9.1900 di Kampung Batu Kikir, Negeri Sembilan dan mendapat pendidikan awal di Sekolah Melayu Batu Kikir, kemudiannya ke Sekolah Melayu Linggi dan tamat darjah lima pada tahun 1908. Muhammad Yusof berjaya menamatkan pelajaran dari darjah satu hingga darjah lima selama dua setengah tahun di MCKK. Kerjaya gurunya bermula

⁴⁶ Masman Selamat, "Peranan MPSI Dalam Memperjuangkan Kedaulatan Bahasa Kebangsaan" dalam *Cenderamata Maktab Perguruan Sultan Idris*, 1966, h. 24.



seawal usianya 13 tahun, penglibatannya dalam pelbagai aktiviti tidak menjejaskan kebolehannya dalam bidang pengajaran. Muhammad Yusof amat mementingkan penguasaan bahasa Inggeris dalam kalangan pelajar Melayu. Menurutnya, jika orang Melayu ingin maju dalam pentadbiran Inggeris, harus menguasai bahasa Inggeris. Setelah hampir tujuh tahun mengajar, Muhammad Yusof dilantik sebagai Penolong Nazir Sekolah-sekolah Selangor mulai 1.2.1920.⁴⁷

Semasa pemerintahan Jepun dari tahun 1942-1945 di Malaya, Muhammad Yusof merupakan pegawai pentadbir yang baik-baik dan bekerjasama dengan Jepun walaupun pada asalnya beliau sangat setia kepada Inggeris. Ini semata-mata untuk menyesuaikan diri dengan realiti baru pada masa itu, di mana beliau merupakan seorang Pegawai Kanan Pelajaran Tanah Melayu. Bekerjasama dan baik-baik dengan Jepun tidak dapat dielakkan kerana hanya dengan cara ini orang kampung atau keluarganya dapat mengelakkan diri daripada ditangkap dan diperlakukan dengan zalim oleh tentera Jepun. Beliau juga mempunyai ramai kawan yang terdiri daripada pegawai kanan British, pegawai polis, hakim, majistret dan pegawai daerah.

Selepas Jepun meninggalkan Tanah Melayu, beliau diberi jawatan sebagai Penolong Pengetua Melayu pertama SITC dari tahun 1946 hingga 1 Mei 1950.⁴⁸ Beliau juga dilantik menjadi Ketua Pesuruhjaya Pengakap yang pertama iaitu dari tahun 1957 hingga 1960. Muhammad Yusof juga pernah menjadi Ahli Dewan Undangan Negeri Sembilan dan pada tahun 1958 hingga 1960, beliau kemudian

⁴⁷ *Record of Service and Leave Sultan Idris Training College*, Vol. II, No. 27.

⁴⁸ *Ibid.*



dilantik sebagai Setiausaha Sulit kepada Yang di-Pertuan Agong pertama.⁴⁹ Beliau juga merupakan orang Melayu pertama yang menghantar anak perempuan ke sekolah Inggeris di Kuala Lumpur di samping Za'ba, Datuk Setia Abdul Razak (ayahanda kepada Dr. Abdul Latiff yang menjadi doktor Melayu pertama di Tanah Melayu, cucunya Tan Sri Yaacob bin Abdul Latiff, menjadi Datuk Bandar Kuala Lumpur kedua, 1972-1983), Cikgu Halimah binti Haji Muhammad (Guru Besar Sekolah Perempuan Kampung Baharu), Penghulu Ahmad dari Kuala Lumpur, Datuk Hamzah, Raja Tun Uda, Encik Ali (menghantar adiknya Cik Fatimah Musa) dan Tuan Haji Mohd Ali (ayah Tun Siti Hasmah).⁵⁰

Beliau mencetuskan semangat kepada orang Melayu agar mempelajari bahasa Inggeris untuk kemajuan dalam bidang ekonomi dan politik. Bermula dari sini, beliau meneroka pelbagai pendekatan untuk memajukan anak bangsa Melayu di samping mewujudkan sebuah negara yang harmoni dan aman menerusi pendidikan Melayu-Inggeris. Atas ideanya itu, tertubuhlah *Special Malay Class*, dan sekolah-sekolah penghantar bahasa Inggeris. Sekolah Rendah Kebangsaan Inggeris Linggi ditubuhkan pada tahun 1955 dan seterusnya Sekolah Menengah Kebangsaan Inggeris bagi memberi peluang kepada anak-anak Melayu bersekolah Inggeris.⁵¹ Maka ramailah anak Melayu dihantar ke sekolah aliran Inggeris seperti MCKK. Dari sini, lahirlah cendekiawan Melayu dan pejuang-pejuang kebangsaan yang mendapat pendidikan Inggeris seperti Raja Chulan Raja Abdullah, Dato' Onn Ja'afar dan Muhammad

⁴⁹ Salim Haji Taib & Mahaya Mohd Yassin dalam *Karisma PEN: Biografi Penulis Negeri Sembilan*. Seremban: Kerajaan Negeri Sembilan Darul Khusus dan Persatuan Penulis Negeri Sembilan (PEN), 2005, h. 153.

⁵⁰ Muhammad Yusof bin Ahmad, "Pelajaran bagi anak-anak Melayu: selang pandang ke masa lampau", dalam *Cenderamata Majalah Guru: Jubli Emas 1924-1974 (Keluaran Khas)*, h. 14.

⁵¹ Abdul Halim Ali & Raja Ahmad Shalaby Raja Hassan, *op cit.*, h. 60.





Eunos Abdullah. Kumpulan berpendidikan Inggeris ini merupakan golongan yang mempunyai arah pemikiran yang lebih terbuka dan dilihat oleh British sebagai lebih liberal dan boleh diajak berunding.

Faktor intergrasi antara kaum turut mendapat perhatian utama Muhammad Yusof. Beliau menjadikan pekan Linggi sebagai pekan yang mempunyai SRK Cina, SR dan SMK Inggeris, selain sekolah Melayu dalam satu kawasan yang sama. Seperti kebanyakan guru yang seangkatan dengannya, Muhammad Yusof juga aktif dalam badan beruniform terutamanya pasukan pengakap, namun kebijakan guru-guru SITC tidak pernah diabaikan kerana beliau adalah penolong pengetua Melayu. Beliau kemudian menubuhkan Persatuan Guru-Guru Melayu Selangor yang bertujuan untuk menjaga kebijakan dan kepentingan guru-guru. Hasil kepakaran dan idea bernasnya



dalam pendidikan, beliau dilantik sebagai salah seorang anggota dalam Jawatankuasa Pelajaran Pusat yang bertanggungjawab merangka Dasar Pelajaran Razak yang menjadi asas dalam pendidikan negara. Demi mengingati jasanya dalam bidang pendidikan dan perjuangan kemajuan bangsa Melayu, sebuah sekolah di bandar Linggi dinamakan Sekolah Menengah Datuk Muhammad Yusof Linggi. Sebuah bangunan pentadbiran di UPSI dinamai dengan Bangunan Yusuf Ahmad. Beliau menerima anugerah Tokoh Guru Kebangsaan 1979 dan meninggal dunia pada 19.5.1983.



5.3.3 Zainal Abidin Mohd Ali

Zainal Abidin Mohd Ali dilahirkan pada 23 Mei 1905 di Kampung Kuala Selama, Perak. Beliau mendapat pendidikan awal di kampungnya iaitu di Sekolah Melayu Kuala Selama dan lulus Darjah V pada tahun 1918. Setelah tamat Darjah V, Zainal Abidin dilantik sebagai guru pelatih di Sekolah Melayu Kuala Selama pada 1.3.1919.⁵² Beliau kemudian memasuki Maktab Perguruan Melayu Matang (MPMM)⁵³ pada 15.7.1920 untuk mendalami ilmu perguruan. Setelah tamat pengajiannya selama dua tahun di MPMM iaitu pada tahun 1922, beliau dilantik sebagai guru terlatih di Sekolah Melayu Batu Gajah, Perak mulai 1.5.1922.⁵⁴

Zainal Abidin Mohd Ali berpindah mengajar di SITC mulai 1.8.1924 (gaji \$420 p.a.).⁵⁵ Pada masa itu pengetua SITC ialah O.T. Dussek manakala Mohd Hashim bin Haji Talib menjadi guru besar. Guru-guru lain yang mengajar di SITC pada masa itu ialah G.C. Davies,⁵⁶ D.H. Ghrist,⁵⁷ Ibrahim bin Dato' Muda Linggi,⁵⁸ Abdul

⁵² *Records of Service and Leave Sultan Idris Training College*, Vol. I, No. 50.

⁵³ Maktab Perguruan Melayu Matang dibuka pada 11.10.1913. Pembukaan maktab ini telah diikuti dengan Laporan Pesuruhjaya Tinggi yang mahu gaji guru dinaikkan bagi menarik minat orang ramai supaya berkhidmat sebagai guru. Mereka yang diambil untuk berlatih di maktab tersebut hanya dari negeri Perak sahaja. Maktab tersebut ditempatkan di Istana Long Jaafar, peninggalan Orang Besar Negeri Perak. Kedudukan maktab tersebut dengan bandar Taiping lebih kurang enam batu. Pengetua pertama maktab ini ialah A. Keir yang kemudiannya menjadi Pegawai Pelajaran Negeri Perak, dan kemudian menjadi Pemangku Pengarah Pelajaran. Apabila beliau bercuti panjang pada tahun 1919 hingga 1920, pentadbiran maktab tersebut diambil alih oleh Haji Abdul Majid bin Zainuddin yang menjadi Penolong Pegawai Pelajaran Negeri Perak. Purata pelatih yang mengikuti latihan di maktab itu pada setiap tahun adalah sebanyak 25 orang. Maktab tersebut ditutup pada 26 Oktober 1922 dan semua pelatihnya dipindahkan ke SITC Tanjong Malim, Perak. Lihat *Annual Reports on Education in the Straits Settlements and the Federated Malay States for the Year 1937* yang diterbitkan di Singapore oleh Government Printing Press.

⁵⁴ *Records of Service and Leave Sultan Idris Training College*, Vol. I, No. 50.

⁵⁵ *Ibid.* Lihat juga *Principal's Diary 1922-1950, Sultan Idris Training College, Tanjong Malim*, 1.8.1924.

⁵⁶ G.C. Davies merupakan bekas pemangku pengetua Maktab Perguruan Melayu Matang. Lihat "Dari Dairi Maktab," dalam *Cenderamata Konvensyen Pendidikan Kedua*, 30.7-1.8.1977, h. 25.

⁵⁷ D.H. Ghrist bertugas di SITC dari tahun 1922 hingga 8.3.1924. Beliau mengajar dan melatih Ilmu Tanaman. Lihat *Principal's Diary 1922-1950, Sultan Idris Training College, Tanjong Malim*, 8.3.1924



Rahman bin Haji Muhyiddin,⁵⁹ Md. Hanafiah bin Haji Md. Saman,⁶⁰ Abdul Hadi bin Haji Hassan, W. Olaguera,⁶¹ Noordin bin Haji Harun,⁶² Md. Said bin Haji Husain,⁶³ Lebai Ja'afar bin Abdul Rashid,⁶⁴ Ahmad bin Abdullah⁶⁵ dan Abdul Jalal bin Taha.⁶⁶

dan Buyong bin Adil (1956), *Album Kenangan 1955-1956, S.I.T.C. Tanjong Malim*. Disusun dan diterbitkan oleh Keluarga Album Kenangan 1955-1956. Dicitak oleh Qalam, Singapore, h. 12.

⁵⁸ Ibrahim bin Dato' Muda Linggi merupakan lulusan MTC tahun 1906. Beliau menuntut di MTC mulai 1.7.1903-15.10.1906. Beliau pernah menjadi guru besar di Rantau mulai 3.2.1913, sebelum menjadi guru besar di Linggi, Negeri Sembilan mulai 1.12.1914. Beliau kemudian menjadi guru di MTC dan penterjemah di Education Department sebelum melapor diri di SITC pada tanggal 1.10.1922 dan ditugaskan mengajar Karangan Bahasa. Beliau kemudian mengajar Karangan dan Tawarikh sehingga tahun 1926 di SITC. Lihat *Buku Daftar Penuntut Maktab Melaka 1901-1910*, [no. 11] dan *Dairy College Malacca 1900-22*, [Oct. 06]. Lihat juga Ramlah Adam (1991), *Maktab Melayu Melaka: 1900-1922*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 59.

⁵⁹ Abdul Rahman bin Haji Muhyiddin diahirkan pada 10.10.1897, di Kg. Kelatang, Alor Gajah, Melaka. Beliau mendapat pendidikan di MTC dari 27.9.1913-1915, menjadi guru MTC (16.8.1915-1922), SITC (mulai 31.10.1922) mengajar Ilmu Alam dan Ilmu Bumi, dan menjadi guru besar Kedua SITC (1.8.1947 hingga bersara pada 5.8.1952). Lihat *Records of Service and Leave Sultan Idris Training College*, Vol. II, No. 15. Lihat juga *Chendera Mata Sultan Idris Training College*, Bil. 47, 1954, h. 27 dan Buyong bin Adil, *op cit.*, h. 12.

⁶⁰ Md. Hanafiah bin Haji Md. Saman berasal dari Telok Panglima Garang, Kuala Langat, Selangor. Beliau memasuki MTC pada 26.8.1916 dan bergraduasi tahun 1918 dengan mendapat Sijil Kelas Pertama. Beliau mengajar Tawarikh, Tulisan dan Lukisan di MTC mulai 31.8.1918 hingga 1922. Beliau kemudian berpindah ke SITC dan mengajar Ilmu Hisab dan Senaman mulai tahun 1922-1926. Lihat *Buku Daftar Penuntut Maktab Melaka 1916-1921*, [no. 21], *Diary College Malacca 1900-22*, [31.8.1918] dan Buyong bin Adil, *op cit.*, h. 12.

⁶¹ W. Olaguera berasal dari Manila, Filipina. Beliau lahir pada tahun 1892 di Daerah Albay, Filipina, lulusan dari sebuah Sekolah Pertanian, kemudiannya menjadi Penyelia Kerja-kerja Pertukangan mengawal 33 buah sekolah kampung dan 3 buah sekolah desa dalam daerahnya. Beliau datang ke Malaya dalam tahun 1917. Kedatangannya ke Malaya adalah atas usaha R.O. Winstedt yang dalam laporannya khusus menyebut bahawa adalah amat perlu mendapatkan seorang Filipino guru anyaman untuk sementara waktu bagi Maktab Melaka. Beliau bertugas mengajar anyaman di MTC sejak 8.1.1918 dan telah ditugaskan mengajar matapelajaran yang sama di Tanjong Malim pada tahun 1922. Beliau dikatakan meninggal dunia di Melaka. Lihat *Majallah Guru*, Tahun III, Bil. 6, Jun 1926, *Winstedt's Report of 1917* dan *Chendera Mata SITC*, Bil. 47, 1954, *op cit.*, h. 9.

⁶² Noordin bin Haji Harun, Selangor. Lulusan MTC pada tahun 1910. Beliau ditugaskan untuk mengajar dan melatih Ilmu Tanaman di SITC. Beliau seterusnya dilantik sebagai Guru Besar SITC pada tahun 1940 hingga 18.12.1944. Selepas itu beliau telah bertukar menjadi guru besar di Maktab Perguruan Sarawak sehingga bersara. Lihat *Indeks Buku Daftar Rekod Perkhidmatan Awam*, *op cit.*, h. 173. Lihat juga Shahrom Husain (1989). *Memoir Shahrom Husain: Selingkar Kenangan Abadi*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, h. 80 dan Buyong bin Adil, *op cit.*, h. 12.

⁶³ Md. Said bin Haji Husain. Beliau mengajar Lukisan dan Tulisan di SITC dari tahun 1922-1939. Beliau kemudian menjadi Penolong Nazir Sekolah-Sekolah Melayu di Taiping. Lihat Buyong bin Adil, *op cit.*, h. 12.

⁶⁴ Buyong bin Adil, *op cit.*, h. 12.

⁶⁵ Ahmad bin Abdullah (Ahmad Bakhtiar) berasal dari Selangor. Beliau memasuki MTC pada 17.7.1920 dan lulus tahun 1922 dengan mendapat Sijil Kelas Pertama serta memenangi hadiah 'Kawad Bersenam'.⁶⁵ Mula mengajar di SITC pada 1.2.1923 hingga Mei 1954 iaitu pelajaran Tulis Menulis. Lihat *Buku Daftar Penuntut Maktab Melaka 1916-1921*, [no. 25]. Lihat juga Ramlah Adam, *op cit.*, h. 56 dan *Records of Service and Leave Sultan Idris Training College*, Vol. I, No. 1 dan Buyong bin Adil, *op cit.*, h. 12.

⁶⁶ Abdul Jalal bin Taha, dilahirkan pada 1902 di Kg. Sawah Raja, Rembau, Negeri Sembilan. Beliau mula menjadi guru di Negeri Sembilan pada 1.3.1917, kemudiannya memasuki MTC pada 17.6.1920 dan lulus pada 21.4.1922. Beliau mula mengajar di SITC pada 12.6.1923 dan bersara pada 29.11.1956 iaitu pelajaran Bahasa Melayu dan Hikayat dan Buyong bin Adil, *op cit.*, h. 12.





Guru-guru ini merupakan yang terawal sekali mengajar di SITC sejeurus pembukaannya.

Zainal Abidin Mohd Ali dipertanggungjawabkan untuk melatih dan mengajar Ilmu Kesihatan. Beliau juga merupakan pengarang *Kitab Ilmu Kesihatan Penggal I dan II* yang menjadi buku teks penting di sekolah-sekolah Melayu pada tahun 1930-an. Pada 1.5.1925, beliau menjadi guru Gred III (gaji \$450 p.a.). Pada 1.5.1926, beliau dinaikkan pangkat sebagai Guru Terlatih Gred IIA (gaji \$600 p.a.) dan pada 1.1.1930 beliau dinaikkan pangkat lagi menjadi Guru Terlatih Gred I (gaji \$900 p.a.).⁶⁷ Sebagai seorang guru yang mengajar Ilmu Kesihatan, beliau banyak membimbing para pelajar supaya menjadi orang yang mementingkan aspek-aspek kesihatan serta berusaha memperbaiki taraf hidup keluarga. Ini kerana kebanyakan pelajar SITC terdiri daripada mereka yang datang dari kampung-kampung dan berkeluarga miskin.

Pada penghujung tahun 1930-an, muncul kesedaran politik dalam kalangan guru-guru Melayu di SITC walaupun mula tertanam di Maktab Perguruan Melayu Singapura (1878) dan Maktab Latihan Melaka (MTC) (1900), ia mula tumbuh dan berkembang di Sultan Idris Training College di Tanjong Malim. Selain daripada menerima latihan perguruan selama tiga tahun, guru-guru pelatih diberi kesedaran politik yang membentuk nasionalis yang gigih berjuang dalam pelbagai bidang kehidupan untuk kemajuang orang-orang Melayu. Hasilnya sebelum merdeka, SITC melahirkan ramai guru Melayu yang berjuang dalam parti-parti politik, tidak kira berfahaman kiri atau kanan. Contohnya Cikgu Harun Aminurrashid, Cikgu Ibrahim

⁶⁷ *Records of Service and Leave Sultan Idris Training College*, Vol. I, No. 50.



Haji Yaacob, Cikgu Hasan Manan dan Cikgu Abdul Karim Rashid menganggotai Kesatuan Melayu Muda (KMM) yang berhaluan kiri; sementara Cikgu Abdul Rahman Talib, Cikgu Senu Abdul Rahman, Cikgu Syed Nasir Syed Ismail dan Cikgu Abdul Ghafar Baba menganggotai UMNO yang berhaluan kanan. Mereka sama-sama bergiat dalam lapangan politik dengan memberi penerangan atau syarahan untuk mencetuskan kesedaran bangsa Melayu yang masih ketinggalan berbanding dengan orang Inggeris yang menjadi tuan di Tanah Melayu pada waktu itu.

Zainal Abidin Mohd Ali ditukarkan ke Pejabat Pendidikan Taiping, Perak mulai 1.1.1933 (gaji \$1,080 p.a.) sehingga tahun 1936. Pada 2.1.1937 (gaji \$1,200 p.a.), beliau menjadi Guru Pelawat Sekolah-Sekolah Daerah Tapah.⁶⁸ Enam bulan kemudian iaitu pada 1.7.1937 (gaji \$1,320 p.a.), beliau dilantik pula sebagai Penolong Nazir (Gred III) Sekolah-Sekolah Melayu Pulau Pinang dan sebagai munshi kepada Miss Castal (European Sister) di Hospital Taiping dan kemudian dinaikkan pangkat ke Gred II pada 1.7.1938 (gaji \$1,560 p.a.).⁶⁹

Berdasarkan khidmat cemerlangnya dalam bidang perguruan, beliau dipinjamkan kepada kerajaan Brunei sebagai Penguasa Pelajaran Brunei selama tujuh bulan (1.3.1939 – 30.9.1939), dan apabila kembali ke Malaysia beliau menyambung tugas sebagai Penolong Nazir Sekolah-Sekolah Melayu Pulau Pinang (1.10.1939 – 1940) sebelum ditukar ke Pahang sebagai Penolong Nazir Sekolah-Sekolah Melayu Pahang mulai 11.5.1940 (gaji \$1,680 p.a.) hingga tahun 1944. Mulai 7.10.1945 (gaji \$2,160 p.a.) beliau ditugaskan sebagai Penolong Nazir Sekolah-Sekolah Melayu Perak Utara. Apabila Jepun menyerah kalah, Zainal Abidin Mohd Ali ditugaskan

⁶⁸ *Records of Service and Leave Sultan Idris Training College*, Vol. I, No. 9.

⁶⁹ *Ibid.*



sebagai Penolong Nazir Sekolah-Sekolah Melayu di Jabatan Pelajaran Kuala Lumpur mulai 16.11.1945 (gaji \$2,400 p.a.).⁷⁰

Pada 1.6.1946, beliau ditukarkan lagi sebagai Penolong Nazir Sekolah-Sekolah Melayu Melaka dan kembali ke Pahang sebagai Penolong Nazir Sekolah-Sekolah Melayu Pahang pada 12.8.1946. Pada 1.8.1947 penyusunan semula skim gaji membolehkan beliau menerima gaji sebanyak \$4,080 setahun. Beliau kemudian dipindah ke SITC, Tanjong Malim dan dilantik sebagai Penolong Pengetua Melayu pada 1.7.1950 (gaji \$4,620 p.a.) hingga tahun 1958.⁷¹

Beliau merupakan orang Melayu pertama dilantik sebagai Penolong Pengetua SITC. Pengetua SITC pada waktu itu ialah H.L. Hodge,⁷² manakala Guru Besar ialah Cikgu Abdul Rahman bin Haji Muhyiddin. Selepas dua tahun menjadi Penolong Pengetua SITC, beliau ditawarkan melanjutkan pelajaran di Amerika Syarikat selama enam bulan (mulai 20.8.1952 hingga 19.2.1953) dan Universiti Bristol, England (mulai 20.2.1953 hingga 19.3.1953).⁷³ Pengajiannya ke Amerika Syarikat ditanggung sepenuhnya oleh kerajaan negara itu untuk mendapat pendedahan dalam ilmu pendidikan, iaitu pertama; mempelajari sistem pendidikan di Amerika Syarikat; kedua melawat tempat-tempat tertentu serta memerhati dan mempelajari kaedah mengajar, dan ketiga; bertukar-tukar fikiran serta memerhati sistem pembelajaran di sekolah-sekolah luar bandar.⁷⁴

⁷⁰ *Ibid.*

⁷¹ *Records of Service and Leave Sultan Idris Training College*, Vol. III, No. 18.

⁷² H.L. Hodge, B.A. (Hons.) London, pernah mengajar di MCKK dari tahun 1927-1928. Beliau menjadi pengetua SITC dari 1949-1950. Lihat *Record of Service and Leave Sultan Idris Training College*, Vol. III, No. 4.

⁷³ *Records of Service and Leave Sultan Idris Training College*, Vol. III, No. 9.

⁷⁴ *Chendera Mata Sultan Idris Training College*, Bil. 46, Dis. 1953, h. 48.





Sekembalinya dari luar negara, beliau menyambung tugas sebagai Penolong Pengetua SITC. Beliau merupakan pentadbir dan perancang pendidikan yang cukup berpengalaman dan berpengaruh di tanah air memandangkan jawatan yang disandangnya amat dihormati. Pandangan dan pemikiran Zainal Abidin Mohd Ali dalam bidang pendidikan amat tajam dan sentiasa menjadi rujukan kepada pegawai-pegawai kerajaan dalam menggubal sesuatu dasar. Beliau sentiasa menekankan kepentingan ilmu dan pendidikan yang sempurna dalam kalangan rakyat untuk memajukan sebuah negara yang merdeka. Dalam satu tulisan beliau memberikan pendapat:

Kita tidak pula akan faham dan tidak akan mahu mempertanggung-jawabkan tugas-tugas yang tertentu melainkan apabila tiap-tiap sa-orang dari segala peringkat telah cukup berilmu dan telah tertanam dalam hati kecil-nya akan perasaan mulia serta mengerti akan nilai harga terlepas dari menjadi abdi (jika penajahan boleh di-sifatkan sa-bagai pengabdian). Dalam pada itu tidak-lah pula sa-saorang itu akan mendapat ilmu dan perasaan mulia itu melainkan apabila telah menerima pendidikan yang sempurna. Ini bermaana chara kemerdekaan yang akan kita hadapi ini ada-lah tergantung di-atas chara pendidikan sekarang.⁷⁵

Zainal Abidin Mohd Ali telah berkhidmat sebagai Penolong Pengetua SITC di bawah lima orang Pengetua Inggeris iaitu H.L. Hodge (1949-1950), R.A. Goodchild (1950-1957), J.H. Alman (1952), T.K. Taylor (1955) dan G.F. Daniels (1957-1958).⁷⁶ Beliau pernah dipinjamkan menjadi Pensyarah Kanan di Institut Bahasa Johor Bahru selama dua bulan mulai 1.1.1958 hingga 12.3.1958 sebelum dilantik pula menjadi Pemangku Pengetua dan kemudiannya sebagai Pengetua SITC. Sewaktu beliau dipinjamkan bertugas di IBBJ, tempatnya sebagai Penolong Pengetua MPSI dipegang

⁷⁵ Zainal Abidin Mohd Ali, "Kemerdekaan Di-tinjau Dari Sa-genap Segi" dalam *Bingkisan Merdeka*. Kuala Lumpur: Persekutuan Guru-Guru Melayu Selangor, 1957, h. 43-45.

⁷⁶ Berdasarkan senarai nama-nama Pengetua SITC yang tercatat pada papan nama di Dewan Besar SITC (kini Muzium Pendidikan Nasional, UPSI). Lihat juga Abu Bakar Nordin (2000).





oleh Encik Mohd Zain bin Abdul Rashid.⁷⁷ Zainal Abidin Mohd Ali merupakan orang Melayu pertama menjawat jawatan sebagai Pengetua SITC, iaitu pengetua ke-17, menggantikan Mr. G.F. Daniels yang bertukar ke Institut Bahasa Johor Bahru.⁷⁸ Encik Mohd Zain bin Abdul Rashid kekal sebagai Penolong Pengetua di bawah Zainal Abidin Mohd Ali.

Selepas merdeka, SITC dikenali dengan nama Melayu iaitu Maktab Perguruan Sultan Idris (MPSI). Zainal Abidin bin Mohd Ali dilantik sebagai pengetua di MPSI dari 13.3.1958 hingga 31.12.1959. Sejurus selepas menjalankan tugas sebagai pengetua di S.I.T.C. beliau menulis catatan dalam *Principal's Diary* seperti berikut:

17.3.1958 – Saya mulai menjalankan kerja sa-bagai Pemangku Pengetua. Hari ini juga saya bertolak ka-Johor Bahru menghadiri mesyuarat Jawatan-kuasa Mengkaji Ejaan Rumi Baharu selama dua hari.⁷⁹



Beliau kemudian sering menghadiri Mesyuarat Jawatankuasa Mengkaji Ejaan Rumi Baharu seperti pada 30/3-2/4/1958 di Pulau Pinang, 25.4-1.5.1958 di Pantai Timur, 7-9.7.1958 dan 12.11.1958 di Kuala Lumpur. Pada 1.12.1959, beliau ke Indonesia bersama-sama jawatankuasa ini selama seminggu untuk berunding dengan jawatankuasa yang sama di Indonesia. Beliau menganggotai jawatankuasa ini sebaik sahaja dilantik sebagai Pemangku Pengetua SITC, yang berperanan mengkaji dan membuat syor-syor yang berkaitan dengan ejaan rumi baharu bahasa Melayu di Malaya. Antara anggota jawatankuasa yang lain ialah Syed Nasir Ismail, bekas Pelatih Penolong Nazir di SITC dari tahun 1941 hingga 1942, yang menjadi Ketua Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka dari tahun 1957 hingga 1969. Zainal Abidin bin Mohd Ali

⁷⁷ *Chendera Mata Maktab Perguruan Sultan Idris: Keluaran Jubilee Emas*, Bil. 50, Dis. 1958, h. 8.

⁷⁸ *Ibid*, h. 17.

⁷⁹ *Principal's Diary 1951-1977, Sultan Idris Training College, Tanjong Malim*.



juga merupakan ahli Mesyuarat Jawatankuasa Seoul Council Persekutuan Tanah Melayu yang berpusat di Kuala Lumpur.⁸⁰

Selaku pengetua di sebuah institusi pengajian tinggi yang disegani, beliau banyak menaburkan bakti untuk kemajuan pelajaran anak bangsanya. Terdapat beberapa acara atau peristiwa penting yang berlaku di MPSI sepanjang beliau memegang jawatan sebagai pengetua. Antaranya ialah lawatan Menteri Pelajaran Malaysia, Encik Md. Khir bin Johari ke MPSI pada 21.5.1958 dan lawatan Encik Lokman bin Musa pegawai dari Kementerian Pelajaran pada 23.6.1958. Semasa lawatan Menteri Pelajaran tersebut, Zainal Abidin bin Mohd Ali mengambil kesempatan untuk memohon pembinaan sebuah kutub khanah dan sebuah makmal sains yang lengkap di MPSI. Menteri Pelajaran berjanji untuk membina sebuah khutub khanah yang dapat menampung sejumlah besar penuntut dan memperbaiki makmal sains yang sedia ada serta dilengkapi dengan peralatan makmal dan kemudahan yang serba moden.

Selaku pengetua, Zainal Abidin bin Mohd Ali selalu menasihati penuntut-penuntutnya apabila menamatkan pengajian di maktab nanti hendaklah mendidik anak bangsa dengan bersungguh-sungguh untuk memajukan negara dan membebaskan negara dari belenggu kemiskinan ilmu dan harta. Beliau juga selalu memberi syarahan kepada penuntut-penuntut untuk membangkitkan semangat ‘kemelayuan’ dan ‘kebangsaan’ dalam jiwa guru-guru dan penuntut maktab, serta berusaha memartabatkan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan. Beliau pernah bersyarah

⁸⁰ *Ibid*, 5.4.1958.



dalam kursus “Bahasa Kebangsaan” di hadapan guru-guru bahasa Melayu di sekolah-sekolah bangsa asing di Pulau Pinang pada 11-12.8.1958.⁸¹

Beliau juga merupakan wakil maktab dalam Persatuan Suloh Budiman (PSB) yang ditubuhkan oleh murid-murid tua SITC sebagai badan atau jambatan bagi menghubungkan silaturrahim antara bekas-bekas pelajar maktab ini yang berkhidmat di ceruk rantau tanah air. Menerusi persatuan ini, mereka dapat berkumpul sekali sekala pada masa mesyuarat agung tahunan. Persatuan ini diterajui oleh beberapa orang bekas pelajar yang sedang berkhidmat di maktab ini. Mereka dibantu oleh beberapa orang bekas pelajar yang sedang berkhidmat di sekolah-sekolah di sekitar Tanjong Malim, Slim River dan Hulu Selangor.



yang pernah menjadi Setiausaha Sementara (Penaja) yang menggerakkan usaha penubuhannya. Sebaik saja ia ditubuhkan, beliau telah menjadi setiausaha pertamanya dalam tahun 1958. Beliau juga pernah menjadi pengerusinya buat beberapa tahun. Selain daripada Wahi Long bekas pelajar yang bergiat menggerakkan persatuan ini pada sekitar tahun 1960-an ialah Cikgu Rahim Darus dan Zainal Abidin bin Mohd Ali dari MPSI. Zainal Abidin sering ke Kuala Lumpur dan berjumpa dengan Ketua Penasihat Pelajaran, untuk mendapatkan nasihat dan melaksanakan program kerjasama. Zainal Abidin bin Mohd Ali sebagai pengetua SITC telah mengutus surat dan menjemput Za’ba untuk memberi syarahan berkaitan pengalaman beliau semasa bertugas di SITC.⁸² Ini merupakan kali ketiga perjumpaan murid-murid tua Malacca Training College (MTC), Maktab Perguruan Melayu Matang (MPMM) dan Sultan

⁸¹ *Ibid.* 10.8.1958.

⁸² Surat daripada Zainal Abidin bin Ali kepada Za’ba, 30 Oktober 1958.



Idris Training College (SITC) diadakan. Perhimpunan ini diadakan pada 15 hingga 16 Disember 1958, iaitu yang pertama selepas perang.⁸³ Kira-kira 500 orang hadir sama ada dengan menaiki kereta ataupun kereta api bagi mereka yang tinggal berjauhan dari maktab. Pihak maktab menempatkan murid-murid tua itu di rumah tumpangan penuntut di Tadah Utara untuk murid tua sebelum perang dan di Tadah Selatan ialah murid-murid tua selepas perang. Bayaran sebanyak \$15 dikenakan untuk perbelanjaan makan dan minum. O.T. Dussek mengiriskan telegraf dan mengucapkan selamat kepada murid-murid tua seperti berikut:

Tinggalkan guru
Tinggalkan sekolah
Hilang bahasa
Hilang bahasa (bangsa)
Negeri binasa
God bless you all.
Dussek.⁸⁴

Manakala Cikgu Mohd Hashim bin Haji Talib, guru besar pertama SITC juga mengirim kawat yang berbunyi:

SAYA TETAP AKAN HADZIR MENYERTAI PERJUMPAAN ITU,
WALAU PUN SAYA MATI DITANJONG MALIM.⁸⁵

Kali pertama diadakan perjumpaan murid-murid tua ini ialah pada tahun 1929 dan kali kedua pada tahun 1935. Perubahan yang dilakukannya semasa menjawat jawatan sebagai pengetua ialah memperkenalkan sistem temu duga untuk memasuki maktab. Calon-calon akan ditemu duga oleh satu jawatankuasa pemilihan yang dilantik oleh Kementerian Pelajaran.⁸⁶ Ini bagi memastikan bakal-bakal guru dipilih dalam kalangan mereka yang benar-benar layak dan berminat untuk menjadi seorang

⁸³ *Majalah Guru*, Jilid 35, Jan. 1959, h. 16.

⁸⁴ *Ibid.*

⁸⁵ *Ibid.*

⁸⁶ *Chendera Mata Maktab Perguruan Sultan Idris*, Bil. 51, Dis. 1959, h. 10.

pendidik. Sistem pemilihan calon ini kekal hingga sekarang. Beliau juga bertanggungjawab mengurus kemasukan tiga orang guru terkenal bahasa Melayu di MPSI pada bulan Mac 1958. Mereka terdiri daripada:

1. Ahmad bin Abdul Wahab
2. Abdul Razak bin Abdul Hamid
3. Yusof bin Arshad.⁸⁷

Kemasukan guru-guru ini memberi impak yang besar kepada MPSI kerana mata pelajaran Bahasa Melayu sangat penting dan menjadi simbol kebanggaan maktab Melayu ini. Guru-guru bahasa Melayu berperanan penting dalam melahirkan pengarang atau sasterawan terkenal dalam negara kemudiannya. Pada hari keputeraan D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong tahun 1958, maktab telah mengadakan perarakan sambutan secara besar-besaran di padang MPSI dengan penglibatan daripada seluruh persatuan dan badan beruniform. Sebagai pengetua, Zainal Abidin memastikan segala program berjalan dengan lancar dan teratur. Beliau turut memeriksa perbarisan yang dianggotai oleh Brigade St. Johan Ambulance di padang MPSI.

Pada 19-26.11.1958, Zainal Abidin Mohd Ali mengadakan lawatan ke Indonesia untuk mengeratkan hubungan muhibah di antara kedua-dua negara yang diketuai oleh Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Pertahanan Persekutuan Tanah Melayu, Tun Abdul Razak Hussein.⁸⁸ Pada 14 hingga 16 Disember 1958, telah diadakan Perhimpunan Agung Murid-murid Tua Kali Ketiga. Majlis ini dirasmikan oleh YTM Tunku Abdul Rahman Putra, Perdana Menteri Malaysia dan turut hadir

⁸⁷ *Chendera Mata Maktab Perguruan Sultan Idris*, Bil. 50, Dis. 1958, h. 8 & 22.

⁸⁸ *Principal's Diary 1951-1977, Sultan Idris Training College, Tanjong Malim*.



ialah Menteri Pelajaran YB Encik Mohd Khir Johari dan Menteri Pengangkutan YB Dato' Abdul Rahman Talib⁸⁹ yang merupakan Anak Kandung SITC. Lawatan pembesar negara ini menjadikan MPSI sebuah institusi pengajian orang-orang Melayu yang terkemuka sekali dalam negara.

Dalam pada itu, rumah-rumah untuk pekerja SITC juga dibina dan diduduki pada awal tahun 1958 untuk memberi kemudahan kepada mereka datang bekerja. Bangunan khutub khanah baharu telah dapat disiapkan dan mula digunakan pada 6.9.1959.⁹⁰ Ini memberi keselesaan kepada penuntut-penuntut mengulangkaji dan menelaah pelajaran. Khutub khanah MPSI ini memainkan peranan penting sebagai hub perhubungan antara penuntut untuk berpersatuan dan bertukar-tukar ilmu atau fahaman masing-masing. Beliau dilantik menerajui MPSI kira-kira 1 tahun 10 bulan



iaitu sebagai Pemangku Pengetua dari 13.3.1958 hingga 10.7.1959, kemudian dinaikkan ke pangkat Super Scale 'G' dan dilantik menjadi pengetua sehingga 31.12.1959.⁹¹ Pada hari terakhir menjawat jawatan pengetua MPSI, beliau mencatatkan dalam *Principal's Diary* seperti berikut:

31.12.1959 - Hari yang terakhir saya menjadi Pengetua di-sini. Kerja2 diserahkan kepada Che' Md. Zain bin Abdul Rashid, Penarah Kanan yang akan memangku jawatan Pengetua itu.⁹²

Tempat beliau digantikan oleh Encik Mohd Zain bin Abdul Rashid,⁹³ seorang lulusan Brinsford Lodge, England, menjadi pengetua Melayu kedua. MPSI

⁸⁹ Dato' Abdul Rahman Talib tamat pengajian di SITC pada 1935-1937 sebagai nazir pelatih, kerjaya pertamanya ialah sebagai Guru Pelawat sekolah-sekolah pada tahun 1937-1940. Pada tahun 1956, beliau dilantik sebagai Timbalan Menteri Sumber Alam Semula Jadi dan Kerajaan Tempatan, kemudian Menteri Pengangkutan pada tahun 1957, Menteri Perdagangan dan Industri pada tahun 1959, Menteri Pelajaran pada tahun 1960-1962, Menteri Kesihatan pada tahun 1962, dan kembali menjadi Menteri Pelajaran pada tahun 1964.

⁹⁰ *Chendera Mata Maktab Perguruan Sultan Idris*, Bil. 51, Dis. 1959, h. 10.

⁹¹ *Ibid*, h. 14.

⁹² *Principal's Diary 1951-1977, Sultan Idris Training College, Tanjong Malim*.



kemudiannya kekal diterajui oleh pengetua Melayu sehinggalah dinaik taraf menjadi Institut Perguruan Sultan Idris (IPSI) pada tahun 1987 dan Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) pada tahun 1997.

Zainal Abidin Mohd Ali dilantik menjadi *Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negara berbangsa Melayu yang kedua dari tahun 1960 hingga 1963* menggantikan Dato' Muhammad Yusof bin Ahmad, adik kepada Pendita Za'ba yang merupakan *Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negara pertama dari tahun 1957 hingga 1960*. Zainal Abidin memainkan peranan yang aktif apabila bertindak memajukan pergerakan pengakap terutamanya di MPSI. Tambahan pula, beliau memiliki Bintang "Semangat Padi" dan "Semangat Rimba" yang menjadi idaman setiap pemimpin pengakap. Di bawah kepimpinannya, pasukan pengakap SITC lebih maju, aktif dan terkenal di serata pelusuk negara. Banyak aktiviti dan latihan diadakan sama ada di dalam mahupun di luar kawasan MPSI serta mendapat sambutan yang menggalakkan.

Pasukan pengakap SITC didaftarkan sebagai pasukan pengakap yang pertama ditubuhkan di Malaysia (dikenali sebagai Malaya ketika itu) dengan nombor pendaftaran Kumpulan Latihan Maktab 01 (KLM 01). Biasanya, ahli pergerakan ini terdiri daripada penuntut-penuntut yang tidak menyertai Malayan Volunteer Infantry (M.V.I.). Pergerakan pengakap maktab ini ditubuhkan pada November 1929 oleh Encik Abdul Kuddus bin Muhammad yang merupakan salah seorang penterjemah di Pejabat Karang Mengarang SITC. Beliau kemudiannya menjadi pemimpin pengakap yang aktif sehingga dapat mengumpulkan ahlinya yang dianggap ramai pada ketika itu iaitu seramai 200 orang.

⁹³ Mohd Zain bin Abd. Rashid. Beliau menjadi Pengetua Melayu yang paling lama berkhidmat di SITC iaitu selama 9 tahun, iaitu dari tahun 1.1.1960-31.10.1969.



Latihan mingguan dan perkhemahan hujung minggu diadakan untuk memberi pendedahan kepada ahli-ahli pengakap SITC tentang ilmu-ilmu perkhemahan dan ikhtiar hidup. Pada 5 hingga 6 Mac 1958, sepasukan pengakap SITC seramai 28 orang di bawah kawalan H.Q. Commissioner Abdul Razak bin Abdul Hamid dan S.M. Ahmad bin Salleh telah pergi berkhemah di Port Dickson, Negeri Sembilan. H.Q. Commissioner Abdul Razak telah menerima bintang kepujian (Medal of Merit) pada 5.4.1958. beliau telah terpilih untuk dihantar belajar di Gilwell Park, England dan berangkat ke sana pada 27.7.1958.⁹⁴ Dua orang pengakap MPSI iaitu Zainuddin bin Rafai dan Mohd Yusuf bin Saleh telah terpilih menghadiri Jamboree Pengakap Sedunia Ke-10 di Manila, Filipina pada 17 hingga 26 Julai 1959.⁹⁵

Assistant Chief Commissioner (Cubs) Zainal Abidin Mohd Ali dipilih bersama lima orang pemimpin pengakap yang lain menjadi wakil Persekutuan Pengakap Tanah Melayu menghadiri Persidangan Pengakap Sedunia di New Delhi, India pada 29 Julai hingga 5 Ogos 1959.⁹⁶ Sebelum itu beliau pernah mengikuti kursus Wood Badge (Part II) di Batu Pahat, Johor pada 17 hingga 22 Ogos 1958.⁹⁷ Selepas beliau, Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negara dipegang oleh Dato' Syed Esa bin Alwee yang memegang jawatan pada tahun 1963 hingga 1968, diikuti oleh Dato' Syed Hashim bin Abdullah dari tahun 1969 hingga 1987.

Zainal Abidin Mohd Ali mula berkhidmat dalam pasukan volunteer yang dikenali sebagai Malayan Volunteer Infantry (MVI) di SITC atau dikenali juga dengan nama *Sultan Idris Training College Company of the Federated Malay State*

⁹⁴ Chendera Mata, *Sultan Idris Training College*, Bil. 50, Dis. 1958, h. 10.

⁹⁵ Chendera Mata, *Sultan Idris Training College*, Bil. 51, Dis. 1959, h. 11.

⁹⁶ *Ibid.*

⁹⁷ *Principal's Diary 1951-1977, Sultan Idris Training College, Tanjong Malim*. 16.8.1958.





Volunteer Force (SITC-FMSVF) apabila ditauliahkan di dalam pasukan sukarela ini dengan pangkat Leftenan Muda pada 27.9.1929. Beliau kemudian dinaikkan ke pangkat Leftenan pada 27.9.1932,⁹⁸ kemudian beliau ditukarkan bertugas di Pejabat Pendidikan Perak mulai 1.1.1933. Pada 8.7.1940, beliau dinaikkan ke pangkat Kapten dan ditempatkan dalam Kompeni G (Askar Melayu).⁹⁹ Beliau menjalani latihan peperangan pada 9.7.1940 hingga 8.9.1940 di Raub, Pahang sebelum dikerah berkhidmat di sekitar negeri Pahang ketika Perang Pasifik mula terasa bahangnya. Beliau kemudian ditempatkan dalam Batalion Keempat FMSVF negeri Pahang mulai 1.4.1941 dan bertanggungjawab mempertahankan negeri Pahang bersama-sama dengan askar British ketika perang meletus.

Pada tahun 1941, meletus Perang Dunia Kedua yang menyebabkan pihak Jepun menyerang Malaya dan mendarat di Pantai Sabak, Kota Bharu pada 8 Disember 1941. Serangan daripada Ketumbukan Kelapan tentera Jepun seramai 5,600 anggota tentera itu diketuai oleh Jeneral Hiroshi Takum telah berjaya mengalahkan tentera udara British yang berpangkalan di Kota Bharu dan Gong Gedak di bawah pimpinan Brigedier Key dan Mejar Jeneral Barstow. Tentera Jepun kemudiannya mara ke Selatan Semenanjung.

Ramai dalam kalangan anggota SITC-FMSVF bergiat aktif mempertahankan negara ketika api peperangan mula merebak. Kapten Yazid bin Ahmad misalnya telah ditawan dan akhirnya dibunuh ketika mempertahankan Singapura. Bersama-sama Kapten Yazid terdapat sekurang-kurangnya enam orang lagi penuntut SITC yang menganggotai SITC-FMSVF turut berjuang mempertahankan negara. Nasib Zainal

⁹⁸ *Records of Service and Leave Sultan Idris Training College*, Vol. III, No. 9.

⁹⁹ *Ibid.*





Abidin bin Mohd Ali agak baik kerana beliau tidak terbunuh ataupun ditawan. Pada 17.9.1945 selepas perang tamat, Zainal Abidin Mohd Ali dihantar ke Singapura untuk berkhidmat di bawah Major M.C. f.f. Sheppard selepas Jepun menyerah kalah. Sheppard ada mencatatkan peristiwa yang berlaku semasa Perang Dunia Kedua dalam bukunya yang berjudul *Malay Regiment 1933-1947*, terbitan The Department of Public Relations, Kuala Lumpur pada tahun 1947.

Zainal Abidin Mohd Ali banyak terlibat dalam kerja-kerja penerbitan dan kepengarangan bahan-bahan bacaan. Sejak awal lagi semasa mengajar di SITC, beliau dilantik sebagai penolong penyunting majalah *Chendera Mata SITC* di bawah pimpinan Cikgu Ibrahim bin Dato' Muda Linggi dari tahun 1925 hingga 1927. Kemudian beliau diangkat menjadi penyunting dari tahun 1927 hingga 1932, manakala Yazid bin Ahmad, Abdul Karim bin Md Sharif dan Ahmad bin Abdullah bertindak sebagai penolong penyunting.¹⁰⁰ Pada masa Za'ba memegang jawatan sebagai pengerusi Majlis Bahas SITC pada tahun 1924, Zainal Abidin Mohd Ali dilantik sebagai penolong kepada Za'ba.¹⁰¹ Pada tahun 1932, beliau dilantik memegang jawatan sebagai pengerusi Majlis Bahas Bahasa Melayu,¹⁰² menggantikan Pendita Za'ba yang menumpukan kerja-kerja penterjemahan di Pejabat Karang Mengarang SITC. Jawatan sebagai pengerusi bahas sebenarnya bukanlah sekadar mempengerusikan majlis perbincangan yang diadakan, tetapi lebih merupakan sebagai Pengerusi Persatuan Bahas dan Syarahan SITC. Peranannya termasuklah melatih pelajar-pelajar berbincang dan bersyarah serta menganjurkan majlis perbincangan dan syarahan pada tiap-tiap malam Khamis di SITC.

¹⁰⁰ *Chendera Mata, Sultan Idris Training College*, Bil. 15, Okt. 1930, h. 112-113.

¹⁰¹ *Chendera Mata, Sultan Idris Training College*, Bil. 5, Nov. 1925, h. 143.

¹⁰² *Chendera Mata Sultan Idris Training College*, Bil. 18, Apr. 1932, h. 87.





Zainal Abidin Mohd Ali banyak menterjemah buku-buku di Pejabat Karang Mengarang SITC terutamanya dalam *The Malay School Series* dan *The Malay Home Library Series*. Penubuhan Pejabat Karang Mengarang ini sangat kena pada tempatnya kerana pada masa itu pusat pelajaran Melayu ialah di Tanjong Malim. Za'ba telah dilantik sebagai Ketua Penterjemah, dan dua orang tokoh yang terawal diberi tugas menterjemah buku-buku di Pejabat Karang Mengarang ialah Yazid bin Ahmad dan Abdul Kuddus bin Muhammad. Mereka berdua mula dilantik sebagai Pelatih Penterjemah pada 1.5.1926. Selepas daripada itu, terdapat beberapa orang lagi penterjemah yang aktif termasuklah Zainal Abidin Mohd Ali. Antara buku-buku terjemahan Zainal Abidin bin Mohd Ali ialah:

1. *Alaud-Din Dengan Lampu Ajaib* / Zainal-Abidin bin Ali. Tanjong Malim : Sultan Idris Training College, 1931. 35 halaman.
2. *Kitab Ilmu Kesihatan : Penggal I* / karangan Robert A. Lyster; diterjemahkan oleh Zainal-Abidin bin Ali. Tanjong Malim : Sultan Idris Training College, 1932. 179 halaman.
3. *Ilmu Kesihatan : Penggal II* / Zainal-Abidin bin Ali. Tanjong Malim : Pejabat Karang Mengarang, 1932. 136 halaman. The Malay School Series No. 29.
4. *Panduan Anak Serigala* / karangan Lord Baden-Powell; terjemahan Zainal Abidin Ali. Singapore : Gudang Chap Malaya Publishing House Ltd., 1953. 227 halaman. Naskah ini dipadankan daripada buku *The Wolf Cub's Hand Book* oleh Lord Baden-Powell.
5. *Bagaimana Menjalankan Pack* / terjemahan Zainal Abidin Ali. Singapore : Gudang Chap Malaya Publishing House Ltd., 1954. 206 halaman. Naskah ini dipadankan daripada buku *How To Run A Pack* oleh Gilcraft.
6. *Bagaimana Menjalankan Troop* / terjemahan Zainal Abidin Ali. Singapore : Malaya Publishing House Ltd., 1955. 159 halaman. Naskah ini dipadankan daripada buku *How To Run A Troop* oleh Gilcraft.
7. *Bintang2 Kepandaian Anak Serigala Dan Bagaimana Hendak Mendapatkannya* / terjemahan oleh Zainal Abidin Ali. Singapore : Malaya Publishing House, 1956. 111 halaman. Naskah ini dipadankan daripada buku *The Wolf Cub's Hand Book* oleh Lord Baden Powell.



8. *Bahasa Kebangsaan Tingkatan Satu* / oleh Che Zainal Abidin bin Ali. Published by Longmans' Malay Studies, 1959.

Zainal Abidin Mohd Ali dianugerahi dengan gelaran Tokoh Guru Peringkat Kebangsaan 1982 kerana sumbangan besarnya dalam bidang perguruan. Pada 19.6.1959 beliau dianugerahi pingat Ahli Mangku Negara oleh Yang di-Pertuan Agong¹⁰³ setelah hampir 40 tahun berkhidmat dalam pendidikan Melayu dengan cemerlang dan penuh dedikasi. Satu jamuan besar diadakan di MPSI bagi meraikan pengetua mendapat pingat A.M.N. pada 27.6.1959.¹⁰⁴ Beberapa tahun kemudian beliau dianugerahi pingat kebesaran yang membawa gelaran Dato' oleh Yang di-Pertuan Agong.

Sebuah taman permainan untuk anak-anak kakitangan MPSI dikenali sebagai Taman Zainal Abidin mengambil sempena nama Pengetua Melayu Pertama MPSI yang banyak berjasa. Taman ini dibuka dengan rasminya pada 21.2.1959. Satu jawatankuasa dilantik untuk mengurus taman ini yang dianggotai oleh Pengerusi: Cikgu Mohd Zain bin Abdul Rashid; Setiausaha: Cikgu Abdul Rahman bin Aroop; AJK: Cikgu Jamaluddin bin Uda Yahya, Cikgu Shafie bin Tasi dan Cikgu Ramli bin Shaari. Dua buah bongkah batu besar yang dibawa khas dari Slim River dijadikan hiasan di taman ini.¹⁰⁵

Zainal Abidin Mohd Ali ialah seorang guru, penterjemah, pengetua, nazir sekolah, pemimpin pengakap dan tentera sukarela Melayu yang banyak berjasa kepada negara. Beliau mengabdikan lebih daripada separuh daripada umurnya (kira-

¹⁰³ *Chendera Mata Maktab Perguruan Sultan Idris*, Bil. 51, Dis. 1959, h. 14.

¹⁰⁴ *Ibid.*

¹⁰⁵ *Ibid.*, h. 67.

kira 44 tahun) dalam bidang perguruan iaitu sejak 1919 hingga bersara pada tahun 1963. Beliau mendidik ribuan anak murid dari serata pelusuk tanah air sehingga menjadi tokoh-tokoh terkenal terutamanya dalam bidang bahasa, sastera dan politik. Antara anak muridnya yang terkenal ialah Buyong Adil (sejarawan), Muhammad Yassin Maamor, Abdullah Sidek, Mokhtar Mohd Yasin, Dharmawijaya (penulis), Kasmani Mohd Ariff, Suhaimi Muhammad, Kemala (sasterawan), Awang Had Salleh, Atan Long, A Wahab Ali (ahli akademik), Mohamed Nor Ahmad, Mokhtar Talib (Matlob), Nordin Mahmood (tokoh guru), Ibrahim Haji Yaacob, Abdul Rashid Ngah dan Abdul Rahman Abbas (ahli politik).

Buku-buku karya dan terjemahannya menjadi rujukan penting di sekolah-sekolah Melayu dalam negara memandangkan pada zamannya amat kurang buku-buku teks dalam bahasa Melayu. Kepimpinannya dalam pergerakan pengakap juga cemerlang sehingga dilantik menjadi Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negara. Di samping itu, beliau juga adalah pejuang yang mempertahankan tanah air semasa Perang Dunia Kedua dengan menganggotai pasukan sukarela SITC-FMSVF.

5.3.4 Aminuddin Baki

Aminuddin Baki dilahirkan di Chemor, Perak pada 26.1.1926 dan memulakan pendidikan awalnya di Sekolah Melayu Chemor pada tahun 1932. Selepas lulus peperiksaan darjah lima pada tahun 1936, beliau meneruskan pelajarannya di Sekolah Anderson yang merupakan sekolah Inggeris yang terbaik di Ipoh ketika itu. Beliau tamat persekolahan menengahnya pada tahun 1941. Pada sekitar tahun 1945,



Aminuddin Baki mula menunjukkan minat dalam persatuan pelajar ketika berasa amat kagum dengan Persatuan Pelajar-pelajar Melayu yang ditubuhkan pada 20.11.1945 di Institusi Victoria, Kuala Lumpur, walaupun persatuan itu hanya mempunyai 11 orang ahli. Persatuan ini kemudian bertukar nama kepada Kesatuan Kesuratan Penuntut-penuntut Melayu pada 11.2.1946, dengan tujuan menyatukan semua persatuan pelajar di Tanah Melayu.¹⁰⁶ Aminuddin Baki dilantik sebagai setiausaha dan kemudian, menubuhkan Persatuan Pelajar-pelajar Melayu Insaf (PERMI) di Perak pada April 1946. Namun begitu penglibatannya hanya sementara kerana pada Oktober 1947, Aminuddin Baki diterima sebagai pelajar di Kolej Raffles, kini merupakan sebahagian Universiti Nasional Singapura sejak 8.10.1949.

Pada masa ini, UMNO yang telah ditubuhkan bagi menentang penubuhan Malayan Union menggalakkan pemimpin-pemimpin persatuan pelajar untuk berusaha ke arah pencapaian matlamat mereka. Oleh itu, Aminuddin Baki dan pemimpin pelajar lain mengambil keputusan untuk menubuhkan sebuah persatuan yang lebih kuat. Tujuh persatuan telah bersidang selama dua hari di Jalan Tambun, Ipoh. Hasil daripada persidangan itu terbentuklah Gabungan Pelajar-pelajar Melayu Semenanjung (GPMS) pada 15.8.1948. GPMS kemudiannya berkembang menjadi sebuah badan bukan kerajaan yang kuat menuntut pembelaan pelajar-pelajar Melayu yang serba kekurangan. Walau bagaimanapun pada 1949, Aminuddin Baki terpaksa menghentikan kegiatan persatuan pelajarinya kerana ditawarkan ke Universiti Malaya, Singapura. Pada ketika itu, beliau hanya mengikuti perkembangan persatuan dari jauh. Semasa di universiti, Aminuddin Baki berminat mengajar dan untuk menimba

¹⁰⁶ Raja Ahmad Shalaby (et al.), *op cit.*, h. 67.





pengalaman, beliau mendaftar sebagai guru sambilan di Sekolah Malam Anglo-Melayu dan mengajar di sekolah tersebut pada tahun 1949 hingga 1951.

Pada 1950, Aminuddin Baki bergiat aktif semula dalam GPMS dan dilantik sebagai Yang Dipertua persatuan itu. Dalam tahun yang sama, beliau lulus peperiksaan Sarjana Sastera dan pada tahun berikutnya, memperoleh Ijazah Sarjana Sastera dengan Kepujian. Selepas menamatkan pelajarannya pada 1951, Aminuddin Baki kembali ke Perak dan menjadi guru di Sekolah Inggeris Sultan Yusuf di Batu Gajah untuk sebentar waktu dan kemudian, berkhidmat di Sekolah Anderson hingga Julai 1952. Selepas itu, beliau melanjutkan pelajarannya dalam bidang pendidikan di Institut Pendidikan, Universiti London dengan Biasiswa Ratu dan meninggalkan Pulau Pinang menaiki kapal pada 12.7.1952. Aminuddin Baki memperoleh Ijazah Sarjana (Kaedah-kaedah Dalam Bidang Pendidikan) pada Julai 1953. Selepas pulang ke tanah air, beliau ditawarkan jawatan sebagai Pegawai Pendidikan Percubaan di SITC Tanjong Malim mulai 17.9.1953 hingga 1955.¹⁰⁷ Pada bulan September 1955, Aminuddin Baki terlibat dalam menyediakan Laporan Pendidikan Razak.

Ketika berusia 36 tahun, Aminuddin Baki dilantik menjadi Ketua Pegawai Pendidikan Selangor pada 1962, dan pada tahun yang sama menjadi Ketua Penasihat Pendidikan Malaysia (kini dikenali sebagai Ketua Pengarah Pendidikan). Pada masa yang sama, beliau aktif dalam persatuan dan pertubuhan lain seperti Senat Universiti Malaya, Persatuan Al-Rahman, Persatuan Sejarah Tanah Melayu dan Dewan Bahasa dan Pustaka. Beliau diiktiraf di peringkat antarabangsa sebagai perancang pendidik yang bijaksana dan berpandangan jauh di Asia oleh UNESCO. Antara sumbangan

¹⁰⁷ *Records of Service and Leave Sultan Idris Training College, Vol. III, No. 38.*





Aminuddin Baki termasuk seperti berikut: memperkenalkan Sejarah Islam kepada guru-guru pelatih di MPSI (tetapi tidak termasuk dalam sukatan pelajaran), melibatkan diri dalam penyediaan Penyata Razak pada tahun 1955, menjadi ahli jawatankuasa penasihat dalam menyiapkan Laporan Rahman Talib pada tahun 1960, mewujudkan SRP, SPM dan STPM pada 1963, menubuhkan Lembaga Peperiksaan Malaysia. Beliau meninggal dunia ketika berusia 39 tahun kerana diserang penyakit jantung selepas menunaikan solat.

5.4 Kesimpulan

Gerakan nasionalisme Melayu adalah satu gerakan yang mewakili nasionalisme Tanah Melayu. Ini kerana hanya gerakan nasionalisme ini sahaja yang menggunakan unsur-unsur dan ciri-ciri tempatan yang berlandaskan rangka politik tempatan. Gerakan nasionalisme Melayu dengan itu merupakan satu lanjutan daripada sifat-sifat tempatan Tanah Melayu itu sendiri, manakala kegiatan politik kaum-kaum lain berorientasikan negara asal. Berbekalkan semangat kebangsaan, anak-anak kandung dan guru-guru SITC, termasuk pentadbirnya melibatkan diri mereka dalam perjuangan kebangsaan menerusi penulisan dan persatuan. Selepas Perang Dunia Kedua, timbul masalah politik dalam penubuhan Malayan Union, guru-guru Melayu terutamanya lepasan SITC Tanjong Malim merupakan kumpulan yang telah bersedia untuk menggerakkan massa Melayu dalam perjuangan bangsa Melayu untuk tidak sahaja menghapuskan Malayan Union tetapi lebih dari itu, kemunculan golongan nasionalis Melayu yang memperjuangkan kemerdekaan untuk Tanah Melayu.



Guru-guru Melayu lepasan SITC ini boleh dibahagikan kepada dua kategori besar iaitu kumpulan pentadbir dan pendidik; dan ahli politik dan pemikir Melayu. Mereka berganding bahu antara satu sama lain dalam memperjuangkan hak-hak Melayu dan status quo yang cuba dirampas oleh kaum pendatang mahupun penjajah British.

Kajian saya juga mendapati bahawa nasionalisme Melayu wujud setelah tertubuhnya SITC di Tanjong Malim pada tahun 1922, dan ia berkembang mekar sekitar tahun 1928 ketika Ibrahim Yaacob dan kawan-kawanya seperti Hassan Abdul Manan, Muhammad Isa Mahmud, Abdul Karim Rashid, Mohd Yusof Ayob, mula melibatkan diri dalam politik dan menubuhkan KMM. Harus diingat bahawa generasi awal lulusan SITC ini mendapat didikan dan benih nasionalisme daripada guru-gurunya yang menanamkan semangat kebangsaan itu ketika mereka belajar di SITC. Nama-nama mereka terukir dalam catatan sejarah perjuangan kemerdekaan Tanah Melayu menentang penjajah British.

Nama-nama seperti O.T. Dussek yang menjadi Pengetua, Mohd Hashim Haji Talib yang menjadi Guru Besar, serta guru-guru lain seperti Abdul Hadi Haji Hasan, Ahmad Bakhtiar, Za'ba, Harun Aminurrashid, Buyong Adil dan lainnya seperti yang disebutkan dalam bab 5 dan 6, merupakan penerus dan penabur benih nasionalisme di merata pelusuk negara sehingga membangkitkan satu gelombang nasionalisme Melayu sekitar tahun 1930-an dan 1940-an. Ini disuburkan lagi dengan kemunculan lebih ramai intelektual atau pemikir yang terdiri daripada kaum guru yang pemimpin kesatuan seperti KMM dan persatuan-persatuan guru di setiap negeri yang menggunakan majalah (seperti *Majallah Guru* dan *Chendera Mata SITC*) surat khabar



Melayu dan buku-buku bacaan untuk bangkit menyedarkan bangsa sendiri mempertahankan hak dan tanah air dari ancaman kaum pendatang dan penjajah. Kesedaran untuk membangunkan satu bangsa Melayu baru terdiri daripada seluruh rakyat Tanah Melayu yang nanti akan menentukan nasib dan masa depan mereka, bukan lagi berasaskan tradisi asal mereka, tetapi berasaskan idea-idea baru yang telah menimbulkan unsur-unsur nasionalisme dalam diri mereka.

Pihak yang mengambil bahagian utama dalam pergerakan atau kesatuan Melayu kebanyakannya terdiri daripada kaum guru menyebabkan kesedaran kebangsaan di Tanah Melayu berkembang cepat kerana golongan guru bertugas di kampung-kampung dan jumlahnya ramai. Berbanding dengan perkembangan kebangsaan di Indonesia memakan masa kira-kira 40 tahun, tetapi di Tanah Melayu lebih kurang 20 tahun sahaja iaitu dari awal tahun 1920-an hingga 1940-an. Ini kerana kaum guru itulah yang berperanan menyebarkan semangat kebangsaan ke serata pelusuk negara melalui institusi sekolah dan maktab perguruan Melayu. Guru merupakan golongan yang amat dihormati dan sering diangkat sebagai pemimpin oleh masyarakat kerana mereka lebih terpelajar.





BAB 6

RUMUSAN

Penubuhan sekolah-sekolah vernakular Melayu sejak sekolah pertama *Penang Free*

School pada tahun 1816 memberi peluang kepada orang Melayu menuntut ilmu

walaupun sekolah-sekolah pondok dan madrasah lebih awal dibina. Pada peringkat awalnya, sistem pendidikan yang cuba diperkenalkan oleh British tidak mendapat sambutan daripada orang Melayu kerana mereka berpandangan bahawa sekolah-sekolah vernakular sebagai alat penyebaran agama Kristian. Namun, pandangan negatif ini lama kelamaan berubah dan masyarakat Melayu mulai sedar tentang kepentingan pendidikan termasuklah pendidikan untuk golongan wanita. Mereka mula menghantar anak-anak ke sekolah apabila kesedaran menimba ilmu mula timbul, termasuk ilmu-ilmu keduniaan yang amat dituntut dalam agama Islam sebagai fardhu kifayah. Akibat desakan masa, keadaan dan kepentingan British, maka mereka terpaksa menambahkan bilangan sekolah termasuk sekolah-sekolah Melayu dan pusat-pusat latihan perguruan. Setelah bertambahnya bilangan institusi pendidikan ini,



maka bertambah ramai bilangan guru Melayu yang melahirkan murid-murid yang pandai berfikir serta sedar akan hak dan tanggungjawab mereka kepada bangsanya.

Pada akhir tahun 1920-an hingga 1930-an, muncul kesedaran politik dalam kalangan guru-guru Melayu di SITC walaupun mula tertanam di Maktab Perguruan Melayu Singapura (1878), Sekolah Perguruan Melayu Taiping (1898), Maktab Latihan Melaka (1900) dan Maktab Perguruan Melayu Matang (1913). Kesedaran politik ini mulai tumbuh dan berkembang di Sultan Idris Training College di Tanjong Malim, Perak setelah penubuhannya pada tahun 1922. Selain daripada menerima latihan perguruan selama tiga tahun, guru-guru pelatih diberi kesedaran politik hasil daripada didikan dalam pelbagai bidang dan disiplin ilmu. Natiujahnya sebelum 1957, SITC melahirkan ramai guru Melayu yang berjuang dalam parti-parti politik, tidak

kira beraliran kiri atau kanan. Dalam usaha untuk menyampaikan kesedaran bangsa, guru-guru SITC-lah yang mula-mula menyemai benih nasionalisme dalam dada 'Anak Kandung'. Tokoh yang bertanggungjawab pada peringkat awalnya tidak lain daripada guru-guru terawal SITC yang terdiri daripada guru-guru Melayu dan juga pengetua pertama, iaitu O.T. Dussek. Peranan dan pengaruh pengetua yang pro Melayu ini pada peringkat awal percambahan nasionalisme dalam kalangan bakal-bakal guru sangat besar. Selain daripada seorang pegawai Inggeris di Pejabat Pelajaran yang mahir berbahasa Melayu, beliau turut membuka ruang dan idea kepada bakal guru Melayu di SITC dengan kesedaran bangsa dan semangat nasionalisme. Beliau berusaha untuk menyedarkan guru-guru pelatih agar memikirkan nasib bangsa Melayu melalui ucapan dan tulisannya yang berbentuk membakar semangat. Baginya, bangsa Melayu mesti bangkit dari tidur supaya bersaing dengan bangsa-banga lain untuk maju.



Penyelidik memaparkan dengan panjang lebar peranan dan sumbangan kebanyakan tokoh-tokoh dari SITC yang memainkan peranan penting seperti yang terdapat dalam Bab 4 dan 5. Penyelidik membahagikan tokoh-tokoh SITC ini kepada dua kumpulan yang utama iaitu kumpulan Pentadbir dan Pendidik; dan kumpulan Ahli Politik dan Pemikir. Mereka semua asalnya merupakan golongan guru yang aktif menyampaikan mesej nasionalisme dan mencetuskan kesedaran bangsa Melayu, yang masih ketinggalan berbanding dengan bangsa asing yang mendiami Tanah Melayu. Guru-guru Melayu SITC kemudiannya menggunakan landasan politik untuk memperjuangkan nasib masyarakat dalam bidang sosial dan ekonomi. Guru-guru Melayu SITC menyedari penjajah British yang mengambil sikap endah tidak endah dalam soal falsafah pendidikan guru yang menyebabkan timbulnya ketidakseimbangan antara guru di sekolah Melayu dengan guru yang mengajar di sekolah Inggeris. Oleh itu, usaha membangkitkan semangat nasionalisme dan kesedaran sosial menjadi tunjang utama perjuangan guru-guru lepasan SITC.

Perkembangan pendidikan yang berlaku pada awal abad ke-20 juga amat berpengaruh dalam mengubah dan menyedarkan masyarakat Melayu untuk memperbaiki nasib mereka. Pengenalan sistem pendidikan vernakular melahirkan golongan intelektual Melayu yang berperanan memimpin bangsanya ke arah kemajuan. Pendidikan sekolah Melayu dan Inggeris yang diperkenalkan oleh pihak penjajah British di Tanah Melayu sebelum tahun 1941 melahirkan golongan cerdik pandai yang akhirnya bangun untuk memajukan bangsanya melalui perjuangan kebangsaan, iaitu penentangan terhadap bangsa asing atau penjajah. Semasa bakal-bakal guru ini menerima latihan perguruan, pelbagai pengalaman dirasai sehingga mendorong mereka menginsafi akan nasib masyarakat Melayu yang ditindas atau





dipinggirkan di bawah cengkaman pentadbiran British. Pengalaman dan pengetahuan yang didapati oleh guru-guru Melayu dalam masa penjajahan British (1874-1941) membentuk diri mereka menjadi seorang Melayu yang mencintai bangsa, agama dan tanah air. Bagi mereka, kepentingan dan kemajuan bangsa Melayu mestilah diperjuangkan oleh orang Melayu itu sendiri. Pengorbanan guru-guru Melayu ini dapat dilihat sebagai sedia mengorbankan seluruh kehidupannya untuk agama, bangsa dan tanah air.

Melihat kepada peranan dan kepentingan penubuhan SITC di Tanjong Malim didapati bahawa melalui pengambilan penuntut yang dipilih melalui ujian khas sebelum kemasukannya, bakal guru yang terpilih merupakan wakil yang terbaik dari serata pelusuk negeri. Ini bererti bahawa kualiti guru yang diasuh dan diajar bukan calang-calang orang kerana mereka mempunyai tahap pemikiran serta gaya kepemimpinan yang tinggi. Itulah sebabnya golongan guru ini dipandang tinggi dalam masyarakat dan amat dihormati. Ini tentunya membantu mereka melebarkan pengaruh dalam kalangan orang ramai di ceruk-ceruk kampung dan pedalaman serata pelusuk negeri di Tanah Melayu. Kegiatan luar yang diceburi bakal guru semasa menuntut seperti berkebun, bertukang tangan, lakonan pentas dan drama, kelab dan persatuan, sukan dan rekreasi dan pasukan beruniform menambahkan lagi kemahiran dan keterampilan mereka dalam bidang-bidang yang diceburi itu. Ini semua merupakan nilai tambah kepada kualiti kemahiran insaniah yang dibentuk, guna untuk memajukan diri menjalani kehidupan pada masa hadapan dalam situasi masyarakat yang semakin mencabar setelah tanah watan sendiri dilimpahi dengan pendatang asing yang pantas merebut peluang.



Kurikulum SITC turut berperan menaikkan semangat kebangsaan dalam kalangan penuntut SITC apabila menitikberatkan mata pelajaran sejarah dan bahasa Melayu, secara tidak langsung mampu membangkitkan kesedaran guru-guru pelatih. Pendedahan tentang keagungan empayar kerajaan Melayu Melaka di Alam Melayu dan keruntuhannya disebabkan oleh mangsa penjajahan Barat. Kemudian penjajah Barat yang mengongkong perkembangan politik, ekonomi dan sosial bangsa Melayu menyebabkan mereka mulai sedar tentang perlunya kebangkitan menyeluruh bangsa Melayu. Semangat ini dikembangkan lagi dengan adanya akhbar dan majalah yang menjadi bacaan umum para penuntut seperti *Seruan Azhar*, *Bintang Timur* dan *Semangat Islam* dari Indonesia, manakala akhbar *Warta Malaya*, *Majlis* dan *Utusan Melayu* diterbitkan di Tanah Melayu. Manakala kokurikulum di SITC yang dianggotai oleh penuntut seperti pasukan sukarela Malayan Volunteer Infantry (MVI), Pasukan Pengakap, Kelab Bahas dan Kelab Bahasa Melayu turut berperanan penting dalam membantu perkembangan semangat cintakan negara dalam kalangan bakal guru.

Usaha yang dilakukan oleh tenaga pengajarnya, seperti guru besar Mohd Hashim Haji Talib, guru Bahasa Melayu Ahmad Bakhtiar dan guru Sejarah Abdul Hadi Haji Hassan dan Buyong Adil yang menulis *Sejarah Alam Melayu* serta pengaruh gerakan semangat nasionalisme Indonesia dan gerakan Islah Islamiyyah dari Timur Tengah memberi kesedaran mengenai kedudukan masyarakat Melayu sebagai bangsa yang terjajah. Buku *Sejarah Alam Melayu* yang disusun oleh Abdul Hadi Haji Hassan (Jilid I-III) dan kemudiannya disambung pula oleh Buyong Adil (Jilid IV-V) mengandungi kisah-kisah kegemilangan, perjuangan dan jatuh bangunnya bangsa Melayu pada masa dahulu. Hampir semua buku-buku sejarah yang digunakan di



sekolah-sekolah Melayu selepas itu menimbulkan kesedaran nasionalisme kepada murid-murid. Mereka juga sering kali menyampaikan syarahan untuk menimbulkan kesedaran dalam jiwa orang Melayu supaya berusaha memajukan bangsa sendiri. Syarahan yang paling berkesan sekali ialah daripada Cikgu Harun Aminurrashid yang disampaikan di Dewan SITC sekitar tahun 1930-an hingga 1940-an.

Selain daripada itu, syarahan-syarahan patriotik oleh pengetua O.T. Dussek (mengenai bahasa dan bangsa Melayu), Ahmad Bakhtiar (mengenai kelemahan orang Melayu), Za'ba (mengenai kemiskinan orang Melayu) dan Harun Aminurrashid mengenai pejuang kemerdekaan seperti Chiang Kai-shek, Dr. Sun Yat-sen, Jose Rizal dan Mahatma Ghandi, menyemarakkan lagi semangat bakal-bakal guru untuk bergiat cergas dalam politik tanah air. Pendedahan mengenai nasib masyarakat Melayu hasil pembacaan mereka menimbulkan kesedaran nasionalisme yang tinggi. Seruan guru-guru Melayu agar ditubuhkan persatuan dapat dilihat dalam tahun 1933 hingga 1941. Beberapa buah persatuan di peringkat negeri ditubuhkan. Pertubuhan persatuan berorientasikan politik di Tanah Melayu pada peringkat awalnya bermula dengan tertubuhnya Kesatuan Melayu Singapura (KMS) pada tahun 1926 yang dipimpin oleh Muhammad Eunos Abdullah.

Tujuan kesatuan Melayu ini ditubuhkan ialah untuk menggalakkan ahlinya memainkan peranan yang lebih besar dalam politik dan pentadbiran, memperjuangkan hak orang Melayu dalam bidang pendidikan dan menjadi wakil orang Melayu untuk berurusan dengan kerajaan British berkaitan hak dan kepentingan orang Melayu. KMS menjadi perangsang penubuhan persatuan bagi memperjuangkan kepentingan orang Melayu di neger-negeri lain seperti Persatuan Melayu Selangor, Persatuan





Melayu Perak, Persatuan Melayu Pulau Pinang, Persatuan Melayu Pahang dan Persatuan Melayu Kelantan. Kegiatan dan perjalanan kersatuan ini banyak mendapat tunjuk ajar daripada guru-guru Melayu Anak Kandung SITC seperti Ibrahim Haji Yaacob, Abdul Karim Rashid, Hasan Abdul Manan, Muhammad Isa Mahmud dan Mohd Yusof Ayub yang berjuang melalui Kesatuan Melayu Muda (KMM), sementara Cikgu Mohamed Nor Ahmad berjuang melalui K.M.P.P. Sebab lain ialah pihak British tidak berkehendakkan masyarakat Melayu maju dan setanding dengan bangsa-bangsa lain dari segi sosioekonomi, menjadikan guru-guru Melayu berjuang menerusi saluran pertubuhan politik.

Di SITC-lah lahirnya pertubuhan Ikatan Pemuda Pelajar dan Ikatan Semenanjung Borneo yang ditubuhkan pada tahun 1929. Lanjutan daripada pertubuhan tersebut, maka akhirnya lahir KMM pada tahun 1938. Fakta ini turut membuktikan bahawa idea dan semangat perjuangan KMM yang dipimpin oleh Ibrahim Haji Yaacob merupakan sebuah ilham yang tercetus di SITC sejak tahun 1929 lagi. KMM turut diperkuatkan lagi dengan kehadiran tokoh-tokoh politik Melayu yang lain seperti Abdul Karim Rashid, Othman Abdullah, Hassan Abdul Manan, Muhammad Isa Mahmud dan Hamzah Tajuddin, sekadar menyebutkan beberapa nama, kesemuanya lulusan dari SITC, Tanjung Malim, Perak.

Dalam pertubuhan-pertubuhan politik khasnya, guru-guru Melayu itu memberikan sumbangan yang bukan sedikit. Walaupun sumbangan-sumbangan yang mereka berikan itu sebelum perang dunia kedua dahulu tidaklah dianggap sumbangan yang besar dan boleh memberi kemerdekaan terus kepada negara, malah adakalanya mendapat sambutan dingin daripada sesetengah masyarakat, tetapi apabila kesedaran



semakin mendalam dalam jiwa orang Melayu, terutama dalam zaman selepas pendudukan Jepun, maka sumbangan yang diberikan itu semakin besar dan berkesan serta mendapat sambutan yang menggalakkan daripada masyarakat. Selain daripada menjadi guru dan pegawai dalam perkhidmatan kerajaan, mereka juga menjadi pemimpin dalam pertubuhan parti-parti politik seperti yang ditunjukkan oleh tokoh-tokoh politik kelahiran SITC yang berjaya; Ibrahim Haji Yaacob, Mohd Diah Abdul Rahman, Abdul Rahman Talib, Senu Abdul Rahman, dan Abdul Ghafar Baba.

Berdasarkan perkara tersebut, bolehlah dikatakan bahawa kesedaran guru-guru Melayu timbul kerana adanya tekanan daripada pihak British, kebanjiran pendatang asing dan kehidupan masyarakat Melayu yang daif dan lemah. Perkara ini terjadi apabila dasar pentadbiran British telah memperkenalkan 'dasar buka pintu' di Tanah Melayu. Melalui dasar ini, Tanah Melayu bebas dimasuki oleh sesiapa sahaja yang menjalankan perdagangan, pekerjaan dan pendidikan. Sudah tentu dasar tersebut memberi implikasi yang besar terhadap struktur kependudukan dan sosioekonomi Tanah Melayu. Bagi guru-guru Melayu yang berjiwa patriotik, kepentingan dan kemajuan bangsa Melayu mestilah dipertahankan dan diperjuangkan oleh bangsa sendiri. Perjuangan guru-guru Melayu ini dapat dilihat sebagai sedia berkorban badan dan jiwa raga untuk agama, bangsa, tanah air dan raja-raja Melayu.

Pada ketika itu, guru-guru Melayu selain daripada bertugas sebagai pendidik di dalam bilik darjah, dalam masa yang sama juga melibatkan diri sebagai penulis atau sasterawan di akhbar-akhbar dan majalah. Tema penulisan mereka untuk menyedarkan masyarakat Melayu memajukan diri setanding dengan bangsa-bangsa lain. Keutamaan ialah kepada perjuangan hak-hak politik orang Melayu yang telah



dirampas oleh penjajah British yang menaungi dan menguasai Tanah Melayu. Pengaruh guru-guru Melayu dalam politik Tanah Melayu sangat kuat dan berkesan kerana guru-guru amat dihormati oleh masyarakat. Perkara ini dapat dilihat dalam tempoh antara tahun 1930-an hingga 1957, mereka merupakan segelintir golongan cendekiawan Melayu yang berani menentang penjajah British melalui tulisan-tulisan dalam bentuk rencana, puisi dan novel-novel bertemakan nasionalisme seperti yang diperjuangkan oleh tokoh sasterawan SITC; Mahmud Ahmad, Harun Aminurrashid, Muhammad Yassin Maamor, Abdullah Sidek, Muhammad Yusof Harun dan Masuri S.N. yang banyak menghasilkan novel dan puisi bertemakan nasionalisme. Manakala *Majallah Guru* yang diusahakan penerbitannya oleh Kesatuan Guru-Guru Negeri Sembilan, Melaka dan Selangor dan juga majalah tahunan *Chendera Mata Sultan Idris Training College* yang diterbitkan secara berkala oleh SITC setiap tahun sebagai kenangan kepada bakal guru yang akan menamatkan pengajian, merupakan wadah terawal untuk mengasah bakat menjadi sasterawan.

Guru yang menonjol dan terkenal sebagai seorang insan yang bersungguh-sungguh berusaha menanamkan semangat kebangsaan kepada muridnya ialah Cikgu Harun Aminurrashid. Bahkan beliau meneruskan cita-cita perjuangannya keluar dari jawatan guru untuk menjadi pejuang tanah air dengan menggunakan ketajaman penanya. Semangatnya yang berkobar-kobar menyebabkan beliau menceburkan diri dalam bidang politik dengan menyertai PKMM dan bertanding dalam pilihan raya. PKMM terkenal sebagai sebuah parti politik terawal yang memperjuangkan kemerdekaan Tanah Melayu.





Ketika Pendita Za'ba menjadi ketua penterjemah dan pengarang di Pejabat Karang Mengarang (PKM) SITC, beliau berjaya mendidik dan mengasah bakat ramai guru yang berjiwa rakyat serta bersedia bangkit menentang penjajah British dalam era perjuangan kemerdekaan. Tidak diragui lagi bahawa gagasan pemikiran yang dimulakan oleh Za'ba menjadi ikutan guru-guru serta bakal guru kemudiannya. Antara tokoh yang mendapat didikan secara langsung daripada Za'ba ialah Buyong Adil, Harun Aminurrashid, Muhammad Yassin Maamor, Ibrahim Haji Yaacob, Abdullah Sidek dan Abdul Rahman Taib. Kehebatan Za'ba kerana didikan yang diterimanya daripada reformis Islam yang terkenal di negeri Perak iaitu Sheikh Tahir Jalaluddin.

Peranan Pejabat Karang Mengarang SITC yang ditubuhkan pada tahun 1924 dan beroperasi sehingga 1940 yang menerjemah dan menerbitkan buku-buku bahasa Melayu amat besar sumbangannya kepada taraf keilmuan guru dan murid. PKM yang menerbitkan buku-buku teks, *The Malay School Series* dan *The Malay Home Library Series* melonjakkan sumber bacaan untuk pengajaran dan pembelajaran yang lebih berkesan. Dalam pada itu, Khutub Khanah SITC yang menempatkan buku-buku bertemakan nasionalisme juga memberi satu nilai tambah kepada murid dan guru-guru SITC dalam mempersiapkan diri dengan semangat nasionalisme yang berkobar-kobar untuk mengusir penjajah.

Semasa pendudukan Jepun di Tanah Melayu, guru-guru Melayu SITC turut berjuang menentang tentera Jepun yang ingin menakluki Malaya dan seluruh Asia Tenggara. Maka guru-guru SITC turut menganggotai pasukan keselamatan sukarela FMSVF-SITC seperti Kapten Yazid Ahmad, Leftenan Buyong Adil, Leftenan Harun





Aminurrashid, Hamzah Tajuddin dan Kapten Zainal Abidin Mohd Ali. Mereka turut sama berjuang dan memikul senjata mempertahankan tanah air daripada serangan tentera Jepun. Ada di antara mereka yang ditawan atau terbunuh dalam peperangan tersebut. Kapten Yazid Ahmad misalnya adalah seorang penterjemah muda di SITC yang sanggup mengorbankan jiwa raganya mempertahankan Singapura. Beliau gugur sebagai sekuntum bunga bangsa dan pembela tanah air di tangan tentera Jepun semasa perang dunia kedua.

Setelah tamatnya pendudukan Jepun, masyarakat Melayu berhadapan pula dengan suatu bentuk pentadbiran yang baru diperkenalkan oleh pentadbir British iaitu Malayan Union pada bulan April 1946. Namun rancangan ini ditentang hebat oleh masyarakat Melayu. Guru-guru Melayu bersama-sama cendekiawan dan pemimpin-pemimpin politik berjuang habis-habisan menggagalkannya. Antara guru-guru dari SITC yang terkenal berjuang menentang Malayan Union ialah Za'ba, Muhammad Yusof Ahmad, Buyong Adil, Mohamed Nor Ahmad, Mohd Diah Abdul Rahman, Abdul Rahman Talib, Senu Abdul Rahman, Shaharom Hussain, Syed Nasir Ismail, Abdul Aziz Tapa, Abdul Ghani Ali, Abdul Ghafar Baba dan Aminuddin Baki. Perjuangan guru-guru Melayu ini tidak tamat setakat itu sahaja, malah berterusan menuntut kemerdekaan penuh daripada pihak British. Sebab lain ialah pihak British tidak berkehendakkan masyarakat Melayu maju dan setanding dengan bangsa lain dari segi sosioekonomi, faktor ini turut mendesak guru-guru Melayu ini terus berjuang dalam lapangan politik. Manakala ancaman komunis semasa zaman darurat 1948 hingga 1960, memaksa guru-guru dan bakal guru di SITC menjadi pasukan pengawal kampung atau Home Guard. Mereka bertindak mengawal kawasan SITC dan sekitar





Tanjong Malim seperti Slim River dan Hulu Bernam (Selangor) demi memelihara keamanan negara walaupun nyawa mereka sendiri terancam.

Melalui perbincangan seperti yang tercatat dalam Bab 1 hingga Bab 5 dalam penulisan ini, maka dapatlah disimpulkan bahawa pentadbir dan guru-guru yang mengajar dan juga guru-guru lepasan SITC, tidak dapat disangkal lagi memainkan peranan yang cukup besar dalam membangkitkan kesedaran nasionalisme di peringkat awal. Kesedaran nasionalisme Melayu mula membenih dan seterusnya lahir di SITC Tanjong Malim. Seterusnya guru-guru menyertai perjuangan orang Melayu menuntut kemerdekaan daripada British. Anak Kandung SITC yang terdiri daripada pelbagai latar belakang dan kerjaya membuat pengorbanan yang bukan sedikit sehingga Tanah Melayu berjaya mencapai kemerdekaan pada tahun 1957. Jasa dan pengorbanan



golongan guru ini patut dihargai dan disanjung tinggi. Harapan penyelidik pada masa hadapan agar ada penyelidik lain yang akan membuat kajian lanjut tentang institusi pendidikan terunggul ini serta menjejaki guru dan muridnya yang bertebaran di serata pelusuk negara. Ini memandangkan ramai anak kandung SITC/MPSI terdiri daripada orang yang berwibawa, berpengaruh dan ternama.





RUJUKAN

Sumber Primer

Dokumen Rasmi Arkib Negara Malaysia

Annual Departmental Report, F.M.S., 1907.

Annual Departmental Report, F.M.S., 1955.

Annual Departmental Report, Selangor, 1886.

Annual Departmental Report, Selangor, 1889.

Annual Departmental Report, Straits Settlements, for the Year 1930. (No. rujukan: 2006/0000702).

Annual Report on Education for the Year 1903, F.M.S. (No. rujukan: 1957/0127759).

Annual Report on Education for the Year 1915, F.M.S. - C.O. 874/836.

Annual Report on Education for the Year 1917, F.M.S. - C.O. 874/836.

Annual Report on Education, F.M.S., 1920 - C.O. 874/837.

Annual Report on Education, F.M.S., 1922. - C.O. 874/838.

Annual Report on Education, F.M.S., 1923 - C.O. 874/838.

Annual Report on Education, F.M.S., 1951. (No. rujukan: 2325 : 2284).

Annual Report on Education, F.M.S., 1956. (No. rujukan: 2325 : 2284).

Annual Report on Perak for 1898.

Annual Report on Perak for 1905.

Annual Report SITC for Year 1936. Sel. Sec. General 154/1937.

Annual Report Sultan Idris Training College, Tanjong Malim 1946. (No. rujukan: 1957/0533253)

Annual Report, Johore, 1914.

Annual Report, Kedah, 1329 H. (2 February 1910 - 21 December 1911).

Annual Report, Kedah, 1333 H.





Annual Report, Kedah, 1382 H. (1910 M).

Annual Report, Kelantan, 1916.

Annual Report, Kelantan, August 1903 - August 1904.

Annual Report, Perak, 1880.

Annual Report, Perak, 1884.

Annual Report, Perlis, 1331 H.

Annual Report, S.S., 1936.

Annual Report, Terengganu, 1915.

Annual Report, Terengganu, 1920.

Annual Reports of the Unfederated Malay States for the Year 1913.

Annual Reports on Education in the Straits Settlements and the Federated Malay States for the Year 1937. Diterbitkan di Singapore oleh Government Printing Press.



Boy Scouts Association Policy Organisation Rules. No. Fail: 61/1951.

Education, 1936-1940 – C.O. 874/840.

Education, 1940-1941 – C.O. 874/840.

Education Department Annual Report 1931 & 1938. (No. rujukan: M174/76).

Education Department Annual Report 1939 & 1953.

Education Ordinance Annual Report 1954, 1955 & 1957. (No. rujukan: M176/76).

Establishment of a Small Museum at Sultan Idris Training College, Tanjong Malim. (No. rujukan: 1957/0301280).

Final Report of the Commission Appointed to Enquire into Certain Matters Connected with The Sultan Idris Training College, Tanjong Malim - 1950. (No. rujukan: 2006/0014447).

Indeks Buku Daftar Rekod Perkhidmatan Awam 2004. Arkib Negara Malaysia Kuala Lumpur.

High Commissioner's Office, 1896-1907. No. fail: 767/99.





High Commissioner's Office. No. fail: 758/1898.

Laporan Tahunan Persekutuan Budak-Budak Pengakap Malaysia (Boy Scouts Association of Malaysia) 1970/1971.

Maktab Perguruan Melayu. Tidak diterbitkan. (No. rujukan: 2005/0008730).

Memorandum in the SITC and Malay Vernacular Education, Singapore: Printers Limited, 1931.

Maktab Perguruan Tanjong Malim, Perak 1946-1964, Re-Opening of Sultan Idris Training College at Kuala Kangsar. No. Fail: 1/46.

Maktab Perguruan Tanjong Malim, Perak 1946-1964, Annual Report 1949. No. Fail: 107/1949.

Maktab Perguruan Tanjong Malim, Perak 1946-1964, Boy Scouting in SITC in 1949. No. Fail: 18/1949.

Penyata Tahunan F.M.S. 1925. Disediakan oleh M.B. Shelley, Penolong Pengarah Pelajaran S.S. dan F.M.S.

Recommendation for Commission in the Malayan Volunteer Infantry - Mr. Yazid bin Ahmad as Second Lieutenant, 3 January 1931.



Regulations for Malay Vernacular Education in the Straits Settlements and Federated Malay States 1936.

Regulations for the Malay Vernacular Education in the Straits Settlements and Federated Malay States 1936. Singapore: Government Printing Office.

Report of a Committee Appointed to Enquire into the Systems of Vernacular Education in the Colony, No. 4, Straits Settlements, Thursday, 22 Feb. 1894.

Report of the Central Advisory Committee on Education, Federation of Malaya 1950.

Shaharom Husain. *Sejarah Ringkas Pembinaan dan Perkembangan Maktab-Maktab Perguruan Melayu.* Tidak diterbitkan, (t.t.). (No. rujukan: 2005/0008730).

Surat O.T. Dussek kepada Dr. William R. Roff, 1 May 1960.

Surat O.T. Dussek kepada Dr. William R. Roff, 17 March 1960.

Surat Zainal Abidin bin Ali kepada Za'ba, 30 Oktober 1958.

Surat O.T. Dussek kepada Abdullah Sanusi Ahmad, 13 October 1960.

Surat O.T. Dussek kepada Abdullah Sanusi Ahmad, 15 August 1960.





Surat O.T. Dussek kepada penyunting majalah *Chendera Mata Sultan Idris Training College*, 30, March 1938.

The System of Education in the Federated Malay States, Special Reports on Education Subjects, 1905.

Winstedt's Report of 1917.

Arkib Perpustakaan Tuanku Bainun UPSI

Buku Daftar Penuntut Maktab Melaka 1901-1910.

Buku Daftar Penuntut Maktab Melaka 1916-1921.

Buku Markah Mengajar, 1924-1928, Jilid II.

Chendera Mata Sultan Idris Training College, Bil. 1, Nov. 1923.

Chendera Mata Sultan Idris Training College, Bil. 2, Jun 1924.

Chendera Mata Sultan Idris Training College, Bil. 4, Jun. 1925.

Chendera Mata Sultan Idris Training College, Bil. 5, Nov. 1925.

Chendera Mata Sultan Idris Training College, Bil. 6, Mei. 1926.

Chendera Mata Sultan Idris Training College, Bil. 7, Nov. 1926.

Chendera Mata Sultan Idris Training College, Bil. 8, Apr. 1927.

Chendera Mata Sultan Idris Training College, Bil. 9, Nov. 1927.

Chendera Mata Sultan Idris Training College, Bil. 10, Apr. 1928.

Chendera Mata Sultan Idris Training College, Bil. 11, Okt. 1928.

Chendera Mata Sultan Idris Training College, Bil. 12, Apr. 1929.

Chendera Mata Sultan Idris Training College, Bil. 13, Okt. 1929.

Chendera Mata Sultan Idris Training College, Bil. 14, Apr. 1930.

Chendera Mata Sultan Idris Training College, Bil. 15, Okt. 1930.

Chendera Mata Sultan Idris Training College, Bil. 16, Apr 1931.

Chendera Mata Sultan Idris Training College, Bil. 17, Sep. 1931.



Chendera Mata Sultan Idris Training College, Bil. 18, Apr 1932.

Chendera Mata Sultan Idris Training College, Bil. 19, Sep. 1932.

Chendera Mata Sultan Idris Training College, Bil. 20, Mac 1933.

Chendera Mata Sultan Idris Training College, Bil. 21, Sep. 1933.

Chendera Mata Sultan Idris Training College, Bil. 22, Mac 1934.

Chendera Mata Sultan Idris Training College, Bil. 23, Sep. 1934.

Chendera Mata Sultan Idris Training College, Bil. 29, Ogo. 1937.

Chendera Mata Sultan Idris Training College, Bil. 30, Feb. 1937.

Chendera Mata Sultan Idris Training College, Bil. 34, Feb. 1940.

Chendera Mata Sultan Idris Training College, Bil. 36, Mei 1941.

Chendera Mata Sultan Idris Training College, Bil. 37, Jan. 1947.

Chendera Mata Sultan Idris Training College, Bil. 38, Okt. 1947.

Chendera Mata Sultan Idris Training College, Bil. 39, Jan. 1948.

Chendera Mata Sultan Idris Training College, Bil. 42, Okt. 1949.

Chendera Mata Sultan Idris Training College, Bil. 45, Jan. 1952.

Chendera Mata Sultan Idris Training College, Bil. 46, Sep. 1953.

Chendera Mata Sultan Idris Training College, Bil. 47, Dis. 1954.

Chendera Mata Sultan Idris Training College, Bil. 49, Dis. 1957.

Chendera Mata Sultan Idris Training College, Bil. 50, Dis. 1958.

Cenderamata Konvensyen Pendidikan Kedua, 30 Julai – 1 Ogos 1977.

Cenderamata Perayaan Jubli Emas SITC/MPSI, Bil. 50, Dis. 1958.

Chenderamata Maktab Perguruan Sultan Idris, Bil. 51, Dis. 1959.

Cenderamata Maktab Perguruan Sultan Idris, Bil. 68, Dis. 1976.

Cenderamata Perayaan 70 Tahun SITC/MPSI/IPSI 1922-1992, Bil. 80, 1993.

Diary College Malacca 1900-1922.



Principal's Diary 1922-1950, Sultan Idris Training College, Tanjong Malim.

Principal's Diary 1951-1977, Sultan Idris Training College, Tanjong Malim.

Publications of the Malay Translation Bureau, 1 January 1932.

Record of Final Examinations and Prizes 1910-1935, Sultan Idris Training College.

Record of Service and Leave Sultan Idris Training College, Vol. I.

Record of Service and Leave Sultan Idris Training College, Vol. II.

Record of Service and Leave Sultan Idris Training College, Vol. III.

“Wawancara dengan Masuri S.N.” oleh Mansor Abdullah pada 2 Januari 1989
(manuskrip tidak diterbitkan).

Sumber Sekunder

Buku

Abdul Hadi Haji Hassan. (1955). *Pelbagai Chetera Melayu*. London: Macmillan.

Abdul Hadi Haji Hassan. (1947). *Sejarah Alam Melayu Penggal I*. Kuala Lumpur: Pejabat Karang Mengarang, Jabatan Pelajaran Persekutuan Tanah Melayu.

Abdul Hadi Haji Hassan. (1947). *Sejarah Alam Melayu Penggal II*. Singapore: Malaya Publishing House Ltd.

Abdul Hadi Haji Hassan. (1930). *Sejarah Alam Melayu Penggal III*. Kuala Lumpur: Pejabat Karang Mengarang, Jabatan Pelajaran Persekutuan Tanah Melayu.

Abdul Halim Ali dan Raja Ahmad Shalaby Raja Hassan. (2004). *Menelusuri Jejak Peradaban*. Tanjong Malim: Persatuan Penulis Budiman Malaysia.

Abdul Halim Ali “Sejarah Badan Penterjemah Pejabat Karang Mengarang” dalam Abdullah Hassan, *et al.*, kompilasi kertas kerja Persidangan Penterjemahan Antarabangsa Ke-11: Membina Kepustakaan Dalam Bahasa Melayu. Institut Terjemahan Negara Malaysia Berhad, 2008.

Abdul Latif Abu Bakar (peny.). (1987). *Puisi-puisi Kebangsaan 1913-1957*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Abdul Majid Zainuddin. (1978). *The Wandering Thoughts of a Dying Man: The Life and Times of Haji Abdul Majid bin Zainuddin*. Edited with an introduction and notes by William R. Roff. Kuala Lumpur: Oxford University Press.

Abdul Moeis. (1962). *Salah Asohan*. Jakarta: Balai Pustaka.





Abdul Samad Idris. (1982). *Sejarah Perjuangan Bangsa Melayu*. Kuala Lumpur: Utusan Publication and Distributors, 1982.

Abdullah Hussain & Khalid Hussain. (1974). *Pendita Za'ba Dalam Kenangan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Abdullah Hussain. (1982). *Harun Aminurrashid Pembangkit Semangat Kebangsaan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Abdullah Sanusi Ahmad. (1966). *Peranan Pejabat Karang Mengarang Dalam Bidang2 Pelajaran Sekolah2 Melayu & Kesusasteraan di Kalangan Orang Ramai*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Abu Bakar Nordin, et al. (2003). *Aspirasi Kebitaraan: Ibu Kandung Suluh Budiman*. Tanjong Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Abu Bakar Nordin, et al. (2000). *SITC-UPSI Pelopor Pendidikan Bangsa*. Selangor: Addison Wesley Longman Malaysia.

Abu Bakar Nordin, Mohd Nazari Abdul Hamid dan Radzuan Abdul Kadir. (2001). *Meniti Zaman SITC-MPSI-IPSI-UPSI*. Kuala Lumpur: Pustaka Antara Books.

Abu Talib Ahmad. (2007). *Pendudukan Jepun (1942-1945) dan Asia Tenggara*, Siri Syarahan Umum Pelantikan Profesor. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.

Abu Talib Ahmad, "Aliran Kiri Dalam Nasionalisme Melayu, 1945-57: Satu Pemerhatian" dalam *Malaysia Dari Segi Sejarah (Malaysia In History)*, Vol. 36, 2008.

Adnan Nawang. (1994). *Memoir Za'ba*. Tanjong Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Adnan Nawang. (1994). *Za'ba Patriot dan Pendeta Melayu*. Kuala Lumpur: Yayasan Penataran Ilmu.

Adnan Nawang. (2007). *Za'ba dan Melayu*. Tanjong Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Ahmad Abdullah. (1956). *Kenang2an di-College Tanjong Malim*. Tanjong Malim, Lot 128 Slim Road.

Ahmad Boestamam. (1979). *Memoir Seorang Penulis*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Ahmad Salleh Lamry. (2006). *Gerakan Kiri Melayu Dalam Perjuangan Kemerdekaan*. Bangi, Selangor: Universiti Kebangsaan Malaysia.

Al-Hadi, Syed Syeikh. (1927). *Hikayat Faridah Hanum*. Pulau Pinang: Jelutong Press.





- Alias Mohamed. (1993). *Ghafar: A Biography*. Petaling Jaya: Pelanduk Publications.
- Alias Mohamed. (2012). *Tun Abdul Ghafar Baba Dalam Kenangan*. Kuala Lumpur: Gateway Publishing House.
- Andaya, Barbara Watson & Leonard Y. Andaya. (1982). *A History of Malaysia*. London: Macmillan.
- Andaya Barbara Watson & Leonard Y. Andaya. (1983). *Sejarah Malaysia*. Petaling Jaya: Macmillan.
- Anderson, B. (2006). *Imagined Communities: Reflections on the Origin and Spread of Nationalism*. New York: Verso, 2006.
- Awang Had Salleh. (1974). *Pelajaran dan Perguruan Melayu di Malaya Zaman British*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Awang Had Salleh. (1979). *Malay Secular Education and Teacher Training in British Malaya*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Awang Had Salleh. (1985). "Pendidikan dan Nasionalisme: Penentuan Konsep dan Penerokaan Strategi" dalam *Pendidikan Dalam Pemikiran Awang Had Salleh*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti.
- Buyong Adil. (1956). "Kenangan Kapada Sultan Idris Training College" dalam *Album Kenangan 1955-1956 SITC Tanjung Malim*. Disusun dan diterbitkan oleh Keluarga Album Kenangan 1955-1956. Singapura: Qalam.
- Buyong Adil. (1985). *Gerakan Kebangsaan Melayu Menentang Penjajahan Abad Ke-15 Hingga 19*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Buyong Adil. (1985). *Perjuangan Orang Melayu Menentang Penjajahan Abad 15-19*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Byungkuk Soh. "Ideals Without Heat: Indonesia Raya and the Struggle for Independence in Malaya 1920-1948" dalam *Wacana*, No. 7, Vol. 1, April 2005.
- Chelliah, D.D. (1960). *A Short History of the Educational Policy of the Straits Settlements with Recommendation for a New System Based on Vernaculars*. Singapore: The Government Press.
- Frederic Mason. (1957). *The School of Malay*. Singapore: Malaya Publishing House.
- Frederick Hertz. (1944). *Nationality in History and Politics: A Study of Psychology of National Sentiment and Character*. New York: Oxford University Press.
- Harun Aminurrashid. (1962). *Melior Kuala Lumpur*. Singapura: Pustaka Melayu.





Ghafar Baba. (1988). *Pendamai: Antara Cabaran dan Pergolakan*. Petaling Jaya: Pelanduk Publication.

Gullick, J.M. "Linggi," *Journal of the Malayan Branch Royal of the Asiatic Society*, Vol. XXII, Pt. II, 1949.

Ibrahim Mahmood. (1981). *Sejarah Perjuangan Bangsa Melayu*. Kuala Lumpur: Penerbitan Pustaka Antara.

Ibrahim Haji Yaacob. (1957). *Sekitar Malaya Merdeka*. Jakarta: Penerbit Kesatuan Malaya Merdeka, Bahagian Penerangan.

Insun Sony Mustapha. (1999). *Memoir Mustapha Hussain: Kebangkitan Nasionalisme Melayu Sebelum UMNO*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1999.

Ishak Haji Muhammad. (2012). *Putera Gunung Tahan*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan dan Buku Malaysia.

Ishak Haji Muhammad. (2012). *Anak Mat Lela Gila*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan dan Buku Malaysia.

Ishak Saat. (2009). *Malaysia 1945-2000*. Kuala Lumpur: Utusan Publications.



Ishak Saat. (2011). *Radikalisme Melayu Perak 1945-1970*. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.

Ismail Che Daud (peny.). (1988). *Tokoh-tokoh Ulama' Semenanjung (1)*. Kota Bharu: Majlis Ugama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan.

Ismail Che Daud (peny.). (1996). *Tokoh-tokoh Ulama' Semenanjung (2)*. Kota Bharu: Majlis Ugama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan.

Ismail Che Daud. (1988). "Syaiikh Muhammad Said Linggi (1875-1926)," dalam *Tokoh-Tokoh Ulama' Semenanjung Melayu (1)*. Kota Bharu: Majlis Ugama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan.

Ismail Hussein. (1991). "Malaysia dan Indonesia Sebagai Wilayah Induk Dunia Melayu" dalam Mohd Yusof Hasan (ed.). *Dunia Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Kamaruzzaman Abdul Kadir. (1987). *Nasionalisme Dalam Puisi Melayu Moden 1933-1957*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Khairuddin Abdul Ghani. (2002). *SITC: Sejarah Sepintas Lalu*. Artikel yang tidak diterbitkan ini ada tersimpan di Perpustakaan Tuanku Bainun.

Khairul Azmi Mohamad dan A.F. Yassin. (2000). *Insan Pejuang Bangsa Melayu Abad Ke-20*. Johor Bahru: Yayasan Warisan Johor.





Khasnor Johan. (1984). *The Emergence of the Modern Malay Administrative Elite*. Singapore: Oxford University Press.

Khoo, Kay Kim. "Nasionalisme Melayu C. 1919-1941" dalam *Jebat*, Vol. 28, 2001.

Khasnor Johan. (1996). *Educating the Malay Elite: The Malay College Kuala Kangsar, 1905-1941*. Kuala Lumpur: Pustaka Antara Sdn. Bhd.

Kohn, Hans. (1945). *The Idea of Nationalism*. New York: Macmillan.

Kohn, Hans. (1955). *Nationalism: Its Meaning and History*. Princeton, N.J.: D. Van Nostrand.

Loh, Philip Fook Seng. (1975). *Seeds of Separatism: Educational Policy in Malaya, 1874-1940*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.

Mansur Sanusi. (1955). *Sejarah Perkembangan Pelajaran Melayu*. Pulau Pinang: Sinaran Brothers.

Marco Kartodikromo. (2000). *Student Hijo*. Yogyakarta: Penerbit Yayasan Aksara.

Masman Selamat. "Peranan MPSI Dalam Memperjuangkan Kedaulatan Bahasa Kebangsaan" dalam *Cenderamata Maktab Perguruan Sultan Idris, 1966*.



Md Sidin Ahmad Ishak. (2005). *Perkembangan Sastera Kanak-Kanak di Malaysia: Buku Melayu Mencarai Nafas Baru*. Kuala Lumpur: Cerdik Publications Sdn. Bhd.

Miller, Harry. (2007). "The Japanese Invasion" dalam *The Story of Malaysia*. Kuala Lumpur: Synergy Media.

Mohamed Anwar Omar Din. (1977). "Bangsa Melayu: Istilah dan Pengertian" dalam Mat Zin Mat Kib & Mohd Shukri Omar (ed.). *Melayu dan Isu Kebumiputeraan: Satu Aspek Sorotan Pembinaan Negara Bangsa*. Shah Alam: Pusat Penerbitan Universiti (UPENA), Universiti Teknologi MARA.

Mohd Nor Long. (2004). *Dari Kuala Ke Tanjung: Memoir Seorang Guru Melayu*. Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka.

Mohd Taib Osman. (1986). *An Introduction to the Development of Modern Malay Language and Literature*. Singapore: Times Books International.

Mohd Zamberi A. Malek. (1999). *Harimau Malaya Biografi Tengku Mahmood Mahyiddeen*. Bangi: Penerbit UKM.

Morris, J. Victor, (ed.). (1972). *Undang-Undang dan Persetiaan*. Kuala Lumpur: Persekutuan Budak-Budak Pengakap Malaysia.





Muhammad Yusof Ahmad, “Pelajaran Bagi Anak-Anak Melayu: Selayang Pandang Ke Masa Lampau”, dalam *Cenderamata Majalah Guru: Jubli Emas 1924-1974* (Keluaran Khas).

Norasiah Abdullah. (1988). “Maktab Perguruan Sultan Idris Dari Segi Kurikulum dan Kokurikulum (Uniform)”, Kertas Kerja Sejarah Tempatan, Institut Perguruan Sultan Idris, Tanjong Malim.

Pramoedya Ananta Toer. (1970). *Keluarga Gerilya*. Kuala Lumpur: Penerbitan Pustaka Antara.

Raja Ahmad Shalaby, Siti Zabeha Ibrahim dan Mohd Zuber Zain. (2004). *Tokoh-Tokoh Guru Nusantara*. Tanjong Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Ramlah Adam. (1992). *Maktab Melayu Melaka: 1900-1922*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Ramlah Adam. (2000). *Burhanuddin Al-Helmy: Suatu Kemelut Politik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Roff, William R. (1967). *Sejarah Surat2 Khabar Melayu*. Pulau Pinang: Saudara Sinaran Berhad, 1967.



Roff, William R. (1994). *The Origins of Malay Nationalism*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

Roff, William R. (2003). *Nasionalisme Melayu*. Penterjemah Ahmad Boestamam. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

Rotberg, Robert I. (1965). *Rise of Nationalism in Central Africa: The Making of Malawi and Zambia, 1873- 1964*, Cambridge: Harvard University Press, 1965.

Rustam A. Sani. (2011). *Asal Usul Sosial Golongan Kiri Melayu: Satu Analisis Berkenaan Kesatuan Melayu Muda*. Petalig Jaya: Strategic Information and Research Development Centre.

Salim Haji Taib dan Mahaya Mohd Yassin. (2005). *Karisma PEN: Biografi Penulis Negeri Sembilan*. Seremban: Kerajaan Negeri Sembilan Darul Khusus dan Persatuan Penulis Negeri Sembilan (PEN).

Sarah Sadon. (2004). *Abdullah Sidek: Pendidik, Penulis dan Penerbit*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Shaharom Husain. (1963). *Antara Pengarang2 Novel Melayu dan Karya-nya*. Singapura: Pustaka Melayu.

Shaharom Husain. (1996). *Memoir Shaharom Husain: Selingkar Kenangan Abadi*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.





- Shellabear, W.G. (1975). *Sejarah Melayu*. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti.
- Sidang Pengarang. (2002). *Kamus Dewan* (edisi ketiga). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Siti Patonah Muashot (peny.). (2004). *Jauhari Jua Mengenal Manikam*. Johor: Bahagian Persuratan dan Penerbitan, Persatuan Bekas Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Malaysia Cawangan Johor.
- Suntharalingam, R. dan Abdul Rahman Ismail. (1995). *Nasionalisme: Satu Tinjauan Sejarah*, Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti.
- Syed Nasir Syed Ismail. (1957). “Kemerdekaan Negara Membawa Kepada Kemerdekaan Pelajaran”, dalam *Bingkisan Merdeka*. Kuala Lumpur: Persekutuan Guru-Guru Melayu Selangor.
- Syed Othman Syed Omar. (2005). *Pahlawan Tanahair: Penerima Pingat Keberanian British*. Kuala Lumpur: Jabatan Hal Ehwal Veteran ATM, Kementerian Pertahanan Malaysia.
- Syed Othman Syed Omar. (2005). *Rejimen Askar Melayu Diraja 1933-1968*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2005.
- Winstedt, R.O. (1923). *Education in Malaya*. Singapore: Fraser and Neave Ltd. Printers.
- Theimer, Walter. (2005). *An Encyclopedia of World Politics*. London: Faber and Faber Limited.
- Truong, Buu Lam. (2000). *Experienced Vietnamese Writings on Colonialism, 1900-1931*. Ann Arbor: University of Michigan Press.
- Ueda, Tomoaki. (2009). *Institution and Ideal in Indian Nationalist Thoughts: G.K. Gokhale in Comparison with M. K. Gandhi*. Japan: Ryukoku University.
- Wan Hashim Wan Teh. (1993). *Perang Dunia Kedua: Peranan Askar Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zainal Abidin Daud. (1978). *Riwayat Tanjung Malim: Meninjau Kisah Purba, Tanjong Malim: Persatuan Penulis dan Sastera Batang Padang (PEDANG)*.
- Zainal Abidin Mohd Ali. (1957). “Kemerdekaan Di-tinjau Dari Sa-genap Segi” dalam *Bingkisan Merdeka*. Kuala Lumpur: Persekutuan Guru-Guru Melayu Selangor.
- Zaharah Ahmad dan Abdul Majid Abdul Halim. (1972). *Sejarah Asia Tenggara Moden*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.





Jurnal/Akhbar dan Surat Persendirian

Ambush at Tanjong Malim Part 2 - General Templer Punishes the Townspeople”,
Arkib Negara Malaysia.

Berita Harian, 17.6.1986.

Berita Harian, 26.1.1973.

Bingkisan Merdeka 1957.

Dewan Masyarakat, Okt. 1983.

Journal of the Malayan Branch Royal of the Asiatic Society, Vol. XXVII, Pt. III,
1954.

Lembaga Malaya, 1.1.1941.

Lembaga Melayu, 13.9.1940.

Malaysian Journal of Library & Information Science, Vol. 13, No. 1, July 2008.

Majalah Guru, Bil. 2, Feb. 1914.



Majalah Guru, Bil. 6, Jun 1926.

Majalah Guru, Jul. 1939.

Majalah Guru, Okt. 1950.

Majalah Guru, Jan. 1954.

Majalah Guru, Bil. 35, Jan. 1959.

Majalah Guru, Jan. 1962.

Journal of South-East Asian History, 1 March 1960.

Journal of Southeast Asian Studies, Vol. 39, No. 2, Sept. 2001.

Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society (J.M.B.R.A.S.). 17, Dec.
1939.

Journal of the Straits Branch Royal of the Asiatic Society, No. 83, 1921.

Journal of the Straits Branch Royal of the Asiatic Society, Vol. VII, Pt. I, 1929.

Jurnal Bahasa, Persatuan Bahasa Melayu, Universiti Malaya Singapore, Vol. 2, No.
2, 1960.



The Malay Mail, 30 Nov. 1922.

The New Straits Times, 23 Nov. 1935.

The New Straits Times, 28 Mar. 1952.

The New Street Times, 30 Nov. 1922.

The Straits Echo and Times of Malaya, 28 Mar. 1952.

Warta Ahad, 25.7.1937. "Senjata hidup".

Warta Ahad, 3.10.1937. "Di kaki gunung".

<http://www.findagrave.com/cgi-bin/fg.cgi?page=gr&GRid=56238801>.

Saari Sungib, 10 Sep. 2016, <http://buletinonline.net>.

Tesis dan Latihan Ilmiah

Junaidah Abdul Rashid. (2004). "Persatuan Suluh Budiman: Kesenambungan Perjuangan Alumni SITC". Tesis M.A. Jabatan Sejarah - Universiti Kebangsaan Malaysia.

Saiful Maslul Zainal Abidin. (1997). "Maktab Perguruan Sultan Idris 1922-1987". Latihan Ilmiah Jabatan Sejarah, Fakulti Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Zali Abu Bakar. (1992). "Sultan Idris Training College: Antara Pendidikan dan Semangat Nasionalisme Melayu (1922-1945)", tesis Sarjana Sastera, Universiti Indonesia, Jakarta.

Temu Bual

Temu bual dengan Hamzah bin Tajuddin Sanusi (SITC 1937-39) diadakan di rumah beliau di Kampung Kuang, Rawang, Selangor pada 16.8.2006.

Temu bual dengan Md Mokhtar bin Puteh Mahadi (SITC 1939-46) pada 21.9.2006 di rumah beliau No. 446, Lorong Merbau 2, Taman Seri Setia, 36000 Teluk Intan, Perak.

Temu bual dengan Haji Shaharom Husain (SITC 1938-40) pada 5.11.2007 di rumah beliau No. 3, Jalan Berlian, Taman Berlian, 68100 Batu Cave, Selangor.

Temu bual dengan Haji Mohammad bin Said (SITC 1950-53) pada 28.4.2009 dan 28.4.2009 di rumah No. 23, Jalan Siakap 11, Seberang Jaya, 13700 Prai, Pulau Pinang.



Temu bual dengan Tan Sri Awang Had Salleh (SITC 1951-54) pada 8.5.2009 di rumah beliau 4-1 Sutramas Kondominium, 3 Jalan Dutamas Melati, Off Jalan Dutamas Raya, Segambut, 51200 Kuala Lumpur.

Temu bual dengan Haji Ami bin Raif (SITC 1952-55) dan isterinya Aminah binti Awang, di Blk 45 Sims Drive, #02-178, Singapore 380045, pada 15.6.2010.

Temu bual dengan Haji Abdul Aziz bin Muhammad (SITC 1955-57) pada 18.3.2011. Beliau tinggal di Lot 1049, Jalan Laksmana, Kampung Linggi, 71150 Linggi, Negeri Sembilan.

Temu bual dengan Encik Razak bin Zainal di rumah Ketua Kampung Linggi, 71150 Linggi, Negeri Sembilan pada 18.3.2011.

Temu bual dengan Dato' Haji Salleh bin Mohd Akib (SITC 1950-53) pada 26.6.2012 di pejabat Perbadanan Muzium Negeri Kelantan, Jalan Hospital, 15000 Kota Bharu, Kelantan.

Temu bual dengan Dato' Haji Abdul Razak bin Abdul Hamid (SITC 1946-48) pada 18.7.2012 di rumah No. 10, Taman Kamariah, Jalan Gombak, 53100 Kuala Lumpur.

Temu bual dengan TYT Tun Dato' Seri Haji Abdul Rahman Abbas (SITC 1955-58) pada 31.10.2012 di Pejabat YDPNPP, Seri Mutiara, Jalan Utama, 10500 Pulau Pinang.



Temu bual dengan Haji Daud bin Ismail (SITC 1950-53) pada 17.5.2013 di rumah beliau S-115, Kampung Pauh Lima, 16090 Kota Bharu, Kelantan.





Lampiran A

Guru-Guru SITC Yang Pertama

Guru-guru SITC yang dipindahkan dari Maktab Perguruan Melayu Melaka (MPMM) atau Melaka Training College (MTC):

1. O.T. Dussek, B.A. Beliau mengajar Ilmu Hisab¹ dan dilantik sebagai Pengetua pertama SITC sejak 25.5.1920 (sebelum SITC dibuka lagi, yakni semasa dalam pembinaan, kerana pada masa itu beliau bertugas sebagai pengetua MPMM). Beliau juga dilantik sebagai Asst. Director of Education (Malay) pada 1.3.1924 hingga bersara pada Mac 1936.²
2. M.R. Holgate (SITC 1922-1926). Beliau mengajar Ilmu Alam dan Ilmu Bumi.³ Beliau kemudian dilantik sebagai Assistant Principal SITC pada 10.9.1926.⁴
3. Mr. G.C. Davies (beliau merupakan bekas Pemangku Pengetua Maktab Perguruan Melayu Matang).⁵
4. D.H. Ghrist (SITC 1922-8.3.1924).⁶ Beliau mengajar dan melatih Ilmu Tanam-Tanaman.⁷
5. Mohd Hashim bin Haji Talib, berasal dari Linggi, Negeri Sembilan. Guru lulusan dari MTC tahun 1902.⁸ Sebaik saja menamatkan pengajian, beliau menjadi guru di Sekolah Labu Ulu dan Labu Hilir, kemudian guru kanan dan guru pelawat daerah Seremban sebelum mengajar di MTC mulai 31.8.1918.⁹ Beliau kemudiannya menjadi guru besar pertama dan juga mengajar Bahasa Melayu dan Latihan Guru di SITC mulai 11.11.1922 hingga 15.4.1940.¹⁰ Beliau juga merupakan guru Melayu yang pertama yang menghasilkan buku-buku teks pembelajaran bahasa Melayu yang teratur dengan galakan O.T. Dussek yang berjudul *Kitab Pelita Mengarang* (1923).¹¹ Beliau juga menyusun sebuah buku tentang kaedah pengajaran berjudul *Kitab Pedoman Guru* dalam dua jilid yang menjadi sumber rujukan utama dan penting untuk mata pelajaran Ilmu Latihan Mengajar.

¹ Buyong bin Adil. (1956). *Album Kenangan 1955-1956, S.I.T.C. Tanjong Malim*. Disusun dan diterbitkan oleh Keluarga Album Kenangan 1955-1956. Dicitak oleh Qalam, Singapore, 1956, h. 12.

² *Records of Service and Leave Sultan Idris Training College*, Vol. I, No. 29.

³ Buyong bin Adil, *op. cit.*, h. 12.

⁴ *Principal's Diary 1922-1950, Sultan Idris Training College, Tanjong Malim*, 10.9.1926.

⁵ "Dari dairi maktab," *op. cit.*, h. 25.

⁶ *Principal's Diary 1922-1950, Sultan Idris Training College, Tanjong Malim*, 8.3.1924.

⁷ Buyong bin Adil, *op. cit.*, h. 12.

⁸ *Buku Daftar Penuntut Maktab Melaka 1901-1910*, [no. 19].

⁹ *Diary College Malacca 1900-22*, [31.8.1918].

¹⁰ *Majalah Guru*, Bil. 2, Feb. 1914.

¹¹ Abdullah Sanusi Ahmad, 1966. *Peranan Pejabat Karang Mengarang Dalam Bidang2 Pelajaran Sekolah2 Melayu & Kesusasteraan di Kalangan Orang Ramai*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 20.



6. Ibrahim bin Dato' Muda Linggi. Lulusan MTC tahun 1906. Beliau menuntut di MTC mulai 1.7.1903 hingga 15.10.1906.¹² Beliau pernah mendapat tempat kedua dalam peperiksaan akhir di MTC tahun 1906 dan memenangi Hadiah Mohamad Jaafar bernilai \$4.¹³ Beliau pernah menjadi Guru Besar di Rantau mulai 3.2.1913, sebelum menjadi Guru Besar di Linggi, Negeri Sembilan mulai 1.12.1914.¹⁴ Beliau bersama R.O. Winstedt menyusun *Kitab Loghat Melayu* (1921) dan pengarang *Neracha Sharifah* yang menjadi rujukan penting pada zaman itu. Beliau kemudian menjadi guru di MTC dan penterjemah di Education Department¹⁵ sebelum melapor diri di SITC pada tanggal 1.10.1922 dan ditugaskan mengajar Karangan Bahasa.¹⁶ Beliau kemudian mengajar Karangan dan Tawarikh sehingga tahun 1926.¹⁷ Beliau kemudian ditugaskan mengajar Ilmu Alam.¹⁸
7. Abdul Rahman bin Haji Muhyiddin. Lahir pada 10.10.1897, di Kampung Kelatang, Alor Gajah, Melaka. Beliau mendapat pendidikan di MTC dari 27.9.1913-1915, menjadi guru MTC (16.8.1915-1922), SITC (mulai 31.10.1922) mengajar Ilmu Alam dan Ilmu Bumi,¹⁹ dan menjadi Guru Besar Kedua SITC (1.8.1947 hingga bersara pada 8.8.1952).²⁰
8. Md. Hanafiah bin Haji Md. Saman. Berasal dari Telok Panglima Garang, Kuala Langat, Selangor. Beliau memasuki MTC pada 26.8.1916 dan bergraduasi tahun 1918 dengan mendapat Sijil Kelas Pertama.²¹ Beliau mengajar Tawarikh, Tulisan dan Lukisan di MTC mulai 31.8.1918 hingga 1922.²² Beliau kemudian berpindah ke SITC dan mengajar Ilmu Hisab dan Senaman²³ mulai tahun 1922-1926.
9. Abdul Hadi bin Haji Hasan, Melaka. Lulusan MTC tahun 1919.²⁴ Mulai mengajar di MTC pada 4.11.1921²⁵ hingga tahun 1922 apabila SITC dibuka, dan beliau berpindah ke sana. Beliau mengajar Tawarikh, Hikayat dan Bahasa Melayu.²⁶ Beliau merupakan pengarang buku Sejarah Alam Melayu, Jilid I-III dan dianggap sebagai penyemai benih nasionalisme Melayu.

¹² *Buku Daftar Penuntut Maktab Melaka 1901-1910*, [no. 11] dan *Dairy College Malacca 1900-22*, [Oct. 06].

¹³ *Dairy College Malacca 1900-22*, [Oct. 06].

¹⁴ *Buku Daftar Penuntut Maktab Melaka 1901-1910*, [no. 11].

¹⁵ *Indeks Buku Daftar Rekod Perkhidmatan Awam*. Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia, 2004, h. 80.

¹⁶ *Diary College Malacca 1900-22*, [1.10.1922].

¹⁷ Ramlah Adam (1991). *Maktab Melayu Melaka: 1900-1922*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 59.

¹⁸ Lihat Awang Had Salleh, 1993. *Warna-Warna Pengalaman Seorang Guru*. Kuala Lumpur: Utusan Publication, h. 87.

¹⁹ Buyong bin Adil, *op. cit.*, h. 12.

²⁰ *Records of Service and Leave Sultan Idris Training College*, Vol. II, No. 15. Lihat juga *Chendera Mata*, Bil. 47, 1954, h. 2 & 27.

²¹ *Buku Daftar Penuntut Maktab Melaka 1916-1921*, [no. 21].

²² *Diary College Malacca 1900-22*, [31.8.1918].

²³ Buyong bin Adil, *op. cit.*, h. 12.

²⁴ *Buku Daftar Penuntut Maktab Melaka 1916-1921*, [no. 33].

²⁵ *Diary College Malacca 1900-22*, [4.11.1921].

²⁶ Buyong bin Adil, *op. cit.*, h. 12.



10. Mr. W. Olaguera (Manila). Beliau mula mengajar Anyaman di MTC pada 8.1.1918²⁷ kemudian di SITC dari tahun 1922 hingga 1934.²⁸

Guru-guru SITC yang dipindahkan dari Maktab Perguruan Melayu Matang (MPMM):

11. Noordin bin Haji Harun, Selangor. Lepas MTC pada tahun 1912.²⁹ Beliau ditugaskan untuk mengajar dan melatih Ilmu Tanaman di SITC.³⁰ Beliau seterusnya dilantik sebagai Guru Besar SITC pada tahun 1940 hingga 18.12.1944.³¹ Selepas itu beliau telah bertukar menjadi guru besar di Maktab Perguruan Sarawak sehingga bersara.³²
12. Md. Said bin Haji Husain, Perak. Lepas MPMM pada tahun 1919. Ditugaskan untuk mengajar Lukisan dan Tulisan³³ di SITC dari tahun 1922-1939. Beliau kemudian menjadi Penolong Nazir Sekolah-Sekolah Melayu di Taiping.
13. Lebai Ja'afar bin Abdul Rashid, Perak. Mengajar al-Quran dan Agama Islam³⁴ di SITC dari tahun 1924-1935.



²⁷ *Diary College Malacca 1900-22*, [8.1.1918].

²⁸ *Chendera Mata*, Bil. 47, 1954, *op. cit.*, h. 9

²⁹ *Practising School Students Record 1910-1924. Malacca Training College.*

³⁰ Buyong bin Adil, *op. cit.*, h. 12.

³¹ *Indeks Buku Daftar Rekod Perkhidmatan Awam*, *op. cit.*, h. 173.

³² Shahrom Husain. (1989). *Memoir Shahrom Husain: Selingkar Kenangan Abadi*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, h. 80.

³³ Buyong bin Adil, *op. cit.*, h. 12.

³⁴ Buyong bin Adil, *op. cit.*, h. 12.





Lampiran B

Penuntut Pertama SITC Yang Berkhatam Pada 31 Mac 1924

Di dalam buku *Chendera Mata*³⁵ dicatatkan: “DAFTAR MURID-MURID YANG BERKHATAM PADA 31 MARCH 1924. Bersamaan Dengan Akhir Sha’aban 1312. Mengikut Susunan Alif-ba-ta nya.” Mereka ialah Anak Kandung (Graduan) SITC yang pertama iaitu:

A. Kelas Kedua

1. Abbas bin Haji Ali (N.S.)
2. Abdul Karim bin Haji Zainal Abidin (Selangor)
3. Abdul Karim bin Sahil (N.S.)
4. Abdul Manaf bin Md. Nur (Selangor)
5. Abdul Rahim bin Baba (Melaka)
6. Abdul Rahman bin Umar (Melaka)
7. Abdul Rahman bin Haji Md. Zain (Perak)
8. Abdul Rahman bin Yub Ahmad (Perak)
9. Abdul Rashid bin Idris (Perak)
10. Abdul Razak bin Rastam (Perak)
11. Abdullah bin Adam (Pahang)
12. Abdullah bin Haji Abd. Shukor (Singapura)
13. Ahmad bin Ashaari (P.P.)
14. Ahmad bin Md. Sum (Melaka)
15. Alias bin Md. Idrus (Melaka)
16. Bahauddin bin Hasan (P.P.)
17. Baharuddin bin Sulaiman (Perak)
18. Dahlan bin Haji Abd. Rahman (Selangor)
19. Husain bin Haji Md. Amin (Singapura)
20. Ibrahim bin Md. Bakir (Selangor)
21. Ismail bin Din (P.P.)
22. Md. Daud bin Abd. Manaf (Melaka)
23. Md. Hashim bin Muharram (Melaka)
24. Md. Jidin bin Akibun (Melaka)
25. Md. Rais bin Haji Hasan (N.S.)
26. Md. Taib bin Uda Kumpam (Perak)
27. Md. Yasin bin Mahat (Melaka)
28. Mir Hashim bin Mir Abdul Hamid (Perak)
29. Muhammad bin Jaafar (Perak)
30. Othman bin Hitam (Pahang)
31. Puteh bin Md. Hanid (Perak)
32. Ramli bin Haji Sutan (Perak)
33. Safar bin Taha (N.S.)
34. Shaikh Husain bin Sh. Kasim (Pahang)
35. Tambi bin Zainal (Perak)
36. Yahya bin Abd. Rahman (P.P.)
37. Md. Yusuf bin Haji Sahil (N.S.)

³⁵ *Chendera Mata. Majallah Sultan Idris Training College* [Edisi Jawi], Jilid I, Bil. 1, Nov. 1923, h. 99-100. Lihat juga *Record of Final Examinations and Prizes Sultan Idris Training College, 1910-1935*.



B. Kelas Ketiga

38. Abdul Hamid bin Haji Ahmad (Perak)
39. Abdul Rahman bin Ishak (Perak)
40. Abdul Wahid bin Md. Ali (Pahang)
41. Ahmad bin Haji Yaakub (P.P.)
42. Ahmadun bin Ishak (Perak)
43. Ainun Jabin bin Sulaiman (Perak)
44. Alang Ahmad bin Abu Bakar (Perak)
45. Alang Nasir bin Abd. Rahman (Perak)
46. Badu bin Haji Md. Aji (Perak)
47. Ehsan bin Sulaiman (P.P.)
48. Harun bin Ali (Perak)
49. Hashim bin Anjang (Perak)
50. Hashim bin Baharum (P.P.)
51. Md. Dali bin Tajid (Perak)
52. Md. Isa bin Abu Bakar (Kedah)
53. Md. Nuruddin bin Md. Yusuf (Selangor)
54. Md. Yunus bin Abd. Rahim (Perak)
55. Md. Zain bin Md. Ali (Perak)
56. Md. Nuruddin bin Md. Shahid (Kedah)
57. Saiyid Zainal bin Saiyid Ahmad (Pahang)
58. Wan Ishak bin Wan Abd. Kadir (Pahang)



Lampiran C

Jumlah Penuntut SITC Yang Berkhatam Dari Tahun 1922 Hingga 1957

Tahun	Jumlah (orang)	Sumber
1922	39	
1923	35	
1924	58	
1925	59	
1926	73	
1927	96	
1928	105	<i>Record of Final Examinations and Prizes 1910-1935 (Malacca Training College & Sultan Idris Training College)</i>
1929	128	
1930	117	
1931	121	
1931	128	
1932	131	
1933	128	
1934	118	
1935	118	
1936	118	<i>Chendera Mata SITC, Mac 1936</i>
1937	119	<i>Chendera Mata SITC, Feb. 1937</i>
1938	123	<i>Chendera Mata SITC, Mac 1938</i>
1939	119	<i>Chendera Mata SITC, Feb. 1940</i>
1940	141	<i>Chendera Mata SITC, Mei 1941</i>
1941	-	
1942	-	
1943	-	- PERANG DUNIA KEDUA -
1944	-	
1945	-	
1946	130	<i>Chendera Mata SITC, Okt. 1947</i>
1947	122	<i>Chendera Mata SITC, Jan. 1948</i>
1948	112	<i>Chendera Mata SITC, Jul. 1948</i>
1949	138	<i>Chendera Mata SITC, Okt. 1949</i>
1950	137	<i>Chendera Nata SITC, Dis. 1950</i>
1951	133	<i>Chendera Mata SITC, Jun 1951</i>
1952	141	<i>Chendera Mata SITC, Sep. 1953</i>
1953	146	<i>Chendera Mata SITC, Dis. 1954</i>
1954	139	<i>Chendera Mata SITC, Dis. 1954</i>
1955	134	<i>Chendera Mata SITC, Ogo. 1956</i>
1956	138	<i>Chendera Mata SITC, Dis. 1957</i>
1957	138	<i>Chendera Mata SITC, Dis. 1958</i>



Lampiran D

PUBLICATIONS OF THE MALAY TRANSLATION BUREAU


(A complete list of the books issued by the Education Department S.S. and F.M.S. through
the Malay Translation Bureau, Sultan Idris College, Tanjong Malim.)

(a) The Malay School Series.

Series No.	NAME OF BOOK	Jawi or Rumi.	NATURE.	Intended for	PUBLISHERS	Price to Govt.	Price to Public.
1	Chanai Bachaan	J.	School Reader	Std. IV.	Printers, Ltd.	.32 cts.	.40 cts.
2	Jolong Bachaan	J.	" "	Std. I.	" "	.30 "	.40 "
3	'Ilmu 'Alam Melayu	R.	Geography: Malay Peninsula and Archipelago	Teachers & Std. V.	" "	.32 "	.40 "
4	Tawarikh Melayu	R.	Malay History	Teachers & Std. V.	" "	.30 "	.40 "
5	Pelita Mengarang	R.	Composition and Grammar	Teachers & Std. V.	" "	.56 "	.75 "
6	Jaya Waras	J.	Hygiene Reader	Std. IV. & V.	M. P. H.	.35 "	.50 "
7	Sējarah 'Alam Melayu Part I.	R.	Malay History	Teachers	Printers, Ltd.	.39 "	.50 "
	" " " Part II.	R.	" "	" "	" "	.62 "	.80 "
	" " " Part III.	R.	" "	" "	" "	.68 "	.85 "
	" " " Part IV.	R.	" "	" "	In Preparation		
8	'Ilmu Tanam-tanaman	R.	School Gardening	Teachers & Std. V.	K. P. & Co.	.32 "	.40 "
9	'Ilmu Bahasa Melayu	J.	Malay Grammar and Com- position	Teachers	Printers, Ltd.	.56 "	.75 "
	Part I. (Grammar)	J.	" " "	" "	" "	.59 "	.75 "
	Part II. (Composition)	J.	" " "	" "	" "	\$1.10 "	\$1.35 "
10	Pēnimbau Akal	J.	School Reader	Std. II.	" "	.32 "	.40 "
11	Tangga Pēngētahuan	J.	" "	Std. III.	" "	.4038 "	.50 "
12	Kitab Hisab Part I.	R.	Arithmetic	Std. I & II.	" "	.23 "	.30 "
	" " Part II.	R.	" "	Std. III.	" "	.30 "	.40 "
	" " Part III.	R.	" "	Std. IV. & V.	" "	.45 "	.55 "
	" " Part IV.	R.	" "	Teachers	" "	.47 "	.60 "
13	Pētua Mēmasak	J.	Cookery Recipes	Girls' Schools	Out of print	—	—
14	Latehan Tuboh Part I.	R.	Physical Training	Teachers	Printers, Ltd.	.48 "	.60 "
	" " Part II.	R.	" "	Teachers	" "	.30 "	.40 "
15	Pēlbagai Chētēra Melayu	R.	School Reader	Std. IV. & V.	" "	.60 "	.70 "
16	Pēdoman Guru Part I.	J.	Pedagogy and School Management	Teachers	M. P. H.	.95 "	\$1.20 "
	" " Part II.	J.	" "	Teachers	" "	.80 "	\$1.00 "
17	Bēneh 'Akal	R.	School Reader	Std. I.	*M. & Co.	.30 "	.40 "
18	'Ilmu Geometry	R.	Elementary Geometry	Teachers & Std. V.	" "	.90 "	\$1.00 "
19	Ilmu 'Alam: Asia	R.	Geography: Asia	Teachers & Std. V.	" "	.62 "	.80 "
20	'Ilmu 'Alam: Jajahan British	R.	" British Dominions	Teachers & Std. V.	" "	.70 "	.90 "
21	'Ilmu 'Alam: Eropah	R.	" Europe	Teachers & Std. V.	" "	\$1.10 "	\$1.20 "
22	'Ilmu 'Alam: America	R.	" America	Teachers & Std. V.	" "	\$1.00 "	\$1.10 "
23	'Ilmu 'Alam: Africa	R.	" Africa	Teachers & Std. V.	" "	\$1.00 "	\$1.10 "
24	'Ilmu 'Alam: Pp. British	R.	" British Isles	Teachers & Std. V.	*In Preparation (M. & Co.)		
25	Rajah-Rajah Anyaman	R.	Basketry Diagrams	Teachers	Printers, Ltd.	\$1.93 "	\$2.50 "
26	Baja 'Akal	R.	School Reader	Std. II.	" "	.20 "	.25 "
27	Pēlampas 'Akal	R.	" "	Std. III.	" "	.32 "	.40 "
28	Latehan 'Ilmu 'Alam T. Melayu	R.	Exercises on Geography of Malaya	Std. IV. & V.	*M. & Co.	.30 "	.40 "
29	'Ilmu Kēsihatan Part I.	R.	Text-book on Hygiene	Teachers & Std. V.	" "	\$1.20 "	\$1.30 "
	" " Part II.	R.	" " "	Teachers & Std. V.	" "	\$1.00 "	\$1.10 "
30	Huruf Chap Rumi	R.	Text-book on Script-writing	Teachers & Std. V.	In Preparation		
31	'Ilmu Bumi	R.	Physical Geography	Teachers	" "		
32	'Ilmu Pēngakap	J.	A book on Scouting	Malay Vern. School.	M. P. H.	.65 "	
33	Latehan 'Ilmu Tanaman	R.	Exercises on School Gardening	Teachers & Std. V.	In Preparation		
34	Latehan 'Ilmu 'Alam Gugusan Pn. Melayu	R.	Exercises on Geography of the Malay Archipelago	Std. IV. & V.	" "		

Series No.	NAME OF BOOK.	Jawi or Rumi.	NATURE.	Intended for	PUBLISHERS	Price to Govt.	Price to Public.
36	So'al-So'al Pēpēreksaan College (1918—1924)	R.	Collection of College Examination Papers		K. P. & Co.	.25 cts.	.35 cts.
37	So'al-So'al Pēpēreksaan College (1925—1929)	R.	Collection of College Examination Papers		" "	.30 "	.35 "
38	Kitab Kumpulan Nama	J.R.	List of Malay Proper Names arranged Alphabetically		Printers, Ltd.	.65 "	.80 "
39	Exercises in Malay Manuscript Reading	J.R.			Printers, Ltd.	\$2.00 "	\$2.00 "
40	Imu Bērchuchok Tanam Part I.	R.	Gardening and Planting	Teachers	In Preparation		
	Imu Bērchuchok Tanam Part II.	R.	Gardening and Planting	"	"		
(b) The Malay Home Library Series.							
1	Sang Maharaja Siaga	J.	Translation of an Abridged Version of "Man-Eaters of Tsavo"		Printers, Ltd.	.40 cts.	.50 cts.
2	Hikayat Taman 'Ajaib	J.	Selection from European Fairy Tales†		" "	.40 "	.50 "
3	Chērita-Chērita Duka Shakespeare	J.	Four Tragedies translated from "Lamb's Tales"		" "	.50 "	.60 "
4	Pēlayaran Gulliver	J.	Translation of "Gulliver's Travels"		" "	.25 "	.35 "
5	Sang Lomēri	J.	Translation of "Reynard The Fox"		" "	.90 "	\$1.20 "
6	Chērita-Chērita Sherlock Holmes	J.	Translation of "Adventures of Sherlock Holmes"		" "	.60 "	.75 "
7	Pulau Ēmas	J.	Translation of "Treasure Island"		" "	.90 "	\$1.00 "
8	Chērita-Chērita Suka Shakespeare	J.	Four Comedies Translated from "Lamb's Tales"		" "	.50 "	.60 "
9	Pērmata Kali	J.	Translation of "Thief in the Night"		In Press		
10	Chēndēra Lela (Bērgambar)	R.	Cinderella (with illustrations) †		Printers, Ltd.	.24 "	.30 "
11	Chērita Aladdin (Bērgambar)	R.	"Aladdin and the Wonderful Lamp" (with illustrations) †		" "	.17 "	.20 "
12	Chērita Robin Hood	J.	Translation of "Robin Hood" (Abridged)		On Sale, Printers Ltd. In Press	.10 "	.10 "
13	Mēngēhilingi Dunia Dalam 80 Hari	J.	Translation of "Round the World in 80 Days" by Jules Verne		In Press		
14	Pulau Karang	J.	Translation of "Coral Island" (Abridged)		On Sale, Printers Ltd.	.10 "	.10 "
15	Anak Raja dēngan Anak Miskin	J.	Translation of "Prince and the Pauper"		In Preparation		
16	Pēnyamun Binatang	J.	Translation of "Robbery Under Arms"		"		
17	Chērita-Chērita Binatang	R.	Translation of "Animal Legends from Many Lands." †		"		
18	Chērita-Chērita dari Istana Alhambra	J.	Translation of "Tales from the Alhambra." †		"		
19	Chērita-Chērita Charles Dickens	J.	Translation of Children's Stories from Charles Dickens †		"		
20	Pēnglima Hercules	R.	Translation of "Labours of Hercules"		"		
21	'Ali Pēndita dan Lain-lain Chērita	J.	Translation of "Aly the Philosopher and other Stories"		"		
<p>NOTE:—R=Romanised; J=Jawi (Arabic character). *—Purchasable only through the Principal, Sultan Idris Training College, Tanjong Malim. †=For Children. Printers, Ltd.=Messrs. Printers, Limited, No. 10, Collyer Quay, Singapore. M. P. H. =Malaya Publishing House, Singapore. K. P. & Co. =Kyle Palmer & Co., Kuala Lumpur. K. & W. =Kelly & Walsh, 32, Raffles Place, Singapore.</p>							
1st January, 1932.							

E. GAMBAR-GAMBAR




Gambar 1: Bangunan utama SITC dibina pada tahun 1919, dirasmikan pada 29.11.1922 (Sumber: Arkib Negara Malaysia)



Gambar 2: Pemandangan dari atas, bangunan utama SITC pada tahun 1920-an (Sumber: Arkib Negara Malaysia)



Gambar 3: Kumpulan penuntut pertama SITC bersama guru terawal pada 1924.
Pengetua O.T. Dussek berkot hitam duduk di tengah-tengah
(Sumber: Arkib Negara Malaysia)



Gambar 4: Guru-guru SITC sebelum pertukaran Che' Jaafar ke Kuala Lumpur pada
1.11.1924. Dari kiri: Muhammad Dato' Muda Linggi (no. 1), Abdul Rahman Hj
Muhyiddin (no. 2), Che' Jaafar (no. 5), Md Hashim Hj Talib (no. 7)
(Sumber: Arkib Perpustakaan Tuanku Bainun, UPSI)




Gambar 5: Kakitangan SITC di hadapan pintu masuk Dewan Besar pada 1926. Duduk dari kiri: Md Yusuff Sharif (kerani besar), Md Noor Hj Ibrahim, Md Said Hj Hussein, Md Hashim Hj Talib (guru besar), Nordin Doraman, Za'ba (berkot hitam), ??, Abd Rahman Hj Muhyiddin, Abd Hadi Hj Hasan (kanan sekali). Berdiri no. 2 dari kanan: Yazid Ahmad (Sumber: Arkib Perpustakaan Tuanku Bainun, UPSI)




Gambar 6: Guru-guru SITC pada Mac 1926. Duduk dari kiri: Buyong Adil (no. 2), Md Hashim Hj Talib (no. 3), O.T. Dussek (no. 5), E.C. Hick (no. 6), Za'ba (no. 8), Muhammad Dato' Muda Linggi (no. 9). Berdiri: Abd Hadi Hj Hassan (no. 1), Yazid Ahmad (no. 2), Ahmad Bakhtiar (no. 11) (Sumber: Arkib Negara Malaysia)




Gambar 7: Anggota SITC-FMSVF pada tahun 1920-an. Duduk dari kiri: Yazid Ahmad (no. 1), W.B. Clarke (tengah), Md Hashim Hj Talib (bersongkok) (Sumber: Arkib Negara Malaysia)



Gambar 8: Pelajar SITC dari Singapura pada 1929. Duduk: Abd Hadi Hj Hassan (no. 4), Harun Aminurashid (no. 5) (Sumber: Arkib Perpustakaan Tuanku Bainun, UPSI)



Gambar 9: Translation Bureau, SITC pada 10.8.1929. Dari kiri, berdiri: Yazid Ahmad, Ahmad Murad Nasaruddin, Aziz Din (jurutaip). Duduk: Abd Kudus Muhammad, Za'ba, W.B.Clarke, Abd Hadi Hj Hasan, Md Yusoff Sharif (ketua kerani) (Sumber: Arkib Negara Malaysia)



Gambar 10: Di kebun teh SITC Tanjong Malim pada 28.10.1930. O.T. Dussek (bertopi) dan Md Hashim Hj Talib (bertanda x) bersama pelawat dari luar (Sumber: Arkib Negara Malaysia)



Gambar 11: Kakitangan SITC pada tahun 1939. Duduk di depan dari kiri: Buyong Adil (no. 3), Za'ba (no. 4) dan Abdul Rahman Hj Muhyiddin (no. 7). Barisan ke-2: Md Said Hj Hussein (no. 4), Md Hashim Hj Talib (guru besar - no. 5), E.C. Hick (pemangku pengetua - no 6), Harun Aminurrashid (hujung sekali). Barisan ke-3: Ahmad Bakhtiar (berbaju hitam di tengah). Berdiri di belakang sekali: Ahmad Murad Nasaruddin (kanan sekali) (Sumber: Arkib Perpustakaan Tuanku Bainun, UPSI)



Gambar 12: Abd Ghafar Baba berdiri no. 3 dari kiri, selaku Bendahari Persatuan Sahabat Pena (PASPAM) SITC, 31.12.1948 (Sumber: Arkib Perpustakaan Tuanku Bainun, UPSI)